

**CARA
PEMERINTAHAN
TANAH MELAYU
(1957-1963)**

00215 (23/81)

PERPUSTAKAAN

Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Kuantan.

4 NOV 1981

**CARA
PEMERINTAHAN
TANAH MELAYU
(1957-1963)**

oleh

TAN SRI DATO' ABDULLAH BIN AYUB
PSM., DPMT., DPSK., DPCM., PGDK., DPMJ

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1978

Siri Pengetahuan Umum DBP Bil. 2

Cetakan Pertama 1961

Edisi Kedua Cetakan Pertama (Ejaan Baru) 1978

© Hakcipta Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub (1961)

rencana kulit
Unit Rekabentuk DBP

Class No :	
Author :	017508
Date :	7.5.91.

M

320.45951

ABD

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
\$5.30

658031

Hadiah

- 3 JUN. 1999
Perpustakaan Negara
Malaysia

“Beta sangat-sangat berharap supaya bertambah ramai lagi rakyat Beta yang akan mengambil peluang dengan segera mengetahui dan memahamkan Perlembagaan kita dan mengetahui serta memahamkan kuasa dan peraturan Parlimen kita.”

(Titah D.Y.M.M. Seri Paduka Yang Dipertuan Agung membuka Parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada 12 September 1959)

KANDUNGAN

	muka
PENGANTAR	xi
PENDAHULUAN	xv
Fasal I – ASAS DAN ISTILAH PEMERINTAHAN	1
Perlembagaan – Negara – Perceraian Kuasa – Pemerintahan Mengikut Undang-undang – De- mokrasi Perwakilan – Parti Politik – Dewan Dua Tingkat	
Fasal II – PERUBAHAN PEMERINTAHAN	
TANAH MELAYU	19
Kedatangan Orang Inggeris – Negeri-negeri Melayu Bersekutu – Negeri-negeri Melayu Yang Tidak Bersekutu – Negeri-negeri Selat – TANAH MELAYU SELEPAS PERANG	
Malayan Union – Persekutuan Tanah Melayu – Perubahan-perubahan Perlembagaan – Pilihan- raya Tahun 1955 – Rundingan Perlembagaan Di London – Suruhanjaya Perlembagaan	
Fasal III – PARLIMEN PERSEKUTUAN	39
Persatuan dan Persekutuan – Bentuk Parlimen – Dewan Negara – Dewan Rakyat – Kerja-kerja Parlimen – Bagaimana Undang-undang Dibuat – Rang Undang-undang Bersendirian (Private Bill) – Peraturan Mengundi – Peraturan Undang-	

undang Kecil – Umur Parlimen – Penggal Parlimen – Jawatankuasa Dewan – Kelebihan Ahli-ahli Parlimen – Suruhanjaya Pilihanraya.

- Fasal IV – PEMERINTAHAN 60
 Ketua Negara – Peraturan Memilih – Majlis Raja-raja – PEMERINTAHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
 Jemaah Menteri (Kabinet) – Perdana Menteri – Kementerian – Perkhidmatan Awam – Pegawai Kerajaan
- Fasal V – KEADILAN 79
 Pecahan Undang-undang – Mahkamah – Mahkamah Ulang Bicara dan Jawatankuasa Undang-undang Privy Council – Mahkamah Rendah – Mahkamah Buruh – Kerja-kerja Mahkamah – Dakwaan – Peguam
- Fasal VI – KEWANGAN NEGARA 98
 Punca-punca Hasil Kerajaan Pusat – Hutang Negara – Kumpulan Wang Negara (Consolidated Fund) – Pejabat Perbendaharaan (The Treasury) – Peraturan Meluluskan Perbelanjaan dan Cukai – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (Supplementary Supply Bill) – Bagaimana Kewangan Negara Dikawal – Juru Odit Negara – Kewangan Negeri-negeri – Majlis Kewangan Kebangsaan – Wang Persekutuan Tanah Melayu
- Fasal VII – PEMERINTAHAN NEGERI-NEGERI DAN PEMERINTAHAN TEMPATAN 117
 Sebelum Merdeka – Lepas Merdeka – Pulau Pinang dan Melaka – Kuasa Pemerintahan Negeri-negeri – Bahagian-bahagian Negeri – Daerah – Penghulu dan Ketua – PEMERINTAHAN TEMPATAN
 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran (Municipal) – Majlis Bandaran (Town Council) dan Lembaga Bandar (Town Board) – Majlis

Mesyuarat Tempatan (Local Council) – PER-
BADANAN ATAU LEMBAGA BEBAS

Fasal VIII – KERAKYATAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 136
Penduduk – Bilangan Penduduk – Kerakyatan – Hak-hak Asasi Rakyat – Kewajipan Rakyat Terhadap Negara - RAKYAT PERSEKUTUAN Syarat menjadi Rakyat – Kerakyatan Komanwel – Kesan-kesan Perubahan Undang-undang Kerakyatan – Hak Istimewa Orang Melayu	
Fasal IX – HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL 158
Hal Ehwal Luar Negeri – Kerja-kerja Perwakilan – Kementerian Luar Negeri – Negara-negara Komanwel – Perhubungan Komanwel – Kerak- yatan – Kewangan dan Perniagaan	
Fasal X – PERLEMBAGAAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL 172
United Kingdom – Daftar Bentuk Parlimen Negeri-negeri Komanwel – Kanada – Australia – New Zealand – Persatuan Afrika Selatan – India – Pakistan – Ceylon – Chana – SINGA- PURA	
Tambahan	
(i) Tarikh-tarikh Yang Patut Diingati 195
(ii) Contoh Undang-undang Perbekalan 197
(iii) Buku-buku Yang Digunakan 201

PENGANTAR (UNTUK EDISI PERTAMA)

Buku ini ialah bilangan yang kedua di dalam Siri Buku-buku Pengetahuan Umum DBP; diterbitkan dalam siri ini kerana sesuai dengan tujuannya untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada orang ramai melalui bahasa Kebangsaan.

Tiap-tiap anggota masyarakat kita dari segala golongan dan lapisan hidup mestilah mengetahui benar-benar hak dan kewajiban masing-masing di dalam kehidupan bernegara sebagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat. Tidak cukup dengan mengetahui bahawa kita hidup dalam pemerintahan demokrasi sahaja kalau kita tidak benar-benar tahu bagaimana kita patut berbuat dan bertindak dalam lapangan masing-masing.

Encik Abdullah bin Ayub, di dalam buku ini, menyampaikan kepada kita pengetahuan yang amat berguna berkenaan dengan hal-hal yang tersebut di atas itu dengan cara yang teratur lagi mudah difaham.

Mudah-mudahan ramailah lagi hendaknya kaum terpelajar kita yang akan mengisi Siri Buku-Buku Pengetahuan Umum DBP ini dari berbagai jurusan.

**PENGARAH
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Kuala Lumpur
Oktober, 1960.

PENGANTAR (UNTUK EDISI KEDUA)

Dalam Edisi Kedua ini bahasa dan ejaannya telah dikemaskinikan. Walau bagaimanapun isi dan fakta-fakta yang terkandung di dalamnya masih dikekalkan seperti yang terdapat di dalam Edisi pertama.

**PENGARAH
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Kuala Lumpur
Mac, 1978.

PENDAHULUAN

Saya percaya ramai orang kita yang suka hendak tahu bagaimana negerinya diperintah dan kenapa ia diperintah begitu. Buku ini akan mencuba menerangkannya. Mengetahui bagaimana negeri kita sendiri diperintah adalah menjadi satu perkara yang amat penting terutama apabila negeri kita sudah merdeka dan diperintah pula mengikut aturan demokrasi. Demokrasi tidak akan dapat berjalan dengan sempurna sekiranya rakyat yang mempunyai kuasa untuk menentukan pemerintahan negeri mereka tidak tahu bagaimana kuasa mereka itu hendak digunakan.

Buku ini akan mencuba menerangkan bagaimana Persekutuan Tanah Melayu diperintah dan sekali sekala membandingkan pemerintahan ini dengan pemerintahan negeri-negeri lain. Di hujung buku ini ada juga diterangkan dengan ringkas bagaimana negara-negara Komanwel lain — termasuk Singapura — diperintah, dan ini ialah juga untuk menjadi perbandingan.

Saya terhutang budi kepada beberapa orang sahabat saya yang telah membaca kandungan buku ini sebelum dicetak, membetulkan mana yang salah dan mencadangkan perubahan untuk membaikinya. Kepada mereka ini saya ucapkan terimakasih terutama kepada Encik Abdul Aziz bin Zakaria, M.A., M.C.S., Tuan Syed Hashim bin Abdullah, M.C.S., Tuan Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar, L.L.B., M.C.S., Tuan Haji Megat Mahmud, M.C.S., dan Encik Ibrahim bin Ali, M.C.S. Saya jua mengucapkan terima kasih kepada anggota Pejabat Penterjemah, Jabatan Perdana Menteri yang telah menolong menaipkan kandungan buku ini dan peng-

habisan sekali kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah bersetuju menyelenggarakan dan menerbitkannya.

Buku ini bukanlah penerbitan rasmi Kerajaan Persekutuan melainkan ialah karangan saya sendiri sebagai seorang awam, dan segala fikiran, pandangan atau ulasan yang saya buat di dalam buku ini adalah fikiran, pandangan atau ulasan saya sendiri dan tidak samasekali kena mengena dengan Kerajaan ataupun orang-orang lain.

ABDULLAH BIN AYUB

Kuala Lumpur,
1 Oktober 1960.

FASALI

ASAS DAN ISTILAH PEMERINTAHAN

Pemerintahan Tanah Melayu pada masa ini berasas kepada kaedah pemerintahan yang ditiru daripada negeri-negeri Barat terutama pemerintahan United Kingdom. Untuk memahami selok-belok pemerintahan ini mustahaklah diketahui serba sedikit asas pemerintahan Barat itu, kerana dengan mengetahui asas-asas ini sahajalah baharu seseorang itu faham kenapa anekaragam pemerintahan Barat itu ditiru dan bagaimana pesawat pemerintahan itu bergerak.

Perlembagaan

Hampir semua negara moden di dunia ini mempunyai perlembagaan dan ini termasuklah juga Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Perlembagaan ialah suatu kumpulan undang-undang dasar yang menentukan bagaimana pemerintahan sebuah negara itu mesti dijalankan. Ia menerangkan kuasa-kuasa yang dipunyai oleh berbagai anggota negara itu, hak-hak yang dipunyai oleh orang-orang yang diperintah dan perhubungan di antara yang memerintah dengan yang kena perintah. Misalnya, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menetapkan bentuk Parlimennya, Jemaah Menterinya dan Mahkamahnya dan menerangkan kuasa mereka masing-masing. Ia juga menetapkan perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Negeri-negeri dan hak-hak dan kuasa masing-masing. Ia juga menerangkan hak-hak yang dipunyai oleh rakyat yang dijamin oleh negara; dan perlembagaan itu juga mengandungi peraturan bagaimana

perlembagaan itu sendiri boleh dipinda. Segala perbuatan yang dilakukan oleh pihak yang berkuasa yang berlawanan dengan apa yang termaktub di dalam perlembagaan itu adalah tidak sah, dan ada kalanya pihak yang berkuasa yang melakukan perkara yang tidak sah itu boleh didakwa di mahkamah. Tetapi hendaklah pula diingat ada kalanya perlembagaan itu boleh diketepikan oleh seorang atau sesuatu pihak yang merampas kuasa seperti yang berlaku di Pakistan pada hujung tahun 1958.

Perlembagaan di dunia ini ada bermacam-macam. Ada yang bertulis dan disusun di dalam suatu naskhah seperti perlembagaan Amerika Syarikat, India, Ceylon dan Persekutuan Tanah Melayu; dan ada pula yang tidak tersusun seperti perlembagaan United Kingdom yang berasas kepada piagam-piagam yang telah dibuat dari suatu masa ke suatu masa semenjak beberapa kurun, dan adat resam (*convention*) yang telah dianggap oleh orang ramai sebagai sudah menjadi undang-undang negeri. Perlembagaan negara-negara di dunia ini berasal atau diadakan dengan berbagai-bagai sebab dan tujuan. Di United Kingdom, segala piagam-piagam seperti *Magna Carta* tahun 1215, *Petition of Right* tahun 1689 berasas kepada pertelagahan di antara orang-orang bangsawan Inggeris dengan raja-raja mereka. Perlembagaan Amerika Syarikat yang dibuat pada tahun 1789 bertujuan supaya negara itu diperintah dengan secara demokrasi dan bebas, dan supaya negeri-negeri yang menjadi ahli Persekutuan Amerika itu mendapat layanan yang saksama. Perlembagaan Negeri Johor telah dibuat oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1895 dengan tujuan supaya keturunannya tetap menjadi raja negeri itu dan supaya pemerintahan negeri itu tersusun. Jadi secara umumnya, perlembagaan tiap-tiap negara itu adalah dibuat dengan tujuan memelihara kepentingan yang tertentu seperti kebebasan, keturunan raja, agama, kaum dan sebagainya, supaya ia tidak tertindas atau teraniaya kemudian hari dan juga supaya pihak yang memerintah tidak berbuat sesuka hatinya.

Negara

Perkataan Negara itu baharu sahaja digunakan oleh orang Melayu semenjak lepas Perang Dunia Kedua sungguh-

pun perkataan itu telah ada di dalam bahasa Melayu semenjak beberapa lama. Di sini perkataan Negara itu adalah dipadankan dengan perkataan Inggeris "the State", dan berlainan sedikit istilahnya dengan perkataan "Negeri" yang biasanya membawa kepada makna "kawasan".

Di dalam istilah ilmu politik sesebuah negara itu haruslah mempunyai unsur-unsur yang tersebut di bawah ini, kalau tidak ia tidaklah boleh dianggap sebagai sebuah negara:-

Yang pertama: Ia mesti mempunyai kawasan yang tertentu. Kawasan ini boleh jadi kecil seperti San Marino di negeri Itali yang luasnya 38 batu persegi, atau besar seperti Rusia yang mempunyai 8,708,000 batu persegi. Besar dan kecil itu tidaklah menjadi hal, apa yang mustahak ialah kawasan itu mestilah ada.

Yang kedua: Negara mesti mempunyai penduduk yang tertentu sama ada ia 20,000 orang sahaja seperti di Monaco atau 600 juta orang seperti di negeri China. Penduduk itu pula terbahagi kepada rakyat atau warganegara dan orang-orang dagang.

Yang ketiga: Negara mesti mempunyai kerajaan atau pemerintah yang tertentu. Secara umumnya kerajaan ialah pesawat yang menjalankan pemerintahan negara dan bolehlah dibahagi kepada tiga bahagian. Yang pertama, bahagian membuat undang-undang (parlimen), yang kedua, bahagian menjalankan undang-undang seperti menteri-menteri dan kakitangan kerajaan (the executive), dan ketiga bahagian kehakiman (the judiciary), iaitu badan yang mentafsirkan undang-undang yang dibuat oleh bahagian yang pertama dan mengadili dan menghukum orang-orang yang melanggar undang-undang itu. Di sini eloklah diperhatikan beza di antara "kerajaan" dengan "negara". Daripada huraian di atas nyatalah keduanya itu tidak serupa kerana kerajaan hanya menjadi sebahagian sahaja daripada negara. Kerajaan boleh ditubuhkan di luar negeri seperti kerajaan pelarian, tetapi negara tidak boleh ditubuhkan demikian.

Yang keempat: Negara mesti mempunyai kedaulatan atau *sovereignty* di dalam bahasa Inggerisnya. Kedaulatan, dalam istilah politik, bererti kuasa tertinggi, iaitu kuasa negara

membuat undang-undang dan menjalankannya dengan apa cara sekalipun. Kedaulatan ini terbahagi kepada dua, iaitu kedaulatan dalam negeri dan kedaulatan ke luar negeri. Kedaulatan di dalam negeri bermakna kuasa membuat undang-undang dan menjalankannya meliputi seluruh negeri dengan tidak ada siapa pun yang boleh mengatasinya. Kedaulatan ke luar negeri pula bermakna negara itu bebas daripada kuasa negara-negara lain. Daripada sini bermaknalah negeri-negeri yang tidak merdeka tidak boleh dianggap sebagai sebuah negara. Kedaulatan ini tidak tentu tempat duduknya, iaitu terpujanglah kepada cara atau bentuk pemerintah negeri itu. Di dalam negara yang diperintah secara diktator, kedaulatan ini nyatalah terletak di dalam tangan diktator itu kerana ia mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa undang-undang yang disukainya. Di dalam negara yang diperintah secara demokrasi berparlimen kedaulatan ini selalunya ada pada parlimen, dan oleh sebab ahli-ahli parlimen itu biasanya dipilih oleh rakyat maka bermaknalah juga kedaulatan itu ada pada rakyat; tetapi hendaklah pula diingati bahawa sungguhpun rakyat itu menjadi pemilih wakil-wakil mereka untuk menjadi ahli parlimen, kuasa mereka itu adalah terhad kepada memilih wakil-wakil mereka itu sahaja. Jikalau ahli-ahli parlimen meluluskan undang-undang yang tidak disetujui oleh rakyat, maka tidaklah ada kuasa rakyat membatalkannya atau memberhentikan wakil-wakil mereka kecuali di dalam pilihanraya. Oleh yang demikian di dalam negara yang diperintah secara demokrasi berparlimen kedaulatan itu adalah terletak pada parlimen lebih daripada rakyat.

Perceraian Kuasa

Di atas telah diterangkan bahawa tiap-tiap kerajaan itu mempunyai tiga bahagian dan tiap-tiap bahagian ini ada mempunyai kuasa yang tertentu, iaitu:-

- (1) Kuasa membuat undang-undang (legislative power).
- (2) Kuasa menjalankan undang-undang (executive power).
- (3) Kuasa mentafsirkan undang-undang, mengadili dan menghukum orang-orang yang melanggar undang-undang (judiciary power).

(1) Kuasa membuat undang-undang ialah kuasa yang besar sekali yang ada di tangan kerajaan. Dengan adanya kuasa itu kerajaan boleh membuat undang-undang yang disukainya seperti undang-undang cukai-mencukai, undang-undang membelanjakan wang negara, undang-undang tanah, buruh dan sebagainya. Begitu juga kerajaan boleh memansuhkan undang-undang yang tidak disukainya. Lazimnya undang-undang adalah dibuat oleh parlimen yang mengandungi ahli-ahli sama ada dipilih oleh orang ramai atau dilantik ataupun campuran kedua-dua itu. Di negeri yang diperintah oleh seorang manusia sahaja (dictator) undang-undang adalah dibuat oleh orang itu sendiri.

(2) Setelah undang-undang itu dibuat maka wajiblah pula ada badan yang menjalankannya. Jikalau undang-undang itu undang-undang cukai maka pejabat cukailah yang menjalankan kemahuan undang-undang itu. Jikalau ia undang-undang buruh maka pejabat buruhlah yang menjalankan kemahuan undang-undang buruh itu. Jikalau undang-undang itu bersangkutan dengan perkara keamanan maka pejabat polislah menjalankannya. Oleh yang demikian badan ini bolehlah digelar badan yang melaksanakan perintah undang-undang yang dibuat oleh kerajaan atau "the executive" dalam bahasa Ingerisnya. Menteri-menteri, pegawai-pegawai kerajaan, polis, askar dan sebagainya adalah termasuk di dalam golongan ini.

(3) Sekiranya ada orang yang engkar atau melanggar undang-undang yang telah dibuat dan dijalankan itu, ia haruslah dihukum. Kewajipan ini dilakukan oleh suatu badan yang digelar badan kehakiman. Badan ini bertanggungjawab menimbang sama ada orang itu betul telah engkar atau melanggar undang-undang seperti yang telah dikanunkan oleh parlimen dan kalau sabit salahnya ia bolehlah dihukum.

Baron de Montesquieu, seorang ahli falsafah politik Perancis pada kurun yang kelapan belas, hairan kenapa negeri Perancis yang di bawah pemerintahan Louis XIV tidak ada mempunyai kebebasan tetapi England mempunyai kebebasan sungguhpun ia diperintah oleh seorang raja juga. Montesquieu telah membandingkan kaedah pemerintahan kedua-dua negeri itu dan berpendapat bahawa sebabnya England mempunyai

kebebasan ialah kerana anggota negara yang memegang kuasa untuk membuat undang-undang di negeri itu berlainan daripada anggota yang melaksanakan undang-undang itu dan berlainan juga daripada anggota yang menghakimkan orang-orang yang melanggar undang-undang itu. Pendeknya pada pendapat Montesquieu, kuasa-kuasa ini bercerai dan dipegang oleh anggota-anggota yang berlainan; dan sebabnya negeri Perancis tidak ada kebebasan pada masa itu ialah kerana kuasa-kuasa yang tiga ini dipegang oleh anggota yang satu sahaja iaitu raja dan tidak bercerai (Louis XIV berkata "Sayalah Negara"). Kesimpulan pendapat Montesquieu itu ialah: jikalau orang-orang yang membuat undang-undang negeri itu juga orang-orangnya yang menjalankan undang-undang itu dan mereka juga menjadi pengadil undang-undang itu nescaya negeri itu tidak ada kebebasan.

Sungguhpun kajian Baron de Montesquieu berkenaan perlembagaan England itu tidak berapa betul (kerana di England kuasa-kuasa ini sebenarnya tidak berapa bercerai*) namun pendapatnya berkenaan perceraian kuasa-kuasa pemerintahan itu mempunyai mestika yang bernilai di dalam ilmu pemerintahan. Pendapat Montesquieu ini telah diamalkan oleh orang Amerika apabila mereka merangka perlembagaan negeri mereka dan dengan hal yang demikian sehingga hari ini Kerajaan negeri Amerika mempunyai kuasa-kuasa yang bercerai, iaitu Kongres sebagai anggota pembuat undang-undang, Presiden dan Setiausaha-setiausaha Negaranya sebagai penjalan undang-undang, dan Mahkamah Tertinggi sebagai penafsir dan pengadil undang-undang, masing-masing dengan kuasanya. Dengan hal yang demikian siapa pun tidak dapat bertindak sesuka hatinya. Kaedah perceraian kuasa ini diikuti juga oleh negara-negara lain tetapi kebanyakannya terhad kerana perceraian kuasa ini membawa kepada kesukaran memerintah. Di negara-negara Komanwel, ahli-ahli pemerintah (menteri-menteri) adalah juga menjadi anggota pembuat undang-undang (parlimen) tetapi ahli-ahli Mahkamah Tertingginya bebas dan bercerai daripada kedua-dua itu.

*Di United Kingdom Menteri-menteri (pemerintah) menjadi ahli-ahli Parlimen dan *House of Lords* menjadi mahkamah rayuan tertinggi sekali.

Keadaan perceraian kuasa-kuasa ini adalah juga terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu lebih tegas daripada apa yang terkandung dalam perlembagaan negara-negara Komanwel yang lain, termasuk India. Fasal 39 daripada Perlembagaan Persekutuan menyebutkan iaitu kuasa memerintah Persekutuan terserah kepada Yang Dipertuan Agung yang bermakna Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan. Fasal 44 menyatakan iaitu kuasa membuat undang-undang Persekutuan terserah kepada Parlimen, dan Fasal 121 menyebutkan iaitu kuasa kehakiman terpulang kepada Mahkamah Tertinggi. Fasal-fasal yang tersebut ini bolehlah dikatakan hampir menyerupai Fasal 1, 2, 3 Perlembagaan Amerika Syarikat. Jadi perceraian kuasa-kuasa ini adalah menjadi batu ujian sama ada sesebuah negara itu diperintah secara bebas atau secara kuku besi. Di dalam negara yang diperintah secara kuku besi atau diktator semua perkara boleh dilakukan oleh diktator itu kerana pada hakikatnya dialah yang membuat undang-undang, dialah juga menjalankannya dan dia jugalah yang mengadili dan menghukum orang-orang yang tidak mematuhi undang-undang yang dibuatnya itu.

Pemerintahan Mengikut Undang-undang (the rule of law)

Tadi telah disebutkan bahawa undang-undang itu dibuat oleh anggota pembuat undang-undang, dan dalam negara yang demokrasi anggota ini ialah parlimen atau orang-orang yang diberi kuasa oleh parlimen untuk membuat undang-undang yang tertentu, seperti menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan (delegated legislation). Oleh itu tiap-tiap tindakan kerajaan itu mestilah mengikut atau tidak berlawanan dengan undang-undang yang telah dibuat oleh parlimen atau orang yang diwakilkannya. Kalau pegawai kastam menahan orang membawa candu masuk ke dalam negeri, undang-undangnya mestilah ada mengatakan perbuatan membawa candu itu salah. Jikalau polis menahan orang yang membawa motokar lebih daripada tiga puluh batu sejam, undang-undangnya mestilah ada mengatakan membawa motokar selaju itu salah; dan sekiranya pejabat radio mengenakan lesen 12 ringgit setahun ke atas tuan punya radio, undang-undangnya mestilah ada menyatakan bahawa

pejabat itu boleh mengenakan lesen sebanyak itu. Pendeknya semua perbuatan atau tindakan kerajaan itu mestilah dengan kebenaran dan mengikut undang-undang.

Negeri-negeri yang diperintah mengikut kaedah ini adalah diperintah mengikut undang-undang, dan negara-negara demokrasi biasanya adalah diperintah mengikut kaedah ini. Ini bererti pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan perintah yang tidak disokong oleh undang-undang boleh didakwa di mahkamah oleh pihak yang teraniaya. Tetapi bukanlah semua negara di dalam dunia ini diperintah mengikut kaedah ini. Di setengah-setengah negeri pihak yang berkuasa kadang-kadang bertindak sesuka hati mereka. Inilah bezanya di antara negeri yang diperintah mengikut undang-undang dan yang diperintah hawa nafsu. Kebebasan hanya akan dapat terjamin jikalau sesebuah negara itu diperintah mengikut undang-undang kerana dengan ada undang-undang itu sahajalah baharu rakyat mengetahui apa yang salah dan apa yang tidak salah.

Demokrasi

Demokrasi ialah suatu corak pemerintahan di mana rakyat mempunyai kuasa menentukan bagaimana pemerintahan negeri itu patut dijalankan. Kuasa ini digunakan mereka sama ada secara terus (referendum) atau menerusi wakil-wakil yang dipilih oleh mereka daripada satu masa ke satu masa. Untuk menjayakan pemerintahan secara demokrasi dua perkara mestilah ada. Pertama kebebasan (liberty), kedua persamaan (equality).

Kebebasan mestilah ada terutama kebebasan bertutur, berfikir, menulis dan berkumpul, kerana dengan adanya kebebasan ini sahajalah baharu rakyat itu dapat mengambil bahagian yang penuh di dalam pemerintahan dan hal ehwal yang bersangkutan paut dengan negerinya, dan dapat memikirkan mana yang baik dan mana yang buruk. Kebebasan juga bermakna rakyat itu boleh hidup atau berbuat apa yang disukainya dengan tidak diganggu oleh negara kecuali jika ia telah melanggar undang-undang.

Persamaan pula bermakna tiap-tiap rakyat itu mempunyai hak-hak yang sama di antara satu dengan lain di sisi undang-undang. Tiap-tiap rakyat mempunyai satu undi sama

ada ia hartawan ataupun pekerja; tiap-tiap rakyat boleh menjadi calon pilihanraya; tiap-tiap rakyat mempunyai peluang yang sama untuk memegang jawatan kerajaan dan sebagainya. Akan tetapi dalam dunia ini persamaan di dalam semua perkara tentu tidak akan tercapai kerana makhluk dijadikan Tuhan tidak sama. Ada yang laki-laki ada yang perempuan, ada yang hitam ada yang putih, ada yang pandai ada yang bodoh, ada yang cantik ada yang hodoh. Jadi persamaan dalam semua perkara tentu tidak tercapai, tetapi perbezaan-perbezaan ini akan dapat dikurangkan jikalau semua rakyat itu diberi peluang dan layanan yang sama. Dari segi iktisad ini bermakna pembahagian kekayaan negeri dengan lebih adil. Ini boleh jadi orang yang kaya akan dicukai berlipat ganda daripada orang yang miskin, ataupun untuk menjamin supaya kekayaan negeri itu dinikmati oleh sekalian rakyat umumnya dan tidak dibolot oleh segolongan rakyat sahaja, negara akan mentadbirkan perusahaan-perusahaan yang besar dalam negeri itu.

Kebebasan dan persamaan ini mustahak ada bersama di dalam demokrasi yang tulen, kerana jikalau salah satu daripada yang dua itu tidak ada, demokrasi akan menjadi tempang. Jikalau kebebasan sahaja yang ada bermaknalah sesuatu kumpulan di dalam negara itu bebas berbuat sesuka hatinya asalkan ia tidak melanggar undang-undang negara. Ini akan menimbulkan suatu masyarakat di mana rakyat boleh berleluasa terutama di dalam lapangan iktisad negeri dan ini boleh menyebabkan timbulnya segolongan rakyat yang terlampau kaya (dan oleh kerana itu mereka lebih berpengaruh) dan rakyat yang terlampau miskin (dan dengan kerana itu mereka menjadi lemah). Kesudahannya keadaan yang demikian akan membawa keuntungan kepada segolongan rakyat semata-mata kerana golongan yang kaya itu boleh menggunakan kekayaan mereka untuk mempengaruhi politik di dalam negeri itu. Akan tetapi jikalau persamaan sahaja yang ada tetapi kebebasan tidak ada ia akan menimbulkan suatu masyarakat seperti yang ada di negara komunis pada masa ini, di mana rakyat semuanya mendapat layanan negara yang sama tetapi mereka tidak bebas berbuat apa yang disukai oleh mereka.

Jikalau dikaji dengan halus apa yang dihuraikan di atas

nyatalah pula kebebasan dan persamaan itu berlawanan di antara satu dengan lain. Jikalau negara mengawas semua perusahaan-perusahaan atau menghadkan usaha atau tenaga rakyat bermaknalah kebebasan rakyat sudah terhad. Sebaliknya pula sekiranya rakyat dibenar berbuat sesuka hatinya dengan bebas bermaknalah persamaan di antara rakyat tidak akan tercapai. Jadi untuk mencapai demokrasi yang tulin kedua-dua ini, iaitu kebebasan dan persamaan mestilah ada bersama mengikut kadarnya.

Pada masa sekarang pemerintahan cara demokrasi bolehlah dibahagi kepada dua jenis. Satu digelar demokrasi berparlimen (*parliamentary democracy*) dan satu lagi demokrasi perwakilan (*representative democracy*).

Demokrasi jenis yang pertama bermakna parlimen negara itu mempunyai kuasa yang tertinggi sekali di dalam negara dan siapa pun tidak dapat mengatasinya. Semua kaki-tangan pemerintah daripada menteri ke bawah adalah bertanggungjawab kepada parlimen atas semua perkara yang dilakukan oleh mereka. Pendeknya semua tindakan pemerintah itu dikawal oleh parlimen. Pemerintahan cara ini juga bermakna menteri-menteri menjadi ahli parlimen. United Kingdom dan negara-negara Komanwel yang lain termasuk Persekutuan Tanah Melayu adalah diperintah mengikut kaedah demokrasi berparlimen ini.

Demokrasi jenis kedua boleh didapati di Amerika Syarikat dan di Filipina dan negara-negara lain di Amerika Selatan. Dengan pemerintahan cara ini, parlimen atau Kongres tidak mempunyai kuasa yang tertinggi sungguhpun ia boleh mengawal pemerintah. Dan lagi pemerintah yang diketuai oleh presiden kadang-kadang boleh bertindak dengan sendirinya kerana ia tidak bertanggungjawab kepada kongres dan ia sendiri pun bukan ahli kongres. Kekalahan partinya di dalam kongres tidak menjatuhkan presiden dari teraju pemerintahan seperti yang akan berlaku kepada perdana menteri di negara demokrasi berparlimen. Presiden terus memerintah sehingga habis tempohnya (4 tahun). Pemerintahan cara ini bermakna ketua pemerintah (Presiden) dan ahli-ahli kongres dipilih oleh rakyat secara berasingan.

Demokrasi juga bermakna pemerintahan mengikut suara yang terbanyak (*majority*) dengan tidak mengira mutu suara

itu. Ini bermakna pihak suara yang terbanyaklah yang berkuasa. Keadaan ini kadang-kadang menyebabkan puak yang terkurang suara menjadi tertindas dan oleh kerana itu kerajaan yang memerintah tidaklah boleh dianggap sebagai mewakili kemahuan rakyat umumnya. Di tempat lain ada diterangkan kelemahan pemerintahan cara demokrasi ini, tetapi biarpun begitu pemerintahan cara demokrasi itu ialah satu kaedah pemerintahan yang saksama yang pernah direka oleh manusia di dunia ini sungguhpun tersangat sukar menjalankannya.

Perwakilan

Jikalau sesebuah negara itu diperintah mengikut kaedah demokrasi bermaknalah kesemua rakyatnya berhak campur dalam hal ehwal pemerintahan negeri itu terutama berkenaan membuat undang-undang negeri. Tetapi mustahillah semua rakyat itu dapat berkumpul beramai-ramai di suatu tempat untuk membincangkan undang-undang yang hendak dibuat seperti yang dilakukan oleh orang Greek di dalam "city-state" mereka pada zaman purbakala. Oleh yang demikian terpaksa dilantik atau dipilih beberapa orang daripada rakyat itu untuk menjadi wakil-wakil rakyat yang ramai tadi, dan mereka ini berkumpul di suatu tempat mesyuarat yang digelar parlimen, kongres atau sebagainya. Wakil-wakil ini biasanya dipilih dengan undi yang rahsia dan peraturan mereka dipilih ada bermacam-macam. Setengah negeri menggunakan kaedah perwakilan yang digelar "satu kawasan seorang wakil" (one-member constituency). Setengah negeri pula menggunakan kaedah "perwakilan mengikut kadar banyak undi yang didapati" (proportional representation). Peraturan yang pertama itu adalah seperti yang digunakan untuk memilih wakil-wakil Parlimen di Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini dan juga digunakan di United Kingdom, di negara-negara Komanwel yang lain dan di Amerika Syarikat pada masa memilih wakil-wakil ke majlis undangan mereka.

Peraturan pilihanraya cara yang kedua ada berbagai-bagai pecahannya, tetapi dasarnya serupa iaitu perwakilan mengikut kadar banyak undi yang diberi kepada parti-parti yang bertanding. Misalnya jika ada 1,000,000 pengundi yang

telah memilih beberapa orang calon untuk mengisi 100 buah kerusi, maka calon yang dapat lebih kurang $\frac{1,000,000}{100} = 10,000$ undi akan dapat satu kerusi. Jadi jikalau Parti A dapat lebih kurang 500,000 undi, Parti B 300,000 undi, Parti C 150,000 dan Parti D 50,000 undi, maka Parti A akan mendapat 50 kerusi, Parti B 30 kerusi, Parti C 15 kerusi dan Parti D 5 kerusi. Ini tentulah berbeza dengan peraturan pilihanraya yang mengikut kaedah "satu kawasan seorang wakil" kerana mengikut peraturan ini hanya calon yang mendapat undi yang tertinggi di dalam kawasan itu sahaja yang akan terpilih. Misalnya, ada tiga calon X, Y dan Z, dan daripada semua undi yang 15,000, X dapat 5,200, Y dapat 5,100 dan Z dapat 4,700, maka X sahajalah yang terpilih kerana ia mempunyai undi yang terbanyak, tetapi Y dan Z tidak terpilih dan undi-undi yang didapati mereka tidak langsung dapat membantu sahabat-sahabat mereka di kawasan lain.

Jikalau mengikut demokrasi yang tulen pilihan cara "perwakilan mengikut kadar banyak undi yang didapati" itulah yang lebih adil kerana ahli-ahli yang terpilih mengikut cara ini boleh dikatakan lebih mewakili rakyat daripada ahli-ahli yang dipilih mengikut kaedah "satu kawasan seorang wakil". Daripada contoh di atas, X terpilih menjadi wakil walhal hampir $\frac{2}{3}$ daripada semua pengundi tidak mengundi akan dia. Oleh sebab itu X tidaklah boleh dianggap sebagai wakil yang dipilih oleh rakyat yang ramai. Dengan hal yang demikian ada kalanya sesuatu parti boleh menjadi parti yang memerintah walaupun ia tidak mendapat sokongan pengundi-pengundi yang terbanyak di seluruh negeri. Di dalam pilihanraya di United Kingdom pada tahun 1924, misalnya, Parti Conservative telah mendapat 412 kerusi (67 peratus) daripada 615 semua kerusi sungguhpun pengundi-pengundi yang menyokong mereka hanya berjumlah 48 peratus daripada semua pengundi. Di dalam pilihanraya India yang menggunakan kaedah "satu kawasan seorang wakil" juga, pada tahun 1951/52 Parti Kongres telah mendapat 362 (75 peratus) kerusi daripada 485 semua kerusi di dalam Dewan Orang Ramai India sungguhpun ia mendapat cuma 44.9 peratus daripada semua undi. Jadi dengan pilihan mengikut kaedah "satu

kawasan seorang wakil” bermaknalah kadang-kadang puak-puak yang kecil tidak cukup diwakili di dalam parlimen seperti yang berlaku kepada Socialist Parti India pada masa pilihanraya yang tersebut di atas.* Di dalam pilihanraya Parlimen Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Ogos, 1959 tiga parti yang besar telah dapat undi dan kerusi seperti berikut:

Parti Perikatan	=	789,730 undi dapat 70 kerusi.
Persatuan Islam Setanah Melayu	=	325,635 undi dapat 13 kerusi.
Barisan Sosialis	=	198,454 undi dapat 8 kerusi.
Lain-lain	=	234,650 undi dapat 9 kerusi.
JUMLAH	=	<u>1,547,469</u> <u>100+</u>

Undian ini adalah mengikut kaedah “satu kawasan seorang wakil”. Jikalau undian ini diadakan mengikut kaedah “perwakilan mengikut kadar undi yang didapati”, Perikatan hanya akan dapat 52 kerusi, Persatuan Islam 21 kerusi, Barisan Sosialis 13 dan lain-lain parti 14.

Sungguhpun begitu ‘perwakilan mengikut kadar banyak undi yang didapati’ itu ada juga kelemahannya yang menyebabkan kaedah itu jarang-jarang dipakai. Cara itu menggalakan parti-parti tumbuh dengan banyaknya kerana tiap-tiap parti ada harapan mendapat kerusi sekiranya ia dapat sokongan yang sederhana, dan dengan kerana itu parlimen akan dipenuhi oleh ahli-ahli yang mewakili berbagai-bagai parti dan kesudahannya parti mana pun tidak mempunyai suara yang terbanyak. Ini adalah sukar hendak menubuhkan sesuatu kerajaan yang stabil dan tidak jatuh daripada suatu masa ke suatu masa dan ini boleh membawa kepada keadaan yang kelam-kabut seperti yang terjadi di negeri Perancis dan Indonesia yang menggunakan cara itu. Dan itulah satu daripada sebab mengapa General De Gaulle telah mengubah peraturan pilihanraya negeri Perancis itu kepada cara ‘satu kawasan seorang wakil’ pada bulan Oktober, 1958.

Selain daripada cara yang tersebut di atas ada juga cara-cara yang lain seperti undian mengikut bangsa atau keturunan

*Political Quarterly, Vol. XXXIII, muka 245.

seperti yang diamalkan di Afrika Selatan dan di negeri-negeri Afrika Timur.

Setelah wakil-wakil itu dipilih bagaimanakah pula kedudukan mereka itu di parlimen? Adakah mereka menjadi alat untuk menyuarakan kemahuan orang-orang yang mereka wakili semata-mata atau adakah mereka itu patut berbuat apa yang difikirkan oleh mereka menasabah untuk kepentingan negara seumumnya? Kedudukan yang pertama itu bermaknalah wakil-wakil itu menitikberatkan kepentingan kawasannya daripada kepentingan negeri umumnya, dan sekiranya ia hanya boleh bertindak menurut apa yang diperintah oleh orang yang mengundi mereka semata-mata, maka mereka tentulah pula tidak bebas bertindak dalam parlimen. Sebaliknya pula jikalau mereka boleh bertindak sesuka hati mereka bermaknalah rakyat yang mengundi mereka tidak dapat mengawal mereka apabila mereka telah dipilih. Pada masa ini di negara-negara Komanwel kebanyakan wakil yang dipilih untuk menjadi ahli-ahli parlimen adalah bebas berbuat apa yang difikirkan oleh mereka menasabah untuk kepentingan seluruh negeri umumnya, dan mereka adalah mengikut apa yang diarah oleh parti mereka daripada mendengar apa yang diarah oleh pengundi-pengundi yang memilih mereka ke parlimen. Keadaan ini bertambah kuat kerana pengundi-pengundi tidak dapat memberhentikan atau menarik balik wakil-wakil yang telah dipilih mereka kecuali melalui pilihanraya. Untuk mengatasi kelemahan kuasa rakyat ini, setengah negeri, Switzerland misalnya, mengadakan suatu aturan yang digelar *referendum*. Dengan *referendum* ini semua rakyat ditanya buah fikirannya berkenaan sesuatu masalah yang besar yang dihadapi oleh negeri itu daripada satu masa ke satu masa, dan tidaklah dipulangkan kepada wakil-wakil parlimen semata-mata untuk memikirkannya.

Parti Politik

Pada zaman dahulu kebanyakan negeri diperintah oleh raja seorang diri atau dibantu oleh penasihat-penasihat yang dilantik oleh raja itu sendiri. Pada zaman sekarang raja-raja ini sudah tidak ada, dan walaupun ada, kuasa mereka sudahlah tidak ada atau terhad. Jadi kedaulatan raja pada zaman

dahulu mestilah pula dipangku oleh satu badan yang lain dan ini di negara demokrasi, bermaknalah rakyat umumnya. Tetapi rakyat itu terlampau ramai dan oleh kerana itu kemahuan, keinginan dan tujuan hidup mereka masing-masing tentulah berlain dan oleh sebab itu tentulah tidak dapat disesuaikan untuk dijadikan suatu pedoman memerintah. Oleh yang demikian haruslah ada suatu badan yang dapat mengumpulkan keinginan, kemahuan dan tujuan rakyat yang serupa untuk dijadikan sebagai panduan memerintah. Daripada sini timbullah parti-parti politik. Jadi parti politik secara kasarnya ialah suatu kumpulan rakyat yang mempunyai hasrat, kemahuan dan tujuan yang sama dan bercadang menggunakannya sebagai dasar memerintah.

Pada zaman sekarang pemerintahan secara berparti sudah tidak dapat dielakkan terutama di negeri-negeri yang diperintah secara demokrasi. Parti politik membolehkan rakyat yang berfahaman serupa berkenaan soal negara bersatu menyokong suatu dasar yang serupa dan mendesak pihak yang memerintah supaya menjalankan dasar itu. Jikalau tidak ada sesuatu badan yang boleh berbuat demikian nescaya rakyat tidak dapat merangka suatu dasar yang serupa atau bersetuju atas apa-apa dasar pun. Parti menyuarakan hasrat orang ramai yang tidak dapat disuarakan seorang diri. Ia memilih masalah yang besar-besar, dikaji, difikirkan cara menyelesaikannya dan disembahkan kepada orang ramai untuk memikirkannya. Ia membolehkan dasar negara tidak bertukar ganti dengan sekelip mata dan ia membolehkan orang ramai tahu bagaimana pemerintahan negeri dijalankan dari satu masa ke satu masa. Pendeknya untuk menjayakan pemerintahan secara demokrasi parti politik mestilah ada.

Malangnya pula parti politik mempunyai beberapa keburukan dari segi kebajikan negara. Ia merendahkan cara orang ramai berfikir. Seseorang ahli parti yang tidak bersetuju dengan pendapat partinya atas sesuatu masalah terpaksa membenamkan perasaannya untuk kepentingan parti dan ini menyebabkan ia menuturkan perkataan atau melakukan perbuatan yang berlawanan dengan perasaan hati kecilnya. Pendeknya bermuka-muka menjadi lebih penting daripada fikiran yang lurus. Dan lagi dalam pilihanraya seorang calon yang tidak mempunyai parti politik jarang-

jarang boleh menang walau bagaimana bijak atau baik calon itu. Jadi yang terpilih calon-calon parti yang ramai pengikutnya walaupun calon itu lebih rendah kualitasnya daripada calon-calon yang lain. Di setengah-setengah negeri dengan adanya parti-parti, rakyat menjadi berpecah belah dan keadaan ini melemahkan kedudukan negeri tersebut.

Sudah menjadi kebiasaan di serata dunia ini iaitu parti yang mempunyai wakil-wakil yang ramai sekali di dalam parlimen akan menjadi parti yang memerintah dan ketua-ketua parti itu menjadi menteri-menteri. Ini menimbulkan beberapa masalah dari segi pemerintahan. Jikalau ada hanya dua parti sahaja di dalam parlimen perkara ini tidaklah menjadi susah kerana parti yang lebih ramai ahlinya itulah yang menubuhkan kerajaan. Tetapi sekiranya di dalam parlimen ada tiga atau empat parti atau lebih maka kadang-kadang parti yang menubuhkan kerajaan itu mempunyai bilangan ahli yang kurang daripada bilangan ahli parti-parti lain jika dicampurkan. Misalnya, jika ada empat buah parti A, B, C, D di dalam parlimen mempunyai wakil-wakil: $A = 40$, $B = 30$, $C = 20$, $D = 10$, nyatalah parti A mempunyai ahli-ahli yang teramai daripada parti-parti lain, dan oleh kerana itu parti tersebut yang berhak menubuhkan kerajaan. Tetapi A mempunyai hanya 40% iaitu kurang daripada separuh daripada semua ahli-ahli parlimen. Ini nyatalah tidak sesuai dengan asas demokrasi kerana puak kecil memerintah negeri. Keadaan ini juga menyebabkan kerajaan yang ditubuhkan itu menjadi lemah kerana sekiranya parti B, C dan D bersatu, mereka boleh menjatuhkan kerajaan A bila-bila masa pun seperti yang berlaku di negeri Perancis atau Pakistan sebelum perlembagaan negeri-negeri itu diubah. Contoh lain yang baik ialah di negeri Ceylon di mana Parlimen yang ditubuhkan pada bulan Mac tahun 1960 selepas pilihanraya terpaksa dibubarkan sebulan lepas itu kerana Kerajaan yang ditubuhkan telah kalah dalam undi kepercayaan. Ini juga bermakna parti yang memerintah mesti berbaik-baik dengan parti lain supaya mendapat sokongan mereka di parlimen, dan untuk mendapat sokongan ini, ia mesti bertolak ansur dengan parti-parti lain tadi. Dengan hal yang demikian parti yang memerintah tidaklah dapat menjalankan dasar-dasarnya dengan sepenuhnya.

Dewan Dua Tingkat

Kebanyakan parlimen atau kongres negara-negara yang moden mempunyai dewan yang dua tingkat atau lapis, iaitu Dewan Tingkat Atas dan Dewan Tingkat Bawah (atau Dewan Tinggi dan Dewan Rendah). Biasanya undang-undang yang hendak dibuat mestilah diluluskan oleh kedua-dua dewan ini. Tujuan mengadakan dewan dua lapis ini ada bermacam-macam, tetapi secara umumnya ialah supaya semua pihak-pihak atau kepentingan-kepentingan di dalam negeri berpeluang membincangkan undang-undang dan dasar-dasar kerajaan sebelum diluluskan. Biasanya wakil-wakil yang mengisi Dewan Rendah dan Dewan Tinggi itu berlainan cara memilih atau melantiknya. Di United Kingdom misalnya, Dewan Rendahnya (House of Commons) diisi oleh wakil-wakil yang dipilih oleh orang ramai dan Dewan Tingginya (House of Lords) diisi oleh orang-orang bangsawan Inggeris. Di Amerika Dewan Rendahnya (House of Representatives) diisi oleh wakil-wakil yang dipilih oleh orang ramai dan Dewan Tingginya (Senate) dipilih oleh rakyat tiap-tiap negeri. Di Persekutuan Tanah Melayu ahli-ahli Dewan Rendahnya (Dewan Rakyat) dipilih oleh rakyat umum, tetapi Dewan Tingginya (Dewan Negara) dipilih oleh Majlis-majlis Mesyuarat tiap-tiap negeri dan setengahnya dilantik oleh Yang Dipertuan Agung. Biasanya Dewan Rendahlah yang berkuasa daripada Dewan Tinggi kerana dewan itu merupakan pilihan rakyat seumumnya; tetapi di negara-negara yang diperintah mengikut kaedah persekutuan* Dewan Tingginya kadang-kadang mempunyai kuasa yang sama atau lebih daripada kuasa Dewan Rendahnya kerana Dewan Tinggi itu lazimnya mewakili kepentingan negeri-negeri atau kawasan-kawasan yang menjadi ahli persekutuan itu. Di Amerika, misalnya, Dewan Tingginya sama kuat kuasanya dengan Dewan Rendah dan ada kalanya lebih berkuasa. Satu perkara lagi ialah ahli-ahli Dewan Tinggi itu biasanya orang-orang yang sudah berumur dan mempunyai pengalaman yang luas; tetapi Dewan Rendah selalunya mengandungi ahli-ahli yang lebih muda. Oleh yang demikian perbahasan yang diadakan

*Lihat Fasal III beza di antara persekutuan dan persatuan.

di Dewan Tinggi itu lebih sopan dan lebih santun daripada perbahasan yang diadakan di Dewan Rendah di mana ahli-ahlinya mengandungi orang-orang yang lebih muda dan dengan kerana itu selalu lebih panas.

Segala unsur-unsur politik dan asas-asas pemerintahan yang telah diterangkan di dalam fasal ini adalah terkandung di dalam peraturan pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu, dan dari segi inilah maka pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu akan dikaji.



FASAL II

PERUBAHAN PEMERINTAHAN TANAH MELAYU

Kedatangan Orang Inggeris

Untuk memahamkan peraturan pemerintahan Tanah Melayu eloklah dikaji bagaimana orang Inggeris telah datang menaungi dan memerintah negeri-negeri di Tanah Melayu, kerana peraturan yang ada pada hari ini ialah peraturan yang dibawa oleh orang Inggeris dari negeri mereka dan disesuaikan dengan keadaan Tanah Melayu.

Pada kurun Masihi yang ke-18 sebuah syarikat perniagaan Inggeris yang digelar *East India Company* sedang meluaskan kuasa dan pengaruh mereka di India dan juga di negeri-negeri lain di Timur Asia. Dalam usaha ini mereka telah berlumba-lumba dengan kompeni yang dipunyai oleh orang Perancis di India, dan kompeni Belanda di sebelah Timur terutama di Gugusan Pulau-pulau Melayu. Untuk menentang lawan-lawan mereka, *East India Company* Inggeris terpaksa mendapatkan sebuah pelabuhan di sebelah Timur di mana kapal-kapal Inggeris dapat berlabuh dan dibaiki dan juga untuk dijadikan pangkalan perniagaan. Pada tahun 1786 Captain Francis Light, iaitu seorang pegawai Kompeni Inggeris itu, telah mendapat persetujuan Sultan Kedah untuk menggunakan Pulau Pinang sebagai tempat perhentian kapal-kapal Inggeris dengan syarat kompeni Inggeris itu dapat membantu Sultan itu menentang penindasan Kerajaan Siam. Syarat ini tidak dapat ditunaikan oleh pihak Inggeris dan apabila Sultan Kedah cuba mengambil balik pulau itu dari-

pada *East India Company* pada tahun 1791, ia telah ditewaskan oleh pihak Inggeris. Akhirnya pada tahun 1800 suatu perjanjian telah dibuat di antara pihak Inggeris dengan pihak negeri Kedah. Dengan perjanjian ini Pulau Pinang dan Seberang Perai diserahkan kepada Company Inggeris dengan bayaran \$10,000 pada tiap-tiap setahun.*

Perlumbaan perniagaan di antara Kompeni Inggeris dengan Kompeni Belanda telah menyebabkan Kompeni Inggeris mencari pelabuhan yang lebih hampir dengan Gugusan Pulau-pulau Melayu supaya ia dapat menjadi tumpuan perniagaan dan juga supaya dapat mengawal kapal-kapal yang lalu lalang dari Eropah ke negeri China dan ke pulau-pulau Melayu. Pada tahun 1819 Stamford Raffles, seorang daripada pegawai-pegawai *East India Company* Inggeris, telah berjaya mendapat kebenaran Sultan Hussain Syah (yang diangkat mereka sendiri menjadi Sultan Johor) dan Temenggung Ibrahim untuk menjadikan Singapura sebagai pelabuhan perniagaan Kompeni Inggeris itu; dan pada tahun 1824 suatu perjanjian baharu telah dibuat di antara Sultan Hussain dan Temenggung bagi satu pihak dengan Crawford bagi pihak Inggeris menyerahkan pulau Singapura itu kepada Kompeni Inggeris buat selama-lamanya.

Melaka ditakluki oleh Portugis daripada Kerajaan Melayu pada tahun 1511. Mereka memerintah negeri itu hingga tahun 1641, manakala mereka pula ditewaskan oleh pihak Belanda. Orang Belanda memerintah negeri itu hingga tahun 1795 dan lepas itu bertukar ganti beberapa kali dengan pemerintahan Inggeris mengikut keadaan peperangan Napoleon yang berlaku di Eropah pada masa itu. Pada tahun 1824 satu perjanjian di antara Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Belanda telah dibuat menyerahkan Melaka kepada Kerajaan Inggeris dan Bengkulu di Sumatera, yang pada masa itu dimiliki oleh Inggeris, kepada Kerajaan Belanda. Dengan perjanjian itu yang juga digelar *Treaty of London*, mereka telah bersetuju bahawa kawasan-kawasan yang di sebelah kanan Selat Melaka mengikut kapal belayar dari utara ke

*Perjanjian ini telah disahkan oleh suatu perjanjian lain yang dibuat dalam bulan Mei, 1869 di antara Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Siam. Wang ini sekarang selepas merdeka dibayar oleh Kerajaan Persekutuan (lihat fasal 167 (7) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu).

selatan adalah di bawah pengaruh Kerajaan Belanda, dan di sebelah kirinya di bawah pengaruh Kerajaan Inggeris.

Ketiga-tiga kawasan yang tersebut di atas iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Melaka telah disatukan pemerintahannya pada tahun 1826 dan digelar Negeri-negeri Selat (Straits Settlements). Negeri-negeri Selat itu telah ditadbirkan oleh Kerajaan Kompeni Inggeris di India yang beribu pejabat di Calcutta, tetapi dengan kemajuan yang berlipat ganda yang berlaku di negeri-negeri itu, terutama di Singapura, penduduk negeri-negeri Selat telah mendesak supaya pucuk pemerintahan itu diubah dari pejabat di India ke pejabat Tanah Jajahan di London supaya apa-apa perkara yang dirayukan mereka dapat layanan yang lebih segera. Akhirnya pada tahun 1867, pucuk pemerintahan Negeri-negeri Selat telah diubah ke London. Perubahan ini besar ertinya kerana ahli-ahli perniagaan yang duduk di Negeri-negeri Selat itu telah dapat menggesa Kerajaan Inggeris dengan lebih berkesan supaya campur tangan dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu, kerana dengan jalan itu mereka akan dapat meluaskan perniagaan mereka ke negeri-negeri itu terutama perniagaan bijih. Dahulu daripada itu Kerajaan di India enggan campur tangan dalam hal ehwal negeri Melayu.

Pada masa itu negeri-negeri Melayu berada dalam keadaan kacau-bilau. Di negeri Perak perbalahan di antara dua pihak pelombong Cina di Larut telah menyebabkan pembunuhan yang besar di antara satu puak dengan puak yang lain, dan oleh sebab setengah daripada pelombong itu berasal dari Pulau Pinang dan perkelahiannya merebak ke sana dan memaksa Kerajaan Inggeris campur tangan. Kekacauan ini ditambah pula oleh perbalahan yang berlaku di antara raja-raja yang berebutkan takhta negeri Perak. Maka dengan persetujuan Raja Abdullah dan dengan permintaan saudagar-saudagar Cina dan Inggeris di Negeri-negeri Selat, Kerajaan Inggeris pun campur tangan untuk menyelesaikan kekacauan di negeri Perak itu, dan pada tahun 1874 Sir Andrew Clarke, yang baharu sahaja datang menjadi Gabenor di Singapura, telah datang ke negeri Perak dan suatu perjanjian telah dibuat di antara pihak Orang-orang Besar Perak dengan Kerajaan Inggeris. Perjanjian itu digelar Perjanjian Pangkor. Dengan

perjanjian itu Raja Abdullah telah diakui menjadi Sultan Perak dan ia bersetuju menerima seorang Residen Inggeris untuk menasihatkannya dalam hal pemerintahan negeri.

Pada tahun itu juga (1874) Negeri Selangor, yang juga berkeadaan kacau-bilau kerana perkelahian anak-anak rajanya, telah bersetuju menerima seorang Residen Inggeris seperti di negeri Perak. Ini telah diikuti oleh Sungai Ujung (kemudian semua Negeri Sembilan) pada tahun itu juga; dan pada 1887 negeri Pahang pula telah menerima seorang Residen Inggeris.

Sebelum tahun 1909 negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis adalah di bawah naungan Kerajaan Siam. Pada tahun 1909 suatu perjanjian telah dibuat di antara Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Siam di mana Kerajaan Siam bersetuju menyerahkan hak-hak dan kuasa-kuasanya ke atas negeri-negeri ini kepada Kerajaan Inggeris, dan sebagai balasannya Kerajaan Inggeris bersetuju menarik balik kuasa mereka yang ada di negeri Siam. Dalam tahun itu juga negeri-negeri ini masing-masing telah membuat perjanjian dengan Kerajaan Inggeris bersetuju dinaungi oleh Kerajaan Inggeris dan mereka menerima seorang pegawai penasihat Inggeris. Negeri Johor hingga tahun 1914 adalah bebas dari pemerintahan Inggeris sungguhpun Sultan Abu Bakar telah membuat perhubungan yang terus dengan Queen Victoria semenjak tahun 1873. Pada tahun 1914 Sultan Ibrahim telah membuat satu perjanjian dengan Kerajaan Inggeris dan bersetuju menerima seorang penasihat Inggeris yang digelar *General Adviser*.

Semua perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh sembilan buah negeri Melayu dengan Kerajaan Inggeris itu adalah lebih kurang serupa isinya sungguhpun bentuknya berlainan. Yang pertama negeri-negeri itu bersetuju menerima naungan Kerajaan Inggeris dan mereka berjanji tidak berhubung dengan negeri-negeri luar yang lain kecuali dengan kebenaran Kerajaan Inggeris. Kedua, Kerajaan Inggeris sanggup mengawal negeri-negeri itu daripada serangan negeri-negeri luar. Ketiga, tiap-tiap negeri itu sanggup menerima seorang pegawai Inggeris yang digelar Residen atau Penasihat dan nasihat-nasihat pegawai ini mestilah dituruti di dalam semua perkara kecuali berkenaan dengan perkara yang bersangkutan paut

dengan adat istiadat Melayu dan agama Islam. Dengan perjanjian-perjanjian ini bermaknalah Kerajaan Inggeris menjadi pemerintah yang sebenar (de facto) di negeri-negeri ini sungguhpun segala tindakan-tindakan kerajaan dijalankan atas nama raja-raja negeri itu. Sebagai balasannya Kerajaan Inggeris menjamin yang keturunan raja-raja itu akan tetap menjadi raja negeri itu, dan kehormatan dan taraf mereka dipelihara, dan mereka menerima pendapatan atau sara hidup yang tertentu.

Sungguhpun pada mulanya ada juga tentangan orang Melayu terhadap campur tangan orang Inggeris itu, seperti pembunuhan yang berlaku ke atas Residen Perak yang pertama, James Wheeler Woodford Birch, pada tahun 1875, dan juga peperangan Pahang pada tahun 1891-94, tetapi pada umumnya campur tangan pemerintahan Inggeris itu telah membawa kepada keamanan dan ketenteraman, dan dengan sebab itu negeri-negeri Melayu itu telah beransur makmur dan orang-orang dagang, terutama orang Cina dan India, telah datang dengan ramainya. Jalan raya telah dibuat dan jalan keretapi dibina untuk memajukan perusahaan-perusahaan dan menyenangkan bergerak daripada suatu tempat ke suatu tempat. Kesihatan mula dikawal, pelajaran mula berkembang, undang-undang moden mula disusun dan pentadbiran negeri mula teratur. Pada mulanya hasil dan perusahaan yang besar bagi negeri-negeri ini ialah bijih timah, tetapi apabila getah mula ditanam di Tanah Melayu pada hujung kurun yang ke-19 (\pm 1885) dan kegunaan getah mula diketahui, hasil yang dikeluarkan oleh Tanah Melayu menjadi berlipatganda dan Tanah Melayu telah menjadi negeri yang kaya raya.

Semua negeri Melayu yang mula-mula bernaung di bawah panji-panji Inggeris iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah menubuhkan Majlis Mesyuarat negeri masing-masing yang mengandungi Sultan, Residen, Orang-orang Besar dan juga ketua-ketua orang Cina. Majlis ini adalah majlis penasihat semata-mata dan nasihat-nasihatnya boleh ditolak atau diterima. Sungguhpun pada mulanya Residen Inggeris itu hanya menjadi penasihat raja-raja semata-mata tetapi oleh sebab perubahan di dalam negeri berlaku begitu cepat maka Residen itu beransur-ansur bertindak

dengan sendirinya dan apa yang diputuskannya itulah yang dituruti oleh Sultan-sultan.

Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Kemajuan Tanah Melayu yang sangat cepat itu berkehendakkan pemerintahan yang cekap dan licin. Untuk mencapai tujuan ini pada tahun 1896* negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah dipersekutukan dengan nama Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States). Persekutuan ini telah membawa kepada perubahan yang aneh kepada kuasa raja-raja Melayu itu. Kalau dahulunya Raja itu mendengar nasihat Residen sahaja, sekarang Residen itu terpaksa pula mendengar perintah Residen-General yang ada di Kuala Lumpur, dan oleh yang demikian kuasa raja-raja Melayu itu beransur lucut daripada tangan mereka dan pindah ke tangan Residen-General. Ini berlawanan sama sekali dengan tujuan yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh mereka, sama ada perjanjian yang mula-mula dibuat mereka dengan Kerajaan Inggeris atau perjanjian untuk mempersekutukan negeri-negeri itu.

Pada tahun 1909 Sir John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat, yang juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi negeri-negeri Melayu, telah menubuhkan suatu Majlis Mesyuarat Persekutuan (Federal Council) yang mengandungi Sultan-sultan empat buah negeri, Residen-General, empat Residen Inggeris dan empat orang ahli yang tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi. Majlis itu dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi. Tujuan mengadakan Majlis Mesyuarat Persekutuan itu ialah hendak mengurangkan kuasa Residen-General yang sudah terlampau kuat itu, dan juga untuk memikat negeri-negeri Melayu yang baharu sahaja bernaung di bawah panji-panji Inggeris pada tahun itu (1909) supaya bersetuju bersekutu bersama-sama. Tetapi hasilnya adalah sebaliknya; dengan adanya Majlis Mesyuarat Persekutuan itu. Majlis Mesyuarat negeri-negeri yang dahulunya berkuasa membuat keputusan yang besar sekarang sudah tidak ber-

*Hendaklah diingat pada masa itu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu masih lagi di bawah naungan Kerajaan Siam.

kuasa lagi kerana kuasanya telah diambil oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan. Kesudahannya Sultan-sultan beransur hilang kuasa memerintah negeri mereka sendiri. Keadaan yang begini telah juga menakutkan negeri-negeri Melayu yang lain hendak masuk campur di dalam persekutuan itu. Pada tahun 1972 Gabenor Sir Lawrence Guillemard telah mencuba memulangkan kuasa Sultan-sultan dan mengeluarkan Sultan-sultan daripada Majlis Mesyuarat Persekutuan itu, tetapi walau macam manapun kuasa itu tetap terkumpul di Kuala Lumpur. Keadaan ini berpanjangan hingga pada masa peperangan Jepun sungguhpun ada beberapa percubaan dan ikhtiar untuk memindahkan kuasa itu balik kepada Sultan tiap-tiap negeri.

Negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu

Negeri-negeri yang lima buah lagi iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu mempunyai pemerintahan yang berasingan. Mereka mempunyai kebebasan yang lebih luas daripada Kerajaan-kerajaan Negeri-negeri Melayu yang bersekutu. Umumnya Penasihat-penasihat Inggeris yang ada di negeri-negeri itu adalah menjadi penasihat di dalam erti kata yang sebenarnya, dan ini berbeza dengan Residen-residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu kerana Residen-residen sebenarnya lebih menjadi pemerintah daripada menjadi penasihat. Tiap-tiap negeri ini masing-masing ada mempunyai Majlis Mesyuarat tetapi Majlis Mesyuarat ini adalah majlis penasihat semata-mata dan bukanlah ada kuasa untuk membuat undang-undang.

Di negeri-negeri Melayu yang bersekutu ketua pemerintahan ialah Residen Inggeris yang menjalankan kerja atas nama Sultan mengikut arahan daripada Residen-General (kemudian Chief Secretary) di Kuala Lumpur, tetapi di negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu pemerintahan dijalankan oleh Menteri-menteri Melayu dan dibantu oleh Penasihat-penasihat Inggeris. Pada tiap-tiap negeri Melayu itu terdapat pegawai-pegawai Inggeris untuk membantu dan menasihatkan pemerintahan negeri-negeri itu terutama di dalam hal undang-undang, keadilan, tanah, hal chwal orang Cina, buruh, pelajaran, jurutera dan sebagainya. Di sini juga ada perbezaan di antara negeri-negeri Melayu yang

bersekutu dan negeri-negeri yang tidak bersekutu. Di negeri-negeri yang bersekutu boleh dikatakan semua ketua-ketua pejabatnya ialah pegawai-pegawai Inggeris, tetapi di negeri-negeri yang tidak bersekutu kebanyakan ketua pejabatnya ialah orang Melayu kecuali pejabat-pejabat yang berkehendakkan pengetahuan dan kelulusan yang khas.

Negeri-negeri Selat

Negeri-negeri Selat yang mengandungi Singapura, Melaka dan Pulau Pinang dan Seberang Perai* diperintah seperti tanah jajahan Inggeris yang lain di serata dunia. Pemerintahannya diketuai oleh seorang Gabenor yang mewakili raja Inggeris dan dilantik oleh Setiausaha Tanah Jajahan di London. Gabenor itu dibantu oleh suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat Undangan. Kebanyakan ahli di dalam Majlis-majlis ini ialah ahli-ahli rasmi dan ahli-ahli yang lain itu ialah ahli-ahli yang tidak rasmi yang dilantik oleh Gabenor mewakili kaum-kaum Eropah, China, Melayu dan India. Sungguhpun ahli-ahli yang tidak rasmi boleh membidas atau menegur langkah-langkah kerajaan tetapi Gabenor itu berkuasa mengenyahkan teguran atau bantahan, atau menolak cadangan ahli-ahli Majlis, tetapi jaranglah pula Gabenor itu berbuat demikian. Pendeknya Majlis-majlis itu ialah majlis penasihat kepada Gabenor.

Ringkasnya, sebelum Perang Dunia Yang Kedua, Tanah Melayu mempunyai beberapa corak pemerintahan yang berlain-lainan, iaitu pemerintahan cara persekutuan bagi negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang; pemerintahan yang berasing-asing di negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, dan pemerintahan secara tanah jajahan takluk Inggeris di Negeri-negeri Selat. Selain daripada menjadi Gabenor di Negeri-negeri Selat, Gabenor itu juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi tiap-tiap negeri Melayu iaitu wasitah yang menjadi perhubungan negeri-negeri Melayu dengan Kerajaan Inggeris di London.

*Jajahan Dinding juga menjadi sebahagian daripada Negeri Selat, tetapi telah dipulangkan kepada Negeri Perak pada tahun 1936.

TANAH MELAYU SELEPAS PERANG

Malayan Union

Peperangan di antara pihak Berikat (British, Amerika, Perancis dan Belanda) dengan pihak Jepun telah bermula pada 8 Disember 1941 dan setelah diserang oleh tentera Jepun, tentera Inggeris yang mengawal Tanah Melayu telah tewas dan Singapura telah menyerah pada 15 Februari 1942. Lepas itu Tanah Melayu telah diperintah oleh tentera Jepun* hingga mereka menyerah diri pada bulan September tahun 1945. Apabila Kerajaan Inggeris balik ke Tanah Melayu suatu pemerintahan tentera telah ditubuhkan yang diberi nama *British Military Administration* dan beribu pejabat di Singapura.

Apabila pemerintah Inggeris balik ke Tanah Melayu nyatalah kepada mereka bahawa Tanah Melayu tidak boleh lagi ditadbirkan seperti sebelum perang dengan bermacam corak pemerintahan di dalam suatu kawasan yang kecil, dan orang-orang yang duduk di negeri Melayu haruslah semuanya mempunyai taraf yang serupa, supaya mereka dapat menumpukan taat setia mereka kepada Tanah Melayu. Oleh sebab perhubungan di antara Kerajaan Inggeris dengan Raja-raja Melayu itu mengikut kuatkuasa perjanjian-perjanjian (treaty) yang dibuat oleh mereka sebelum perang dahulu maka perubahan yang dicadangkan itu tidaklah akan dapat dijalankan kecuali Raja-raja Melayu bersetuju menyerahkan kuasa mereka kepada Kerajaan Inggeris. Oleh yang demikian seorang pegawai tinggi Inggeris yang bernama Sir Harold MacMichael telah dihantar ke Tanah Melayu pada bulan Oktober 1945 untuk menjadi utusan mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu berkenaan perubahan-perubahan ini.

Ketibaan Sir Harold MacMichael ke Tanah Melayu bertepatan dengan hari tersiarnya cadangan Kerajaan Inggeris berkenaan corak pemerintahan Tanah Melayu pada masa yang akan datang. Sir Harold MacMichael telah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu dengan mudah kerana bebe-

*Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Siam untuk memrintahnya.

rapa sebab. Pertama kebanyakan Raja itu tidak sempat menanya buah fikiran penasihat-penasihat mereka berkenaan cadangan itu. Kedua Sir Harold MacMichael telah juga ditugaskan untuk menyiasat setakat mana Raja-raja Melayu itu telah bersubahat dengan pemerintah Jepun dan kalau sabit salahnya patut atau tidak ia diturunkan daripada takhta Kerajaannya dan diganti dengan orang lain.* Kewajipan yang kedua ini telah menyebabkan Raja-raja Melayu menjadi kuatir dan dengan kerana itu mereka telah menurunkan tanda tangan mereka menyerahkan kuasa negeri mereka kepada Kerajaan Inggeris. MacMichael balik ke London pada bulan Januari 1946 setelah mendapat persetujuan semua Raja Melayu.

Ringkasnya cadangan Kerajaan Inggeris yang disebut cadangan Malayan Union itu adalah seperti berikut:-

Pertama, semua negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat Pulau Pinang dan Melaka akan disatukan, tetapi Singapura akan diasingkan.

Kedua, semua kuasa memerintah akan terkumpul kepada kerajaan pusat, sungguhpun tiap-tiap negeri boleh mengadakan majlis mesyuarat untuk membahaskan perkara-perkara yang diserahkan oleh kuasa pusat.

Ketiga, Raja-raja Melayu masih boleh duduk di atas takhta negeri mereka tetapi mereka berhak hanya menjadi pengerusi majlis penasihat yang membincangkan hal-hal yang bersangkutan-paut dengan adat istiadat orang Melayu dan agama Islam.

Keempat, semua penduduk Tanah Melayu akan diberi kerakyatan dan taraf yang serupa dengan tidak ada beza-membeza di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain.†

Cadangan Malayan Union itu telah mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu terutama daripada persatuan-persatuan yang bergabung dengan UMNO, dan mereka mendapat sokongan pegawai-pegawai tinggi Inggeris yang telah bersara di England seperti Sir Frank Swettenham dan

*Report on Mission to Malaya by Sir Harold MacMichael, Government Printer, K.L.

†Malayan Union and Singapore, Command 6724, HMSO.

Malayan Union and Singapore, Summary of Proposed Constitutional Arrangements, Command 6749 HMSO.

Sir George Maxwell yang telah juga menentang cadangan itu. Apabila Gabenor Malayan Union itu ditabalkan, wakil-wakil Melayu yang dijemput telah tidak hadir dan mereka telah juga memulaukan segala majlis-majlis penasihat yang ditubuhkan selepas Malayan Union itu diisytiharkan. Untuk menunjukkan perasaan mereka orang Melayu telah berkabung. Oleh sebab tentangan orang Melayu ini maka rancangan Malayan Union itu tidak dijalankan dengan sepenuhnya sungguhpun pemerintahan Malayan Union itu berjalan daripada 1 April 1946 hingga 31 Januari 1948.

Persekutuan Tanah Melayu

Akhirnya Kerajaan Inggeris terpaksa bertolakansur dengan orang Melayu dan pada bulan Julai 1946 suatu jawatankuasa kerja telah dilantik terdiri dari wakil-wakil UMNO, wakil-wakil raja-raja Negeri Melayu dan wakil-wakil Kerajaan Inggeris untuk menggubal suatu perlembagaan yang baharu. Persetujuan mereka telah dikemukakan kepada wakil-wakil kaum lain untuk mendapat buah fikiran mereka. Perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh wakil-wakil kaum lain ini telah ditimbangkan oleh jawatankuasa kerja itu dan akhirnya cadangan-cadangan jawatankuasa itu telah diterima oleh Kerajaan Inggeris dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris pada 21 Januari 1948 dan berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Februari 1948.

Dengan persetujuan ini perjanjian-perjanjian MacMichael yang ditandatangani oleh Raja-raja Melayu itu telah dimansuhkan dan masing-masing raja itu membuat perjanjian yang baharu dengan Kerajaan Inggeris, dan Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan dengan perjanjian di antara Baginda King dan sembilan Raja Melayu itu. Dengan perjanjian-perjanjian ini Raja-raja Melayu balik semula menjadi raja yang berdaulat di negeri mereka masing-masing dan negeri-negeri mereka dijamin wujudnya, dan hak istimewa orang Melayu dipelihara. Pemerintahan cara persatuan (union) telah diganti dengan pemerintahan cara persekutuan (federation) dan gelaran Gabenor telah diubah menjadi High Commissioner (Pesuruhjaya Tinggi) sungguhpun kuasa Pesuruhjaya Tinggi itu tidak banyak bezanya dengan kuasa

Gabenor. Kerajaan Inggeris tetap menjaga perhubungan luar negeri dan pertahanan, dan Raja-raja Melayu akan memerintah mengikut nasihat Penasihat-penasihat Inggeris yang ditempatkan pada tiap-tiap negeri. Syarat-syarat kerakyatan telah menjadi ketat sedikit daripada cadangan yang terkandung di dalam rancangan Malayan Union dan ini akan diterangkan kelak dalam fasal kerakyatan di dalam buku ini.

Menurut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 (Federation of Malaya Agreement) kuasa memerintah Persekutuan Tanah Melayu terserah ke dalam tangan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris. Ia dibantu oleh suatu Majlis Kerja Kerajaan (Executive Council) yang mengandungi ahli-ahli rasmi dan ahli-ahli yang tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya sendiri. Nasihat mereka sungguhpun selalu diterima oleh Pesuruhjaya Tinggi tetapi ia boleh menolak nasihat-nasihat itu.

Suatu Majlis Mesyuarat Persekutuan yang diberi nama Majlis Mesyuarat Undangan telah ditubuhkan. Ia mengandungi Pesuruhjaya Tinggi yang menjadi pengerusi dan 75 orang ahli terdiri daripada 14 ahli rasmi (pegawai Kerajaan) 9 Menteri Besar dari negeri-negeri Melayu, 2 wakil dari Majlis-majlis Mesyuarat negeri Pulau Pinang dan Melaka, dan 50 orang ahli yang tidak rasmi yang mewakili kaum-kaum yang ada di Persekutuan Tanah Melayu dan juga kepentingan-kepentingan perniagaan, buruh dan perusahaan lombong dan getah. Semua ahli yang tidak rasmi itu dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi tetapi apabila tiba masanya mereka ini bolehlah dipilih oleh orang ramai. Jikalau bilangan ahli-ahli Majlis itu dikira mengikut bangsa, orang Melayu adalah 31 orang, orang Cina 14 orang, orang Eropah 7 orang, orang India 5 orang, orang Ceylon seorang dan seorang Serani. Yang lain-lain ialah ahli-ahli rasmi yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Inggeris dan dua orang wakil Melaka dan Pulau Pinang yang bangsanya berubah-ubah. Segala rang undang-undang dan perbelanjaan wang Persekutuan Tanah Melayu haruslah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undang tetapi Pesuruhjaya Tinggi ada mempunyai kuasa untuk menolak undang-undang yang diluluskan oleh Majlis itu atau mengesahkan undang-undang yang tidak diluluskan oleh Majlis itu.

Selain daripada majlis-majlis yang tersebut di atas suatu Majlis Raja-raja Melayu telah ditubuhkan dan ini ada diterangkan di dalam fasal IV buku ini. Tiap-tiap negeri pula ada mempunyai Kerajaannya sendiri yang terdiri daripada Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kerja majlis-majlis ini akan diterangkan dengan panjang lebar di dalam fasal VII buku ini.

Perubahan-perubahan Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang digelar Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, telah menempuh beberapa perubahan dan pindaan daripada satu masa ke suatu masa dengan desakan berbagai-bagai pihak dan juga oleh sebab keadaan darurat yang disebabkan oleh pemberontakan Komunis di dalam negeri yang bermula pada 18 Jun 1948. Perubahan yang pertama dibuat dalam tahun 1951. Perubahan ini membawa kepada peraturan memerintah dengan cara 'bermenteri'. Beberapa ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan yang tidak rasmi telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai kumpulan pejabat-pejabat. Di dalam tahun 1952 semua 'menteri' itu menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Executive Council). Di dalam tahun itu juga pindaan telah dibuat untuk melonggarkan sedikit syarat-syarat menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan ini ada diterangkan di dalam fasal VIII buku ini. Pada tahun 1953 seorang Speaker (Pengerusi Majlis) telah dilantik menjadi pengerusi Majlis Mesyuarat Undangan menggantikan tempat Pesuruhjaya Tinggi yang telah keluar daripada Majlis itu.

Pilihanraya Tahun 1955

Tuntutan supaya ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan itu dipilih oleh orang ramai telah dibuat beberapa kali dan pada tahun 1953 suatu jawatankuasa telah dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi untuk mengkaji soal pilihanraya Persekutuan. Jawatankuasa ini mengandungi ahli-ahli Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang diketuai oleh Datuk Onn dan ahli-ahli Perikatan. Penyata jawatankuasa itu telah diterbitkan pada 1 Februari 1954. Daripada penyata itu

nyatalah pihak IMP dan Perikatan tidak bersetuju di antara satu dengan lain berkenaan soal pilihanraya ini. Pihak IMP berpendapat bahawa pilihanraya patut dilambatkan dan hanya sebilangan kecil daripada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan itu sahaja yang patut dipilih. Pihak Perikatan pula mahu pilihanraya diadakan pada bulan November tahun 1954 dan mencadangkan supaya sebahagian besar daripada ahli Majlis Mesyuarat Undangan itu dipilih. Perikatan pada masa itu mempunyai penyokong-penyokong yang banyak di serata negeri. Di dalam keadaan yang serba salah General Templer, Pesuruhjaya Tinggi, pada 27 April 1954 dengan persetujuan Raja-raja Melayu telah memutuskan supaya sebahagian besar daripada ahli-ahli Majlis dipilih oleh orang ramai, dan ia telah menetapkan supaya ahli-ahli majlis itu mengandungi 52 ahli yang dipilih dan 46 ahli yang dilantik. Pilihanraya akan diadakan pada tahun 1955. Pihak Perikatan tidak puas hati dengan cadangan ini kerana ahli-ahli yang dipilih hanya terlebih enam orang sahaja daripada ahli-ahli yang dilantik, dan dengan keadaan yang demikian bukanlah senang hendak menubuhkan suatu Kerajaan jikalau sesuatu parti menang di dalam pilihanraya. Apabila Majlis Mesyuarat Undangan membahaskan undang-undang pilihanraya pada bulan Jun tahun itu (1954) wakil-wakil Perikatan telah keluar.

Pihak Perikatan telah memulaukan cadangan Kerajaan berkenaan pilihanraya itu dan mereka mengadakan perarakan ke istana-istana Raja untuk menunjukkan taat setia mereka kepada Raja-raja Melayu; tetapi kesudahannya suatu penyelesaian telah didapati manakala pihak Kerajaan, yang pada masa itu diketuai oleh Sir Donald MacGillivray dan pihak Perikatan telah bersetuju iaitu tujuh daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi itu hendaklah dilantik setelah berunding dengan ketua parti yang banyak ahlinya di dalam Majlis. Jadi pada tahun 1955 ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undang-undang telah diubah begini:-

Speaker (Pengerusi Majlis)

52 ahli yang dipilih

3 ahli kerana jawatan (ex-officio) iaitu Chief Secretary, Peguam Agung dan Setiausaha Kerajaan

- 11 wakil negeri
- 22 wakil berbagai-bagai kepentingan seperti perniagaan, perusahaan dan buruh
- 3 wakil kaum-kaum yang sedikit seperti kaum Serani, Ceylon dan Orang Asli
- 7 ahli yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi setelah berunding dengan ketua parti yang banyak ahli-ahli di Majlis.

Jumlah 98 orang

Pilihanraya ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan yang pertama kalinya telah diadakan pada 27 Julai 1955 dan di dalam pilihanraya itu pihak Perikatan (UMNO-MCA-MIC) telah menang 51 kerusi daripada 52 kerusi yang direbutkan. Dengan kemenangan pihak Perikatan ini, Pesuruhjaya Tinggi telah mengisytiharkan perubahan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Majlis itu sekarang akan mengandungi Pesuruhjaya Tinggi sebagai pengerusi, 10 ahli Majlis Mesyuarat Undangan yang dipilih, 3 orang ahli kerana jawatan (*ex-officio*) dan dua orang lagi yang dilantik. Kesemua 10 orang yang dipilih itu telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai kementerian-kementerian dan mereka digelar Menteri. Pegawai-pegawai Inggeris yang menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ialah Setiausaha Kewangan, Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Hal Ehwal Iktisad. Dengan perubahan ini bermaknalah pihak Perikatan mempunyai ahli yang teramai di Majlis Mesyuarat Undangan dan juga di Majlis Mesyuarat Kerajaan. Oleh yang demikian Majlis Mesyuarat Kerajaan sudah hampir menjadi sebuah Kabinet atau Majlis Jemaah Menteri, bertanggungjawab kepada Majlis Mesyuarat Undangan dan juga kepada Pesuruhjaya Tinggi. Sungguhpun demikian Pesuruhjaya Tinggi masih mempunyai kuasa yang kuat mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tetapi kuasa-kuasa ini tidaklah digunakannya untuk menentang kemahuan Perikatan kerana jika ia berbuat demikian nescaya kegentingan politik akan timbul.

Rundingan Perlembagaan di London

Kemenangan pihak Perikatan yang besar dalam pilihan-raja tahun 1955 menggalakkan mereka menuntut supaya Persekutuan Tanah Melayu diberi kebebasan politik yang lebih luas lagi. Oleh yang demikian apabila Setiausaha Tanah Jajahan British datang melawat Tanah Melayu dalam bulan Ogos tahun 1955 suatu rundingan telah diadakan di antara diannya, wakil Raja-raja Melayu dan Menteri-menteri Perikatan. Di dalam rundingan ini satu persetujuan telah didapati iaitu suatu rundingan akan diadakan di London pada tahun 1956 untuk membincangkan perubahan-perubahan yang patut dibuat untuk mencapai taraf berkerajaan sendiri bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Rundingan yang dicadangkan itu telah diadakan di London daripada 18 Januari hingga 6 Februari, 1956 dan dihadiri oleh wakil-wakil Kerajaan Inggeris, Wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan wakil-wakil Perikatan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri. Rundingan ini menghasilkan kejayaan bagi pihak Perikatan. Kerajaan Inggeris telah bersetuju memberi kemerdekaan dalam lengkungan Komanwel kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Patut disebut di sini sebelum wakil-wakil Perikatan bertolak ke London, Pemuda-pemuda UMNO telah membuat ketetapan supaya wakil-wakil Perikatan menuntut kemerdekaan diberi kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, jikalau boleh.

Rundingan London itu juga telah mendapat beberapa persetujuan berkenaan perubahan yang akan berlaku sebelum merdeka tercapai. Perubahan-perubahan ini bolehlah diringkaskan seperti berikut:-

(1) Pesuruhjaya Tinggi dikehendaki memerintah menurut nasihat yang diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan, kecuali di dalam keadaan yang luar biasa.

(2) Seorang Menteri Kewangan akan dilantik untuk menggantikan Setiausaha Kewangan yang dipegang oleh pegawai Inggeris. Oleh yang demikian pegawai itu terpaksa keluar dari Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(3) Seorang Menteri Pertahanan dan Keselamatan

Dalam Negeri akan dilantik untuk menggantikan Setiausaha Pertahanan; ia akan jadi pengerusi Majlis Tindakan Darurat (Emergency Operation Council) yang mengarah peperangan melawan penganas Komunis. Suatu majlis yang digelar *Federation Armed Forces Council* (Majlis Tentera Persekutuan) akan ditubuhkan untuk menyusun suatu pasukan tentera Persekutuan yang bersendirian.

(4) Seorang Menteri Perusahaan dan Perdagangan akan menggantikan Setiausaha Hal Ehwal Iktisad yang dipegang oleh pegawai Inggeris.

(5) Suatu Perjanjian Pertahanan akan dibuat di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Inggeris.

(6) Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan ditubuhkan untuk menjaga supaya semua kaki-tangan Kerajaan mendapat layanan yang saksama.

(7) Suatu rancangan akan dibuat untuk membayar ganti rugi kepada pegawai Inggeris yang terpaksa bersara oleh sebab perubahan perlembagaan.

(8) Penasihat-penasihat British di negeri-negeri Melayu akan dihapuskan.

(9) Suatu Suruhanjaya yang bebas mengandungi ahli-ahli daripada negara-negara Komanwel akan dilantik untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.*

Suruhanjaya Perlembagaan

Segala perubahan yang dipersetujui di London itu telah dijalankan apabila rombongan yang menghadiri rundingan London itu balik ke Tanah Melayu dan pada awal tahun 1956 suatu Suruhanjaya Perlembagaan telah dilantik atas nama Baginda Queen dan Raja-raja Melayu. Suruhanjaya ini mengandungi pakar-pakar perlembagaan yang dilantik oleh Kerajaan Inggeris, Australia, India dan Pakistan dan diketuai oleh Lord Reid daripada United Kingdom. Suruhanjaya ini telah membentangkan rangka Perlembagaan yang dicadang-

*Report of the Federation of Malaya Constitutional Conference held in London in January and February, 1956; Command 9714 HMSO.

kan oleh mereka pada bulan Februari 1957. Rangka Perlembagaan ini telah dikaji oleh suatu Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan Perikatan, wakil Raja-raja Melayu dan wakil Kerajaan Inggeris dan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi. Sungguhpun kebanyakan daripada cadangan Suruhanjaya Reid itu diterima oleh Jawatankuasa Kerja tetapi ada juga beberapa cadangan yang ditolak oleh Jawatankuasa Kerja itu. Misalnya, Suruhanjaya itu mencadangkan supaya dalam tempoh 10 tahun bahasa Cina dan Tamil boleh digunakan di Parlimen jikalau pengerusi Dewan itu faham akan bahasa itu. Ini telah ditolak oleh Jawatankuasa Kerja itu. Suruhanjaya itu telah juga mencadangkan supaya hak-hak istimewa orang Melayu itu dikaji semula selepas lima tahun. Ini telah ditolak oleh Jawatankuasa itu dan diubah supaya Yang Dipertuan Agung sendiri mengkaji hak-hak ini daripada suatu masa ke suatu masa. Suruhanjaya itu langsung tidak menyebut kerja-kerja dan kuasa-kuasa Majlis Raja-raja. Jawatankuasa Kerja itu telah mengadakan balik Majlis Raja-raja itu di dalam Perlembagaan. Lain-lain perubahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja itu ialah berkenaan dengan tanah-tanah khas untuk orang Melayu (Malay Reservation) dan juga peraturan meminda Perlembagaan.*

Setelah cadangan-cadangan itu dikaji dan dipinda, suatu rombongan yang mengandungi Pesuruhjaya Tinggi, Ketua Menteri, Peguam Agung dan wakil-wakil Raja-raja Melayu dan Perikatan telah bertolak sekali lagi ke London untuk mencapai persetujuan yang muktamad dengan Pejabat Tanah Jajahan. Rundingan itu telah berjalan daripada 13 Mei hingga 21 Mei 1957 dan akhirnya suatu persetujuan yang muktamad telah tercapai berkenaan Perlembagaan dan juga berkenaan dengan hal-hal yang bersangkutan-paut dengan kemerdekaan.†

*Federation of Malaya Constitutional Proposals, 1957; Government Printer, Kuala Lumpur.

†Satu daripada perkara yang rumit ialah bentuk upacara mengisytiharkan kemerdekaan. Sungguhpun negeri-negeri Selat dipunyai oleh Kerajaan Inggeris dan dengan kerana itu boleh diisytiharkan merdeka, tetapi negeri-negeri Melayu bukanlah tanah jajahan Inggeris dan perhubungannya dengan kerajaan Inggeris ialah dengan Treati-treati tahun 1948. Perbezaan ini sungguhpun sudah sedia dimaklumi tetapi lambat disedari dan dengan kerana itu semua pihak telah menjadi kelam-kabut.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baharu itu telah diluluskan dengan sebulat suara oleh Majlis Mesyuarat Undangan pada 11 Julai 1957. Pada 3 haribulan Ogos pilihan Yang Dipertuan Agung dan Timbalan Yang Dipertuan Agung yang pertama telah dijalankan mengikut Perlembagaan yang baharu. Pada 5 haribulan Ogos, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tinggi (Sir Donald MacGillivray) bagi pihak Baginda Queen dan oleh tiap-tiap Raja Melayu. Dengan Perjanjian ini Persekutuan Tanah Melayu akan merdeka pada 31 Ogos 1957 dan negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka tidak lagi akan menjadi jajahan Baginda Queen, dan segala kuasa-kuasa Baginda di atas Persekutuan scumumnya akan tamat buat selama-lamanya. Pada 31 Ogos 1957 Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan menjadi negara yang merdeka di dalam lengkongan negara-negara Komanwel.

Perlu diingati bahawa sungguhpun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu berjalan kuat kuasanya mulai dari hari merdeka, tetapi adalah beberapa perkara yang tidak dijalankan mulai hari itu. Satu daripadanya ialah berkenaan Parlimen. Oleh sebab bentuk Parlimen yang baharu berubah sama sekali dengan bentuk Majlis Mesyuarat Undangan yang ditubuhkan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Perlembagaan telah membenarkan supaya Majlis Mesyuarat Undangan itu dipanjangkan umurnya sehingga 1 Januari 1959 secepat-cepatnya dan sehingga 31 Disember 1959 selewat-lewatnya dengan sedikit-sedikit perubahan. Penanguhan berjalannya kuat kuasa Parlimen baharu itu ialah kerana kawasan-kawasan pilihanraya terpaksa ditambah dan disusun semula, dan mereka yang baharu menjadi rakyat mengikut Perlembagaan baharu itu hendak diberi peluang mengundi di dalam pilihanraya untuk memilih ahli-ahli Parlimen.

Beberapa pilihanraya untuk memilih ahli-ahli Dewan Negeri-negeri telah dijalankan di dalam bulan Mei dan Jun 1959 dan pilihanraya untuk memilih ahli-ahli Dewan Rakyat telah diadakan pada 19 Ogos 1959. Di dalam pilihanraya Dewan Rakyat ini Parti Perikatan telah mendapat 74 kerusi daripada 104 kerusi yang direbut, Persatuan Islam Setanah Melayu mendapat 13 kerusi, Barisan Socialist mendapat 8

kerusi, Parti Progressive mendapat 4 kerusi, Parti Negara mendapat 1 kerusi, Parti Malayan mendapat 1 kerusi dan ahli-ahli bebas 3 kerusi.* Ahli-ahli Dewan Negara telah juga dipilih oleh tiap-tiap negeri dan yang lain-lain dilantik oleh Yang Dipertuan Agung.

Parlimen pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu telah dibuka oleh Yang Dipertuan Agung pada 12 September 1959. Dengan tertubuhnya Parlimen ini bermaknalah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mula berjalan dengan sepenuhnya, dan satu lembaran sejarah pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu yang baharu mula ditempuh.

*Pilihanraya bagi 1 daripada 104 kerusi ini telah ditangguhkan, tetapi akhirnya Parti Perikatan telah memenanginya.

FASAL III

PARLIMEN PERSEKUTUAN

Persatuan dan Persekutuan

Seperti yang diterangkan oleh namanya, Persekutuan Tanah Melayu ialah sebuah negara yang diperintah mengikut kaedah persekutuan. Ini haruslah diingati selalu oleh sebab pemerintahan mengikut kaedah 'persekutuan' itu berbeza dengan pemerintahan mengikut kaedah 'persatuan'. Amerika Syarikat, Australia, Kanada, India dan lain-lain negeri lagi diperintah mengikut kaedah persekutuan, tetapi United Kingdom, Negeri Perancis, Indonesia dan lain-lain negeri diperintah mengikut kaedah persatuan. Beza yang besar di antara persekutuan dengan persatuan di dalam ertikata pemerintahan ialah:-

Persekutuan mempunyai beberapa kawasan yang bebas dan kawasan-kawasan ini masing-masing bersetuju memberi kuasa yang sepatutnya kepada suatu kuasa pusat untuk kebaikan dan kebajikan kawasan-kawasan itu bersama, sambil menyimpan kuasa-kuasa yang lain untuk dirinya sendiri. Lazimnya pemerintahan pusat tidak ada kuasa untuk campurtangan di dalam perkara-perkara yang ditadbirkan oleh kawasan-kawasan itu. Perkara-perkara seperti hal ehwal luar negeri, pertahanan, pos, matawang, perniagaan dan perdagangan, orang keluar dan masuk, pendeknya perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan kepentingan kebangsaan secukupnya dan perkara-perkara yang patut mempunyai dasar yang sama adalah diserahkan ke dalam tangan kerajaan pusat; tetapi perkara-perkara yang boleh dibuat

oleh kerajaan-kerajaan kawasan itu sendiri adalah terserah kepada kerajaan-kerajaan kawasan itu sendiri untuk membuatnya, seperti perkara tanah, hutan, pertanian, pelajaran, majlis-majlis bandaran dan sebagainya.

'Persatuan' pula mempunyai satu kerajaan sahaja iaitu kerajaan pusat, dan segala kuasa di dalam semua perkara terkumpul pada kerajaan pusat. Kawasan-kawasan yang ada di dalam negara itu menjalankan perintah yang diberi oleh kerajaan pusat. Kawasan-kawasan yang ada di dalam negara itu menjalankan perintah yang diberi oleh kerajaan pusat dan tidak ada mempunyai kuasa yang bersendirian. Pemerintahan Malayan Union yang dibawa oleh pemerintah Inggeris ke Tanah Melayu selepas perang dan ditolak oleh orang Melayu itu ialah pemerintahan mengikut kaedah persatuan. Pendeknya di dalam negara yang diperintah secara persekutuan kedaulatan negara itu dibahagi antara kerajaan pusat dengan kerajaan kawasan-kawasan, tetapi negara yang diperintah secara persatuan, kedaulatan adalah terkumpul pada kerajaan pusat.

Biasanya di dalam perlembagaan negara-negara persekutuan, segala kuasa yang dipunyai oleh kerajaan pusat dan kuasa yang dipunyai kerajaan-kerajaan kawasan dan juga kuasa-kuasa yang ditadbirkan bersama (concurrent) ada tertulis dengan nyata di dalam perlembagaan itu untuk mengelakkan perbalahan di antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan kawasan, dan sekiranya lebih luas kuasa yang dipegang oleh kerajaan pusat maka lebih hampirlah pemerintahan itu cenderung kepada pemerintahan persatuan.* Dan biasanya jikalau berlaku sesuatu perbalahan di antara kedua pihak maka perkara itu akan dibawa ke Mahkamah Tertinggi untuk mentafsirkan perlembagaan itu di dalam perkara yang menjadi perbalahan.

Persekutuan Tanah Melayu pun adalah demikian juga keadaannya. Daftar IX Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ada menentukan perkara-perkara yang ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan (pusat), perkara yang ditadbirkan oleh Negeri-negeri (kawasan-kawasan) dan perkara-perkara

*Kerajaan pusat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai kuasa yang lebih luas daripada kerajaan pusat negara persekutuan yang lain-lain seperti Amerika Syarikat atau Australia.

yang ditadbirkan bersama di antara kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri-negeri. Di bawah ini diberi contoh beberapa perkara yang ditadbirkan oleh kerajaan-kerajaan itu:-

Kerajaan Persekutuan	Kerajaan Negeri	Kuasa Bersama
Hal ehwal luar negeri	Agama Islam	Kebajikan masyarakat
Pertahanan	Tanah	
Keselamatan Dalam Negeri	Pertanian	Rancangan Bandar
Undang-undang dan Keadilan	Hutan	
Kerakyatan Persekutuan	Kerajaan Tempatan	Parit dan Taliair
Matawang	Lombong	
Perniagaan dan Perusahaan	Pertadbiran Negeri	dan sebagainya
Perairan Laut		
Buruh dan sebagainya.		

Kuasa selebih (residual power) terpulung kepada negeri-negeri. Ini bermakna sekiranya pada suatu masa kelak timbul sesuatu perkara yang tidak tertulis di dalam daftar Perlembagaan itu, maka kuasa itu adalah terpulung kepada negeri-negeri untuk menjalankannya.

Daripada contoh di atas nyatalah tidak boleh Negeri Perak misalnya, membuat perjanjian dengan Kerajaan Pakistan, atau Negeri Kelantan mengadakan askarnya sendiri, atau Negeri Johor menempa matawangnya sendiri kerana perkara-perkara ini ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya pula Kerajaan Persekutuan tidaklah pula berkuasa menetapkan siapa yang patut menjadi Sultan Negeri Selangor atau Mufti Negeri Sembilan atau memberi tanah kepada orang ramai kerana perkara-perkara itu di bawah jagaan kerajaan negeri. Ini tidaklah pula bermakna Kerajaan pusat tidak boleh langsung campur tangan dengan perkara-perkara

yang ditadbirkan oleh kerajaan negeri bahkan sekiranya kedua-dua pihak itu bersetuju bolehlah Kerajaan Persekutuan membuat undang-undang di dalam perkara yang di bawah kuasa negeri-negeri sekiranya difikirkan mustahak untuk menyamakan sesuatu undang-undang di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain.*

Bentuk Parlimen

Kuasa yang tertinggi sekali bagi membuat undang-undang dan memutuskan dasar-dasar pemerintahan di dalam Persekutuan Tanah Melayu ialah Parlimen. Parlimen ialah majlis mesyuarat tertinggi di mana undang-undang negeri dibuat dan disahkan dan dasar Kerajaan dibincangkan. Semua undang-undang Persekutuan mestilah diluluskan oleh Parlimen mengikut peraturan yang tertentu, jikalau tidak ia tidak sah, dan barang siapa menjalankannya adalah salah di sisi undang-undang. Perkataan Parlimen ditiru daripada perkataan Inggeris *Parliament* dan adalah juga digunakan untuk menamakan majlis mesyuarat undangan di negeri-negeri Komanwel yang lain. Di Amerika Syarikat majlis yang serupa itu dipanggil *Congress*, di negeri Belanda ia digelar *States-General* dan di Negeri Jepun dan setengah negeri di Eropah ia disebut *Diet*; tetapi makna dan tujuannya adalah serupa. Oleh sebab tidak ada terjemahannya yang tepat lagi mudah difaham di dalam bahasa Melayu, maka di dalam buku ini perkataan 'Parlimen' itu akan digunakan.

Sungguhpun Parlimen Persekutuan mempunyai kuasa yang luas tetapi ia tidaklah pula mempunyai kuasa yang tidak terhad seperti yang ada pada Parlimen Inggeris. Parlimen Persekutuan tidak boleh membuat undang-undang di atas perkara yang ditadbirkan oleh Negeri-negeri, dan ia tidak juga boleh membuat undang-undang yang berlawanan dengan Perlembagaan.

Parlimen Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada tiga pihak, iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agung, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kedudukan Yang Dipertuan Agung dalam pemerintahan Persekutuan adalah seakan-akan kedudukan *King* dan *Queen* yang

*Lihat fasal 76 daripada Perlembagaan.

memerintah di United Kingdom. Ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di tempat lain di dalam buku ini, dan memadai disebutkan di sini iaitu segala undang-undang yang dibuat oleh Parlimen adalah atas nama Baginda dan mestilah disahkan oleh Baginda, dan Baginda berhak hadir di mana-mana Dewan Parlimen untuk bertitah.

Selain daripada Yang Dipertuan Agung, Parlimen Persekutuan Tanah Melayu mengandungi, apa yang disebut, dewan dua tingkat.* Tingkat yang di atas digelar Dewan Negara dan tingkat yang di bawah digelar Dewan Rakyat. Ini adalah serupa keadaannya dengan Parlimen di United Kingdom yang mengandungi *House of Lords* dan *House of Commons*, dan *Congress* di Amerika Syarikat yang mengandungi *Senate* dan *House of Representatives*, dan juga Parlimen di India yang mengandungi *Rajya Sabha* (tingkat atas) dan *Loh Sabha* (tingkat bawah).

Dewan Negara

Dewan Negara Persekutuan Tanah Melayu mengandungi 38 orang ahli. Mereka ini terdiri daripada dua orang wakil dari tiap-tiap negeri yang dipilih oleh Dewan-dewan Negeri tiap-tiap negeri dan 16 orang yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agung daripada mereka yang difikirkan oleh Baginda telah berkhidmat dengan cemerlang kepada orang ramai atau bijaksana dalam lapangan perniagaan, perusahaan, pertanian, kebudayaan dan sebagainya atau layak mewakili kaum-kaum yang sedikit bilangannya seperti orang Asli dan orang Serani. Tidak syak lagi tujuan mengadakan ahli-ahli yang dilantik itu ialah untuk membolehkan orang-orang yang bijak pandai, tetapi tidak mahu bertanding di dalam pilihanraya, atau walaupun mahu mungkin tidak menang, mendapat tempat di dalam Parlimen dan dengan kerana itu buah fikiran mereka dapat digunakan oleh negara. Tiap-tiap ahli Dewan Negara mestilah berumur tidak kurang daripada 30 tahun. Ini berbeza sedikit dengan ahli-ahli Dewan Rakyat yang memadai dengan umur 21 tahun. Tujuan mengenakan syarat

*Ini tidak bermakna bangunan Parlimen itu mesti dua lapis. Boleh jadi Dewan itu sebelah-menyebelah. Pada masa ini Dewan Rakyat duduk di tingkat atas, Parlimen dan Dewan Negeranya di tingkat bawah.

umur yang lebih kepada orang-orang yang hendak menjadi ahli Dewan Negara itu ialah kerana hendak mendapatkan orang-orang yang sudah cukup dewasa dan masak akal fikirannya.†

Tiap-tiap ahli Dewan Negara berhak duduk di situ selama enam tahun dan pilihan atau lantikan baharu akan diadakan pada tiap-tiap tiga tahun manakala separuh daripada ahli-ahli Dewan itu mesti berehat. Separuh daripada ahli-ahli yang mula-mula sekali dilantik oleh Yang Dipertuan Agung untuk mengisi Dewan Negara yang pertama akan dilantik untuk tiga tahun sahaja, begitu juga seorang daripada wakil yang dipilih oleh tiap-tiap Dewan Negeri. Di sini bermaknalah Dewan Negara itu ada mempunyai ahli-ahli walau bila-bila masa pun dengan tidak putus-putus dan oleh sebab separuh sahaja ahlinya bertukar pada tiap-tiap tiga tahun, ini bermakna Dewan Negara itu sentiasa mempunyai ahli-ahli yang sudah mahir. Ini berbeza dengan Dewan rakyat kerana ia boleh dimansuhkan (*dissolved*) dan pilihanraya diadakan untuk memilih semua ahli. Boleh jadi di dalam pilihanraya itu seorang pun orang lama tidak kena pilih.

Jikalau dibandingkan dengan dewan-dewan tingkat atas di negeri lain seperti *Senate* di Amerika Syarikat atau *House of Lords* di United Kingdom. Dewan Negara Persekutuan Tanah Melayu hampir menyerupai *Senate* akan bentuknya, tetapi hampir menyerupai *House of Lords* akan kuasanya. Di Amerika, semua ahli *Senate* 'dipilih' oleh rakyat negeri secara terus (dua orang tiap-tiap negeri) tetapi di Persekutuan Tanah Melayu ahli Dewan Negara dipilih oleh ahli-ahli Dewan Negeri tiap-tiap negeri dan setengahnya dilantik oleh Yang Dipertuan Agung. *House of Lords* pula mengandungi ahli-ahli yang tidak dipilih oleh sesiapa melainkan sesiapa yang berketurunan bangsawan iaitu *Lord* atau *Earl*, *bishop* dan orang-orang yang baharu dinaikkan ke taraf *Lord* (bukan dengan keturunan, Lord Attlee dan Lord Montgomery, misalnya) adalah dengan sendirinya menjadi ahli dewan itu untuk seumur hidup. Perbezaan bentuk ini barangkali senang difaham dengan ringkasan di bawah ini:-

†Lihat Fasal I buku ini, Dewan Dua Tingkat.

<i>Dewan Negara</i> (Persekutuan Tanah Melayu)	<i>House of Lords</i> (United Kingdom)	<i>Senate</i> (Amerika Syarikat)
2 x 11 dipilih oleh Dewan-dewan Negeri + 16 ahli dilantik oleh Yang Dipertuan Agung = 38 orang	Semua Lord, Earl dan Bishop dan perempuan yang dinaikkan ke taraf <i>lady</i> = tak tentu bilangannya sekarang ada ± 850	2 x 50 dipilih terus oleh rakyat negeri-negeri = 100
6 tahun ($\frac{1}{2}$ bertukar 3 tahun sekali)	Berkhidmat seumur hidup	6 tahun ($\frac{1}{3}$ bertukar tiap-tiap 2 bulan).

Barang diingati pula sungguhpun ahli-ahli Dewan Negara itu ada yang dipilih oleh Dewan-dewan Negeri dan ada yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agung, akan tetapi Fasal 45(4) di dalam Perlembagaan itu membolehkan Parlimen membuat undang-undang menambah sampai tiga orang ahli yang dipilih oleh negeri-negeri, atau mereka itu dipilih oleh rakyat negeri secara terus seperti di Amerika. Fasal itu juga membenarkan Parlimen membuat undang-undang untuk mengurung atau menghapuskan ahli-ahli yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agung pada masa yang akan datang.

Sama ada mustahak atau tidak mengadakan dewan tingkat atas seperti Dewan Negara itu terpulanglah kepada pendapat ahli-ahli falsafah politik dan peguam-peguam perlembagaan. Ada yang berpendapat bahawa dewan seperti *House of Lords* itu sudah tidak berguna lagi kerana ahli-ahlinya tidak mewakili sesiapa kecuali diri mereka sendiri; sebaliknya ada pula yang berfikir bahawa sungguhpun dewan itu tidak mewakili sesiapa, ia mengandungi ahli-ahli yang bijaksana dan masak buah fikirannya terutama mereka yang telah dinaikkan taraf *Lord* daripada golongan orang ramai seperti Lord Attlee dan bekas Gabenor-gabenor Tanah Jajahan Inggeris. Dengan buah fikiran yang masak dan pengalaman mereka yang luas Parlimen tidak akan meluluskan sesuatu yang boleh membawa kepada bencana kemudian hari. Walau bagaimanapun di dalam negara yang diperintah

secara persatuan (union) seperti di United Kingdom atau di New Zealand misalnya, barangkali juga dewan tingkat atas itu tidak berapa mustahak, tetapi di dalam negara-negara yang diperintah secara persekutuan, dewan tingkat atas itu adalah tersangat mustahak untuk menjaga kepentingan dan kebebasan negeri-negeri yang menjadi ahli-ahli persekutuan supaya ia tidak ditelan oleh kuasa pusat atau dipengaruhi oleh negeri-negeri yang lebih ramai penduduknya. Di Amerika, misalnya, tiap-tiap negeri yang menjadi ahli persekutuan, sama ada ia besar atau kecil, ramai atau sedikit penduduknya, berhak menghantar dua orang wakil mereka ke *Senate* dan segala perkara yang besar-besar yang boleh menceburkan seluruh negara umumnya seperti mengisytiharkan perang, membuat perjanjian dengan negara-negara luar, meminda Perlembagaan dan mengesahkan lantikan jemaah menteri dari President, semuanya terpaksa diluluskan oleh *Senate* yang mewakili semua negeri-negeri.

Barangkali juga penggubal-penggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mempunyai tujuan yang serupa apabila mereka mengadakan dewan tingkat atas (Dewan Negara) itu, iaitu untuk menjaga kepentingan Kerajaan negeri-negeri dan supaya negeri-negeri yang kecil tidak dipermainkan oleh negeri-negeri yang besar kerana wakil-wakil dari negeri-negeri kecil itu tidak ramai di Dewan Rakyat. Perlis, misalnya, oleh kerana negerinya kecil dan penduduknya tidak ramai, dapat menghantar hanya dua orang wakil sahaja ke Dewan Rakyat tetapi ia berhak menghantar dua orang wakil ke Dewan Negara iaitu sama ramai dengan wakil yang datang dari negeri Perak yang boleh menghantar 20 orang wakil ke Dewan Rakyat. Akan tetapi menilik kepada kuasa-kuasa yang diberi kepadanya, Dewan Negara Persekutuan Tanah Melayu tidaklah mempunyai kuasa-kuasa seperti yang ada pada *Senate* di Amerika seperti yang telah diterangkan, bahkan Dewan itu adalah lebih menghampiri *House of Lords* di England kuasanya. Dewan Negara, seperti *House of Lords*, hanya berkuasa melambat-lambatkan rang undang-undang (bill). Ia hanya boleh mengusulkan rang undang-undang yang kecil-kecil dan tidak berkuasa langsung berkenaan rang undang-undang yang bersangkutan-paut dengan wang. Ini barangkali kerana ahli-ahli Dewan Negara itu tidak

mewakili rakyat secara terus seperti di Amerika dan dengan kerana itu tidaklah diberi kuasa yang banyak; tetapi hendaklah diingati pula bahawa sungguhpun Perlembagaan itu ada menyediakan peluang bagi semua ahli Dewan Negara itu dipilih secara terus seperti di Amerika, Perlembagaan itu tidak ada mempunyai persediaan untuk menambah kuasa Dewan Negara itu.

Dewan Rakyat

Dewan yang kedua, yang menjadi dewan tingkat bawah, ialah Dewan Rakyat. Ini adalah serupa dengan *House of Commons* di United Kingdom dan dewan-dewan tingkat bawah di negara-negara Komanwel yang lain. Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu mengandungi 100* orang ahli yang dipilih secara terus oleh rakyat mengikut cara pilihanraya satu kawasan seorang wakil.† Ahli-ahli Dewan Rakyat mestilah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan mempunyai kelayakan yang lain-lain seperti tahu bertutur di dalam bahasa Melayu atau Inggeris kerana bahasa yang digunakan di Dewan ialah kedua-dua bahasa tersebut.

Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai kuasa yang lebih besar daripada Dewan Negara. Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mestilah seorang ahli dari Dewan itu sungguhpun Menteri-menteri yang lain boleh dilantik dari Dewan Negara jikalau mustahak. Kebanyakan rang undang-undang, sama ada diusulkan oleh parti yang berkuasa atau oleh sebarang ahli Parlimen (*private bill*) adalah diusulkan dari Dewan Rakyat, dan di situlah juga dasar Kerajaan sama ada berkenaan hal-hal di dalam negeri atau di luar negeri diserang oleh pihak pembangkang dan dipertahankan oleh pihak Kerajaan. Kekalahan undi Kerajaan di Dewan ini berkenaan soalan-soalan yang besar, bermakna Kerajaan akan jatuh dan Kerajaan baharu mesti ditubuhkan atau pilihanraya diadakan semula. Oleh kerana Dewan Rakyat itu mewakili rakyat negara seumumnya maka ia sahajalah yang layak membincangkan bagaimana wang negara patut dikutip dan dibelanjakan. Ini bermakna Dewan Rakyat

* Bagi Parlimen yang pertama ahli-ahlinya ialah 104 orang.

† Lihat Fasal 1 buku ini berkenaan *Perwakilan*.

itu sahajalah yang layak membincangkan Rang Undang-undang Wang yang dimajukan oleh pihak Kerajaan dan meluluskan atau menolaknya. Dewan Negara tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau meminda undang-undang wang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Kerja-kerja Parlimen

Adapun kerja-kerja Parlimen itu bolehlah dibahagi kepada beberapa jenis. Yang pertama dan yang besar sekali ialah membuat undang-undang. Parlimen Persekutuan Tanah Melayu berkuasa membuat undang-undang atas semua perkara yang di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan seperti yang diterangkan pada awal fasal ini. Ia juga boleh membuat undang-undang berkenaan perkara-perkara yang di bawah jagaan kerajaan negeri jikalau dibenarkan atau diminta oleh kerajaan negeri itu. Akan tetapi Undang-undang bukanlah suatu perkara yang dapat digubal dengan bertengkar beramai-ramai. Ia berkehendakkan masa untuk memikirkannya dan dikarang dengan tafsir dan ayat undang-undang yang tepat supaya tidak menjadi samar-samar kemudian hari dan ditafsirkan dengan berbagai-bagai makna. Oleh yang demikian kerja menggubal undang-undang itu adalah dijalankan oleh Kementerian yang menjaga perkara yang hendak dibuat undang-undangnya itu. Jikalau perkara itu berkenaan cukai maka Kementerian Kewanganlah akan mengusahakannya; jikalau ia perkara sekolah maka Kementerian Pelajaranlah akan mengusahakannya, dan mereka adalah dibantu oleh pejabat Peguam Negara. Setelah dipersetujui oleh Jemaah Menteri baharulah rang undang-undang itu dimajukan ke Parlimen untuk dibahas dan akhirnya diluluskan atau ditolak.

Yang kedua, Parlimen menjaga dan mengawal bagaimana wang orang ramai (wang negara) dipungut dan dibelanjakan. Wang tidak boleh dipungut atau cukai dinaikkan atau diturunkan dengan tidak ada kebenaran Parlimen; begitu juga wang negara tidak boleh dibelanjakan kecuali dengan kebenaran Parlimen, dan rang undang-undang untuk memungut atau membelanjakan wang negara mestilah diusulkan oleh Jemaah Menteri menerusi Menteri Kewangan di Dewan Rakyat.

Yang ketiga, Parlimen menjaga dan mengawasi apa yang dibuat oleh pemerintah, menegur apa yang tidak betul, mengingatkan pemerintah jikalau mereka tidak menjalankan kewajibannya, atau menjatuhkan Kerajaan dengan undian tidak percaya kepadanya. Parlimen juga adalah tempat ahli-ahli menghuraikan buah fikiran dan mengadakan sesuatu perkara yang patut diambil perhatian oleh pemerintah. Ini sangatlah mustahak dalam pemerintahan cara demokrasi kerana dengan menghuraikan buah fikiran dengan tidak berasa takut-takut sahajalah dapat pemerintah tahu bagaimana pendapat dan perasaan orang ramai atas satu masalah. Ahli-ahli Parlimen juga berhak mengemukakan apa-apa soalan kepada pemerintah dan pemerintah terpaksa menjawab soalan-soalan itu kecuali jika soalan-soalan itu mengandungi rahsia yang tidak harus diumumkan kepada orang ramai. Peluang menyoal pemerintah itu adalah satu perkara yang tersangat berguna kerana dengan adanya peluang menyoal itu pemerintah tidak akan berani berbuat sesuatu yang salah kerana jika mereka berbuat demikian sudah pasti mereka akan disoal di dalam Parlimen. Akan tetapi soal-soal yang dikemukakan di dalam Parlimen itu haruslah soal-soal yang menasabah dan jawabnya boleh membayangkan satu-satu hal yang patut dibaiki oleh pemerintah atau patut disedari oleh orang ramai. Seseorang ahli yang bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramaikah penuntut laki-laki dan perempuan di sesebuah sekolah, tentu membuang masa sahaja kerana angka-angka itu boleh didapati di Kementerian Pelajaran atau di sekolah itu sendiri dengan senang, dan jawapannya harus tidak membayangkan apa-apa. Kalau ada ahli-ahli menanya Menteri yang berkenaan berapa banyakkah sijil kerakyatan yang telah diberi kepada orang yang tidak layak menerimanya, atau berapa ramaikah orang yang ditangkap dan ditahan oleh Kerajaan dengan tidak payah dibicarakan, maka ini adalah soal-soal yang menasabah kerana soal-soal itu membayangkan kekhuatiran orang ramai berkenaan perkara yang sedang berlaku di dalam negeri dan patut diperhatikan oleh Kerajaan.*

*Segala soal-soal yang dikemukakan kepada pihak Kerajaan itu mahulah dimajukan kepada Setiausaha Dewan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum persidangan diadakan. Ini untuk membolehkan pihak Kerajaan mencari butir-butir yang berhubung dengan soal-soal itu.

Selain daripada kerja-kerja yang tersebut di atas Parlimen boleh juga membahaskan usul-usul atau *motion* yang dimajukan oleh ahli-ahli Dewan berkenaan dengan dasar Kerajaan di dalam dan di luar negeri dan juga mendengar rayuan-rayuan (*petition*) yang dimajukan oleh orang ramai dan membahaskan penyata-penyata yang dibentangkan di Dewan itu untuk penerangan atau pertimbangannya.

Bagaimana Undang-undang Dibuat

Untuk mengetahui bagaimana Parlimen bekerja eloklah diterangkan serba sedikit peraturan-peraturannya terlebih dahulu. Katakanlah Dewan Rakyat, kerana Dewan inilah yang lebih penting. Dewan ini mempunyai seorang pengerusi yang digelar Tuan Yang Dipertua Dewan (*Speaker*). Ia dilantik daripada seorang ahli Dewan itu. Ini harus diingati kerana Perdana Menteri bukanlah pengerusi Dewan itu. Kewajipan *Speaker* itu bukanlah semata-mata mempengerusikan mesyuarat Dewan itu sahaja bahkan ia adalah juga bertanggungjawab melihat supaya semua pihak di dalam Dewan itu diberi peluang untuk memberi buah fikiran mereka dan juga supaya pihak pembangkang tidak membangkang dengan buta tuli Perdana Menteri, Menteri-menteri dan penyokong mereka duduk di sebelah Dewan itu dan pihak pembangkang duduk di sebelah lain. Dewan itu mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu (*standing rules and orders*) yang menetapkan bahasa yang boleh digunakan, lama seseorang ahli boleh bercakap, peraturan berbahas, peraturan menangguhkan mesyuarat dan peraturan meluluskan undang-undang dan sebagainya.

Fasal 66(2) daripada Perlembagaan membolehkan rang undang-undang dimulai dari mana-mana Dewan kecuali rang undang-undang wang yang mesti diusulkan oleh pemerintah dari Dewan Rakyat sahaja. Rang Undang-undang (*bill*) ertinya undang-undang yang masih belum disahkan oleh Parlimen dan apabila ia telah disahkan ia akan digelar Undang-undang atau *Act** di dalam bahasa Inggerisnya. Sebagai misalannya katakanlah Kerajaan bercadang hendak

*Di negeri-negeri, undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri digelar 'Enactment'.

membuat undang-undang untuk mengawal supaya buruh yang bekerja sebagai penjual barang-barang di kedai mendapat layanan yang sepatutnya daripada majikan-majikan mereka. Oleh sebab perkara ini perkara perburuhan maka Kementerian Buruhlah yang bertanggungjawab menyediakan rang undang-undang itu dan mereka akan dibantu oleh Jabatan Peguam Negara supaya rang-rang itu dikarang mengikut istilah undang-undang. Sebelum undang-undang itu digubal maka mustahaklah dikaji supaya undang-undang itu tidak berlawanan dengan Perlembagaan. Kadang-kadang jika perkara itu bersangkutan dengan kepentingan Negeri, Kerajaan Negeri-negeri akan ditanya sama ada mereka ada mempunyai apa-apa bantahan. Setelah rangka undang-undang itu dipersetujui oleh Jemaah Menteri ia pun dimajukan kepada Dewan Rakyat. Pada persidangan Dewan Rakyat yang akan datang Menteri Buruh akan memajukan supaya rang undang-undang itu dibaca bagi kali yang pertamanya. Baca† bagi kali yang pertama tidak bermakna apa-apa kecuali memberi tahu Dewan akan nama rang undang-undang itu dan rang undang-undang itu akan dibaca bagi kali yang keduanya. Lepas itu rang undang-undang itu dicap di atas kertas biru dan diedarkan kepada semua ahli. Biasanya rang-rang yang seperti itu akan dibaca bagi kali yang keduanya pada persidangan yang akan datang kecuali jika rang undang-undang itu dikehendaki segera lulusnya atau jikalau ia rang undang-undang untuk membelanjakan wang negara (Supply Bill). Ini boleh dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga pada persidangan itu juga.

Berbalik kepada undang-undang buruh tadi. Manakala rang undang-undang itu diusulkan untuk dibaca bagi kali yang keduanya, Menteri Buruh akan menerangkan dengan panjang lebar akan dasar dan tujuan undang-undang itu dan kenapa mustahak diadakan. Seorang sahabatnya, Menteri Kesihatan misalnya, akan menyokong dia dan ia juga akan memberi buah fikirannya kenapa ia menyokong undang-undang itu. Selepas itu rang undang-undang itu akan di-

†'Baca' perkataan ini ditiru daripada bahasa Inggeris 'to read' yang digunakan di Parlimen Inggeris. Pada zaman alat cetak mencetak masih belum ada dahulu rang undang-undang terpaksa dibaca kuat-kuat supaya semua ahli-ahli Parlimen dapat mendengar butir-butir rang undang-undang itu.

bincangkan tetapi perbincangan ini terhad kepada membahaskan dasar-dasar rang undang-undang itu sahaja dan bukannya butirnya. Setelah rang undang-undang itu lulus di dalam bacaan yang keduanya ia akan diserahkan pula kepada suatu Jawatankuasa. Jawatankuasa ini ada dua jenis. Satu digelar Jawatankuasa Semua Ahli Dewan dan satu lagi Jawatankuasa Pilihan. Jawatankuasa yang pertama bermakna semua ahli Dewan itu menjadi Jawatankuasa dan mereka akan membahas, meminda atau menambah rang undang-undang itu satu persatu. Sebabnya Dewan itu sekarang menjadi Jawatankuasa ialah kerana hendak membolehkan ahli-ahli bercakap beberapa kali dengan tidak terikat kepada peraturan Dewan. Tuan Speaker akan menjadi Pengerusi dan cokmar akan diturunkan. Jawatankuasa Pilihan pula bermakna beberapa orang ahli Dewan itu dilantik untuk mengkaji dan menghalusi rang undang-undang itu. Ini selah dibuat jika rang undang-undang itu mendapat tentangan yang kuat atau rang undang-undang itu difikirkan akan mempunyai akibat yang sangat luas.

Setelah rang undang-undang itu dikaji dan dihalusi di peringkat Jawatankuasa ia akan dibawa balik ke Dewan dan Menteri Buruh akan mencadangkan supaya rang undang-undang itu dibaca bagi kali yang ketiga dan sekiranya tidak ada perkara yang hendak dibincangkan lagi, cadangan Menteri itu akan disokong dan rang undang-undang itu pun diluluskan oleh Dewan.

Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat seperti yang diterangkan di atas akan dimajukan pula ke Dewan Negara. Peraturannya adalah seperti di Dewan Rakyat itu juga, dan apabila rang undang-undang itu diluluskan oleh Dewan Negara maka ia pun dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Agung untuk persetujuan Baginda dengan menurunkan Mohor Negara ke atas Rang Undang-undang itu dan ia pun diisytiharkan sebagai Undang-undang Persekutuan dan disiarkan di dalam Warta Kerajaan.

Supaya senang memahamkan peraturan meluluskan rang undang-undang ini di bawah ini diberi peringkat-peringkat yang mesti dilalui oleh rang undang-undang sebelum menjadi undang-undang:-

- (1) Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang per

tama — tidak ada bahas.

- (2) Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang kedua — bincangan terhad kepada dasar-dasar dan tujuannya sahaja.
- (3) Rang Undang-undang diserahkan kepada Jawatan-kuasa Semua Ahli Dewan atau kepada Jawatan-kuasa Pilihan — dihalusi, dipinda atau ditambah.
- (4) Rang Undang-undang dikembalikan balik kepada Dewan — kalau mustahak boleh dipinda lagi.
- (5) Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang ketiga — terus diluluskan atau ditolak.
- (6) Jikalau diluluskan, Rang Undang-undang pergi ke Dewan Negara dan tertib 1, 2, 3, 4, 5 akan diulang semula.
- (7) Jikalau diluluskan oleh Dewan Negara Rang Undang-undang disembahkan kepada Yang Dipertuan Agung untuk persetujuannya.
- (8) Disiarkan di dalam Warta Kerajaan.

Jikalau rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau Dewan Negara membuat beberapa pindaan yang tidak disetujui oleh Dewan Rakyat, rang undang-undang itu bolehlah ditangguhkan sehingga setahun lamanya. Lepas itu jika diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat tetapi ditolak oleh Dewan Negara, atau dipinda oleh Dewan Negara tetapi tidak disetujui oleh Dewan Rakyat, maka rang undang-undang itu bolehlah dipinda bersama-sama dan disembahkan kepada Yang Dipertuan Agung untuk persetujuannya. Tujuan menangguhkan rang undang-undang yang tidak diluluskan oleh Dewan Negara itu ialah supaya kedua-dua Dewan itu dapat memikirkan dengan tenang di dalam tempoh setahun itu sama ada rang undang-undang itu patut disahkan atau dibatalkan sahaja.

Peraturan yang tersebut di atas tidaklah mengenai rang undang-undang yang bersangkutan-paut dengan wang, seperti rang undang-undang untuk membelanjakan wang negara atau untuk memungut khazanah atau meminjam wang. Rang

undang-undang ini memadai diluluskan oleh Dewan Rakyat dan sekiranya tidak diluluskan oleh Negara pun bolehlah ia disembahkan kepada Yang Dipertuan Agung sebulan lepas rang undang-undang itu dikirim ke Dewan Negara. Sebab pun begini telah diterangkan di tempat lain di dalam fasal ini.

Rang Undang-undang Bersendirian (Private Bill)

Selain daripada rang undang-undang yang dimajukan oleh pemerintah, ahli-ahli Parlimen adalah berhak memajukan rang undang-undang yang bersendirian untuk mentadbirkan sesuatu perkara yang terkhas, tetapi rang undang-undang itu haruslah tidak menimbulkan apa-apa perbelanjaan kepada Kerajaan apabila ia disahkan. Dan lagi oleh sebab rang undang-undang itu berkehendakkan sokongan ahli-ahli Parlimen sebelum ia disahkan tentulah ia mengandungi perkara-perkara yang lurus sahaja; kalau tidak, ia harus dilemparkan oleh ahli-ahli yang lain.

Peraturan Mengundi

Semua keputusan Parlimen adalah diambil dengan suara yang lebih daripada separuh (simple majority) kecuali berkenaan usul hendak meminda Perlembagaan. Ini berkehendakkan dua atau lebih suara semua ahli tiap-tiap Dewan. Biasanya sesuatu soal atau usul yang dimajukan tidaklah diundi melainkan memadai bagi Tuan Yang Dipertua Dewan (Speaker) menanya siapa yang bersetuju akan usul itu berkata *Ai* (bersetuju) dan yang tidak bersetuju berkata *No* (tidak). Tuan Yang Dipertua Dewan akan memutuskan mana yang lebih kuat suara itulah yang menang. Tetapi sekiranya ada pihak yang tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang Dipertua Dewan itu, bolehlah ia meminta supaya undi itu dibilang, iaitu orang yang bersetujukan usul itu berdiri di sebelah dan yang tidak bersetuju berdiri sebelah lain.

Peraturan Undang-undang atau Undang-undang Kecil

Dahulu daripada ini ada disebutkan bahawa undang-undang itu mestilah diluluskan oleh Parlimen sebelum berjalan kuat kuasanya. Sungguhpun demikian undang-undang

yang hendak dibuat daripada suatu masa ke suatu masa adalah tersangat banyak dan setengahnya terlampau panjang dan mempunyai butir-butir yang halus yang tidak dapat dikaji oleh ahli-ahli Parlimen satu persatu. Untuk meringkas kerja-kerja Parlimen itu undang-undang yang diluluskan oleh mereka itu biasanya berupa rangka yang mengandungi dasar undang-undang itu yang kasar sahaja dan ia memberi kuasa kepada Yang Dipertuan Agung atau Menteri atau Ketua-ketua Pejabat untuk membuat peraturan-peraturan atau undang-undang kecil yang lengkap menerangkan bagaimana undang-undang itu akan dijalankan. Misalnya, jika undang-undang itu undang-undang cukai pendapatan, peraturan undang-undang itu akan menerangkan bagaimana orang ramai patut menghantar butir-butir atau kira-kira pendapatannya, bagaimana hendak mengira berapa banyak cukai yang wajib dibayar oleh seseorang dan sebagainya. Peraturan undang-undang yang dibuat dengan cara ini disebut *delegated legislation* atau *subsidiary legislation* dan ia mempunyai kuat kuasa seperti undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen juga, yakni orang yang melanggar undang-undang itu boleh didakwa di mahkamah. Peraturan undang-undang yang dibuat dengan cara ini selalunya disebut *rules* atau *regulations*, *by-laws* atau *orders* atau sebagainya di dalam bahasa Inggerisnya dan selalunya dibuat oleh Yang Dipertuan Agung atau Menteri-menteri.

Kebolehan Menteri-menteri membuat undang-undang dengan cara ini adalah berlawanan dengan dasar 'perceraian kuasa' seperti yang telah diterangkan di dalam Fasal I buku ini, kerana Menteri-menteri yang menjadi penjalan perintah (the executive) mengambil peranan anggota pembuat undang-undang iaitu Parlimen. Keadaan yang demikian tidaklah dapat dielakkan lagi apabila undang-undang yang terpaksa dibuat bertambah dari sehari ke sehari; sungguhpun demikian Parlimen masih berkuasa mengawasi peraturan undang-undang yang dibuat oleh pemerintah itu. Setengah undang-undang mewajibkan peraturan undang-undang atau undang-undang kecil yang dibuat oleh pemerintah itu dibentangkan kepada Parlimen untuk disahkan oleh Parlimen atau untuk pengetahuan Parlimen, dan Parlimen berhak membatalkan undang-undang itu jika ia tidak bersetuju.

Umur Parlimen

Umur Parlimen Persekutuan Tanah Melayu ialah lima tahun. Ini bermakna seseorang ahli Dewan Rakyat itu boleh duduk di situ selama lima tahun sahaja, dan sekiranya ia hendak menjadi ahli lagi maka terpaksa ia bertanding semula di dalam pilihanraya. Parlimen itu boleh juga tamat hayatnya jikalau Dewan Rakyat mengundi tidak percaya akan pemerintah yang ada. Ini boleh berlaku jikalau bilangan terbanyak ahli Dewan itu tidak bersetuju dengan dasar pemerintah yang besar-besar, atau Dewan itu menolak rang undang-undang yang besar yang dimajukan oleh Kerajaan, seperti rang undang-undang meluluskan Anggaran Perbelanjaan (Supply Bill) misalnya. Perkara yang begini jarang-jarang berlaku di negeri-negeri yang mempunyai hanya dua atau tiga parti sahaja di dalam Parlimen, seperti di United Kingdom, kerana parti yang memerintah selalunya mempunyai ahli-ahli yang ramai di Parlimen, tetapi di negeri-negeri yang mempunyai banyak parti yang kecil-kecil di dalam Parlimennya seperti di negeri Perancis, Indonesia dan Pakistan (sebelum diubah cara pemerintahan mereka) perkara undi tidak percayakan pemerintah itu selalu berlaku dan kesudahannya Kerajaan terpaksa turun naik menyebabkan pemerintahan negeri menjadi kacau-bilau. Jikalau Kerajaan sudah jatuh maka terpaksa orang lain pula menubuhkan Kerajaan yang baharu dan sekiranya tiada siapa pun yang sanggup, pilihanraya terpaksa diadakan semula.

Parlimen boleh juga mansuh jikalau pemerintah (Jemaah Menteri) meletakkan jawatan dan meminta Yang Dipertuan Agung memansuhkan Parlimen supaya diadakan pilihanraya yang baharu walaupun tempohnya masih belum sampai. Ini boleh dibuat jikalau parti yang memerintah tidak mempunyai kekuatan yang banyak di dalam Parlimen, dan dengan pilihanraya itu parti itu berharap mendapat kerusi lebih banyak; ataupun perkara atau masalah yang ada di hadapan Kerajaan sekarang sangat luar biasa dan tidak pernah dibincangkan pada pilihanraya yang lepas, dan rakyat patut ditanya atas soal itu dengan berupa pilihanraya. Parlimen boleh juga dimansuhkan sebelum cukup tempohnya jikalau parti yang berkuasa berasa yang ia disukai oleh ramai dan boleh menang di dalam pilihanraya jika diadakan pada waktu

itu daripada menunggu masa yang lain. Tetapi hendaklah pula diingati bahawa Yang Dipertuan Agung berkuasa menolak permintaan hendak memansuhkan Parlimen, dan ia boleh memilih orang lain di Dewan Rakyat untuk menjadi Perdana Menteri jikalau Perdana Menteri yang ada tidak mahu menjawat kerja itu lagi.

Penggal Parlimen

Di dalam tempoh yang lima tahun itu Parlimen terbahagi kepada beberapa penggal yang digelar di dalam bahasa Inggerisnya *session* (persidangan) yang selalunya berakhir setahun, dan tiap-tiap satu *session* itu adalah beberapa kali mesyuarat (*meeting*) yang berlangsung beberapa hari dan perjumpaan yang diadakan pada tiap-tiap hari itu digelar *sitting*. Lazimnya Yang Dipertuan Agung akan berangkat ke Parlimen pada permulaan *session* untuk membuka Parlimen di mana Baginda akan membaca 'Titah Diraja' yang merangkakan dasar Kerajaan dan apa yang hendak dibincangkan dan dibuat pada masa akan datang. 'Titah Diraja' ini disediakan oleh Perdana Menteri atau Jemaah Menterinya dan akan dibahaskan dengan panjang lebar di dalam Parlimen setelah Yang Dipertuan Agung berangkat kembali.

Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan

Untuk meringkaskan kerja-kerja Parlimen yang terlampau banyak itu beberapa Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan dilantik untuk mengkaji perkara-perkara yang tertentu. Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Penggal Persidangan (*Sessional Select Committee*) oleh sebab ia dilantik bagi tiap-tiap penggal, dan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik sekali sahaja untuk tujuan yang khas. Di antara jenis yang pertama yang pentingnya ialah Jawatankuasa Kira-kira Wang yang dilantik oleh Dewan Rakyat pada tiap-tiap penggal persidangan dan mengandungi pihak Kerajaan dan pihak pembangkang. Kewajipan-kewajipan Jawatankuasa ini ialah memeriksa dan mengkaji kira-kira jabatan-jabatan Kerajaan dan penyata-penyata yang dibuat oleh Juru Odit Negara, dan memberitahu Dewan atas perkara yang berbangkit dari penyiasatan mereka. Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain ialah Jawatankuasa Peraturan Dewan dan Jawatan-

kuasa Hak Istimewa Dewan. Jawatankuasa Pilihan Khas pula biasanya dilantik untuk mengkaji rang undang-undang seperti yang diterangkan pada muka 52.

Kelebihan Ahli-ahli Parlimen

Dari segi undang-undang ahli-ahli Parlimen adalah seperti rakyat awam, tetapi mereka mempunyai kelebihan iaitu mereka berhak bertutur di dalam Parlimen dengan bebas. Ini bermakna mereka tidak boleh didakwa di Mahkamah bersabit dengan perkataan yang mereka tuturkan di dalam Parlimen walaupun perkataan-perkataan itu mengandungi unsur fitnah atau boleh menjatuhkan maruah orang lain. Kelebihan ini hanya terhad di Parlimen sahaja. Di luar Parlimen mereka adalah seperti orang-orang biasa.

Ahli-ahli Parlimen Persekutuan Tanah Melayu mendapat biaya sebanyak \$500/- sebulan mulai dari hari ia dipilih atau dilantik. Ia juga berhak mendapat \$35 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian daripada 24 jam jikalau mereka meninggalkan tempat tinggal mereka yang biasa untuk menghadiri persidangan Parlimen atau Jawatankuasa Parlimen. Selain daripada itu mereka juga mendapat kelebihan seperti telefon dan teket keretapi yang percuma dan sebagainya.

Segala peraturan-peraturan Parlimen seperti yang diterangkan di atas adalah ditiru daripada peraturan-peraturan Parlimen di United Kingdom sehinggalah kepada cokmarnya, *sergeant-at-arms* (bentara Dewan) dan jubah dan rambut palsu Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Yang Dipertua Dewan Negeranya. Barangkali pada suatu masa yang akan datang peraturan dan adat istiadat ini akan diubah untuk menyesuaikan dengan keadaan dan adat resam di Tanah Melayu.

Suruhanjaya Pilihanraya

Untuk menguruskan hal ehwal pilihanraya, sebuah badan yang bebas telah dilantik. Suruhanjaya ini mengandungi seorang pengerusi dan dua orang ahli yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agung setelah mendapat persetujuan Majlis Raja-raja kerana Suruhanjaya ini juga bertanggungjawab berkenaan pilihanraya-pilihanraya di negeri-negeri. Suruhanjaya ini menjalankan kerja mereka dengan bebas seperti

hakim-hakim Mahkamah dan ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sebab pun demikian ialah supaya Suruhanjaya itu tidak dituduh menyebelah ke mana-mana parti atau calon-calon yang bertanding. Seperti gaji hakim-hakim dan gaji ahli-ahli Suruhanjaya ini dibayar terus daripada Wang Kumpulan Negara dengan tidak payah mendapat kebenaran undang-undang wang sebagaimana perbelanjaan lain-lain.

Kewajipan Suruhanjaya ini ialah menguruskan hal ehwal pilihanraya untuk memilih ahli-ahli Dewan Rakyat, ahli-ahli Dewan Negeri dan juga ahli-ahli Majlis Bandaran yang memustahakkan pilihanraya. Ini termasuklah juga kewajipan menentukan kawasan-kawasan pilihanraya dan menjaga daftar-daftar orang yang boleh memilih atau mengundi. Suruhanjaya ini berkuasa dengan persetujuan Yang Dipertuan Agung membuat peraturan undang-undang berkenaan pilihanraya seperti peraturan mendaftarkan nama, peraturan menjadi calon, peraturan mengundi dan sebagainya.

FASAL IV

PEMERINTAHAN

Ketua Negara

Ketua negara bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Kedudukan Baginda sebagai ketua negara adalah seakan kedudukan *King* atau *Queen* di United Kingdom, tetapi ada beberapa perbezaannya. Misalnya, Yang Dipertuan Agung menjadi raja mengikut giliran yang tertentu selama lima tahun, manakala *King* atau *Queen* Inggeris memerintah seumur hidup. Oleh sebab negeri-negeri Melayu yang menjadi ahli-ahli Persekutuan itu mempunyai raja masing-masing, Yang Dipertuan Agung tidaklah mempunyai kuasa berkenaan agama Islam di dalam negeri-negeri itu kecuali di Pulau Pinang dan Melaka di mana Baginda menjadi ketua agama Islam. Baginda juga tidak mempunyai kuasa untuk mengampunkan orang-orang salah kecuali kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah tentera; kuasa mengampun ini ada di tangan Raja atau Gabenor negeri tempat kesalahan itu dilakukan.

Seperti *King* atau *Queen* di United Kingdom juga, Yang Dipertuan Agung ialah raja yang memerintah dengan secara perlembagaan. Ini bermakna Baginda bersetuju menjadi raja dengan peraturan-peraturan yang tertentu dan tidaklah berbuat sesuka hatinya seperti raja pada zaman dahulu. Semua undang-undang negara dibuat atas nama Baginda dan segala tindakan Kerajaan pun atas nama Baginda. Tentera Darat, Laut, Udara ialah tentera Baginda. Semua duta-duta

luar negeri ke Tanah Melayu mesti disahkan (accredited) oleh Baginda, dan duta-duta Persekutuan Tanah Melayu keluar negeri mendapat tauliah daripada Baginda; begitu juga segala kurniaan bintang-bintang kehormatan, semuanya atas nama Baginda. Pendeknya Yang Dipertuan Agunglah menjadi simbol negara dan punca kedaulatannya.

Yang Dipertuan Agung terkeluar daripada parti politik. Ini bermakna Baginda tidak boleh menyebelahi mana-mana parti politik dan parti-parti itu tidak boleh mengait ataupun mencampurkan Baginda dalam perbalahan di antara satu parti dengan parti yang lain. Sebagai raja yang memerintah secara berperlembagaan Baginda adalah menurut nasihat yang diberi oleh Perdana Menteri dan Jemaah Menterinya, tetapi sungguhpun begitu Baginda berhak mengetahui kenapa ia mesti berbuat seperti yang dinasihatkan itu. Baginda juga mempunyai kuasa untuk bertindak sendiri dengan tidak payah mendengar nasihat sesiapa, umpamanya apabila melantik Perdana Menteri atau membubarkan Parlimen; tetapi sungguhpun demikian Baginda tentulah berbuat mengikut keadaan yang ternyata kepada Baginda. Baginda juga berkuasa dengan bersendirian untuk memanggil Mesyuarat Majlis Raja-raja untuk membicarakan perkara yang bersangkutan dengan kebesaran, kehormatan dan kedudukan Raja-raja Melayu dan untuk memilih Yang Dipertuan Agung yang baharu atau Timbalan Yang Dipertuan Agung.

Baginda dan isteri Baginda yang digelar Raja Permaisuri Agung ialah orang yang terutama sekali di Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan adalah menyediakan peruntukan wang bagi sara hidup Baginda-baginda yang digelar *Civil List* pada tiap-tiap tahun. Peruntukan wang ini tidak dibincangkan di Parlimen seperti perbelanjaan-perbelanjaan yang lain-lain.*

Kewajipan yang utama bagi Yang Dipertuan Agung ialah melantik seorang Perdana Menteri daripada seorang ahli Dewan Rakyat supaya ia dapat mengadakan suatu Jemaah Menteri untuk menjalankan pemerintahan negeri. Lazimnya

**Civil List* bagi Yang Dipertuan Agung mengandungi \$216,000 sebagai sara khas dan jamu-menjamu, \$335,000 sebagai gaji pegawai-pegawai dan perbelanjaan Istana, \$6,000 untuk anugerah Baginda kepada orangramai setahun. Raja Permaisuri Agung mendapat \$30,000 sara hidup setahun. (Lihat *Civil Lists Ordinance, 1957*).

orang yang difikirkan oleh Baginda dapat sokongan ahli-ahli Dewan Rakyat yang teramai itulah yang dipilih Baginda untuk menjadi Perdana Menteri, dan selalunya orang itu ialah ketua sesuatu parti. Apabila Perdana Menteri telah dilantik, Baginda dengan nasihat Perdana Menteri yang telah dilantik tadi akan melantik pula ahli-ahli Jemaah Menteri dan Penolong-penolong Menteri daripada ahli-ahli Dewan Parlimen. Di dalam hal ini kewajipan dan kuasa Baginda adalah seperti kewajipan dan kuasa *King* atau *Queen* di United Kingdom, Presiden di India dan Gabenor-gabenor General di negara Komanwel yang lain, tetapi tidaklah serupa dengan Presiden di Amerika Syarikat kerana Presiden Amerika adalah memerintah sendiri dan Menteri-menterinya dipilih olehnya sendiri daripada orang yang bukan ahli Kongres.

Peraturan Memilih

Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agung ialah seorang ketua negara yang dipilih dengan cara yang jarang-jarang dijumpa di dunia pada zaman sekarang. Perbandingan yang hampir ialah cara memilih *Vice-Chancellor University Cambridge* atau *Oxford* dan juga cara memilih *Pope*, ketua Mazhab Roman Katholik, tetapi *Pope* itu menyandang gelaran sampai mati. Pilihan itu adalah juga seakan-akan cara memilih Emperor Holy Roman Empire pada kurun 15 dan 16 Masihi di Eropah yang menyebabkan perbalahan yang tidak putus-putus di antara raja keturunan Hapsburgh (Jerman) dan raja keturunan Bourbon (Perancis) pada zaman itu. Tetapi di sini pun lantikan itu ialah untuk seumur hidup. Peraturan memilih Yang Dipertuan Agung barangkali tidak akan membawa kepada perbalahan seperti itu kerana peraturan-peraturannya telah dirangka untuk mengelakkan perbalahan.

Sungguhpun negeri yang menjadi Persekutuan Tanah Melayu ada 11 buah tetapi cuma Raja-raja Melayu yang dari sembilan buah negeri itu sahaja yang berhak memilih dan menjadi calon untuk menjadi Yang Dipertuan Agung. Istiadat memilih Yang Dipertuan Agung itu diadakan di dalam Majlis Raja-raja. Peluang yang pertama untuk menjadi Yang Dipertuan Agung diberi kepada Raja Melayu yang terkanan sekali, iaitu Raja yang telah lama sekali memerintah di negeri-

nya sendiri sama ada negeri itu kecil atau besar dan ianya tua atau muda. Jikalau Raja ini bersetuju menjadi calon Yang Dipertuan Agung, semua Raja akan mengundi dengan sulit sama ada mereka bersetuju atau tidak Raja yang dicalonkan itu menjadi Yang Dipertuan Agung, dan sekiranya ramai yang bersetuju maka ia akan diisytiharkan menjadi Yang Dipertuan Agung; tetapi sekiranya ramai Raja yang tidak bersetuju, maka Raja itu tidaklah dapat menjadi Yang Dipertuan Agung dan peluang itu akan diberikan pula kepada Raja yang kedua kanannya. Peraturan ini akan dibuat berturut-turut sehingga seorang raja dipilih menjadi Yang Dipertuan Agung.


Menilik kepada peraturan di atas nyatalah tidak berapa adil kepada setengah-setengah negeri kerana ada Raja yang mangkat sebelum gilirannya tiba, dan Raja yang menggantikannya terpaksa berbaris di belakang Raja-raja negeri lain. Ini terutama mengenai negeri Perak kerana Sultan Perak bukanlah digantikan oleh Tengku Mahkota (putera Sultan itu sendiri) seperti di negeri-negeri lain, bahkan ia digantikan oleh Raja Muda yang mesti pernah menjadi Raja Bendahara dan Raja Di Hilir. Ini bermakna selalunya Raja Muda itu sudah tua baharu dapat menjadi Sultan.* Oleh sebab ia sudah tua baharu dapat menjadi Sultan, dan berdiri pula di belakang barisan, maka peluang Sultan Perak menjadi Yang Dipertuan Agung tentulah sukar sedikit. Seperkara lagi sekiranya Raja yang terkanan sekali itu tidak mahu menjadi Yang Dipertuan Agung ataupun tidak dipersetujui oleh Raja-raja lain menjadi Yang Dipertuan Agung, maka tentulah tidak adil kalau giliran Raja Negeri itu dibubuh ke belakang barisan sekali. Kemuskilan ini dielakkan dengan cara berikut:-

Katakanlah Raja-raja negeri Melayu itu pada masa pilihan yang pertama berbaris mengikut lama mereka memerintah seperti Daftar 1 daripada A hingga I pada muka ini:-

Katakanlah Raja negeri A tidak mahu menjadi Yang Dipertuan Agung. A akan dipindahkan ke daftar 1 di bawah A. Raja negeri B ditolak oleh Raja lain. B akan dipindahkan pula

*Raja Muda Perak yang ada pada masa ini, Yang Teramat Mulia Raja Idris masih muda; tetapi ini adalah luar biasa.

ke bawah A. Raja C dipilih. C akan dipindahkan ke daftar 2 kerana Raja negeri itu pernah menjadi Yang Dipertuan Agung. Raja negeri D dipilih apabila C sudah cukup tempoh atau mangkat sebelum habis tempoh. D akan pindah ke daftar 2 di bawah C. E mangkat sebelum dapat peluang menjadi Yang Dipertuan Agung. E pergi ke bawah B. Kesimpulannya mana-mana negeri yang rajanya belum pernah menjadi Yang Dipertuan Agung akan berbaris pada daftar 1 dan yang pernah menjadi Yang Dipertuan Agung akan pergi ke daftar 2. Apabila Daftar 1 sudah selesai maka pilihan akan dimulakan mengikut daftar 2 pula, dan seterusnya. Dengan peraturan ini semua Raja-raja itu akan berpeluang menjadi Yang Dipertuan Agung sebelum giliran atau pusingan yang kedua tiba.



Pada 1 Oktober 1960 susunan giliran ini mengikut negeri-negeri ialah seperti berikut:-

Daftar 1

Terengganu
Perak
Pahang
Kedah
Johor
Kelantan

Daftar 2

Negeri Sembilan
Selangor
Perlis

Ada orang mengatakan bahawa Yang Dipertuan Agung itu dipilih dengan cara demokrasi. Ini tentu tidak berapa betul kerana calon dan pemilihannya adalah terhad kepada sembilan orang Raja sahaja dan itu pun masing-masing dengan gilirannya.

Seseorang Raja yang menjadi Yang Dipertuan Agung mestilah melucutkan jawatannya sebagai Raja di negerinya sendiri, dan jawatannya dipangku oleh Tengku Mahkota atau Raja Mudanya sehingga ia telah tamat tempohnya menjadi Yang Dipertuan Agung.

Sungguhpun Yang Dipertuan Agung itu hanya menjadi raja yang mengikut perlembagaan, dan pemerintahan dijalankan oleh Menteri-menteri Baginda, tetapi tanggungjawab Baginda bukanlah suatu perkara yang ringan. Seorang Yang Dipertuan Agung yang bijak harus mahu tahu apa yang dipersetujui oleh Baginda dan kalau difikir oleh Baginda langkah-langkah yang hendak diambil oleh Kerajaan itu tidak berapa baik, Baginda boleh memberi nasihat kepada Perdana Menteri kerana biasanya Yang Dipertuan Agung itu mempunyai pengalaman yang luas oleh sebab Baginda telah menjadi raja di negerinya sendiri beberapa lama, wal hal Perdana Menteri atau Menteri-menteri itu sungguhpun barangkali cerdik dan pandai orangnya tetapi boleh jadi kurang pengalaman. Seperkara lagi kebanyakan undang-undang yang ada di Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka adalah atas nama Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu ataupun Pesuruhjaya Tinggi di dalam Majlis Mesyuarat dan kuasa untuk membuat undang-undang kecil atau peraturan-peraturan berkenaan undang-undang itu semuanya terkumpul ke dalam tangan Pesuruhjaya Tinggi.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka kuasa itu pindah kepada Yang Dipertuan Agung — yang besar dan yang kecil. Pada masa ini setengah daripada kuasa ini telah diwakilkan (delegated) kepada Menteri-menteri atau pegawai-pegawai tinggi untuk menjalankannya, tetapi masih banyak kuasa itu yang terkumpul pada Baginda, dan dengan hal yang demikian kerja-kerja yang ditanggungkan kepada Baginda itu adalah tersangat berat. Ini bertambah berat lagi apabila difikirkan bahawa Baginda terpaksa mengambil bahagian di dalam semua lapangan pergerakan rakyatnya seperti memeriksa barisan kehormatan, membuka bangunan-bangunan, menjalankan kewajipan adat istiadat dan agama, menghadiri jamuan-jamuan, menyaksikan pertunjukan-pertunjukan dan sebagainya.

Majlis Raja-raja

Sambil membincangkan kedudukan dan kewajipan Yang Dipertuan Agung eloklah dilihat pula suatu lembaga yang disebut Majlis Raja-raja. Majlis Raja-raja terdiri daripada Raja-raja yang memerintah negeri masing-masing dan Gabenor-gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Majlis itu telah diadakan semenjak Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948 (tetapi pada masa itu tidaklah ada Gabenor-gabenor) dan ia mempunyai kuasa yang besar juga. Ini disebabkan Majlis itu mengandungi semua raja yang negerinya telah dipersekutukan. Segala undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undang-undang sebelum hari merdeka dahulu mestilah disahkan oleh dua orang wakil Majlis itu bersama dengan Pesuruhjaya Tinggi. Segala dasar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baharu terpaksa diberitahu kepada Majlis itu oleh Pesuruhjaya Tinggi terutama berkenaan dengan hal ehwal yang bersangkutan-paut dengan kemasukan orang dagang di Persekutuan Tanah Melayu. Akan tetapi rangka Perkembangan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Reid pada tahun 1957 tidak langsung menyebut Majlis itu kecuali pada tambahan rangka Perlembagaan itu yang menerangkan bagaimana Yang Dipertuan Agung dipilih. Ini telah dibangkang keras oleh wakil Raja-raja Melayu dan Majlis itu telah dicatatkan semula di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang ada sekarang,

tetapi kuasanya sudah bertambah kurang.

Menurut Perlembagaan, kewajipan Majlis Raja-raja itu yang pertama ialah memilih Yang Dipertuan Agung daripada salah seorang ahli Majlis itu, tetapi pada masa pilihan itu dijalankan Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang tidaklah boleh mengambil bahagian. Segala undang-undang yang menyentuh kehormatan, kedaulatan dan taraf Raja-raja tidak boleh diluluskan sekiranya tidak dapat persetujuan Majlis itu. Sungguhpun di dalam Perlembagaan kuasa melantik ahli lembaga-lembaga atau pegawai-pegawai terkanan ada di dalam tangan Yang Dipertuan Agung dengan nasihat Perdana Menteri, tetapi fikiran Majlis Raja-raja ini mestilah ditanya terlebih dahulu sebelum lantikan itu boleh disahkan, seperti lantikan Hakim Besar, Juru Odit Negara, ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pilihanraya dan sebagainya. Fikiran Majlis itu haruslah ditanya berkenaan apa-apa perubahan yang bersangkutan-paut dengan hak-hak istimewa orang Melayu; dan Majlis itu mestilah diberitahu berkenaan sesuatu dasar Kerajaan yang baharu yang menyentuh Persekutuan Tanah Melayu umumnya. Pada masa Majlis itu mendengar atau membincangkan dasar-dasar Kerajaan, Yang Dipertuan Agung akan diiringi oleh Perdana Menteri, dan Raja-raja dan Gabenor-gabenor akan diiringi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri mereka, tetapi pada masa Raja-raja itu membincangkan hal-hal yang bersangkutan-paut dengan kebesaran dan kehormatan Raja-raja, melantik atau memecat Yang Dipertuan Agung dan Timbalan Yang Dipertuan Agung, mempersetujui lantikan pegawai-pegawai, dan hal-hal yang bersangkutan-paut dengan agama dan adat istiadat Melayu, Majlis itu berhak bertindak dengan sendirinya, yakni ia tidak mesti mendengar nasihat sesiapa.

Daripada keterangan di atas nyatalah bahawa Majlis itu tidak mempunyai kuasa yang besar di dalam pemerintahan negara dan ia hanya berhak mempersetujui atau tidak, akan perkara-perkara yang dibawa oleh Kerajaan kepadanya. Ia tidak mempunyai kuasa langsung untuk membuat undang-undang atau perintah. Biar pun begitu buah fikiran yang diberi oleh Majlis itu adalah dihormati oleh pihak yang berkenaan kerana Majlis itu merupakan buah fikiran Raja-raja yang telah bersetuju negeri-negeri mereka dipersekutukan.

PEMERINTAHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Jemaah Menteri (Kabinet)

Pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu dijalankan oleh Jemaah Menteri dan dibuat oleh kakitangan Kerajaan. Jemaah Menteri mengandungi Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang dipilih olehnya, dan disahkan oleh Yang Dipertuan Agung. Oleh sebab Jemaah itu berkehendakkan kerjasama yang erat dan taat kepada Perdana Menteri dan tahan pula menyimpan rahsia, maka biasanya semua ahli Jemaah itu terdiri daripada ahli-ahli parti yang satu. Ini bukanlah suatu perkara yang senang jikalau parti yang memerintah tidak mempunyai suara yang terbanyak di dalam Parlimen. Jikalau terjadi demikian parti yang lain di dalam Parlimen barangkali juga mahu menyokong Perdana Menteri itu jikalau Perdana Menteri bersetuju melantik setengah daripada ahli-ahli Jemaah Menteri itu daripada ahli parti mereka dan dengan hal yang demikian menjadikan suatu Kerajaan campuran. Ini bermaknalah Kerajaan yang ditubuhkan itu tidak akan menjadi tegap, dan apabila parti-parti yang lain menarik balik sokongan mereka bermaknalah Kerajaan itu boleh jatuh seperti yang berlaku di negeri Perancis sebelum perlembagaan negeri itu diubah pada bulan Oktober tahun 1958.

Semua Menteri, kecuali Penolong Menteri, di Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli Jemaah Menteri. Ini berbeza sedikit dengan peraturan di United Kingdom di mana Menteri-menterinya bukanlah semua menjadi ahli-ahli Kabinet. Ramainya ahli Jemaah Menteri Persekutuan Tanah Melayu berbeza daripada satu masa ke satu masa; bilangannya selepas pilihanraya yang pertama pada tahun 1959 ialah 13 orang, iaitu sembilan orang Melayu, tiga orang Cina dan seorang India. Bilangan ini tidaklah ditetapkan di dalam Perlembagaan bahkan bolehlah diubah dari satu masa ke suatu masa mengikut keadaan masa itu.

Adapun Jemaah Menteri itu ialah suatu badan yang sangat berkuasa kerana Jemaah itulah yang menasihatkan Yang Dipertuan Agung atas semua perkara berkenaan pemerintahan. Ia merangka dan menetapkan apa yang hendak dibuat oleh Kerajaan, dan menjalankannya setelah diper-

setujui oleh Parlimen. Ia mencadangkan apa-apa undang-undang yang patut dibuat dan bagaimana wang negara patut dibelanjakan atau dipungut. Segala dasar-dasar negara di luar dan di dalam negeri ditetapkan oleh Jemaah Menteri. Pada masa Parlimen bersidang ahli-ahli Jemaah itu bertanggungjawab mempertahankan segala dasarnya supaya ia tidak dikalahkan oleh pihak pembangkang. Titah Diraja yang dibaca oleh Yang Dipertuan Agung itu adalah dikarang dan disahkan oleh Jemaah Menteri. Segala jadual waktu dan acara mesyuarat Parlimen diatur oleh Jemaah, dan sungguhpun ia bertanggungjawab kepada Parlimen (ertinya apa-apa yang dibuat oleh Jemaah itu boleh ditegur atau ditolak oleh Parlimen) ia boleh memanjang atau memendekkan umur Parlimen dengan meletakkan jawatan dan meminta Yang Dipertuan Agung mansuhkan Parlimen. Ini bukanlah perkara yang disukai oleh ahli-ahli sesuatu Dewan Undangan kerana sekiranya pilihanraya diadakan semula, bukanlah sedikit belanja untuk bertanding semula, dan masih belum tentu sama ada mereka boleh masuk balik ke Dewan itu atau tidak. Oleh sebab itu ahli-ahli Parlimen, walaupun ia pihak pembangkang, jarang-jarang mahu menjatuhkan Kerajaan kecuali ia yakin yang partinya boleh menang dan ia sendiri terpilih semula di dalam pilihanraya itu.

Selain daripada kerja-kerja yang tersebut di atas Jemaah Menteri juga mengawasi secara umum akan kerja-kerja yang dijalankan oleh berbagai-bagai Kementerian, dan ahli-ahli Jemaah itu bersama-sama bertanggungjawab atas tindakan yang diambil oleh Kementerian yang lain. Misalnya jikalau Kementerian Pertahanan menahan seseorang dengan tidak payah dibicarakan mengikut undang-undang, maka Kementerian Buruh tidaklah boleh berkata kepada orang ramai yang mereka tidak bersetuju atau menentang perbuatan itu. Daripada sini bermaknalah tiap-tiap ahli Jemaah itu harus tahu apa-apa langkah yang besar yang dilakukan atau hendak dilakukan oleh ahli-ahli yang lain dan kalau mustahak membahaskan langkah itu bersama-sama, dan sekiranya ada pertelingkahan kepentingan di antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain, maka pertelingkahan itu haruslah diselesaikan bersama-sama. Misalnya kalau Kementerian Pertanian hendak menggalakkan rakyat bertanam

buah-buahan dengan banyak, tentu ia akan bertelingkah dengan Menteri Perdagangan jikalau ia membenarkan buah-buahan dari luar negeri masuk dengan tidak berhad.

Mesyuarat Jemaah Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Yang Dipertuan Agung tidaklah hadir bersama seperti Pesuruhjaya Tinggi hadir di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (Executive Council) sebelum merdeka dahulu. Ini serupalah keadaannya seperti di United Kingdom dan di negara-negara Komanwel yang lain di mana ketua negara tidak mencampuri Jemaah Menteri. Ini tidak serupa dengan keadaan di Amerika di mana ketua negaranya Presiden, menjadi ketua Jemaah Menterinya, tetapi ia tidak bertanggungjawab kepada Kongres sebagaimana Jemaah Menteri Persekutuan Tanah Melayu bertanggungjawab kepada Parlimen.

Mesyuarat Jemaah Menteri itu, yang diadakan seminggu sekali, adalah tertutup dan rahsia, dan orang-orang lain yang boleh hadir bersama ialah Setiausaha Jemaah* dan penolongnya untuk mencatat butir-butir Mesyuarat itu. Ketua-ketua jabatan atau pakar-pakar boleh juga hadir dengan jemputan untuk memberi fikiran mereka atas sesuatu masalah dan ia terpaksa keluar daripada mesyuarat itu apabila perkaranya sudah selesai. Segala perkara yang hendak dibincangkan adalah dikemukakan dengan cara kertaskerja (memorandum) yang diedarkan terlebih dahulu kepada ahli-ahli Jemaah Menteri supaya mereka tahu selok-belok perkara yang hendak dibincangkan itu apabila datang mesyuarat Jemaah. Kertaskerja-kertaskerja ini disediakan dan dikarang dengan teliti oleh Kementerian yang mengemukakan perkara yang hendak dibincangkan itu setelah berunding dengan Kementerian-kementerian lain yang berkenaan seperti Pejabat Perbendaharaan jikalau rancangan itu akan menggunakan wang atau Pejabat Perjawatan Persekutuan jika berkehendakkan kakitangan Kerajaan. Oleh sebab segala keputusan yang dibuat oleh Jemaah berupa persetujuan semua ahli, satu-satu keputusan tidaklah diundi melainkan memadai dengan persetujuan umum. Keputusan Jemaah itu ialah keputusan bersama dan adalah menjadi tanggungjawab semua ahli. Seseorang ahli (Menteri) tidak boleh berkata kepada orang

*Pada masa sekarang Setiausaha Jemaah itu ialah Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri.

ramai yang ia tidak bersetuju dengan keputusan itu; dan sekiranya ia tidak dapat bersetuju dengan dasar-dasar yang besar yang dibuat oleh Jemaah itu, tidaklah ada jalan lain baginya melainkan terpaksa ia meletak jawatannya.

Untuk menjalankan kerja-kerja Jemaah Menteri dengan lebih lancar lagi, beberapa Jawatankuasa telah dilantik untuk menguruskan perkara-perkara yang khas. Di antara jawatankuasa-jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Pertahanan, Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri, Jawatankuasa Ekonomi, Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Jawatankuasa Urusan Jawatan Kerajaan dan Jawatankuasa *Malayanisation*. Semua ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli Jemaah Menteri kecuali Jawatankuasa Urusan Jawatan Kerajaan di mana Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, yang menjadi Ketua bagi semua pegawai Kerajaan Persekutuan, juga menjadi ahli.

Perdana Menteri

Seperti yang telah disebutkan di tempat lain Perdana Menteri itu dilantik oleh Yang Dipertuan Agung daripada ahli Dewan Rakyat yang difikirkan oleh Baginda boleh mendapat kepercayaan atau sokongan kebanyakan ahli Dewan itu. Selalunya ini bermakna ketua sesebuah parti yang mempunyai pengikut yang ramai dalam Dewan Rakyat, tetapi kalau ada empat atau lima parti yang sama banyak ahli dalam Dewan Rakyat, tentulah susah hendak melantik seorang Perdana Menteri. Masalah yang seperti ini masih belum tiba di Persekutuan Tanah Melayu, dan sekiranya masalah ini timbul kelak terpaksa parti-parti itu tawar-menawar di antara satu dengan lain.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu layak menjadi Perdana Menteri sama ada ia orang Melayu, Cina, India atau Serani asalkan ianya telah dilahirkan di Persekutuan dan mempunyai syarat-syarat yang lain. Sebagai Menteri yang utama Perdana Menteri ialah penasihat kepada Yang Dipertuan Agung berkenaan pemerintahan, dan ia haruslah sentiasa memberi tahu Yang Dipertuan Agung apa yang dilakukan dan yang akan dilakukan oleh pemerintah. Seperti yang disebutkan di tempat lain, Baginda haruslah menurut

nasihat yang diberi oleh Perdana Menteri kecuali berkenaan perkara-perkara yang Baginda sendiri berkuasa bertindak sebagaimana yang tertulis di dalam Perlembagaan. Selain daripada menjadi pengerusi mesyuarat Jemaah Menteri, Perdana Menteri itu juga menjadi tempat Menteri mengadukan hal, menyelesaikan pertikaian di antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain dan mengawas supaya keputusan-keputusan Jemaah Menteri dijalankan. Ia juga menjadi Ketua Dewan Rakyat dan ia juga sentiasa berhubung dengan Perdana Menteri Negara Komanwel yang lain-lain. Pendeknya kuasa Perdana Menteri itu tidaklah terhad dan sekiranya ia mempunyai parti yang kuat di Parlimen ia boleh membuat undang-undang baharu, menukar undang-undang lama, menaik atau menurunkan cukai, pendeknya apa-apa juga asalkan ia tidak dilarang oleh Perlembagaan. Sungguhpun demikian ia tidak boleh menjadi seorang diktator kerana Perdana Menteri itu dan ahli-ahli Jemaah Menterinya bertanggungjawab kepada Parlimen dan sekiranya ia dan Menteri-menterinya bertindak sesuka hati mereka, ahli-ahli Parlimen berkuasa mengambil kuasa mereka dengan mengundi tidak percaya kepada mereka.

Daripada huraian yang di atas nyatalah bahawa seseorang Perdana Menteri itu haruslah mempunyai kelebihan dan kebijaksanaan yang membolehkan ia mendapat kerjasama, taat setia dan hormat dari Menteri-menterinya dan sambil itu sentiasa mendapat sokongan dari ahli-ahli partinya. Perdana Menteri yang tidak dapat berbuat demikian nescaya akan kecewa.

Perdana Menteri mendapat sara hidup sebanyak \$48,000 setahun berbanding dengan \$36,000 yang diterima oleh Menteri-menteri lain. Selain daripada gaji itu mereka juga mendapat biaya jamu-menjamu dan lain-lain kelebihan. Perdana Menteri juga mendapat \$1,000 biaya sebulan sebagai Ketua Dewan Rakyat.*

Kementerian

Segala perkara yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah dijalankan oleh beberapa bahagian yang digelar Kementerian. Tiap-tiap Kementerian ini diketuai

*Lihat *Ministers (Renumeration) Ordinance*, 1957.

oleh seorang Menteri dan, jikalau mustahak, oleh seorang Menteri Muda. Di dalam Kementerian itu ada beberapa jabatan atau pejabat dan seseorang Menteri itu bertanggungjawab atas perjalanan pejabat-pejabat dan perkara yang di bawah kelolaannya. Ini bererti Menteri itu boleh disoal di Parlimen atas semua perkara yang dilakukan oleh pejabat-pejabat yang di bawah jagaannya dan ini termasuklah juga perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai di dalam jabatan-jabatan itu.

Tiap-tiap Menteri dibantu oleh seorang pegawai yang digelar Setiausaha Tetap atau Setiausaha Kementerian dan ia pula dibantu oleh penolong-penolongnya mengikut sama ada Kementerian itu besar atau kecil. Pegawai-pegawai ini selalunya diambil daripada ahli-ahli Perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service) dan selalunya jawatan-jawatan itu diisi oleh pegawai-pegawai yang terkanan, mahir dan cekap. Setiausaha-setiausaha ini adalah mustahak kerana Menteri-menteri itu bertukar ganti dari satu masa ke suatu masa — ada yang sudah cekap ada yang tidak. Dengan adanya Setiausaha itu dapatlah ia, sambil menjalankan perintah Menteri itu, menasihatkan Menteri itu sama ada rancangan yang hendak dibuatnya boleh atau tidak dibuat dengan jaya, dan kalau boleh bagaimana membuatnya. Pendeknya kemahiran dan pengalaman Setiausaha itu sangatlah berguna. Dengan adanya pegawai itu pertadbiran negara tetap berjalan dengan tidak putus-putus dan dengan keadaan yang demikian dapatlah mengelakkan bahaya kucar-kacir apabila Kerajaan bertukar ganti. Dan lagi Menteri-menteri itu selalunya sibuk dengan kerja-kerja yang bersangkutan-paut dengan parti politiknya dan dengan kerana itu terpaksa ia mempunyai pembantu-pembantu yang menumpukan tenaga yang penuh untuk menjalankan kerja Kerajaan. Di sini eloklah diingati bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat di Kementerian-kementerian itu tidak sama sekali mencampuri kerja-kerja Menteri itu yang bersangkutan-paut dengan parti politiknya sendiri. Misalnya pegawai-pegawai di Kementerian tidaklah dibawa mengiringi Menteri itu apabila ia hendak bersyarah kepada pengundi-pengundi pada masa pilihanraya, atau bersyarah menyokong Menteri-menteri itu di dalam perhimpunan parti politik.

Perkhidmatan Awam

Sungguhpun parti yang memerintah boleh turun dan naik dan Menteri-menteri bertukar ganti, tetapi kakitangan Kerajaan yang menjalankan kerja sehari-hari itu tidaklah bertukar ganti apabila parti yang memerintah bertukar, dan parti yang memerintah tidaklah boleh membuang kakitangan Kerajaan yang tidak disukai mereka dan mengambil penyokong-penyokong parti mereka untuk mengisi jawatan-jawatan itu kecuali jika jawatan-jawatan itu jawatan politik seperti menjadi duta atau sebagainya. Ini ialah suatu peraturan memerintah yang ditempa oleh Britain* semenjak dari pertengahan kurun yang ke-19 lagi dan ditiru oleh negara-negara Komanwel lain termasuk Tanah Melayu. Ini bukanlah serupa di serata dunia; di Amerika misalnya masih ada jawatan-jawatan pertadbiran yang diisi oleh pengikut-pengikut parti yang menang di dalam pilihanraya. Keadaan ini berlaku juga di negeri-negeri jiran Tanah Melayu.

Tiap-tiap kakitangan Kerajaan di Persekutuan terutama yang memegang jawatan yang penting hendaklah bebas daripada politik dan menjalankan kerja mereka sebagai yang diarah oleh parti yang memerintah pada masa itu. Ini tidaklah pula bermakna mereka tidak dibenarkan langsung menggunakan hak asasi mereka sebagai rakyat biasa. Mereka dibenarkan menjadi ahli biasa sesuatu pertubuhan politik dan mengundi dalam pilihanraya. Apa yang dilarang ialah mengambil bahagian politik yang cekap, kerana jikalau mereka berbuat demikian nescaya mereka tidak dapat menjalankan kerja mereka dengan taat setia dan saksama seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan yang memerintah daripada suatu masa ke suatu masa.

Untuk mendapat kakitangan Kerajaan yang bebas daripada pengaruh politik dan cekap pula, beberapa Suruhanjaya telah ditubuhkan menurut Perlembagaan Persekutuan Tanah

*Manakala Persidangan Potsdam sedang dijalankan pada tahun 1945 Winston Churchill (Party Conservative) telah digantikan oleh Clement Attlee (Party Buruh) sebagai Perdana Menteri Britain. Attlee telah diiringi ke Persidangan itu oleh pegawai-pegawai British yang dahulunya telah mengiringi Winston Churchill ke Persidangan itu. Ini telah menghairankan Presiden Amerika kerana pegawai-pegawai yang mengiring dan merasihat Presiden Amerika ialah orang-orang pengikut partinya (Earl Attlee, Civil Servants and Ministers, di dalam buku *The Civil Service in Britain and France*, Hogarth Press, London, 1956).

Melayu. Suruhanjaya-suruhanjaya ini adalah seperti berikut dan tanggungjawab masing-masing adalah mengikut nama-nama mereka:

- (1) Majlis Pasukan Bersenjata.
- (2) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (3) Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.
- (4) Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Kewajipan-kewajipan Suruhanjaya ini ialah memilih pegawai-pegawai baharu untuk berkhidmat dengan Kerajaan, menarik atau menurunkan pangkat, membuang kerja pegawai-pegawai Kerajaan, dan mengawal kelakuan mereka mengikut tata-tertib perkhidmatan.

Ahli-ahli Suruhanjaya itu dilantik oleh Yang Dipertuan Agung dengan nasihat Perdana Menteri dan dipersetujui oleh Majlis Raja-raja. Kebanyakan ahli Suruhanjaya itu ialah orang-orang yang telah lama berkhidmat dengan Kerajaan dan terkenal adil dan bijak. Sungguhpun Suruhanjaya itu banyak tetapi setengah daripada ahli sesuatu Suruhanjaya itu adalah juga menjadi ahli Suruhanjaya yang lain. Oleh sebab Suruhanjaya-suruhanjaya ini dikehendaki bebas menjalankan kerjanya dengan tidak diganggu atau dipengaruhi oleh Kerajaan yang memerintah, maka sara hidup ahli-ahli Suruhanjaya itu dibayar terus dari Kumpulan Wang Negara dengan tidak payah disahkan oleh Parlimen.

Kakitangan Kerajaan yang baharu adalah dipilih oleh salah satu Suruhanjaya yang tersebut di atas mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Tiap-tiap bahagian perkhidmatan itu berkehendakkan kelayakan atau kelulusan yang khas. Misalnya jawatan-jawatan di dalam bahagian I (division one) iaitu bahagian yang tertinggi sekali, biasanya berkehendakkan orang-orang yang mempunyai ijazah yang berdarjah kepujian, bahagian II berkehendakkan diploma dan sebagainya; tetapi kelayakan dan kemahiran adalah juga dikira dan orang-orang yang tidak mempunyai kelulusan-kelulusan yang tertentu seperti yang diterangkan di atas pun bolehlah juga diterima jikalau mereka didapati bijak dan mempunyai pengalaman yang luas. Semua calon walau apa keturunan sekalipun jikalau ia rakyat Persekutuan adalah dipilih dengan sama rata, yakni siapa yang terbaik itulah yang dipilih ke-

cualilah jawatan-jawatan yang ditetapkan supaya orang Melayu diutamakan seperti pegawai Perkhidmatan Awam Malaya (M.C.S.) dan Perkhidmatan Keadilan dan Undang-undang. Biasanya kenaikan pangkat adalah mengikut lama bekerja dalam perkhidmatan itu disertai dengan kecekapan dan kemahiran.

Bahagian-bahagian Pegawai Kerajaan

Pegawai atau kakitangan Kerajaan terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian yang pertama termasuklah pegawai pemerintah yang terkanan seperti Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Malaya (M.C.S.) pegawai-pegawai polis, pegawai pelajaran yang kanan dan juga pegawai-pegawai yang profesional seperti doktor, peguam Kerajaan, jurutera dan sebagainya. Mereka ini biasanya mempunyai kelulusan universiti tetap setengahnya dinaikkan ke bahagian itu oleh sebab kebijakan dan kemahiran mereka. Pada masa Persekutuan masih belum merdeka dahulu kebanyakan pegawai yang mengisi jawatan-jawatan ini ialah orang Inggeris yang menjadi ahli Perkhidmatan Awam Seberang Laut atau sebagainya dan adalah di bawah takluk Setiausaha Tanah Jajahan British di London. Di dalam Perundingan London yang diadakan pada awal tahun 1956, persetujuan telah dicapai untuk membayar sagu hati kepada pegawai-pegawai ini kerana kehilangan jawatan mereka apabila Tanah Melayu merdeka. Oleh sebab pegawai-pegawai Malaya yang boleh mengisi jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai-pegawai Inggeris ini masih belum cukup maka pegawai-pegawai Inggeris ini masih berkhidmat lagi hingga pada tarikh yang telah ditetapkan, sama ada tahun 1960, 1962 atau 1965 iaitu bergantung kepada kebolehan pegawai-pegawai Malaya mengisi jawatan-jawatan itu.


Bahagian yang kedua mengandungi ahli-ahli teknik, pegawai-pegawai seperti pegawai buruh, pegawai kerjasama, merinyu polis, pegawai-pegawai pertadbiran Melayu dan juga guru-guru yang kanan. Bahagian yang ketiga mengandungi kerani-kerani, guru-guru dan juga pegawai-pegawai rendah yang lain; dan bahagian yang keempat mengandungi kaki-

tangan Kerajaan yang rendah seperti peon, posmen dan sebagainya. Selain daripada itu ramai lagi kakitangan Kerajaan yang bergaji hari seperti buruh di Pejabat Kerjaraya, Pejabat Parit dan Taliair dan sebagainya.

Segala pertadbiran berkenaan dengan kakitangan Kerajaan Persekutuan adalah diuruskan oleh sebuah pejabat yang digelar Pejabat Perjawatan Persekutuan (Federation Establishment Office) yang bertanggungjawab menjaga rekod-rekod kakitangan Kerajaan, mencari pegawai-pegawai yang dikehendaki oleh pejabat-pejabat, mengadakan latihan bagi kakitangan Kerajaan, menguruskan hal ehwal tangga gaji, peraturan bekerja dan sebagainya.

Selain daripada pegawai-pegawai dan kakitangan yang tersebut di atas, Kerajaan tiap-tiap negeri adalah pula mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan masing-masing dengan peringkat dan tangga gaji yang bersendirian. Seperti di Persekutuan juga, negeri Perak, Selangor, Johor, Kedah, Terengganu dan Kelantan mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bersendirian, tetapi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Pahang dan Negeri Sembilan tidak mempunyai Suruhanjaya-suruhanjaya yang seperti itu dan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah juga meliputi kakitangan Kerajaan negeri-negeri itu. Di Terengganu dan di Kelantan Suruhanjaya disatukan. Majlis-majlis Bandaran yang besar-besar seperti di Kuala Lumpur, George Town (Penang) dan Melaka pun adalah juga mempunyai pegawai-pegawai yang bersendirian, dan ini serupalah juga keadaannya dengan perbadanan-perbadanan yang bebas seperti Lembaga Elektrik Negara dan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang.

Elok buruknya pemerintahan sesebuah negeri bergantung kepada keadaan pegawai-pegawai yang mentadbirkan berbagai-bagai anggota Kerajaan negeri itu. Dengan adanya alat-alat dan peraturan-peraturan memilih dan menaikkan pangkat pengawal Kerajaan seperti yang diterangkan di atas adalah diharapkan bahawa kakitangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi bebas, berasa puas hati dan dapat menjalankan kewajipan mereka dengan cekap, licin dan saksama.



- M.T. = Mahkamah Tertinggi
- S.P.R. = Suruhanjaya Pilihanraya
- S.P.A. = Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- J.O.N. = Juru Odit Negara

GAMBARAJAH MENUNJUKKAN SUSUNAN PEMERINTAHAN PUSAT PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

JABATAN POLIS DAN JABATAN PENERANGAN SEBAGAI CONTOH.

FASAL V

KEADILAN

Satu daripada kesan-kesan yang kekal yang ditinggalkan oleh orang Inggeris apabila mereka memerintah negeri-negeri yang ditakluki mereka ialah peraturan mentadbirkan undang-undang supaya adil dan saksama. Segala undang-undang dan peraturan untuk mencapai keadilan ditiru daripada United Kingdom dan disesuaikan dengan keadaan dan adat resam negeri-negeri itu. Amerika Syarikat, Australia, India, Pakistan dan negeri-negeri yang menjadi jajahan takluk British semuanya menggunakan unsur-unsur keadilan Inggeris yang berasas kepada undang-undang yang digelar *Common Law*. Begitu jugalah Persekutuan Tanah Melayu.* *Common Law* ialah undang-undang yang ditafsirkan dan fatwa-fatwa yang diberi oleh hakim-hakim Inggeris daripada satu masa ke suatu masa semenjak daripada beberapa kurun yang lalu berkenaan masalah keadilan, dan tafsiran dan fatwa-fatwa ini dituruti oleh hakim-hakim yang kemudian.

Setengah daripada asas keadilan Inggeris itu adalah seperti berikut:-

(1) Seseorang itu tidak boleh dituduh membuat salah melanggar undang-undang yang tidak ada. Ini juga bermakna seseorang itu tidak boleh dibicarakan kerana melanggar undang-undang yang masih belum dibuat.

(2) Seseorang itu tidak boleh dibicarakan berulang-

*Kanada, Afrika Selatan dan Rhodesia berlain sedikit kerana orang Eropah yang mula-mula duduk di negeri-negeri itu bukannya orang Inggeris.

lakukan oleh seseorang atau ramai atau satu-satu badan terhadap masyarakat umum. Kesalahan ini disebut *crime* di dalam bahasa Inggerisnya. Kesalahan-kesalahan seperti menderhaka, membunuh orang, melukakan orang, mencuri atau merampas harta orang, menyamun, merompak, menipu, merogol dan sebagainya adalah menjadi kesalahan jenayah. Begitu juga kesalahan yang diundang-undangkan oleh pemerintah sebagai salah seperti meniru matawang, tidak membayar cukai, memandu motokar terlampau laju, mengeluarkan cek dengan tidak ada wang di dalam bank dan sebagainya.

Undang-undang Awam (*civil law*) pula bermakna undang-undang yang dibuat untuk menyelesaikan perbalahan di antara dua pihak rakyat seperti perbalahan harta pesaka, tidak membayar hutang, tidak membayar sewa rumah, menjatuhkan maruah orang (*slander* atau *libel*), mencedok karangan orang lain, mungkir janji dan sebagainya. Umumnya kesalahan jenayah itu membawa kepada hukuman yang dijatuhkan oleh negara seperti hukum gantung, penjara, sesah, denda wang, masuk sekolah budak jahat dan sebagainya mengikut darjah atau takrif kesalahan yang telah dilakukan. Kesalahan awam pula tidak akan membawa kepada hukuman-hukuman kesalahan jenayah. Keputusan bicara perkara awam berupa ganti rugi, sagu hati, membahagi harta atau sebagainya. Dari sini bermaknalah dalam perbicaraan perkara jenayah orang yang mengadu atau orang yang mendapat bencana biasanya tidak dapat sagu hati atau wang denda yang dikenakan ke atas orang yang didapati salah. Andainya hukuman yang dijatuhkan di dalam kesalahan jenayah menunjukkan kemurkaan negara, tetapi hukuman yang dijatuhkan di dalam pembicaraan perkara awam bertujuan memuaskan hati pihak yang teraniaya.

Sungguhpun perkara jenayah dan perkara awam itu berbeza di antara satu dengan lain, tetapi ada kalanya satu-satu perkara itu boleh menjadi perkara jenayah atau perkara awam. Membuat fitnah dengan tujuan hendak menjatuhkan maruah seseorang boleh menjadi kesalahan jenayah atau kesalahan awam. Jikalau A menumbuk muka B, perkara itu boleh menjadi kesalahan jenayah kerana perbuatan menumbuk muka orang itu kesalahan jenayah, atau boleh menjadi

perkara awam sekiranya B minta ganti rugi jikalau, misalnya batang hidungnya patah.

Perbezaan di antara kesalahan jenayah dan kesalahan awam itu mustahak diingati kerana peraturan bicara, mahkamah dan hakim yang membicarakannya adalah berlain-lainan sungguhpun di Persekutuan Tanah Melayu hakim yang membicarakan kedua-dua perkara ini kadang-kadang serupa orangnya. Seperkara lagi yang patut diingati ialah kesalahan itu ada dua rupa. Satu kerana melakukan sesuatu perbuatan yang ditegah oleh undang-undang, dan satu lagi kerana tidak melakukan sesuatu perbuatan yang disuruh oleh undang-undang. Mencuri, menyamun, menipu, membunuh orang ialah contoh rupa yang pertama kerana perbuatan itu ditegah oleh undang-undang. Tidak membayar cukai, tidak membantu polis bila dikehendaki adalah contoh yang kedua kerana perbuatan itu disuruh oleh undang-undang. Pendeknya undang-undang itu ada yang menegah dan ada pula yang menyuruh melakukan sesuatu perbuatan.

Mahkamah-mahkamah

Di Persekutuan Tanah Melayu keadilan adalah suatu perkara yang ditadbirkan oleh Kerajaan pusat. Ini berbeza dengan keadaan di negara-negara persekutuan yang lain seperti di Amerika Syarikat atau di Australia kerana di sana keadilan ditadbirkan bersama oleh pemerintah negeri dan pemerintah pusat. Suatu Mahkamah Tertinggi (Supreme Court) telah ditubuhkan untuk mentadbirkan keadilan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan ia dibantu oleh mahkamah-mahkamah kecil di bawahnya yang ditubuhkan mengikut undang-undang Persekutuan. Oleh sebab keadilan menjadi perkara yang dijaga oleh pemerintah pusat maka mahkamah-mahkamah di Persekutuan Tanah Melayu adalah mentadbirkan undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan juga undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan negeri. Daripada sini nyatalah juga bahawa sungguhpun negeri-negeri itu mempunyai kuasa membuat undang-undang dan kuasa memerintah tetapi ia tidak mempunyai kuasa kehakiman.

Mahkamah Tertinggi Persekutuan Tanah Melayu mengandungi seorang Hakim Besar dan beberapa orang

Hakim lain yang tidak lebih daripada 15 orang ramainya. Lantikan Hakim Besar itu dilakukan oleh Yang Dipertuan Agung dengan nasihat Perdana Menteri tetapi sebelum Baginda melantik seseorang untuk memenuhi jawatan itu persetujuan Majlis Raja-raja mestilah didapati. Lantikan Hakim-hakim yang lain pun adalah juga dilakukan oleh Yang Dipertuan Agung dengan nasihat Perdana Menteri dan setelah mendapat persetujuan Majlis Raja-raja, tetapi nasihat Hakim Besar haruslah juga ditimbang.

Seorang yang hendak menjadi hakim Mahkamah Tertinggi mesti mempunyai beberapa kelayakan yang tertentu. Satu daripadanya ia mestilah rakyat Persekutuan Tanah Melayu* dan telah menjadi peguam atau pegawai Jabatan Keadilan dan Undang-undang lebih dari 10 tahun, dan boleh berkhidmat hingga ia berumur 65 tahun kecuali jika ia diberhentikan. Ia hanya boleh diberhentikan atau dibuang kerja apabila kelakuan atau perangnya telah disiasat oleh suatu lembaga yang ditubuhkan untuk menyiasat perkara itu, dan lembaga itu puas hati yang ia patut diberhentikan. Perangai seseorang hakim tidak boleh dibincangkan di Parlimen kecuali ada suatu usul yang dimajukan oleh $\frac{1}{4}$ daripada ahli Dewan untuk membincangkan kesalahan seseorang hakim yang tertentu. Gaji seseorang hakim tidak boleh dikurangkan daripada suatu masa ke suatu masa dan wang untuk membayar gaji hakim-hakim itu diambil daripada Wang Kumpulan Negara (Consolidated Fund) Persekutuan dan tidak payah diluluskan atau dibahaskan oleh Parlimen sebagaimana gaji pegawai-pegawai Kerajaan yang lain.

Tujuan mengadakan syarat-syarat yang tersebut di atas ialah supaya hakim-hakim itu bebas menjalankan kerja mereka dengan saksama dan tidak segan atau takut kepada sesiapa, kerana jikalau gaji seorang hakim itu boleh diturunkan atau jawatannya tidak berapa selamat tentulah ia serba salah menjalankan kerjanya dan dengan kerana itu keadilan tentulah susah dicapai. Kebebasan hakim itu lebih mustahak di dalam sebuah negara yang diperintah secara demokrasi di mana parti-parti atau orang-orang yang memerintah bertukar ganti dari satu masa ke suatu masa.

Mahkamah Tertinggi Persekutuan Tanah Melayu terdiri

*Ini dimaafkan bagi hakim-hakim yang dilantik sebelum hari Merdeka.

daripada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Ulang Bicara. Mahkamah Tinggi mengandungi seorang Hakim dan ditempatkan di bandar-bandar ibu negeri seperti Kuala Lumpur, Ipoh, George Town, Johor Baharu dan lain-lainnya. Kuasa Mahkamah ini tiadalah terhad. Semua kesalahan jenayah yang besar-besar terutama kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman bunuh dibicarakan di mahkamah ini; begitu juga perbalahan-perbalahan awam (civil suits) yang besar-besar. Mahkamah ini boleh juga menyemak semula perbicaraan yang telah dijalankan oleh mahkamah-mahkamah yang rendah atau mendengar rayuan daripada mereka yang tidak puas hati dengan keputusan mahkamah-mahkamah rendah.

Pada masa perbicaraan kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada hukuman bunuh di Mahkamah Tinggi itu, pengadilan akan dijalankan oleh ahli-ahli juri, dan hakim itu hanya menasihati dan membantu ahli-ahli juri itu supaya mereka mencapai keputusan yang adil dan mengikut undang-undang yang tertentu. Kalau sekiranya ahli-ahli juri itu sebulat suara berpendapat bahawa orang yang dituduh itu salah maka hakim terpaksa mengikut pendapat ahli-ahli juri itu dan ia akan menghukum orang yang didapati salah itu dengan sepatutnya. Sebaliknya jikalau ahli-ahli juri itu berpendapat bahawa orang yang dituduh itu tidak salah maka ia wajiblah dibebaskan daripada tuduhan itu.

Kaedah perbicaraan dengan juri itu ditiru daripada undang-undang di United Kingdom, tetapi di sana perbicaraan dengan juri ini lebih luas lagi dan meliputi perbicaraan kesalahan jenayah yang lain-lain seperti mencuri, memecah rumah, menipu, melukakan orang lain dan juga dalam perbicaraan perbalahan awam yang besar-besar, dan tidaklah terhad kepada kesalahan yang boleh membawa kepada hukum bunuh atau penjara seumur hidup sahaja seperti di Persekutuan Tanah Melayu. Tujuan mengadakan perbicaraan dengan juri itu ialah kerana pada hakikatnya kesalahan-kesalahan itu dilakukan terhadap masyarakat umumnya, dan oleh kerana itu ia mestilah dihakimkan oleh masyarakat yang diwakili oleh juri-juri itu.

Peraturan bicara dengan juri itu telah lama digunakan di Negeri-negeri Selat iaitu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka,

tetapi peraturan itu baharu sahaja digunakan di Negeri-negeri Melayu mulai tahun 1958. Sebelum daripada itu Mahkamah Tinggi yang membicarakan kesalahan jenayah yang besar-besar menggunakan peraturan pengapit hakim yang digelar *assessor system* yang ditiru daripada peraturan Undang-undang Jenayah India. Beza di antara peraturan bicara dengan juri dan peraturan bicara dengan *assessor* itu ialah: pertama, ahli-ahli juri ada tujuh orang dan keputusan dibuat dengan sebulat suara atau sekurang-kurangnya 5:2 suara. Ahli-ahli *assessor* hanya ada dua orang. Kedua, pendapat atau keputusan mahkamah dibuat oleh ahli-ahli juri itu sendiri, dan hakim akan menurut keputusan juri itu.* Keputusan yang dibuat oleh *assessor* pula boleh ditolak atau diterima oleh hakim dan sekiranya hakim tidak puas hati dengan keputusan *assessor* itu boleh memerintahkan supaya diadakan bicara semula dengan memakai *assessor* yang lain. Di sini nyatalah adamasanya perbincangan mengikut peraturan *assessor* itu kurang memuaskan hati. Suatu contoh yang baik ialah perbincangan yang telah diadakan berkenaan seorang penganas Komunis perempuan yang bernama Lee Meng pada awal tahun 1952. Lee Meng telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Ipoh atas tuduhan bersubahat dengan penganas Komunis dan mempunyai sebutir bom tangan. Kesalahan itu boleh membawa kepada hukum gantung mengikut Undang-undang Darurat. Pada perbincangan yang pertama *assessor* yang mengapit hakim berpendapat Lee Meng tidak salah atas tuduhan itu, akan tetapi hakim mahkamah itu tidak bersetuju dengan pendapat *assessor* itu, dan ia telah menyuruh supaya diadakan bicara semula dengan *assessor* yang lain. Pada kali yang kedua seorang daripada *assessor* itu berpendapat Lee Meng salah dan hakim itu telah bersetuju dengannya dan Lee Meng pun dihukum gantung.† Perbincangan Lee Meng itu telah menarik perhatian orang ramai kerana sekiranya ia telah dibicarakan di Pulau Pinang atau di Melaka di mana peraturan juri itu

*Kecuali jika ramai ahli juri berpendapat orang yang dibicarakan itu salah tetapi hakim tidak bersetuju. Jikalau berlaku demikian bicara akan diadakan semula dengan juri-juri lain.

†*Straits Times*, February 25, 1953, "Lee Meng and the Trial System" by Patrick Keith.

Lee Meng telah diampunkan oleh Sultan Perak dan telah dipenjara seumur hidup.

digunakan, ia harus dibebaskan seperti yang diputuskan oleh perbicaraan yang pertama. Semenjak dari perbicaraan itu orang ramai, terutama peguam-peguam, telah mendesak supaya peraturan bicara dengan *assessor* itu diganti dengan peraturan berjuri, dan kesudahannya peraturan berjuri itu telah dimulai di Negeri-negeri Melayu pada pertengahan tahun 1958, tetapi ini tidaklah meliputi perbicaraan berkenaan kesalahan di bawah Undang-undang Darurat.

Sungguhpun peraturan bicara dengan juri itu ada baiknya, tetapi ia ada juga kelemahannya. Yang pertama, menimbangkan salah atau tidak seseorang itu bukanlah suatu perkara yang senang. Ia berkehendakkan otak yang terlatih dan cekap. Seseorang ahli juri yang tidak pintar kadangkala mengikut sahaja apa yang dikatakan oleh sahabat-sahabatnya yang lebih pintar. Yang kedua, di Persekutuan Tanah Melayu bahasa yang digunakan di Mahkamah Tinggi ialah bahasa Inggeris. Oleh yang demikian orang yang layak menjadi ahli-ahli juri itu terhad kepada orang yang tahu berbahasa Inggeris; dan bilangan orang yang tahu berbahasa Inggeris ini berbeza di antara satu kaum dengan kaum yang lain, dan di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Misalnya orang Cina lebih ramai yang tahu berbahasa Inggeris daripada orang Melayu, dan di Negeri Selangor lebih ramai orang yang tahu berbahasa Inggeris daripada di Negeri Terengganu. Jadi dengan perbezaan-perbezaan ini bermakna-lah tujuan mengadakan peraturan berjuri, iaitu orang yang dituduh dibicarakan oleh orang awam, tidak tercapai dengan sepenuhnya.

Mahkamah Ulang Bicara dan Jawatankuasa Undang-undang Privy Council

Seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan atau hukum yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi bolehlah ia merayu kepada Mahkamah Ulang Bicara. Mahkamah ini mengandungi tiga orang hakim yang dilantik khas* untuk mendengar rayuan daripada mereka yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi. Mahkamah ini dipengerusikan oleh Hakim Besar dan Mahkamah ini berkuasa

**Judges of Appeal*

mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi, mengarahkan supaya perbicaraan diadakan semula, menurun atau menaikkan hukuman yang telah dikenakan, atau menolak sama sekali akan rayuan itu.

Sungguhpun Mahkamah Ulang Bicara itu menjadi mahkamah yang habis tinggi tempat orang yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi boleh merayu, tetapi dengan suatu perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan United Kingdom pada 4 Mac 1958 seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Ulang Bicara itu bolehlah merayu kepada Jawatankuasa Undang-undang *Privy Council* di United Kingdom. Ini ialah mengikut Fasal 131 daripada Perlembagaan. Kebenaran merayu ke *Privy Council* ini bukanlah pula diberi kepada sesiapa sahaja yang memintanya kerana perkara yang menjadi rayuan itu mestilah berkenaan masalah undang-undang yang difikirkan oleh pihak yang merayu bahawa Mahkamah Ulang Bicara salah mentafsirkannya. Segala rayuan yang hendak dimajukan kepada Jawatankuasa Undang-undang *Privy Council* itu mestilah menerusi Mahkamah Tertinggi Persekutuan Tanah Melayu yang menasihatkan Yang Dipertuan Agung sama ada rayuan itu patut atau tidak dikaji oleh Jawatankuasa Undang-undang itu. Pendapat Jawatankuasa Undang-undang *Privy Council* itu akan diserahkan kepada Yang Dipertuan Agung untuk menimbangkannya tetapi biasanya cadangan atau pendapat Jawatankuasa itu diterima oleh Baginda dan Baginda akan membuat perintah untuk memberi kuatkuasa terhadap keputusan itu.

Adapun Jawatankuasa Undang-undang *Privy Council* itu ialah satu daripada beberapa jawatankuasa kecil *Privy Council* di United Kingdom. *Privy Council* ini ialah suatu Majlis yang ditubuhkan untuk menasihatkan Raja Inggeris, dan ahlinya terdiri daripada orang-orang yang bijak pandai di dalam berbagai lapangan. *Privy Council* ini mempunyai beberapa jawatankuasa kecil dan di antara jawatankuasa-jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Undang-undang dan Jawatankuasa Menteri-menteri (Cabinet) yang pada masa ini

† *Judicial Committee of the Privy Council.*

telah menjadi lebih berkuasa daripada jawatankuasa yang lain-lain. Jawatankuasa Undang-undang Privy Council ini mengandungi *Lord Chancellor* (pengerusi House of Lords) yang menjadi pengerusi Jawatankuasa itu dan beberapa *lord* yang pernah menjadi hakim Mahkamah Tertinggi di United Kingdom atau di negeri-negeri Komanwel yang lain. Jawatankuasa Undang-undang ini mengkaji rayuan-rayuan yang dimajukan dari Mahkamah-mahkamah Tertinggi dari jajahan takluk British di serata dunia dan juga dari Mahkamah Tertinggi negara-negara Komanwel yang bersetuju rayuan-rayuan mereka dikaji oleh Jawatankuasa itu. Pada masa ini negara-negara Komanwel yang masih memajukan rayuan kepada Jawatankuasa itu ialah Australia, New Zealand, Ceylon, Ghana dan Persekutuan Tanah Melayu. Patut diingat di sini bahawa rayuan daripada keputusan Mahkamah Tertinggi di United Kingdom tidaklah dimajukan atau ditimbangkan oleh Jawatankuasa ini. Rayuan-rayuan mereka ditimbangkan oleh *House of Lords*. Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu adalah berupa cadangan atau nasihat semata-mata dan terpulanglah kepada negeri-negeri yang memajukan rayuan itu untuk menerimanya atau tidak, tetapi biasanya keputusan itu diterima sebagai sah oleh mereka. Mengikut fasal 131 daripada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Jawatankuasa Undang-undang Privy Council itu boleh juga mentafsirkan apa-apa perkara yang terkandung di dalam Perlembagaan itu yang menjadi syak dan waham.

Sementara Persekutuan Tanah Melayu masih belum mempunyai hakim-hakim dan ahli undang-undang yang cukup, rayuan-rayuan dari Mahkamah Tertinggi terpaksa dimajukan kepada Jawatankuasa Undang-undang Privy Council di London itu, tetapi mungkin juga pada masa hadapan Persekutuan Tanah Melayu akan mempunyai suatu Jawatankuasa sendiri yang seperti itu; jikalau terjadi demikian rayuan-rayuan itu tidaklah mustahak lagi dimajukan ke United Kingdom sebagaimana India dan Kanada tidak lagi memajukan rayuan-rayuan mereka ke United Kingdom.

Mahkamah-mahkamah Rendah

Di bawah Mahkamah Tinggi itu ada beberapa peringkat mahkamah yang rendah yang dipanggil:-

- (1) Mahkamah Sessions (Sessions Court).
- (2) Mahkamah Majistret Yang Pertama (First Class Magistrate's Court).
- (3) Mahkamah Majistret Yang Kedua (Second Class Magistrate's Court).

Mahkamah Sessions itu diketuai oleh seorang pengadil yang digelar Yang Dipertua Mahkamah Sessions. Ia ini selalunya seorang yang berkelulusan undang-undang. Ia berkuasa membicarakan kesalahan jenayah yang ditetapkan oleh undang-undang boleh membawa kepada hukuman sehingga tujuh tahun penjara, dan kadang-kadang ia boleh membicarakan walau apa kesalahan pun kecuali kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman bunuh atau penjara seumur hidup. Sungguhpun demikian ia hanya layak menjatuhkan hukuman kepada orang yang salah sehingga tiga tahun penjara sahaja, atau denda sehingga \$2,000. Di dalam perbalahan perkara awam (civil cases) pula ia boleh membicarakan perkara perbalahan yang bernilai sehingga \$2,000. Selalunya seseorang Yang Dipertua Mahkamah Sessions itu mempunyai daerah yang luas dan di negeri-negeri yang kecil, daerahnya kadang-kadang meliputi sebuah negeri, dan ia mengadakan perbicaraan bergilir-gilir di beberapa tempat di dalam daerahnya.

Mahkamah Majistret Darjah Yang Pertama pula diketuai oleh seorang Majistret (pengadil) yang selalunya tidak mempunyai kelulusan undang-undang tetapi mempunyai pengalaman undang-undang yang luas. Majistret ini boleh membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah yang boleh membawa kepada hukuman tiga tahun penjara, tetapi sungguhpun demikian ia hanya layak menjatuhkan hukuman setinggi-tingginya setahun penjara atau denda \$2,000 atau kedua-dua hukuman itu sekali. Di dalam perbalahan awam pula ia hanya berkuasa mengadakan perbalahan atas perkara yang bernilai sehingga \$1,000 sahaja. Selain daripada majistret-majistret yang dilantik khas untuk mengadakan perbicaraan, adalah juga majistret-majistret yang digelar *ex-officio magistrate* iaitu Pegawai Daerah di kawasan itu; tetapi ia jarang-jarang mengambil bahagian di dalam per-

bicaraan oleh sebab kerjanya sendiri sebagai Pegawai Daerah pun sudah terlampau banyak. Sebelum perang dahulu pegawai-pegawai ini mengambil bahagian yang penting di dalam mahkamah.

Majistret Darjah Yang Kedua mempunyai kuasa yang kurang daripada Majistret Darjah Yang Pertama, dan biasanya mereka ini ialah Penolong Pegawai Daerah di dalam kawasan mahkamah itu. Mereka mengadilkan kesalahan yang senang diselesaikan ataupun mengeluarkan saman atau waran untuk memanggil seseorang hadir ke mahkamah.

Mahkamah Penghulu

Selain daripada mahkamah-mahkamah yang tersebut di atas adalah juga Mahkamah-mahkamah Penghulu yang berkuasa membicarakan hal-hal jenayah dan awam yang kecil tetapi orang-orang yang dibicarakan oleh mahkamah itu berhak meminta supaya perbicaraan itu dipindahkan kepada Mahkamah Majistret jikalau ia tidak mahu dibicarakan oleh Mahkamah Penghulu itu. Keputusan Mahkamah Penghulu itu boleh juga disemak oleh Mahkamah Majistret jikalau orang yang dibicarakan oleh Mahkamah Penghulu itu tidak puas hati. Selain dari itu adalah juga Mahkamah Kadi yang mengadilkan hal-hal yang bersangkutan-paut dengan orang Islam. Mahkamah-mahkamah Penghulu dan Kadi adalah di bawah tadbiran Kerajaan negeri dan bukanlah ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Mahkamah-mahkamah yang lain.

Mahkamah Buruh

Satu lagi mahkamah yang jarang-jarang diketahui oleh orang ramai ialah Mahkamah Buruh. Perbicaraan di mahkamah itu dihakimkan oleh Pegawai Buruh, dan peraturan bicara lebih kurang serupa dengan peraturan di Mahkamah Majistret. Mahkamah ini diadakan untuk menyelesaikan perbalahan di antara pekerja-pekerja dengan majikan mereka terutama berkenaan gaji yang tidak berbayar atau membuang kerja dengan tidak memberi amaran atau sebagainya. Dengan adanya mahkamah itu dapatlah perbalahan itu diselesaikan dengan cepat dan perbelanjaan yang percuma kepada pihak yang mengadu dan yang kena adu dan dengan

yang demikian menjadi pertolongan yang besar kepada buruh-buruh. Keputusan mahkamah ini diakui sah oleh mahkamah lain dan pihak yang tidak puas hati dengan keputusan itu bolehlah merayu kepada Mahkamah Tinggi.

Kerja-kerja Mahkamah

Adapun kerja yang utama bagi mahkamah itu ialah menghakimkan perbalahan di antara seorang rakyat dengan rakyat yang lain dan juga di antara rakyat dengan Negara. Perbalahan ini boleh jadi berupa awam (civil) atau berupa jenayah (criminal) seperti yang telah diterangkan dahulu. Hakim-hakim berkewajipan mengadil dan menggunakan undang-undang seperti yang telah diputuskan oleh Parlimen dan sekiranya ada perkara di dalam undang-undang itu yang samar-samar makna atau tujuannya maka bolehlah mahkamah itu memberi pentafsirannya.

Selain dari itu Mahkamah Tertinggi Persekutuan Tanah Melayu mempunyai kuasa untuk mentafsirkan makna perkara-perkara yang syak dan waham yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan Perlembagaan Negeri-negeri, dan apa-apa yang diputuskan oleh Mahkamah itu diakui sah dan muktamad dan tidak boleh dicabar oleh badan-badan lain. Mahkamah Tertinggi lain jarang-jarang mempunyai kuasa yang seperti ini. Misalnya, sebelum Merdeka dahulu Mahkamah Tertinggi Persekutuan tidak mempunyai kuasa ini berkenaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 dan perlembagaan negeri-negeri, bahkan kuasa itu terpulang kepada Mahkamah Pentafsiran (Interpretation Tribunal) yang terdiri daripada Hakim Besar dan dua orang ahli lain, seorang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dan seorang lagi oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia; dan perlembagaan negeri pula ditafsirkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri-negeri itu sendiri. Akan tetapi kuasa mentafsirkan Perlembagaan yang ada pada Mahkamah Tertinggi Persekutuan sekarang ini tidaklah pula menyamai kuasa yang dipunyai oleh Mahkamah Tertinggi di Amerika Syarikat yang boleh mengisytiharkan undang-undang yang dibuat oleh Kongres atau majlis mesyuarat negeri-negeri itu batal jikalau difikirkan mereka undang-undang itu berlawanan dengan Perlembagaan.

Di setengah negeri kuasa mentafsirkan Perlembagaan negeri itu ada di dalam Parlimennya sendiri atau diambil oleh Parlimen daripada Mahkamah Tertinginya. Di Afrika Selatan misalnya, apabila Mahkamah Tertinginya memutuskan bahawa perbuatan pemerintah membeza-bezakan orang berkulit putih dengan orang berkulit hitam itu berlawanan dengan tujuan dan semangat perlembagaan mereka, keputusan mahkamah itu tidak diendahkan dan kuasa untuk mentafsirkan perlembagaan itu dipindahkan kepada parlimen.*

Selain daripada itu mahkamah juga berkuasa mengawas supaya tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pemerintah dan kakitangannya tidak berlawanan dengan undang-undang. Ini tidaklah pula bermakna tiap-tiap perbuatan yang dilakukan oleh pemerintah atau kakitangannya itu dijaga atau dikawal oleh mahkamah, melainkan apabila ada rakyat mengadu kepada mahkamah yang ia telah teraniaya kerana perbuatan pemerintah, maka bolehlah mahkamah menghakamkan sama ada perbuatan pemerintah itu berlawanan dengan undang-undang atau tidak; dan jikalau ia berlawanan dengan undang-undang mahkamah berkuasa melarang pemerintah atau kakitangan Kerajaan itu daripada melakukan perbuatan itu, atau menghukum atau mendenda mereka.† Kuasa mahkamah ini terbit daripada apa yang disebut di dalam Perlembagaan dan apa yang tidak disebut. Fasal 5 Perlembagaan berkata bahawa sesiapa pun tidak boleh dihapuskan nyawa atau kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang; Fasal 13 berkata sesiapa pun tidak boleh dihapuskan hartanya kecuali mengikut undang-undang. Dan yang penting sekali iaitu Fasal 8 yang berkata bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungannya yang sama. Sebaliknya pula Perlembagaan itu tidak menyatakan langsung yang pemerintah atau kakitangannya boleh melanggar undang-undang. Jadi sesiapa yang berasa diri mereka telah teraniaya oleh sebab perbuatan pemerintah yang tidak mengikut undang-undang,

**The High Court of Parliament Act, June 1952, Union of South Africa.*

†Ini boleh dibuat dengan *Orders of Mandamus, Certiorari* dan *Prohibition*. Jika seseorang rakyat ditahan atau dipenjara oleh pemerintah dengan tidak ada alasan yang tertentu orang itu boleh meminta mahkamah mengeluarkan *Writ of Habeas Corpus* supaya ia dibebaskan.

pun berpendapat bahawa keputusan Mahkamah Ulang Bicara itu betul maka Ahmad terpaksa menepuh hukumannya. Sungguhpun begitu ia boleh menyembah kepada Sultan atau Gabenor negeri tempat ia telah melakukan kesalahan itu supaya ia diampuni atau hukumannya dikurangkan. Kalau ia bernasib baik dan mempunyai alasan-alasan yang ia patut dikasihani, lembaga yang menasihatkan Raja atau Gabenor atas perkara itu barangkali juga mencadangkan supaya Ahmad dihukum penjara seumur hidup sahaja dan tidak digantung. Kalau lembaga itu mencadangkan demikian Sultan atau Gabenor itu akan menurut nasihat lembaga itu dan Ahmad pun tidaklah digantung. Kalau tidak Ahmad terpaksa menerima hukumannya.

Dakwaan

Pada teorinya semua rakyat boleh mendakwa di mahkamah akan seseorang yang telah melakukan kesalahan jenayah. Umpamanya seorang awam A boleh mendakwa B di mahkamah jikalau B mencuri buah kelapa A dari kebunnya. Sungguhpun begitu biasanya dakwaan dimajukan oleh pihak polis, Pendakwa Raya atau pegawai-pegawai pejabat yang undang-undangnya telah dilanggar seperti Pegawai Kastam, Pegawai Jabatan Cukai Pendapatan, Pegawai Buruh dan sebagainya. Ini ialah kerana mendakwa itu berkehendakkan kepandaian, masa dan perbelanjaan yang banyak. Orang awam jarang-jarang mempunyai ketiga-tiga itu pada mereka; jadi dengan kerana itu pendakwa di mahkamah jarang-jarang dilakukan oleh mereka.

Ketua bagi semua dakwaan ialah Pendakwa Raya dan ia mempunyai beberapa pembantu yang digelar Timbalan Pendakwa Raya yang ditempatkan pada tiap-tiap negeri. Semua dakwaan terhadap kesalahan jenayah yang besar-besar seperti menderhaka (treason), membunuh orang dan sebagainya adalah dimajukan oleh Pendakwa Raya atau Timbalannya sendiri. Kadang-kadang ada pula kesalahan-kesalahan yang mesti mendapat kebenaran Pendakwa Raya sebelum dakwaan boleh dimajukan seperti kesalahan-kesalahan yang mesti mendapat kebenaran Pendakwa Raya sebelum dakwaan boleh dimajukan seperti kesalahan-kesalahan yang bersangkutan dengan surat khabar misalnya.

Selain dari itu Pendakwa Raya juga menjadi Peguam Negara (Attorney-General) menasihatkan Yang Dipertuan Agung dan Jemaah Menteri atas perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan undang-undang. Sungguhpun ia tidak menjadi ahli Parlimen, Peguam Negara boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa Parlimen, tetapi ia tidak boleh mengundi. Peguam Negara dilantik oleh Yang Dipertuan Agung dengan nasihat Perdana Menteri daripada orang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi. Timbalannya yang duduk di tiap-tiap negeri kebanyakannya menjadi Penasihat Undang-undang negeri itu. Selain dari itu Jabatan Peguam Negara adalah juga bertanggungjawab merangka rang undang-undang yang hendak dimajukan ke dewan Parlimen daripada satu masa ke suatu masa dan ini adalah tanggungan Jabatan itu yang amat mustahak.

Peguam-peguam

Pada masa ini ada lebih kurang tiga ratus orang peguam yang bekerja bersendirian. Mereka ini kebanyakannya lulus di England tetapi Universiti Malaya akan mengeluarkan penuntut-penuntut yang berkelulusan undang-undang tidak berapa lama lagi. Peguam-peguam yang telah disahkan oleh Mahkamah Tertinggi bolehlah hadir di mana-mana mahkamah untuk mewakili orang atau pihak yang menggunakan mereka.

Di dalam negara yang diperintah secara demokrasi mahkamah keadilannya wajiblah bebas daripada kongkongan pihak yang memerintah supaya ia dapat menjalankan kewajipannya dengan adil dan saksama. Ia harus terkeluar daripada pertelingkahan politik dan menjalankan kerjanya sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang yang telah dibuat oleh Parlimen. Ia tidaklah harus menjadi perkakas untuk menghukum orang-orang yang tidak disukai oleh pihak pemerintah dengan tidak ada alasan yang tertentu seperti yang berlaku di negeri-negeri yang tidak bebas.

FASAL VI

KEWANGAN NEGARA

Sebuah negara itu adalah seperti seorang manusia. Jika-lau ia hendak hidup ia mestilah berbelanja, dan untuk hendak berbelanja ia mesti ada mata pencarian. Cara negara mencari wang untuk membayar perbelanjaannya itu serupalah seperti manusia mencari wang iaitu dengan berusaha dan berniaga. Tetapi satu daripada perbezaan yang besar di antara negara dengan seorang manusia ialah negara boleh mendapat wang dengan mencukai orang ramai, dan inilah mata pencarian negara yang terbesar sekali.

Adapun cukai itu ialah pembayaran yang dikenakan oleh pihak yang berkuasa ke atas orang ramai dengan kebenaran undang-undang untuk digunakan bagi kebajikan umum. Ini patutlah dibezakan dengan hasil atau khazanah yang didapati oleh negara sebagai upah membuat sesuatu pekerjaan atau sewa menggunakan harta yang dipunyai oleh Kerajaan seperti harga setem surat, sewa telefon, sewa taliair, sewa lampu elektrik atau sebagainya, kerana orang yang membayarnya terus mendapat faedah daripada perkhidmatan itu.

Cukai itu boleh dibahagi kepada dua jenis. Satu digelar cukai secara langsung dan satu lagi cukai secara tidak langsung. Umumnya cukai secara langsung itu ialah cukai yang dibayar oleh orang yang kena cukai itu sendiri dan tidaklah dapat ditangkiskannya cukai itu kepada orang lain kemudian. Contoh yang baik ialah cukai pendapatan atau cukai pesaka. Cukai tidak langsung pula bermakna cukai yang kesudahannya dibayar oleh orang yang menggunakan barang yang kena

cukai itu, seperti cukai minyak petrol atau rokok, kerana sungguhpun cukai itu pada awalnya dibayar oleh syarikat minyak atau rokok itu, tetapi pada akhirnya orang yang menggunakan minyak atau rokok itulah yang membayar cukai itu.

Punca-punca Hasil Kerajaan Pusat

Seperti yang telah diterangkan di tempat lain di dalam buku ini Tanah Melayu diperintah mengikut kaedah per-kutuan, iaitu ada Kerajaan pusat dan ada Kerajaan negeri-negeri dan ada perkara-perkara yang ditadbirkan oleh Kerajaan pusat dan ada perkara-perkara yang ditadbirkan oleh Kerajaan negeri. Maka pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan pun adalah disusun mengikut peraturan yang seperti itu, iaitu ada hasil-hasil yang dipungut oleh Kerajaan Pusat semata-mata dan ada pula hasil-hasil yang dipungut oleh negeri-negeri sahaja. Begitu jugalah halnya berkenaan perbelanjaan.

Punca hasil Kerajaan Pusat (Persekutuan) ialah seperti berikut:-

Cukai tidak langsung:

- (1) Cukai kastam:- Cukai ini terbahagi kepada dua jenis:-
 - (a) Cukai barang-barang masuk
 - (b) Cukai barang-barang keluar.

Cukai barang-barang masuk (a) ini ialah cukai yang dikenakan ke atas barang-barang yang masuk ke Persekutuan Tanah Melayu dari negeri-negeri luar. Di antara barang-barang yang tinggi cukainya dan membawa hasil yang banyak kepada Persekutuan Tanah Melayu ialah rokok, tembakau, minuman keras, minyak petrol, kain-kain, jentera-jentera dan alat perkakas seperti radio, kamera, barang solek dan lain-lain lagi.

Cukai barang-barang keluar (b) ialah cukai yang dikenakan ke atas getah dan bijih yang dihantar ke luar negeri dan ini ialah suatu punca hasil yang besar di Persekutuan Tanah Melayu. Cukai ini turun dan naik daripada satu masa ke suatu masa mengikut harga barang-barang itu; jika ia mahal maka tinggilah cukai barang itu dan dengan hal yang demikian banyaklah Kerajaan mendapat khazanah. Jika ia

murah maka turunlah cukai yang didapati. Selain daripada getah dan bijih adalah juga cukai kayu-kayan dan biji-bijian dan anak getah yang dibawa keluar negeri.

(2) Cukaibia (excise)

Cukaibia atau excise bererti cukai yang dikenakan ke atas barang-barang yang dibuat dan digunakan di dalam negeri. Di antara yang besar hasilnya ialah cukai rokok dan cerut yang dibuat di Tanah Melayu, tembakau yang ditanam, minuman keras, gores api dan lain-lain lagi.

Cukai cara langsung:

(1) Cukai pendapatan:

Cukai ini dikenakan kepada orang-orang yang beroleh pendapatan yang berlebih daripada peringkat yang ditentukan pada tiap-tiap tahun. Cukai ini ialah cukai yang baharu muncul di dalam dunia ini dan ia menjadi suatu punca hasil yang besar pada zaman sekarang. Baiknya cukai ini ialah kerana ia dikenakan kepada orang yang dianggap mampu membayarnya sahaja, dan semakin banyak pendapatan seorang itu semakin banyaklah cukai yang mesti dibayarnya. Akan tetapi pula cukai ini sukar mengutipnya kerana kebanyakan orang yang mampu membayarnya cuba dengan berbagai helah mengelakkannya. Di Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini seorang bujang akan terpaksa membayar cukai pendapatan sekiranya pendapatannya berlebih daripada \$2,000 setahun. Misalnya jika ia mendapat \$2,400 setahun bermaknalah wang yang \$400 itu boleh dicukai mengikut peratus yang ditentukan, dan jika sekiranya 5 peratus maka terpaksa ia membayar $\frac{5}{100} \times \$400 = \20 setahun. Jika ia beristeri dan isterinya tidak ada pendapatan lain, ia akan dicukai hanya kalau ia mendapat lebih daripada \$3,000 setahun; dan jikalau ia beranak pula tingkat pendapatannya tentulah lebih tinggi lagi baharu ia wajib membayar cukai. Jadi, cukai ini berbeza dari seorang ke seorang mengikut banyak pendapatan orang itu dan ramai orang yang menjadi tanggungannya.

Selain daripada cukai pendapatan itu, keuntungan syarikat-syarikat perniagaan, *trustee* dan sebagainya adalah

juga dicukai dan pada masa ini cukainya ialah 30 peratus daripada keuntungan mereka.

(2) Cukai Pesaka (Estate Duty):

Cukai ini dikenakan ke atas harta orang mati yang meninggalkan harta pesaka yang bernilai lebih daripada \$10,000. Ini termasuklah juga harta atau wang yang diperolehi oleh warisnya oleh sebab kematian orang itu. Cukai ini, seperti cukai pendapatan juga, adalah beransur tinggi mengikut besarnya nilai pesaka yang ditinggalkan itu.

(3) Cukai setem:

Cukai ini dikenakan ke atas surat-surat yang diundang-undangkan mesti dibayar cukainya dengan menaruh setem di atas surat-surat itu. Contohnya ialah resip-resip penerimaan wang, cek, surat sumpah, surat tukar nama tanah dan surat perjanjian. Setem yang digunakan di atas surat-surat ini sungguhpun kadang-kadang serupa dengan setem untuk mengirim surat, tetapi pada hakikatnya setem ini ialah cukai; tetapi setem yang digunakan untuk mengirim surat itu ialah upah untuk menghantar surat itu.

Selain daripada hasil-hasil yang didapati daripada punca-punca cukai yang tersebut di atas adalah juga hasil-hasil yang lain seperti denda dan pembayaran (costs) yang dikenakan oleh mahkamah, bunga wang Kerajaan yang dipinjamkan di luar dan di dalam negeri, untung daripada perkhidmatan yang dijalankan oleh Kerajaan terutama dari pejabat pos, telefon dan sewa harta-harta Kerajaan. Akan tetapi pendapatan dari hasil-hasil ini tidaklah dapat menandingi hasil-hasil yang diperolehi daripada cukai kastam dan cukai pendapatan seperti yang tersebut di atas.

Di sini eloklah diingati bahawa di Persekutuan Tanah Melayu banyak sedikitnya atau turun naiknya hasil negeri adalah bergantung kepada harga getah dan bijih. Sekiranya harga kedua-dua jenis barang itu mahal maka banyaklah cukai barang keluar yang didapati oleh Kerajaan apabila barang-barang itu dibawa keluar; dan oleh sebab harga getah atau bijih mahal maka ramailah orang yang mempunyai wang untuk membeli barang-barang yang datang dari luar negeri seperti motokar, minyak petrol, basikal, jam, radio dan lain-

lain yang menyebabkan Kerajaan mendapat cukai barang masuk yang banyak; dan oleh sebab ramai orang yang mendapat untung, maka Kerajaan akan menerima cukai pendapatan yang lebih. Sebaliknya pula apabila harga kedua-dua barang ini jatuh maka jatuhlah hasil yang didapati oleh Kerajaan. Pada masa peperangan di Korea pada tahun 1950-1952 harga getah telah melambung tinggi hingga sampai \$2.50 sekati, dan hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi tahun-tahun itu adalah seperti berikut:-

1950	=	\$443,368,000) Perang Korea
1951	=	\$735,452,000	
1952	=	\$725,076,000	

Lepas itu harga getah telah turun dan hasil negeri pun turun:-

1953	=	\$620,220,000
1954	=	\$622,172,000

Di bawah ini diterakan khazanah yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan bagi empat tahun yang lepas:-

Punca Hasil Jenis I	1956 Juta \$	1957 Juta \$	1958 Juta \$	1959 Juta \$
(1) Kastam	486.4	475.1	408.4	529.4
(2) Eksais	7.1	9.1	8.5	8.6
(3) Lesen-lesen	34.8	39.4	41.5	42.9
(4) Cukai Dalam Negeri (Cukai pendapatan, pesaka dan lain-lain)	153.7	140.9	131.2	131.3
(5) Pendaftar Perniagaan	5.1	—	.2	.2
Jenis II				
(6) Bayaran Mahkamah dan lain-lain	28.2	30.1	30.7	35.5
Jenis III				
(7) Pejabat Pos	12.5	14.5	13.4	13.2
(8) Telefon	26.3	29.4	30.9	31.1

Jenis IV							
(9)	Sewa harta Kerajaan5	.6	.6	.4	
(10)	Bunga Wang Kerajaan	...	20.6	21.5	22.5	18.8	
Jenis V							
(11)	Lain-lain hasil	...	13.3	37.5	55.6	55.7	
Jenis VI							
(12)	Rancangan Kemajuan	...	7.1	2.8	8.8	8.8	
JUMLAH			...	795.6	800.9	752.3	875.9

Daripada khazanah-khazanah yang diterima itu, Kerajaan membelanjakannya bagi mengadakan perkhidmatan untuk orang ramai. Untuk memahamkan perbelanjaan ini eloklah diambil contoh perbelanjaan bagi tahun 1958 dan tahun 1959.

Jenis Perbelanjaan		1958	1959	
		Juta Ringgit		
1.	Pertahanan dan Keselamatan	...	128.8	139.4
2.	Perubatan dan Kesihatan	...	67.3	71.5
3.	Kebajikan Masyarakat	...	3.5	3.5
4.	Pelajaran	...	135.1	162.6
5.	Kerja Raya	...	29.3	25.9
6.	Pos dan Telekom	...	30.5	30.9
7.	Jabatan-Jabatan Pertadbiran	...	283.7	282.2
8.	Pemberian kepada Negeri-negeri	...	65.1	64.8
9.	Darurat	...	104.7	89.1
Jumlah Perbelanjaan		=	848.0	869.9

Di bawah ini disertakan suatu daftar menunjukkan khazanah dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada tiap-tiap tahun semenjak tahun 1950 hingga tahun 1959. Daftar ini tidak termasuk khazanah dan perbelanjaan negeri-negeri. Angka yang sebelah kanan sekali menunjukkan sama ada khazanah itu berlebihan (+) atau terkurang (-) daripada perbelanjaan.

**Khazanah dan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan
(Ribu \$)**

Tahun	Khazanah	Perbelanjaan	+Lebih -Kurang
1950 ...	443,368	340,004	+103,364
1951 ...	735,452	548,742	+186,710
1952 ...	725,076	672,135	+ 52,941
1953 ...	620,220	790,376	-170,156
1954 ...	622,172	714,018	- 91,846
1955 ...	797,252	712,434	+ 84,818
1956 ...	795,640	748,673	+ 46,967
1957 ...	800,926	786,578	+ 14,348
1958 ...	752,276	848,038	- 95,762
1959 ...	874,063	869,972	+ 4,091

(Angka-angka di dalam Fasal ini dikutip daripada *Monthly Statistical Bulletins - Federation of Malaya, 1960*)

Daripada angka-angka yang tersebut di atas nyatalah bahawa keadaan kewangan Persekutuan boleh dikatakan stabil. Di sini eloklah pula diingati bahawa sesebuah negara yang mempunyai dasar kewangan yang baik tidaklah pula ia bertujuan hendak menyesuaikan perbelanjaan dengan pendapatan dengan apa jalan sekalipun supaya menjadi seimbang daripada setahun ke setahun. Biasanya pada masa makmur, Kerajaan akan mengenakan cukai yang lebih tinggi supaya ia mendapat wang yang lebih banyak untuk mengadakan perkhidmatan yang lebih baik dan banyak, dan juga supaya ia dapat menarik balik wang yang terlampau banyak di tangan orang ramai yang boleh menyebabkan barang-barang menjadi terlampau mahal (inflation) oleh sebab terlampau ramai orang hendak membeli barang yang sedikit. Lagi pula pada masa makmur orang ramai tidak berapa terasa yang mereka kena cukai. Pada masa meleset pula Kerajaan akan mencuba menurunkan cukai untuk meringankan bebanan orang ramai dan supaya perniagaan dan perusahaan tidak menjadi mahal dan dengan jalan itu dapat mengelakkan pengangguran yang boleh membawa kesukaran kepada negara seperti berlakunya kecurian, samun-menyamun, rusuhan dan sebagainya.

Daripada angka-angka yang tertera di atas juga akan didapati bahawa khazanah dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bertambah dari setahun ke setahun dan dalam tempoh 10 tahun sahaja (1950-1959) khazanah dan perbelanjaan Persekutuan Tanah Melayu sudah berlipat lebih sekali ganda. Ini ialah kerana kemajuan dan perkembangan ekonomi Persekutuan dan juga kerana pertambahan penduduk yang sangat cepat yang menyebabkan hasil yang bertambah, dan sebaliknya memaksa Kerajaan mengadakan perkhidmatan masyarakat seperti pelajaran, perubatan dan sebagainya yang lebih luas lagi.

Hutang Negara

Jikalau pendapatan seseorang manusia itu berlebihan daripada belanjanya bermaknalah ia mempunyai wang yang berlebihan dan wang itu bolehlah disimpan atau digunakannya untuk membeli barang-barang yang disukainya atau untuk membesarkan perusahaannya. Sebaliknya pula jika belanjanya lebih besar daripada pendapatan maka bermaknalah ia tidak cukup wang, dan terpaksa ia berhutang atau mengeluarkan wang simpanannya, jika ada. Jikalau ia tidak ada wang simpanan dan terus berhutang daripada sebulan ke sebulan dan dari setahun ke setahun bermaknalah ia akan menjadi papa pada akhirnya. Negara pun seperti manusia juga. Jika pendapatan berlebihan daripada belanja, negara boleh menyimpan wang yang berlebihan itu untuk masa yang akan datang atau untuk meluaskan lagi perkhidmatan dengan mengadakan jalan raya yang lebih banyak, sekolah-sekolah, rumahsakit-rumahsakit dan sebagainya, atau mengadakan perkhidmatan yang boleh menambah hasil negara lagi seperti meluaskan pelabuhan, membanyakkan kuasa elektrik, membaiki keretapi dan sebagainya. Sebaliknya pula jika belanja berlebihan daripada pendapatan (khazanah) maka bermaknalah negara terpaksa memakai wang simpanannya (general revenue surplus), atau jikalau tidak ada wang itu, berhutang di dalam dan di luar negeri; dan sekiranya negara itu terus-menerus berbelanja lebih daripada pendapatan dan sentiasa berhutang, nescaya ia akan menjadi papa.

Akan tetapi jikalau sesebuah negara itu berhutang tidaklah pula mesti bermakna yang negara itu tidak stabil kewang-

annya, atau keadaan ekonominya tidak baik. Kadang-kadang negara terpaksa berhutang kerana hendak mendapatkan modal untuk mendirikan perusahaan-perusahaan yang boleh memberi pekerjaan kepada rakyat dan mendatangkan hasil pada kemudian hari seperti hutang untuk membesarkan Pelabuhan Swettenham, dan rancangan membuka jentera elektrik dengan kuasa air (hydroelectric) di Cameron Highlands. Ada kalanya hutang negara disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan seperti peperangan atau huru-hara atau kekacauan di dalam negeri yang menyebabkan perbelanjaan berlipatganda besarnya dan tidak dapat dibayar dengan hasil biasa semata-mata. Britain dan Rusia, misalnya, telah meminjam wang yang amat banyak dari Amerika pada masa Peperangan Dunia Kedua, dan sehingga masa ini hutang itu masih belum habis dibayar. Persekutuan Tanah Melayu telah meminjam sebanyak \$30 juta daripada Singapura untuk membayar perbelanjaan Darurat. Jadi daripada sini bermaknalah berhutang atau memberi hutang itu sudah menjadi perkara biasa kepada negara-negara.

Pada penghujung tahun 1957 banyaknya hutang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ialah lebih kurang \$705 juta, yang terdiri daripada \$521 juta hutang di dalam negeri dan \$184 juta hutang di luar negeri terutama di United Kingdom. Ini tidaklah termasuk hutang \$30 juta yang diberi oleh Kerajaan Singapura seperti yang tersebut di atas dan hutang-hutang yang diberi oleh Kerajaan Brunai dan Amerika Syarikat baharu-baharu ini. Pada pertengahan bulan Mac, 1960 hutang negara ini telah menjadi \$970.4 juta. Jadi hutang Persekutuan Tanah Melayu adalah bernilai lebih kurang setahun khazanah Persekutuan dan semua wang ini digunakan untuk rancangan kemajuannya.

Apabila Kerajaan berhutang ia terpaksa membayar bunga, dan hutang itu mempunyai syarat bila wang pokok itu akan dibayar atau ditebus; tetapi tempoh membayar balik ini selalunya panjang iaitu di antara 15 hingga 30 tahun. Walaupun begitu oleh sebab pokok hutang itu besar maka bunganya pun tentulah besar juga yang mesti dibayar pada tiap-tiap tahun. Misalnya jikalau Kerajaan berhutang \$100 juta dengan bunga 4% setahun, bermaknalah ia terpaksa membayar \$4 juta setahun. Pada tahun 1958 Kerajaan Persekutuan Tanah

Melayu berbelanja lebih kurang \$50 juta untuk membayar atau menebus hutang yang sudah cukup tempohnya dan bunga bagi hutang-hutang yang masih belum dibayar balik. Sebahagian daripada hasil negara disembelahkan pada tiap-tiap tahun untuk menebus hutang, dan wang yang terkumpul dengan jalan ini digelar *Sinking Funds* di dalam bahasa Inggerisnya. Pada penghujung tahun 1957 banyaknya wang ini yang terkumpul ialah \$128 juta dan pada 15 Mac 1960 banyaknya wang ini ialah \$172.6 juta.

Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hutang, tetapi ia juga mempunyai hutang yang besar iaitu berupa wang yang dipinjamkan kepada berbagai badan dan lembaga di luar dan di dalam negeri seperti Lembaga Pusat Letrik (C.E.B.) Malaya, misalnya, dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mendapat bunga yang banyak pada tiap-tiap tahun daripada hutang ini. Hutang atau pertaruhan wang di luar negeri itu membantu menstabilkan kedudukan kewangan Persekutuan Tanah Melayu dan memberi keyakinan kepada orang luar yang hendak memberi pinjam wang kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau untuk menanam modal di dalam perusahaan-perusahaan di Persekutuan Tanah Melayu.

Kumpulan Wang Negara (Consolidated Fund)

Semua wang yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sama ada menerusi cukai, perniagaan, hutang dan sebagainya adalah dikumpulkan dalam satu tabung wang yang digelar Kumpulan Wang Negara atau *Consolidated Fund* di dalam bahasa Inggerisnya. Untuk berbelanja bolehlah dikeluarkan wang daripada kumpulan wang ini seperti membayar gaji kakitangan Kerajaan, belanja membuat jalan raya, mendirikan sekolah, rumah sakit dan sebagainya; tetapi semua perbelanjaan itu mestilah dengan kebenaran undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Peraturan mengeluarkan wang ini akan diterangkan di tempat lain di dalam fasal ini. Akan tetapi adalah juga perbelanjaan-perbelanjaan yang mesti dibayar dari Kumpulan Wang Negara itu dengan tidak payah disahkan oleh Parlimen pada tiap-tiap tahun kerana telah dibenarkan oleh Perlembagaan. Perbelanjaan ini ialah:-

- (1) Sara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang Dipertuan Agung dan Permaisuri Agung.

- (2) Gaji Hakim-hakim Mahkamah.
- (3) Gaji Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya.
- (4) Gaji Ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (5) Gaji Juru Odit Negara.
- (6) Pencen-pencen.
- (7) Sagu Hati.
- (8) Wang untuk membayar hutang negara.

Tujuan mengadakan syarat-syarat ini ialah supaya pejabat-pejabat atau pegawai-pegawai yang dibayar dengan perbelanjaan ini bebas daripada pengaruh politik, dan pendapatan mereka tidak turun dan naik atau dihapuskan apabila parti yang memerintah bertukar dari satu masa ke satu masa.

Pejabat Perbendaharaan (The Treasury)

Segala kira-kira wang negara sama ada hasil-hasil, hutang-hutang negara, atau wang yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk mentadbirkannya, dan juga perbelanjaan Kerajaan adalah diuruskan oleh suatu pejabat yang sangat penting yang disebut Pejabat Perbendaharaan atau *Treasury* di dalam bahasa Inggerisnya. Pejabat ini diketuai oleh Menteri Kewangan. Adapun kerja Pejabat Perbendaharaan itu bolehlah dibahagi kepada tiga jenis:-

- (1) Menimbang dan mencadangkan kepada Parlimen bagaimana hasil atau khazanah boleh didapati untuk membayar perbelanjaan Kerajaan, dan mengawas supaya cukai dipungut seperti yang ditentukan oleh undang-undang.
- (2) Mengawas supaya wang yang dibenarkan oleh Parlimen dibelanjakan khas untuk tujuan-tujuan yang telah disahkan.
- (3) Mentadbirkan hutang negara.

Pada awal tiap-tiap tahun, selalunya pada bulan Mei atau Jun, semua pejabat menerusi Kementerian-kementerian mereka akan menghantar daftar berapa banyak wang yang dikehendaki oleh mereka untuk menjalankan kerja-kerja pejabat itu pada tahun yang akan datang. Semua daftar ini adalah disertai dengan butir-butir bagaimana wang itu hendak digunakan. Pejabat-pejabat yang mengeluarkan atau mendapat hasil akan menerangkan berapa banyak hasil yang ditaksirkan boleh didapati oleh mereka. Permintaan pejabat-pejabat itu akan ditimbang oleh pihak *Treasury* dengan teliti untuk menyesuaikan dengan tuntutan pejabat-pejabat lain dan juga supaya sepadan dengan hasil yang boleh didapati oleh Kerajaan pada tahun hadapan. Sekiranya ada pertelingkahan yang besar di antara pihak *Treasury* dengan pejabat-pejabat, perkara itu adalah diselesaikan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri kerana perbelanjaan yang baharu yang dimajukan oleh pejabat-pejabat itu biasanya berasal dari cadangan Jemaah Menteri atau terbit daripada dasar Kerajaan, misalnya perbelanjaan menubuhkan pejabat radio yang baharu, membuat sekolah yang baharu atau sebagainya. Sambil anggaran perbelanjaan itu dikaji dengan telitinya, *Treasury* juga akan menimbang bagaimana wang untuknya dapat dicari dengan memikirkan keadaan iktisad di dalam negeri seumumnya. Sekiranya wang dianggarkan tidak berapa cukup barangkali juga pihak *Treasury* akan berura-ura mengenakan cukai baharu, menukar cukai lama, atau sekiranya hasil sudah berlebih-lebihan, menurun atau menghapuskan cukai-cukai lama. Segala cadangan untuk perbelanjaan dan juga untuk mendapatkan khazanah ini akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan apabila dipersetujui ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk persetujuannya.

Peraturan Meluluskan Perbelanjaan dan Cukai

Anggaran perbelanjaan bagi tahun yang akan datang akan dibincangkan pada hari-hari Persidangan Belanjawan yang biasanya diadakan dalam bulan November. Di dalam persidangan itu Menteri Kewangan akan mengusulkan di dalam Dewan Rakyat supaya Rang Undang-undang Perbekalan (*Supply Bill*) dibaca bagi kali yang pertama dan kali

yang kedua.* Pada masa itu ia akan memberi ucapan yang panjang lebar mengkaji keadaan kewangan dan iktisad negara umumnya pada tahun itu (tahun ia bercakap itu) dan membandingkan anggaran hasil dan anggaran perbelanjaan dengan hasil dan perbelanjaan yang tentu bagi tahun itu. Ia juga akan menerangkan anggaran perbelanjaan bagi tahun yang akan datang dan cadangannya bagi mendapatkan wang untuk membayar perbelanjaan itu; cukai-cukai baharu yang hendak dikenakan atau cukai-cukai lama yang hendak dihapus-kannya. Cadangan berkenaan cukai-cukai ini sangatlah di-rahsiakan sehingga hari Menteri itu memberi ucapannya kerana sekiranya rahsia itu diketahui oleh orang ramai terlebih dahulu nescaya mereka yang tahu rahsia itu akan menyembunyikan barang-barang dengan tujuan hendak menjual dengan harga yang lebih sekiranya cukai barang-barang itu akan naik, atau menjualkan barang-barang itu dengan tergesa-gesa jikalau cukainya akan turun. Misalnya jikalau syarikat minyak, atau motokar atau rokok, tahu yang cukai barang-barang mereka akan naik, mereka akan menyembunyikan barang-barang mereka, dan menjualnya apabila cukai sudah naik dan dengan cara demikian mendapat untung yang berlipat ganda.

Setelah itu persidangan berkenaan Belanjawan ini akan ditangguhkan dua tiga hari untuk membolehkan ahli-ahli Dewan mengkaji dengan teliti akan Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh pemerintah di dalam Rang Undang-undang Perbekalan itu.

Setelah bersidang semula ucapan Menteri Kewangan dan Rang Undang-undang Perbekalan yang dimajukannya itu akan dibahaskan dengan panjang lebar dan setelah selesai Rang Undang-undang itu pun dimajukan ke peringkat Jawatankuasa Perbekalan Wang (Committee of Supply) yang terdiri daripada semua ahli Dewan Rakyat. Di dalam peringkat Jawatankuasa ini Anggaran Perbelanjaan yang dimajukan oleh Rang Undang-undang Perbekalan itu akan dibahas atau dipinda satu persatu daripada satu Kementerian ke Kementerian yang lain sehingga tamat. Setelah selesai Rang Undang-undang itu pun dibawa balik ke persidangan

*Lihat Fasal III buku ini berkenaan peraturan ini.

Dewan dan Menteri Kewangan pun mengusulkan supaya Rang-rang itu dibaca bagi ketiga kalinya dan, sekiranya ia tidak ditolak, ia akan disahkan oleh Dewan. Lepas itu Rang Undang-undang itu akan dimajukan ke Dewan Negara, tetapi oleh sebab Dewan itu tidak berkuasa membahas atau meminda undang-undang wang, ia akan diluluskan dengan segera, dan disembahkan kepada Yang Dipertuan Agung untuk persetujuannya.

Sayugia diingat bahawa parti yang memerintah boleh jatuh jika sekiranya Rang Undang-undang Perbekalan yang dimajukan oleh pemerintah ditolak oleh Dewan Rakyat, tetapi ini jarang-jarang boleh berlaku kalau parti itu ramai penyokongnya di dalam Dewan dan *whip* partinya menjalankan kerjanya. Oleh yang demikian apa yang dicadangkan oleh pihak pemerintah itu selalulah diluluskan dengan sedikit pindaan. Dan lagi sungguhpun anggaran perbelanjaan itu dibahas satu persatu pada awalnya tetapi ahli-ahli Dewan selalunya menjadi letih dan jemu pada akhirnya, dan kadang-kadang tinggal beberapa orang sahaja di dalam Dewan itu yang tekun membahaskan satu persatu sehingga tamat.* Biar pun begitu perbahasan yang dilakukan di dalam Dewan itu adalah berguna besar kerana teguran-teguran yang dibuat oleh ahli-ahli Dewan boleh menjadi panduan kepada pihak yang memerintah pada masa yang akan datang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (Supplementary Supply Bill)

Kadang-kadang pada suatu masa di dalam tahun itu wang dikehendaki dengan segera untuk membayar perbelanjaan perkhidmatan yang mustahak tetapi peruntukan wang baginya tidak ada di dalam Anggaran Perbelanjaan Tahunan oleh sebab ia tidak disangka akan berlaku atau peruntukan yang dibuat di dalam Anggaran Perbelanjaan itu tidak cukup. Jikalau terjadi demikian pemerintah bolehlah meminta kepada Parlimen wang tambahan di dalam tahun itu dengan memajukan rang Undang-undang Perbekalan Tambahan

*Di dalam Persidangan Belanjawan pada 13 Disember 1957, misalnya. Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan yang membahaskan perbelanjaan Kementerian Pengangkutan didapati tidak cukup korum dan ahli-ahli yang di luar terpaksa dipanggil masuk untuk mencukupkan korum.

(Supplementary Supply Bill) dan peraturan meluluskannya adalah serupa dengan peraturan meluluskan rang Undang-undang Perbekalan tahunan juga.

Bagaimana Kewangan Negara Dikawal

Apabila Undang-undang Perbekalan (Supply Act atau Appropriation Act) itu disahkan oleh Yang Dipertuan Agung, Menteri Kewangan akan mengeluarkan kebenaran yang disebut *General-Warrant* kepada Juru Kira Wang Negara (Accountant-General) membenarkan ia mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Negara yang dikehendaki oleh kementerian-kementerian atau pejabat-pejabat sebagaimana yang telah disahkan oleh Parlimen. Tiap-tiap perkara yang hendak dibelanjakan itu ada tertulis di dalam Anggaran Perbelanjaan yang telah disahkan itu satu persatu, dan wang ini mestilah digunakan khas untuk perkara yang tersebut dan tidak boleh lebih daripada peruntukan yang telah dikhaskan itu. Misalnya, jikalau peruntukan itu khas untuk membuat jambatan, maka wang itu tidaklah boleh dibayar atau digunakan untuk membeli motokar, dan jikalau perbelanjaan yang dibenarkan untuk membayar gaji seorang kakitangan Kerajaan bernilai \$5,000 setahun, maka ia tidaklah boleh dibayar \$5,500 setahun dengan mengurangkan perbelanjaan yang lain-lain. Jikalau ada pejabat yang berbuat demikian dengan tidak mendapat kebenaran Pejabat Perbendaharaan (Treasury) nescaya perbelanjaan itu tidak diluluskan oleh Pejabat Juru Kira Wang Negara, ataupun pegawai yang bertanggungjawab melakukan perbelanjaan yang tidak sah itu didenda.

Juru Odit Negara

Perbelanjaan yang dilakukan oleh tiap-tiap pejabat dan juga pendapatan (hasil) yang diterima oleh pejabat-pejabat yang mengeluarkan hasil akan diperiksa dengan teliti oleh Pejabat Juru Odit Negara dan Pejabat itu akan menarik perhatian pejabat-pejabat jikalau ada apa-apa kesilapan atau perkara curang yang telah dilakukan. Pada tiap-tiap tahun Juru Odit Negara dengan perintah Yang Dipertuan Agung akan membentangkan penyatannya di Parlimen dan ia bolehlah menegur kalau ada pejabat-pejabat yang telah

melakukan kesalahan berkenaan wang Kerajaan. Penyata yang dibentangkan oleh Juru Odit Negara itu adalah bebas dan tidak takut-takut atau segan-segan kepada sesiapa,* dan itulah sebabnya gaji Juru Odit Negara itu mesti dibayar dari Wang Kumpulan Negara dengan tidak payah disahkan oleh Parlimen dari setahun ke setahun; dan ianya tidaklah boleh diberhentikan mengikut suka pihak pemerintah kecuali jikalau ia telah melakukan perbuatan-perbuatan yang sabit salahnya. Jadi Juru Odit Negara itu adalah bebas seperti Hakim-hakim Mahkamah Tinggi.

Kewangan Negeri-negeri

Selain daripada khazanah-khazanah yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan-kerajaan negeri pun adalah juga mendapat khazanah yang digunakan khas untuk negeri-negeri itu. Punca-punca hasil negeri ialah daripada sewa tanah, sewa tanah lombong dan lesen lombong, sewa hutan, cukai tuak dan cukai tempat bersuka-ria (wayang, dewan tari-menari dan sebagainya) dan juga hasil-hasil yang lain. Tetapi hasil-hasil ini tidaklah mencukupi untuk membayar perbelanjaan negeri seperti belanja pejabat-pejabat yang ditadbirkan oleh negeri-negeri, sara Raja dan orang besar-besar, pejabat agama Islam dan perkara-perkara lain yang ditadbirkan oleh negeri-negeri itu. Oleh yang demikian sebahagian besar daripada hasil negeri-negeri itu ialah wang yang diberi oleh Kerajaan Pusat Persekutuan. Ini tidaklah pula bermakna yang negeri-negeri itu mengharapkan belas kasihan Kerajaan Pusat Persekutuan semata-mata kerana pemberian itu sudah ditetapkan di dalam Perlembagaan mengikut peraturannya yang tertentu.

Peraturan memberi wang kepada negeri-negeri itu telah berubah beberapa kali semenjak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dibuat pada tahun 1948, oleh sebab kerajaan-kerajaan negeri tidak puas hati dengan peraturan dan jumlah wang yang diuntukkan kepada mereka masing-masing. Negeri-negeri yang banyak mengeluarkan hasil-mahsul mengatakan

*Barang diingat teguran Juru Odit Negara berkenaan kira-kira wang Kementerian Pelajaran bagi tahun 1958 yang bernilai \$110 juta telah menjadi perbincangan besar di Dewan Rakyat pada persidangan bulan Februari dan April, 1960.

mereka patut mendapat pemberian yang lebih kerana mereka mengeluarkan hasil yang lebih; dan negeri yang kurang maju pun berkata yang mereka patut mendapat wang yang lebih untuk memajukan negeri mereka. Pada masa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dirangka pada tahun 1957 satu peraturan baharu telah dipersetujui untuk memberi wang kepada kerajaan-kerajaan negeri dan peraturan ini adalah seperti berikut:-

(1) Tiap-tiap negeri akan mendapat wang daripada Kerajaan Persekutuan mengikut ramai penduduknya. Bagi 50,000 orang penduduk yang pertama negeri akan mendapat \$15/- seorang setahun. Bagi orang yang 200,000 lepas itu, negeri akan mendapat \$10/- seorang setahun. Yang lebihnya Kerajaan Negeri akan mendapat \$4/- tiap-tiap seorang. Misalnya negeri itu ada 500,000 penduduk. Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

50,000 orang yang pertama	=	50,000 x \$15	=	\$ 750,000
200,000 orang yang kedua	=	200,000 x \$10	=	\$2,000,000
250,000 orang yang lain	=	250,000 x \$ 4	=	\$1,000,000
<hr/>				
500,000 Jumlah pemberian setahun			=	<u>\$3,750,000</u>

(2) Kerajaan Persekutuan akan memberi wang kepada Kerajaan negeri-negeri mengikut kadar panjang jalan raya yang dijaga dan dibaiki oleh kerajaan negeri itu.

(3) Kerajaan Persekutuan akan memberi 10 peratus daripada cukai bijih timah yang diterima oleh Kerajaan Pusat Persekutuan mengikut banyak bijih timah yang dikeluarkan oleh negeri itu. Ini bermaknalah negeri-negeri yang mengeluarkan bijih timah sahaja yang dapat wang ini seperti negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan sebagainya. Peruntukan ini dibuat dengan tujuan supaya Kerajaan negeri-negeri yang mengeluarkan galian itu berasa adil dan puas hati kerana bijih yang dilombong itu terus akan hilang untuk selama-lamanya (a wasting asset) dan tanah yang telah kena lombong akan menjadi usang dan oleh hal yang demikian negeri-negeri yang mengeluarkan galian ini patutlah mendapat sedikit daripada cukai bijih yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan itu; dan dengan jalan ini juga adalah diharap menggalakkan

kerajaan-kerajaan negeri membuka dan memajukan tanah untuk dilombong.

(4) Selain daripada wang-wang yang tersebut di atas, negeri-negeri bolehlah juga menerima wang daripada Kerajaan Persekutuan menerusi satu tabung wang yang disebut Wang Simpanan Negeri (State Reserve Fund) untuk satu-satu rancangan yang tertentu bagi memajukan negeri itu, atau untuk menambah hasil negeri yang sekutuan juga.

Seperti keadaan wang-wang yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan, wang-wang yang diterima oleh Kerajaan negeri-negeri pun diserahkan kepada suatu Kumpulan Wang Negeri dan hanya boleh dibelanjakan dengan kebenaran undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri, dan perbelanjaannya dikawal seperti wang Persekutuan juga.

Majlis-majlis Kewangan Kebangsaan

Segala hal yang bersangkutan-paut dengan kewangan Kerajaan Pusat Persekutuan dan Kerajaan negeri adalah dibincangkan di dalam suatu Majlis yang digelar Majlis Kewangan Kebangsaan. Majlis ini diketuai oleh Perdana Menteri dan ahli-ahli yang lain ialah wakil-wakil tiap-tiap negeri dan seorang Menteri yang dipilih oleh Perdana Menteri. Majlis ini bertanggungjawab menentukan beberapa perkara berkenaan kewangan seperti pemberian wang daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan negeri, meminjam wang daripada orang ramai, rancangan kemajuan, peraturan menjaga kira-kira wang, dan juga perkara yang bersangkutan-paut dengan turun naiknya hasil yang didapati oleh negeri-negeri.

Wang Persekutuan Tanah Melayu

Adapun matawang yang digunakan di Persekutuan Tanah Melayu ialah wang ringgit yang terbahagi kepada 100 sen dan bernilai 2s. 4d. wang sterling (Inggeris) bagi tiap-tiap seringgit. Nilai ini tidak pernah berubah semenjak tahun 1906 dan ini telah menyebabkan wang ringgit Malaya menjadi satu daripada mata wang yang sangat kukuh di Asia. Ini bermakna sekiranya seseorang itu hendak menukar wang

Malaya di England, *Crown Agents for Overseas Governments and Administrations* di London* akan menjamin memberi wang Inggeris dengan tukaran 2s. 4d, bagi tiap-tiap seringgit walau banyak mana sekalipun. Sebaliknya pula Pesuruhjaya Matawang di Tanah Melayu yang bertanggungjawab mengelola dan mengeluarkan matawang ini, jamin membayar \$1 bagi tiap-tiap 2s. 4d yang dibawa ke Tanah Melayu.

Matawang yang digunakan di Persekutuan Tanah Melayu adalah juga digunakan di Singapura, Sarawak, Brunai dan Borneo Utara dan itulah sebabnya wang yang ada sekarang tidak mengandungi wajah Yang Dipertuan Agung kerana Baginda tidak mempunyai kuasa ke atas negeri-negeri itu. Pengeluaran wang ini ditadbirkan oleh suatu lembaga yang digelar Suruhanjaya Matawang yang ditubuhkan mengikut perjanjian yang disebut *Malaya Borneo Currency Agreement*, 1950. Suruhanjaya ini mengandungi wakil-wakil negeri yang menjadi ahli seperti yang tersebut di atas dan dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Singapura. Mungkin juga pada masa yang akan datang Bank Negara akan menyelenggarakan pengeluaran wang bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Segala wang yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya itu adalah disokong dengan cagaran harta sterling yang bernilai di antara 100-110 peratus daripada nilai wang yang dikeluarkan itu. Ini bermakna tiap-tiap \$100 wang yang dikeluarkan itu adalah harta yang bernilai antara \$100-\$110 sebagai cagarannya dan itulah sebabnya wang Malaya itu menjadi kukuh. Pada 1 April 1960 banyaknya wang kertas yang ada di tangan orang ramai ialah \$1,116.7 juta dan wang syiling \$49.6 juta.

*Lembaga yang mewakili kerajaan-kerajaan luar negeri di London berkenaan pembelian barang-barang dan sebagainya.

FASAL VII

PEMERINTAHAN NEGERI-NEGERI DAN PEMERINTAHAN TEMPATAN

Sebelum Merdeka

Seperti yang telah disebutkan di dalam Fasal II buku ini, Tanah Melayu mempunyai berbagai corak pemerintahan sebelum Perang Dunia Yang Kedua, iaitu pemerintahan secara tanah jajahan di Singapura, Pulau Pinang dan Melaka; pemerintahan secara beresiden di Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu, iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, dan pemerintahan yang berlain-lainan di negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor dengan dibantu oleh Penasihat-penasihat Inggeris. Kedatangan *Malayan Union* selepas perang telah mengubah corak-corak pemerintahan ini dan apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948, tiap-tiap negeri telah disamakan bentuk pemerintahannya dan Singapura diasingkan daripada Persekutuan Tanah Melayu.

Mengikut kemahuan Perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Inggeris dengan tiap-tiap Raja negeri Melayu pada tahun 1948, tiap-tiap negeri telah mengadakan perlembagaan negeri masing-masing yang bertulis. Perlembagaan-perlembagaan ini bolehlah dikatakan lebih kurang serupa isinya dan berasas kepada perlembagaan Negeri Johor yang telah dibuat oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1895. Di dalam perlembagaan-perlembagaan ini kuasa memerintah adalah di dalam tangan Raja negeri dan ia dibantu oleh dua Majlis, iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat

Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan terdiri daripada Raja yang memerintah sebagai pengerusi, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang, Penasihat Inggeris, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Pejabat-pejabat Negeri yang terkanan dan beberapa orang ahli yang tidak rasmi yang dilantik oleh Raja. Majlis Mesyuarat Negeri pula mengandungi Menteri Besar sebagai pengerusi, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang lain-lain dan beberapa orang ahli yang rasmi dan yang tidak rasmi yang dilantik oleh Raja untuk mewakili kepentingan-kepentingan dalam negeri, kaum dan juga orang-orang besar negeri. Cara melantik ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang tidak rasmi itu telah diubah dari satu masa ke suatu masa dan sebelum kemerdekaan tercapai kebanyakan daripada Majlis Mesyuarat Negeri telah ada mempunyai ahli-ahli yang dipilih oleh orang ramai di dalam pilihanraya.

Ketua pemerintahan bagi tiap-tiap negeri ialah Menteri Besar. Ia dilantik oleh Raja negeri itu dan berkhidmat selama yang diperkenankan oleh Raja. Seperti yang telah disebutkan di atas, ia menjadi pengerusi Majlis Mesyuarat Negeri, dan sungguhpun di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan, Raja menjadi pengerusinya, tetapi biasanya Menteri Besarlah yang menasihatkan Baginda apa yang patut atau yang hendak dibuat. Menteri Besar juga menjadi wakil Kerajaan negeri di Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan di Kuala Lumpur; dan ia juga mengiring dan menasihatkan Raja apabila Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu diadakan.

Menteri Besar itu pula dibantu oleh pegawai-pegawai lain yang terkanan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang dan juga Penasihat Inggeris.

Bentuk pemerintahan negeri-negeri seperti yang telah disebutkan itu ada juga sedikit perbezaannya di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Di Negeri Sembilan, misalnya, Undang yang Empat* dan Tengku Besar Tampin mempunyai kuasa yang besar di dalam wilayah mereka masing-masing dan mereka telah bersama-sama dengan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan menandatangani Perjanjian

*Undang Luak Sungai Ujung, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol, Undang Luak Rembau.

Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 bagi pihak Negeri Sembilan; oleh yang demikian mereka adalah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Di negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang pula, oleh sebab mereka berasal dari tanah jajahan Inggeris, kuasa memerintah di negeri-negeri itu adalah di dalam tangan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat *Settlement*, iaitu seakan-akan bentuk majlis-majlis yang ada di negeri-negeri Melayu. Tetapi oleh sebab Pesuruhjaya Tinggi jarang-jarang dapat hadir di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri-negeri itu kerana ia sibuk dengan kerja-kerjanya yang lain, maka selalunya seorang pegawai yang digelar *Resident-Commissioner* menggantikannya menjadi pengerusi kedua-dua Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat *Settlement*; tetapi sungguhpun demikian segala keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan itu haruslah disahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi. Ketua pemerintahan di negeri-negeri ini ialah *Resident-Commissioner* dan kewajipan-kewajipan mereka serupalah dengan kewajipan tiap-tiap Menteri Besar di negeri Melayu, tetapi ia tidaklah menjadi wakil negeri mereka di dalam Majlis Mesyuarat Undangan di Kuala Lumpur seperti Menteri-menteri Besar; wakil negeri-negeri ini ke Majlis itu ialah seorang ahli Majlis Mesyuarat *Settlement*. *Resident-Commissioner* juga tidak bersama-sama hadir di Majlis Raja-raja Melayu seperti semua Menteri Besar.

Lepas Merdeka

Kemerdekaan telah membawa beberapa perubahan kepada bentuk pemerintahan negeri-negeri; biarpun demikian perubahan-perubahan ini tidaklah menukarkan bentuk pemerintahan yang lama secara besar-besaran kecuali sekarang negeri itu diperintah dengan cara demokrasi. Seperti yang telah disebutkan sebelum Merdeka dahulu ada negeri-negeri yang telah mengadakan pilihanraya untuk memilih sebahagian daripada ahli Majlis Mesyuarat Negeri mereka, dan di negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan, Johor dan Negeri Sembilan peraturan memerintah secara jawatankuasa (*committee system*) telah dicuba semenjak tahun 1956. Peraturan memerintah dengan kaedah jawatankuasa ini ada

dua tiga coraknya, tetapi pada umumnya dengan peraturan ini beberapa orang ahli Majlis Mesyuarat Negeri diberi tugas untuk bertanggungjawab bagi beberapa kumpulan jabatan. Setengah negeri masih menggunakan peraturan ini, tetapi ada juga yang telah mengenyapkannya apabila pilihanraya yang penuh telah diadakan pada pertengahan tahun 1959.

Perubahan-perubahan telah dibuat selepas pilihanraya negeri-negeri pada bulan Mei dan Jun tahun 1959 mengikut kehendak perlembagaan negeri-negeri yang telah dipinda atau baharu dan juga kehendak perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Di antara perubahan-perubahan ini ialah:-

Pertama: Sultan atau Raja negeri tidak lagi menjadi pengerusi atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan tempatnya digantikan oleh Menteri Besar.

Kedua: Majlis Mesyuarat Negeri, yang sekarang telah bertukar namanya kepada Perhimpunan Undangan atau Dewan Negeri, mengandungi ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat negeri itu, akan tetapi ada juga ahli-ahli yang dilantik oleh Raja kerana jawatan mereka iaitu Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri* tetapi mereka tidaklah mempunyai undi.

Ketiga: Menteri Besar tidak lagi menjadi pengerusi Dewan Negeri dan tempatnya digantikan oleh seorang 'Speaker' yang dipilih daripada ahli Dewan.

Keempat: Menteri Besar dilantik oleh Raja daripada ahli-ahli Dewan Negeri† yang difikirkan oleh Baginda boleh mendapat kepercayaan atau sokongan ahli-ahli Dewan yang teramai. Ini bermaknalah selalunya ketua parti yang teramai pengikutnya di dalam Dewan itulah yang akan menjadi Menteri Besar.

Kelima: Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, (yang tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada lapan orang) dilantik oleh Raja Negeri dengan nasihat Menteri Besar daripada ahli-ahli Dewan Negeri dan mereka ini bersama-sama bertanggungjawab kepada Dewan Negeri.

*Di Negeri Melaka dan Pulau Pinang hanya Penasihat Undang-undang sahaja yang boleh menjadi ahli Dewan Negeri.

†Di Negeri Perlis Menteri Besarnya tidak mesti menjadi ahli Dewan Negeri.

Jadi perubahan-perubahan yang tersebut di atas menyebabkan bentuk pemerintahan Negeri hampir menyerupai bentuk pemerintahan Kerajaan Pusat Persekutuan, iaitu Raja menyerupai Yang Dipertuan Agung, Majlis Mesyuarat Kerajaannya menyerupai Jemaah Menteri (Kabinet) kedua-duanya bertanggungjawab kepada Dewan Undangan masing-masing, dan Dewan Negerinya menyerupai Parlimen, dan Menteri Besarnya menyerupai Perdana Menteri.

Selain daripada Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan, setengah negeri mempunyai majlis yang mengandungi anak-anak raja dan orang-orang besar negeri yang membincangkan perkara-perkara kebesaran raja-raja dan adat istiadat Melayu. Di Negeri Perak misalnya Majlis ini digelar Dewan Negara dan di Negeri Sembilan Dewan Keadilan dan Undang.

Pulau Pinang dan Melaka

Di negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka susunan pemerintahannya mengikut susunan pemerintahan di negeri-negeri Melayu juga. Gabenor-gabenor ini dilantik oleh Yang Dipertuan Agung setelah berunding dengan Ketua Menteri Negeri itu. Mengikut Perlembagaan, semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu walaupun apa keturunannya boleh dilantik menjadi Gabenor.* Seseorang Gabenor boleh menyandang jawatan itu selama empat tahun tetapi ia boleh diberhentikan jika sekiranya $\frac{2}{3}$ daripada ahli Dewan Negeri merayu kepada Yang Dipertuan Agung minta ia diberhentikan. Kuasa dan kewajipan Gabenor itu serupa dengan kuasa dan kewajipan Raja di negeri-negeri lain iaitu menjadi Ketua Negeri tetapi memerintah dengan mendengar nasihat yang diberi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Gabenor itu juga menjadi ahli Majlis Raja-raja kecuali apabila Majlis itu membincangkan lantikan Yang Dipertuan Agung atau Timbalannya dan juga perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan kebesaran, taraf dan kehormatan Raja-raja Melayu. Oleh sebab orang yang menjadi

*Gabenor-gabenor yang pertama bagi Pulau Pinang dan Melaka dilantik oleh Yang Dipertuan Agung dengan persetujuan Baginda Queen dan Majlis Raja-raja dan setelah menanya buah fikiran Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Mereka menjadi Gabenor selama dua tahun mulai dari hari Merdeka.

Gabenor itu boleh jadi orang yang bukan beragama Islam, maka segala perkara yang bersangkutan-paut dengan agama Islam di negeri Pulau Pinang dan Melaka adalah atas nama Yang Dipertuan Agung.

Pemerintahan di negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diketuai oleh Ketua Menteri. Kewajipan dan kuasa Ketua Menteri ini adalah serupa dengan kewajipan dan kuasa Menteri Besar di negeri-negeri lain dan peraturan ia dilantik pun serupa sebagaimana Menteri Besar dilantik.

Kuasa-kuasa Pemerintahan Negeri

Sebagai kawasan yang menjadi bahagian Persekutuan, negeri-negeri adalah mempunyai kuasa memerintah dan kuasa membuat undang-undang yang tertentu yang ia bebas menjalankannya dengan tidak dicampuri oleh pemerintah pusat Persekutuan, dan sekiranya ada perbalahan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan atau di antara dua buah Kerajaan Negeri maka perkara itu akan diselesaikan oleh Mahkamah Tertinggi Persekutuan.* Di antara perkara-perkara yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri dan Dewan Negeri boleh membuat undang-undang ialah seperti berikut:-

- (1) Agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- (2) Tanah, termasuk tanah lombong.
- (3) Pertanian dan hutan.
- (4) Kerajaan tempatan (Municipality, Majlis Bandaran, dan Majlis Mesyuarat Tempatan dan sebagainya).
- (5) Perkhidmatan seperti pemadam api, hotel, tanah perkuburan, pasar, melesen panggung wayang dan sebagainya.
- (6) Pemerintahan negeri seperti pentadbiran, Raja dan Orang-orang Besar, hutang negeri dan sebagainya.
- (7) Kerja raya di dalam negeri dan bekalan air minum dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu ada juga perkara-perkara yang di-

*Tetapi jikalau perbalahan fasal tanah ia akan diselesaikan oleh Mahkamah Tanah (Lands Tribunal).

tadbirkan bersama oleh pemerintahan Negeri dengan pemerintahan Persekutuan iaitu sebahagian daripada perkara-perkara itu ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri dan sebahagian lagi oleh Kerajaan Persekutuan. Di antaranya ialah:-

- (1) Kebajikan masyarakat.
- (2) Biasiswa.
- (3) Menjaga unggas dan binatang-binatang liar.
- (4) Binatang ternakan.
- (5) Parit dan tali air.
- (6) Rancangan bandar dan luar bandar.
- (7) Kebersihan dan kesihatan orang ramai dan lain-lain.

Sungguhpun perkara-perkara yang di bawah jagaan negeri itu hanya negeri sahaja yang berkuasa mentadbirkan atau membuat undang-undang yang bersangkutan-paut dengan perkara itu, tetapi ada kalanya pemerintahan Persekutuan bolehlah juga membuat undang-undang berkenaan perkara-perkara itu untuk menyamakan undang-undang di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain, ataupun apabila Parlimen Persekutuan diminta oleh Dewan Negeri membuat undang-undang berkenaan sesuatu perkara. Dan lagi oleh sebab segala penyiasatan (research) dan percubaan (experiments) berkenaan beberapa perkara, seperti pertanian dan hutan, dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan, maka negeri-negeri wajiblah menerima nasihat-nasihat yang diberi oleh pegawai-pegawai Persekutuan yang berkenaan.

Sebagai sebuah negara yang diperintah mengikut kaedah persekutuan, perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan negeri adalah menerusi beberapa saluran. Dengan jalan ini dapatlah disamakan peraturan pemerintahan atau rancangan yang hendak dijalankan, dan dengan saluran ini juga dapatlah wakil tiap-tiap negeri itu menyuarakan kemusykilan negeri masing-masing. Di antara saluran-saluran ini ialah:-

- (i) Majlis Raja-raja di mana Raja-raja dan Gabenor-gabenor boleh berbincang sama sendiri atau dengan nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri mereka;
- (ii) Majlis Kewangan Kebangsaan di mana hal ehwal yang bersangkutan dengan kewangan negeri, rancangan kemajuan dan sebagainya dibincangkan;

- (iii) Majlis Tanah Kebangsaan di mana hal ehwal yang bersangkutan dengan dasar penggunaan tanah, lombong dan hutan dibincangkan;
- (iv) Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan yang membincangkan cara menyamakan dasar dan peraturan berkenaan dengan kerajaan tempatan, dan
- (v) Dewan Negara di mana wakil-wakil tiap-tiap negeri dapat menyuarakan kemusykilan negeri yang diwakili mereka.

Bahagian-bahagian Negeri – Daerah

Tiap-tiap negeri itu terbahagi kepada beberapa kawasan yang digelar daerah. Tiap-tiap daerah ini diketuai oleh seorang pegawai Kerajaan yang disebut Pegawai Daerah dan dibantu oleh beberapa pegawai yang lain. Pegawai-pegawai ini diambil daripada pegawai-pegawai Pentadbiran Negeri atau pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Malaya (M.C.S.), dan mereka itu bertanggungjawab kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri itu atas pertadbiran kawasan mereka.

Peraturan mentadbir kawasan-kawasan dengan menggunakan Pegawai Daerah itu dibawa oleh pemerintah Inggeris ke Tanah Melayu setelah melihat kejayaan pemerintahan cara itu di India dan di Afrika, dan masih digunakan dengan jayanya di tanah-tanah jajahan Inggeris di serata dunia. Pegawai Daerah ditempatkan pada tiap-tiap daerah untuk menjadi orang perantaraan di antara Kerajaan dengan rakyat yang duduk di dalam daerah itu, dan untuk melihat supaya undang-undang atau perintah-perintah yang dibuat oleh Kerajaan negeri dan Persekutuan dijalankan dan tidak dilanggar. Oleh sebab ia ditempatkan di daerah itu, ia adalah dianggap lebih mengerti akan kemusykilan yang dihadapi oleh penduduk di dalam kawasan itu dan berpeluang untuk menyelesaikannya. Selain daripada itu Pegawai Daerah itu adalah juga pegawai yang menyatukan usaha-usaha yang dijalankan oleh pejabat-pejabat lain yang ada di dalam daerah itu seperti Pejabat Kesihatan, Kerja Raya, Pelajaran, Pertanian dan sebagainya untuk memajukan daerah itu. Di antara kerja-kerja Pegawai Daerah yang mustahaknya ialah seperti berikut:-

(1) Tanah:

Semua tanah asalnya dipunyai oleh Raja negeri dan disewa atau dipajakkan kepada orang ramai. Sewa yang didapati daripada tanah-tanah itu menjadi hasil atau khazanah negeri itu. Kewajipan Pegawai Daerah ialah mentadbirkan hal tanah itu, iaitu menimbangkan permintaan orang-orang yang berkehendakkan tanah, memungut hasil daripada tanah-tanah ini dan memikirkan jalan-jalan bagaimana tanah-tanah itu dapat digunakan dengan baik. Ia juga mencadangkan kepada Kerajaan negeri mana tanah yang patut dibuka atau disimpan untuk kegunaan pada masa yang akan datang. Apabila jawatan Pegawai Daerah itu mula diasaskan setelah pemerintahan Inggeris bertapak di Tanah Melayu 80 tahun dahulu, tujuan yang utama mengadakan jawatan itu ialah untuk menguruskan hal ehwal tanah dan sehingga masa ini Pegawai Daerah itu menyandang pangkat Pemungut Khazanah Tanah. Akan tetapi pada masa ini oleh sebab kerja Pegawai Daerah itu sudah menjadi terlampau banyak, kewajibannya terhadap hal ehwal tanah itu telah menjadi sebahagian daripada kerjanya yang kecil sahaja, dan dengan hal yang demikian tidaklah ia dapat menumpukan perhatiannya yang penuh terhadap hal ehwal tanah.

(2) Keadilan dan Keamanan:

Pegawai Daerah bertanggungjawab berkenaan keamanan di dalam kawasanya. Di dalam perkara ini ia berhubung rapat dengan pihak polis. Pada masa darurat yang disebabkan oleh pemberontakan Komunis semenjak tahun 1948, Pegawai Daerah menjadi ketua jawatankuasa untuk melawan penganas-penganas di dalam daerahnya. Di dalam daerah yang kecil-kecil, Pegawai Daerah itu juga menjadi majistret kelas yang pertama (1st class magistrate) membicarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di dalam kawasanya. Akan tetapi kewajipan ini sudah tidak menjadi mustahak sekarang, kerana di kebanyakan daerah yang besar sudah ada majistret yang khas ditempatkan di situ oleh Pejabat Keadilan.

(3) Lembaga Bandar:

Di dalam daerah-daerah yang kecil, Pegawai Daerah itu juga menjadi ketua dan pengerusi Lembaga Bandaran yang

ditubuhkan di bandar-bandar atau di pekan-pekan; tetapi di dalam bandar-bandar yang besar ada pegawai-pegawai yang lain yang khas dilantik untuk menguruskan Lembaga atau Majlis Bandaran itu. Selain daripada itu Pegawai Daerah juga menjadi pengerusi berbagai lembaga seperti lembaga memberi lesen pertunjukan dan lembaga mengeluarkan lesen membeli getah.

(4) Kewajipan lain-lain:

Pegawai Daerah bertanggungjawab juga untuk memimpin dan memajukan Majlis-majlis Mesyuarat Tempatan, memajukan keadaan hidup penduduk di dalam kawasannya, mengawas pilihanraya-pilihanraya yang diadakan di kawasannya untuk memilih ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negeri, Majlis Bandaran atau Majlis Mesyuarat Tempatan. Ia juga menggalakkan rakyat bertanam getah semula. Pendeknya Pegawai Daerah bertanggungjawab secara umum atas perkara yang berlaku di dalam kawasannya.

Akan sekarang jawatan Pegawai Daerah itu adakah sesuai lagi dengan keadaan zaman dan keadaan negeri yang sudah merdeka, dan patutkah ia dikekalkan? Pada masa ini tiap-tiap daerah sudah ada mempunyai wakil-wakil yang dipilih oleh orang ramai menjadi ahli Parlimen dan Dewan Negeri, dan tidakkah mereka itu lebih mengetahui apa yang berlaku di dalam kawasan mereka dan kemusykilan yang dihadapi oleh penduduknya? Barangkali dengan majunya Majlis-majlis Mesyuarat Tempatan dan dengan adanya pejabat-pejabat di dalam daerah itu yang khas untuk menadbirkan perkara masing-masing (seperti Pejabat Hutan menjaga hal hutan, Pejabat Tanah menjaga hal tanah, Pejabat Syarikat Bekerjasama menadbirkan hal syarikat kerjasama) mungkin juga jawatan Pegawai Daerah itu menjadi tidak mustahak lagi. Barangkali juga pada suatu masa kelak daerah itu akan ditadbirkan oleh suatu Majlis Mesyuarat Daerah dan Pegawai Daerah hanya menjadi pegawai yang menjalankan perintah majlis itu seperti seorang *county manager* yang ada di Republik Ireland. Kalau difikirkan pula Britain pun tidak ada mempunyai jawatan seperti Pegawai Daerah itu. Perkara ini terpulanglah kepada ahli-ahli politik untuk memikirkannya. Biarpun demikian selagi penduduk Tanah Melayu masih

belum luas pengalaman mereka dalam pemerintahan cara demokrasi, Pegawai Daerah itu adalah menjadi perhubungan yang sangat berguna di antara pihak pemerintah dan rakyat seumumnya.

Penghulu dan Ketua

Daerah pula dibahagi kepada beberapa mukim yang diketuai oleh Penghulu atau Penggawa. Peraturan melantik pegawai ini berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain, iaitu ada yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan ada pula yang dipilih oleh penduduk di dalam kawasan itu sendiri. Umumnya Penghulu atau Penggawa ini menjadi ketua kawasan-kawasan yang ditadbirkan oleh mereka dan juga menjadi orang perantara untuk menyampaikan perintah-perintah dan nasihat-nasihat Kerajaan kepada anak buahnya terutama berkenaan hal ehwal tanah dan hal-hal kampung. Mereka juga berkewajipan menyampaikan kemusykilan rakyat kepada Kerajaan. Penghulu-penghulu ada juga mempunyai kuasa untuk mengadilkan perbalahan atau perkara-perkara jenayah yang berlaku di dalam kawasannya, tetapi kuasa ini sangat terhad dan sekiranya sesuatu pihak di dalam perbalahan itu tidak mahu dibicarakan oleh Penghulu, bolehlah ia meminta supaya ia dibicarakan di mahkamah majistret. Tiap-tiap mukim pula mengandungi beberapa kampung yang diketuai oleh Ketua Kampung. Ia selalunya dilantik oleh Pegawai Daerah daripada orang kampung itu dengan persetujuan orang ramai. Ketua Kampung bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan ketenteraman kampung yang mereka ketuai, dan menyelesaikan masalah yang senang-senang yang berlaku di dalam kawasannya. Ia juga menjadi penghubung di antara orang kampung dengan pemerintah, terutama Pegawai Daerah.

Pada tiap-tiap negeri adalah pegawai-pegawai jabatan yang ditadbirkan oleh Kerajaan negeri seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Hutan yang bertanggungjawab kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri, dan pegawai-pegawai yang ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Pos, Buruh, Polis dan Kastam yang bertanggungjawab kepada ketua jabatan mereka di Kuala Lumpur, tetapi pegawai-

pegawai Negeri dan pegawai-pegawai Persekutuan ini adalah bekerjasama dengan rapat di antara satu dengan lain.

PEMERINTAHAN TEMPATAN

Tajuk bahagian ini, iaitu Pemerintahan atau Kerajaan Tempatan, ialah terjemahan daripada perkataan Inggeris *Local Government*. Pemerintahan Tempatan bermakna pemerintahan yang dijalankan oleh sesuatu lembaga atau majlis di dalam sesuatu kawasan yang tertentu untuk kebajikan dan kesentosaan penduduk yang tinggal di dalam kawasan itu. Kuasa memerintah ini diberi oleh Parlimen atau Dewan Negeri dan kewajipan-kewajipan lembaga atau majlis dan had-had kuasanya adalah terkandung di dalam undang-undang yang tertentu.* Sayugia diingati bahawa cawangan daripada Kerajaan pusat seperti Pejabat Daerah, Pejabat Buruh atau Pejabat-pejabat Pelajaran di daerah-daerah bukanlah pemerintahan tempatan; mereka itu ialah cabang pejabat-pejabat. Pemerintahan Tempatan itu berupa Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran (Municipal), Majlis Bandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Mesyuarat Tempatan. Majlis-majlis ini berkewajipan mentadbirkan perkara-perkara seperti kesihatan dan kebersihan penduduk di dalam kawasan itu terutama berkenaan bekalan air, lampu, membuang najis dan sampah, perumahan, jalan raya, pengangkutan, panggung wayang, pasar dan lain-lain — pendeknya segala perkara yang bersangkutan dengan kesentosaan hidup penduduk di dalam kawasan itu.

Peraturan memerintah dengan cara pemerintahan tempatan seperti yang ada di Tanah Melayu pada masa ini dibawa dari Eropah di mana pemerintahan mengikut kaedah itu berjalan dengan majunya. Pemerintahan ini berdasar kepada pendapat bahawa perkara yang bersangkutan-paut dengan hal tempat itu, haruslah ditadbirkan oleh orang yang tinggal di dalam tempat itu sendiri dan bukanlah oleh orang luar kerana pada hakikatnya orang-orang tempatanlah yang

*misalnya *Town Board Enactment*
Local Authorities (Elections) Ordinance, 1950
Town Boards (Amendment) Ordinance, 1954
Local Councils Ordinance, 1952.

mengerti kemahuan dan kemusykilan orang-orang tempat itu.

Apabila pemerintah Inggeris datang ke Tanah Melayu mereka telah menubuhkan beberapa majlis tempatan di bandar-bandar daripada satu masa ke suatu masa, tetapi sungguhpun demikian pemerintahan tempatan ini masih berkelompok-kelompok di sana sini dan tidak meliputi seluruh negeri seperti di United Kingdom atau negeri Eropah yang lain.

Majlis pemerintahan tempatan yang pertama sekali di Tanah Melayu telah ditubuhkan di George Town, Pulau Pinang, di Melaka dan di Singapura. Majlis-majlis ini digelar Majlis Munisipal yang mengandungi ahli-ahli yang disebut Pesuruhjaya Munisipal. Mereka ini dilantik oleh Gabenor daripada ketua-ketua kaum dan wakil-wakil kepentingan yang lain di dalam kawasan masing-masing. Pengerusi Majlis Munisipal† ini biasanya pegawai Kerajaan yang terkanan. Di kawasan-kawasan luar bandar Negeri Selat di mana Majlis Munisipal itu tidak sampai kuasanya, Lembaga Luar Bandar telah ditubuhkan untuk mentadbirkan perkara kebersihan dan kesentosaan orang-orang yang duduk di luar bandar.

Apabila pemerintahan Inggeris mula menjalar ke Negeri-negeri Melayu, mereka telah menubuhkan beberapa lembaga tempatan di kawasan-kawasan bandar yang dikenal dengan nama *Sanitary Boards* (kemudian ditukar menjadi *Town Boards*). Lembaga-lembaga ini diketuai oleh pegawai Kerajaan, selalunya Pegawai Daerah, dibantu oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang lain dan juga wakil-wakil kaum yang dilantik oleh Kerajaan menjadi ahli lembaga itu. Sungguhpun lembaga itu berupa majlis tempatan tetapi oleh sebab ahli-ahli lembaga itu kebanyakan pegawai Kerajaan dan khazanah yang diterima oleh Lembaga itu menjadi hasil negeri umumnya dan kakitangan yang bekerja semuanya kakitangan Kerajaan, maka lembaga itu tidaklah boleh dianggap sebagai Kerajaan tempatan yang tulin. Keadaan ini berkepanjangan hingga pada tahun 1950. Dalam tahun itu suatu undang-undang yang digelar *Local Authorities (elections) ordinance*

†Jawatankuasa Dewan Bahasa dan Pustaka membuat istilah "Perbandaran" untuk ganti perkataan "Municipal".

telah diluluskan untuk membolehkan sebahagian besar daripada ahli lembaga itu dipilih oleh penduduk di dalam kawasan itu dan setengah daripada lembaga-lembaga itu telah diubah namanya menjadi Majlis Bandaran (Town Council). Pilihanraya telah dimulakan daripada tahun 1951 untuk memilih ahli-ahli Majlis ini.

Pada masa ini di Persekutuan Tanah Melayu ada beberapa jenis pemerintahan tempatan masing-masing dengan peringkatnya, ada yang sudah maju ada yang masih belum. Untuk memahamkannya eloklah dihuraikan satu persatu:-

1. Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran (Municipal)

George Town di Pulau Pinang telah diberi taraf Bandaraya pada 1 Januari 1957, dan ditadbirkan oleh Majlis Bandaraya yang dipengerusikan oleh seorang Datuk Bandar (Mayor) yang dipilih daripada ahli-ahli Majlis itu. Semua ahli-ahli Majlis Bandaraya itu dipilih oleh penduduk yang tinggal di dalam kawasan Bandaraya itu. Bandaraya George Town ialah Kerajaan Tempatan yang tertua sekali di Persekutuan Tanah Melayu, dan ia mempunyai harta-harta yang bersendirian, kewangan yang bebas dan berkuasa meminjam wang untuk menjalankan rancangannya dengan kebenaran Kerajaan Persekutuan. Majlis Bandaraya ini juga mentadbirkan perkhidmatan air, lampu elektrik dan basnya yang bersendirian dan oleh hal yang demikian ia lebih maju dan bebas daripada majlis-majlis tempatan yang lain. Majlis lain-lain tidak mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Bandar-bandar Melaka dan Kuala Lumpur* pula ditadbirkan oleh Majlis Perbandaran (Municipal) masing-masing yang mengandungi sebahagian besar ahli yang dipilih dan sebahagian kecil yang dilantik oleh Kerajaan negeri masing-masing. Pada masa ini Majlis Perbandaran Melaka mempunyai pengerusi yang dipilih, tetapi di Kuala Lumpur akan terus ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai ibu kota Persekutuan.

Majlis-majlis Bandaraya dan Perbandaran yang tersebut di atas mempunyai kuasa untuk memungut khazanah dengan jalan mengenakan cukai (rates atau assessment) atas harta-

*Kuala Lumpur bertukar menjadi *Municipality* hanya daripada 1948.

harta seperti rumah-rumah dan kedai-kedai yang ada di dalam kawasan itu dan inilah hasil Perbandaran yang terbesar sekali. Ia juga mengenakan bayaran atas segala perkhidmatan yang diadakan oleh majlis-majlis itu seperti mengadakan air, membuang najis atau sampah, pengangkutan dan sebagainya. Punca hasil yang lain ialah dengan mengenakan lesen kepada penjaja-penjaja, kedai-kedai, pasar-pasar dan sebagainya. Majlis-majlis itu juga menerima bantuan wang daripada Kerajaan untuk membuat atau membaiki jalan raya di dalam kawasan Majlis itu. Daripada khazanah-khazanah ini Majlis itu berkuasa membayar segala perbelanjaan yang dilakukan olehnya kerana itu juga berkuasa membuat undang-undang atau peraturan yang bersangkutan-paut dengan hal yang ditadbirkannya terutama berkenaan bangunan, kesihatan, lalu lintas dan lain-lain lagi.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh Majlis-majlis ini bolehlah dibahagi kepada beberapa jenis:-

(1) Menjaga kesihatan orang ramai: Ini dijalankan dengan membersihkan pekan, jalan raya, parit dan longkang, membuang najis dan sampah dan menjauhkan penyakit-penyakit.

(2) Memberi kesenangan kepada orang ramai: Ini dijalankan dengan membuat dan membaiki jalan raya; mengadakan peraturan-peraturan berkenaan dengan mendirikan bangunan-bangunan; menentukan kawasan untuk mendirikan kilang-kilang atau gudang-gudang; mengadakan pasar yang berhampiran dengan orang ramai; mengadakan peraturan berkenaan lalu lintas; menanam dan menebang pokok-pokok; mengadakan lampu-lampu di tepi jalan dan merancang susunan bandar.

(3) Menjaga keselamatan orang ramai: Ini dibuat dengan mengadakan pasukan pemadam api; mengenakan lesen kepada penjaja-penjaja, kedai-kedai makan, hotel-hotel, panggung wayang dan kedai menjual minyak petrol dan sebagainya supaya mereka tidak membahayakan orang ramai. Peraturan boleh juga dibuat untuk mencegah perkara yang membisingkan atau mengganggu (nuisance), atau mencegah supaya tikus, nyamuk dan lalat tidak membiak.

(4) Mengadakan tempat rehat orang ramai: Ini dibuat dengan mengadakan lapangan-lapangan dan taman-taman bunga, tempat-tempat permainan orang dewasa dan kanak-kanak dan kadang-kadang mengadakan pancaragam.

(5) Mengadakan perkhidmatan untuk berniaga seperti air, elektrik dan pengangkutan seperti bas. Perkhidmatan ini hanya diadakan oleh Majlis Bandaraya George Town. Pada masa ini Majlis Perbandaran (Municipal) Kuala Lumpur adalah juga bertanggungjawab berkenaan pelajaran bagi kanak-kanak yang di sekolah rendah di dalam kawasan majlis itu.

Untuk menjalankan kerja-kerja mereka, tiap-tiap Majlis Perbandaran (Municipal) itu mempunyai berbagai bahagian jabatan seperti jabatan pembersihan yang bertanggungjawab membersihkan parit-parit, longkang-longkang, jalan-jalan raya, pasar dan sebagainya; jabatan kesihatan yang bertanggungjawab supaya penyakit tidak berlaku di kawasan itu; jabatan jurutera untuk membaiki jalan raya dan bangunan-bangunan dan berbagai jabatan lagi.

Peraturan memerintah dengan kaedah Majlis Perbandaran (Municipal) atau Majlis Bandaraya ini berbeza sedikit dengan kaedah pemerintah Kerajaan Pusat Persekutuan ataupun negeri-negeri. Pemerintahan Kerajaan Pusat Persekutuan ada berjemaah menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen atas keputusan yang dibuatnya. Majlis Perbandaran (Municipal) pula tidak ada berjemaah menteri dan semua ahli majlis itu sama-sama bertanggungjawab atas apa-apa perkara yang diputuskannya. Ini ialah kerana semua ahli majlis itu, walau apa parti pun, dilantik menjadi ahli berbagai jawatankuasa kecil untuk membincangkan perkara-perkara yang tertentu seperti jawatankuasa perumahan, jawatankuasa kewangan, jawatankuasa kesihatan, jawatankuasa lalu lintas dan sebagainya. Keputusan-keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa ini disahkan oleh mesyuarat penuh Majlis Perbandaran (Municipal) itu dan dijalankan oleh pegawai-pegawai atau kakitangan Majlis itu. Jadi sungguhpun ada berbagai parti di dalam Majlis itu tetapi kedudukan pihak pembangkang di dalam Majlis tidaklah serupa dengan pihak pembangkang di Parlimen kerana semua ahli Majlis bersama-sama membuat keputusan-keputusan yang dijalankan oleh Majlis itu.

2. Majlis-majlis Bandaran (Town Council) dan Lembaga Bandar (Town Boards)

Selain daripada George Town, Melaka dan Kuala Lumpur kebanyakan bandar yang besar di Persekutuan Tanah Melayu seperti Ipoh, Taiping, Seremban, Johor Baharu dan Kelang ditadbirkan oleh Majlis-majlis Bandaran dan yang kecilnya ditadbirkan oleh Lembaga-lembaga Bandar. Bezanya ialah Majlis Bandaran ada mempunyai ahli-ahli yang dipilih oleh orang ramai, tetapi ahli Lembaga Bandar semuanya dilantik oleh Kerajaan dan mempunyai kuasa yang terhad. Setengah daripada Majlis-majlis dan Lembaga-lembaga ini mempunyai kewangan yang bebas yakni mereka dibenarkan membuat anggaran perbelanjaan dan pendapatan mereka sendiri dan menyimpan sendiri wang lebih mereka pada tiap-tiap tahun. Pada masa ini pengerusi majlis atau lembaga ini masih dilantik oleh Kerajaan negeri daripada pegawai pentadbiran Kerajaan. Kuasa dan kewajipan majlis dan lembaga ini lebih kurang serupa seperti Majlis Perbandaran (Municipal) yang tersebut tadi, tetapi kuasa dan kewajipan ini tidaklah sebegitu luas kerana mereka masih berharap wang dari Kerajaan dan kakitangan Kerajaan. Di Pulau Pinang dan Melaka kawasan-kawasan yang di luar kawasan Perbandaran (Municipal) ditadbirkan oleh Majlis Luar Bandar.

3. Majlis Mesyuarat Tempatan (Local Council)

Majlis-majlis ini telah ditubuhkan oleh Kerajaan semenjak tahun 1952 dengan tujuan hendak memberi peluang kepada orang-orang yang ditempatkan semula ke dalam kawasan baharu oleh sebab darurat (terutama orang Cina) mengambil bahagian di dalam pemerintahan kawasannya yang baharu itu. Majlis-majlis ini telah juga ditubuhkan di kampung-kampung Melayu yang suka menerimanya, dan juga di luar-luar bandar yang tidak dapat ditadbirkan oleh Lembaga-lembaga Bandar. Majlis ini mengandungi ahli-ahli yang dipilih oleh penduduk-penduduk kawasan itu dan pengerusinya pun dipilih, dan oleh hal yang demikian ia mempunyai kebebasan dan demokrasi yang lebih luas daripada Lembaga Bandar, tetapi sungguhpun demikian Majlis itu adalah selalu diawasi oleh Pegawai Daerah. Majlis itu berkuasa mengutip

khazanah daripada punca-punca yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan dengan wang ini bolehlah Majlis itu membayar perbelanjaan yang dilakukannya kerana kebajikan penduduknya seperti mengadakan pasar, membaiki jalan raya di dalam kawasan itu, menjaga kebersihan dan kesihatan dan sebagainya. Majlis itu juga berkuasa membuat undang-undang untuk menguruskan pentadbiran majlis itu.

Semua Majlis yang mentadbirkan pemerintahan tempatan adalah di bawah kelolaan Kerajaan Negeri kecuali Majlis Perbandaran (Municipal) Kuala Lumpur yang akan dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini ialah kerana Kuala Lumpur menjadi ibu kota Persekutuan. Sungguhpun hal ehwal pemerintahan tempatan itu menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, tetapi suatu Majlis Kerajaan Tempatan Kebangsaan telah ditubuhkan untuk menyusun dasar dan memajukan Kerajaan tempatan di serata Persekutuan Tanah Melayu. Majlis ini juga bertanggungjawab menasihatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan dengan hal yang bersangkutan-paut dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan terutama berkenaan undang-undang baharu yang hendak dibuat.

PERBADANAN ATAU LEMBAGA BEBAS

Selain daripada jabatan-jabatan Kerajaan yang dijaga terus oleh Menteri-menteri adalah beberapa lembaga atau perbadanan yang menjalankan kerja-kerja yang tertentu untuk kebajikan orang ramai. Badan-badan yang seperti ini digelar *corporation* di dalam bahasa Inggerisnya. Di antara badan-badan ini yang besarnya ialah Lembaga Pusat Letrik, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, *Rubber Research Institute*, Lembaga Perusahaan dan Kemajuan Luar Bandar, (R.I.D.A.) dan Dewan Bahasa dan Pustaka.* Badan-badan ini menjalankan kerja mereka dengan bebas.

Sebab pun lembaga-lembaga ini tidak menjadi jabatan-jabatan Kerajaan ialah kerana hendak membolehkan mereka bergerak dengan lebih luas dan bebas dan tidak terikat kepada peraturan-peraturan pejabat Kerajaan. Biar pun begitu

*Kedudukan Jabatan Keretapi adalah di antara jabatan Kerajaan dengan perbadanan yang bebas, tetapi ia lebih cenderung sebagai jabatan Kerajaan.

kerja-kerja mereka adalah dikawal oleh Kerajaan dengan beberapa jalan. Yang pertama, penubuhan lembaga itu adalah mengikut undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan mereka bergerak di dalam lengkongan itu sahaja. Oleh sebab undang-undang itu mesti diluluskan oleh Parlimen bermaknalah Parlimen boleh menetapkan dan mengawal dasar lembaga itu. Yang kedua, ahli-ahli yang menadbirkau lembaga itu dilantik oleh pemerintah iaitu Yang Dipertuan Agung atau Menteri, dan dengan kerana itu dasar lembaga itu dapat dikawal oleh pemerintah. Yang ketiga, lembaga-lembaga ini biasanya terpaksa membentangkan penyata-penyatanya kepada Parlimen pada tiap-tiap tahun; dengan jalan ini Parlimen akan dapat menegur kerja-kerja lembaga itu yang tidak memuaskan. Dan yang keempat, lembaga-lembaga ini terpaksa meminta wang daripada Parlimen untuk menjalankan kerjanya; ini lagi bermakna Parlimen berkuasa menolak permintaan itu jika kerja-kerja lembaga itu tidak memuaskan hati. Jadi, sungguhpun lembaga-lembaga itu bebas menjalankan kerja-kerja mereka, mereka adalah dikawal dengan secara tidak langsung oleh pemerintah.

Semua lembaga atau perbadanan ini mempunyai kakitangan yang bersendirian yang tidak dianggap sebagai kakitangan Kerajaan dan mereka mempunyai tangga gaji dan aturan bekerja yang bersendirian.

FASAL VIII

KERAKYATAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Persekutuan Tanah Melayu mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbagai-bagai keturunan yang berasal dari berbagai-bagai negeri. Untuk memahami kerakyatan ini eloklah dikaji bagaimana rakyat yang ada sekarang mula datang ke Tanah Melayu dan terus bermastautin di sini; lepas itu akan diterangkan makna kerakyatan, tawarikh kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dan undang-undang kerakyatan yang ada pada hari ini. Di hujung fasal ini akan diterangkan juga hak-hak istimewa yang dipunyai oleh rakyat yang berketurunan Melayu.

Penduduk

Tanah Melayu didiami oleh berbagai-bagai bangsa iaitu orang Melayu, Cina, India, Pakistan, Ceylon, Siam, Eropah dan juga orang Asli. Di antara mereka ini yang ramai sekali ialah orang Melayu, orang Cina dan orang India. Mengikut sejarah, orang Melayu telah mendiami Tanah Melayu semenjak beribu tahun lagi dan mereka telah mendirikan beberapa kerajaan di Tanah Melayu semenjak awal kurun Masihi yang pertama, iaitu di Kedah (Langkasuka) dan kemudian Kerajaan Seri Wijaya yang beribu kota di Palembang, Temasik (Singapura), Johor, Melaka dan beberapa tempat lagi di tepi-tepi sungai yang besar.

Orang Cina telah juga datang ke Tanah Melayu semenjak

beberapa zaman dahulu untuk berniaga tetapi bilangan mereka pada masa itu tersangat kecil dan terbatas kepada pelabuhan-pelabuhan perniagaan sahaja. Kedatangan mereka beramai-ramai ke Tanah Melayu hanya dimulai apabila orang Inggeris mula mengembangkan pengaruh mereka di Tanah Melayu semenjak awal kurun yang ke-19 (Tahun Masihi 1800) iaitu tatkala Kompeni Inggeris mula membuka Pulau Pinang pada tahun 1786 dan Singapura pada tahun 1819. Apabila Kerajaan Inggeris campur tangan di dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu yang lain mulai dari tahun 1874, orang Cina telah datang dengan mencurah-curah ke Tanah Melayu, terutama ke negeri-negeri Melayu yang bersekutu.

Orang India pun telah juga datang ke Tanah Melayu semenjak dari kurun Masihi yang pertama dari Pantai Koromandel untuk berniaga dan mereka telah bermastautin dan menubuhkan kawasan-kawasan mereka terutama di negeri Kedah. Kebanyakan mereka telah berkahwin dengan orang Melayu dan membawa serta mengembangkan agama Hindu ke Tanah Melayu. Sungguhpun demikian bilangan orang India itu adalah kecil, dan hanya bertambah berlipat-ganda ramainya apabila pemerintahan Inggeris mula menjalar ke Tanah Melayu semenjak kurun Masihi ke-19. Selain daripada orang Cina dan India ini orang Jawa dan Sumatera dan orang Ceylon pun telah juga datang beramai-ramai semenjak pemerintahan Inggeris bertapak di Tanah Melayu.

Kebanyakan orang Cina yang datang ke Tanah Melayu berasal dari jajahan-jajahan yang di selatan negeri China, terutama dari jajahan Fukien, Kwang Tung dan Kwangsi dan juga Pulau Hainan, dan ada sedikit-sedikit sahaja daripada bilangan mereka itu yang datang dari sebelah dalam atau utara negeri China seperti dari daerah Shanghai atau Peking ataupun Sechwan. Oleh yang demikian kebanyakan orang Cina di Tanah Melayu sekarang ialah orang Hokien, orang Kwongfu (Cantonese), Hakka (Khék), Tiuchiu, Hailam dan juga Hokchiew. Kebanyakan mereka itu berasal daripada orang yang miskin dan datang ke Tanah Melayu untuk menjadi buruh di ladang-ladang lada hitam, di lombong-lombong bijih dan kemudian apabila getah mula ditanam, menjadi buruh di kebun getah. Mereka ini pada mulanya tidaklah membawa anak isteri mereka bersama datang ke Tanah

Melayu, bahkan mereka berulang alik ke negeri China apabila mereka telah mengumpulkan wang. Akan tetapi apabila mereka mula mempunyai harta sedikit-sedikit mereka telah membawa anak isteri mereka datang ke Tanah Melayu. Kedatangan anak isteri orang Cina ini membawa perubahan kepada keadaan orang Cina. Bilangan orang laki-laki Cina dan perempuan beransur jadi sama banyak dan dengan hal yang demikian mereka mula duduk tetap di Tanah Melayu, dan kalau balik pun sekali-sekala sahaja. Ini juga bermakna orang Cina beransur-ansur mula dilahirkan di Tanah Melayu dan dengan kerana itu bilangan orang Cina semakin bertambah banyak.

Orang India pun serupa keadaannya dengan orang-orang Cina itu. Mereka datang ke Tanah Melayu untuk menjadi pekerja di ladang-ladang tebu dan kopi di Pulau Pinang dan Seberang Prai, dan apabila ladang getah mula dibuka, mereka telah dibawa masuk dengan banyaknya untuk menjadi pekerja di ladang-ladang itu. Sebahagian mereka ini datang dari daerah Selatan India terutama daerah yang berhampiran dengan kota Madras, dan kebanyakan mereka ini berketurunan Tamil, sedikit-sedikit Telugu dan Malayali. Seperti orang Cina, pada mulanya mereka tidaklah membawa anak isteri mereka datang bersama, tetapi lama kelamaan mereka mula membawa anak isteri mereka dan mula duduk tetap di Persekutuan Tanah Melayu.

Turun naiknya harga bijih dan getah menyebabkan pergi datangnya orang Cina dan orang India ke Tanah Melayu. Apabila zaman meleset berlaku pada tahun 1930-1933 manakala harga getah turun sampai lima sen sekati, hampir 500,000 orang Cina dan India telah balik ke negeri masing-masing dengan bantuan Kerajaan atau bersendirian. Tetapi apabila harga getah mula naik pula daripada tahun 1934 mereka telah datang semula dengan ramainya. Peperangan di antara negeri China dengan Jepun yang dimulai dari tahun 1937 telah menyebabkan orang Cina lebih suka duduk tetap di Tanah Melayu, dan apabila peperangan Jepun merebak ke Tanah Melayu dari 1941-1945 kebanyakan orang Cina telah putus perhubungannya dengan negeri China, dan ini ditambah pula oleh huru-hara yang berlaku di negeri mereka apabila pihak Komunis berperang dengan pihak Kebangsaan

(di bawah pimpinan Chiang Kai-Sek) selepas Jepun menyerah diri.

Bilangan Penduduk

Oleh sebab banci yang teratur tidak diadakan di negeri-negeri Melayu sebelum negeri-negeri ini diperintah oleh orang Inggeris, maka bilangan penduduk di Tanah Melayu pada masa itu tidaklah diketahui dengan sahnya, tetapi pada tahun 1891 bilangan penduduk yang diketahui di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu yang bersekutu ialah 831,000 orang, iaitu 409,000 di Negeri Selat dan 422,000 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Manakala banci diadakan pada tahun 1911 Tanah Melayu telah ada mempunyai penduduk yang berjumlah 2,654,000. Angka ini termasuklah bilangan penduduk di Negeri Melayu yang telah bernaung di bawah kuasa Kerajaan Inggeris pada tahun 1909 dan juga negeri Johor. Bilangan penduduk- mengikut banci yang telah diadakan dari satu masa ke satu masa adalah seperti berikut:-

Tahun				Ramai penduduk (Termasuk Singapura)
1911	2,654,000
1921	3,327,000
1931	4,348,000
1947	5,849,000
1957	7,724,000

Mengikut angka banci bagi tahun 1957, ramainya penduduk, bagi tiap-tiap negeri mengikut keturunan adalah seperti berikut:- (lihat muka surat 136).

Jikalau dikaji angka-angka yang tersebut di atas beberapa kesimpulan boleh didapati. Yang pertama, penduduk Tanah Melayu (termasuk Singapura) telah bertambah hampir dua juta manusia semenjak tahun 1947 hingga tahun 1957, iaitu dalam tempoh 10 tahun. Ini adalah satu daripada pertambahan penduduk yang tersangat cepat di dalam dunia ini. Yang kedua di Persekutuan Tanah Melayu orang yang ramai sekali ialah orang Melayu (termasuk orang Indonesia dan orang Asli), tetapi sungguhpun demikian mereka hanya

PENDUDUK TANAH MELAYU, 1957

Negeri	Luas Negeri (Batu Persegi)	Melayu	Cina	India	Pakistan dan lain-lain	Jumlah
Pertlis	310	71,268	15,763	1,547	2,288	90,866
Kedah	3,660	475,747	143,833	66,986	15,077	701,643
Pulau Pinang	390	165,081	327,287	69,031	10,733	572,132
Perak	7,980	484,878	539,368	178,480	18,664	1,221,390
Selangor	3,160	291,393	488,634	201,047	31,817	1,012,891
Negeri Sembilan	2,580	151,426	149,911	54,428	8,566	364,331
Melaka	640	143,252	120,690	23,248	4,056	291,246
Pahang	13,820	179,113	108,140	21,832	3,864	312,949
Johor	7,330	444,907	392,425	71,002	19,231	927,565
Terengganu	5,050	256,349	18,069	2,742	1,005	278,165
Kelantan	5,750	463,292	28,816	5,642	7,835	505,585
Jumlah Persekutuan Tanah Melayu (Peratus %)	50,690	3,126,706 (49.8%)	2,332,936 (37.1%)	695,985 (11.1%)	123,136 (2.1%)	6,278,763 (100%)
Singapura	224	197,067 (13.8%)	1,090,570 (75.8%)	+Pakistan 124,083 (8.3%)	- Pakistan - 34,210 (2.1%)	1,445,930 (100%)
Jumlah bagi Malaya (Peratus %)	50,914	3,323,773 (43.0%)	3,423,506 (44.3%)	820,068 (10.6%)	157,346 (2.1%)	7,724,693 (100%)

memenuhi 49.8% daripada semua penduduk Tanah Melayu, manakala orang Cina memenuhi 37.1% dan orang India 11.1%. Di Singapura pula orang yang ramai sekali ialah orang keturunan Cina yang mengisi 75.8% daripada semua penduduk manakala orang Melayu hanya mengisi 13.8% sahaja. Jika dicampurkan bilangan penduduk Persekutuan dengan penduduk Singapura nescaya didapati bahawa orang Cina menjadi penduduk yang teramai sekali di Tanah Melayu iaitu memenuhi 44.3% daripada semua penduduk berbanding dengan 43.0% orang Melayu, 10.6% orang India dan Pakistan dan 2.1% orang-orang keturunan lain. Ketiga, angka-angka ini menunjukkan bahawa pada masa ini hanya ada lima buah negeri sahaja di mana orang Melayu lebih ramai bilangannya daripada orang-orang lain. Negeri-negeri ini ialah Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis. Di Melaka bilangan orang Melayu lebih kurang sama banyak dengan orang keturunan bangsa lain, tetapi di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang dan Singapura orang Melayu berkurang bilangannya daripada bangsa-bangsa lain.

Kerakyatan

Pada umumnya Rakyat atau Warganegara itu ialah seseorang yang duduk di dalam sesebuah negeri dan mempunyai hak-hak yang tertentu yang dijamin oleh negeri itu dan juga mempunyai kewajipan-kewajipan terhadap negeri itu yang mesti ditunaikannya. Rakyat sesebuah negeri biasanya terdiri daripada orang asli negeri itu, orang yang sudah lama menumpang di negeri itu ataupun orang yang baharu datang ke negeri itu, tetapi berikrar yang ia mahu tinggal di negeri itu untuk selama-lamanya.

Tiap-tiap negeri yang moden di dalam dunia ini mempunyai undang-undang yang tertentu yang menetapkan takrif rakyat masing-masing; tetapi secara kasarnya takrif ini adalah didasarkan kepada keturunan ataupun tempat dilahirkan. Dasar yang pertama ini disebut *jus sanguinis* di dalam bahasa Latinnya (hak darah). Ini bererti seseorang yang berketurunan satu-satu bangsa dengan sendirinya akan diakui menjadi rakyat negeri itu walau di mana ia berada atau diperanakkan. Misalnya negeri China mengakui semua orang Cina itu rakyat negeri China walau di mana dia berada atau

diperanakkan. Negeri Perancis dan Spain pun adalah juga menggunakan dasar ini untuk memberi takrif rakyatnya. Dasar yang kedua disebut *jus soli* (hak bumi). Dengan ini bermakna tiap-tiap orang yang lahir di dalam negeri itu dengan sendirinya menjadi rakyat negeri walaupun apa keturunan aslinya. Di antara negeri-negeri yang menggunakan dasar ini ialah United Kingdom dan Amerika Syarikat. Biar-pun demikian adalah juga negeri-negeri yang menggunakan campuran kedua-dua dasar itu untuk menetapkan takrif rakyat negerinya dan ada pula negeri yang tidak mengaku orang-orang aslinya sebagai rakyat yang setaraf seperti yang terdapat di Afrika Selatan dan Rhodesia. Pendeknya ada bermacam-macam corak undang-undang kerakyatan di dalam dunia ini tetapi secara umumnya seseorang yang tinggal di dalam sesebuah negeri itu bolehlah ia minta menjadi rakyat negeri itu jikalau ia diperanakkan atau telah tinggal lama di negeri itu dan tidak berniat hendak pindah ke negeri lain.

Hak-hak Asasi Rakyat

Seseorang rakyat itu ada mempunyai hak-hak yang biasanya diakui oleh dunia antarabangsa. Misalnya, seseorang rakyat yang merantau ke luar negeri berhak balik ke tanah-airnya dan ia tidaklah boleh dibuang atau dihalau ke luar negerinya. Ia berhak mendapat perlindungan yang layak diberi oleh Kerajaan negerinya apabila ia berada di luar negeri menerusi duta-duta atau perwakilan negerinya di negeri itu. Sebaliknya pula negerinya berhak memanggil ia balik kalau ia telah membuat kesalahan jenayah di negerinya (ini selalunya dibuat dengan jalan Extradition Treaty). Selain daripada itu di negeri-negeri yang bebas dan diperintah mengikut kaedah demokrasi, seseorang rakyat itu ada mempunyai hak-hak politik di dalam negerinya seperti berikut:-

- (1) Ia berhak mengundi dan menjadi calon di dalam pilihanraya sama ada kecil atau besar sekiranya ia ada mempunyai syarat-syarat yang tertentu, misalnya cukup umur, tidak gila atau menjadi orang salah.
- (2) Ia berhak menegur kerajaannya kecualilah jika ia

menjadi kakitangan kerajaan itu sendiri yang melarang ia berbuat demikian.

- (3) Ia berhak menjadi calon untuk mengisi jawatan kerajaan dengan syarat ia mempunyai kebolehan-kebolehan yang tertentu.

Di dalam setengah negeri hanya rakyat sahaja yang layak memiliki harta.

Selain daripada hak-hak politik seperti yang tersebut di atas rakyat ada mempunyai hak-hak dan kebebasan asasi yang diakui oleh negara. Hak-hak ini biasanya memang sedia dimaklumi oleh rakyat yang diperintah mengikut kaedah demokrasi, dan kadang-kadang untuk menjaminnya hak-hak ini ada terakam di dalam perlembagaan negeri-negeri itu seperti perlembagaan India dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sendiri. Rakyat negeri-negeri yang diperintah secara diktator jarang-jarang mempunyai hak-hak dan kebebasan-kebebasan asasi ini. Di antara hak-hak dan kebebasan-kebebasan asasi ini ialah seperti berikut:-

- (1) Seseorang rakyat itu berhak boleh hidup. Hak ini ialah asas bagi segala hak dan negara berkewajipan menjaminnya. Jaminan ini diberi dengan dua jalan. Pertama negara menjamin yang seseorang itu tidak dibunuh oleh pemerintah dengan tidak mengikut undang-undang. Kedua negara menjamin menjaga nyawa seseorang rakyat daripada dibunuh oleh orang lain dan ini dilakukan oleh kerajaan dengan mengadakan keamanan dan undang-undang.
- (2) Tiap-tiap rakyat boleh dan bebas bekerja apa yang disukainya, kecuali pekerjaan yang ditegah oleh undang-undang atau berlawanan dengan agama atau akhlak, misalnya menjadi pelacur.
- (3) Tiap-tiap rakyat berhak bergerak dengan tidak berhad dan tidak ditahan kecuali mengikut undang-undang yang tertentu. Ia tidak boleh dipukul, dilukakan atau dipenjarakan kecuali dengan kebenaran undang-undang.

- (4) Tiap-tiap rakyat itu tidak boleh dijadikan abdi atau hamba.
- (5) Tiap-tiap rakyat berhak mendapat pengetahuan atau pelajaran yang mampu negaranya memberikan; ia juga berhak mempelajari apa-apa ilmu yang disukainya.
- (6) Tiap-tiap rakyat berhak bertutur dan mengeluarkan buah fikirannya dengan bertulis dengan syarat ia tidak menghasut, membuat fitnah, melafazkan ayat-ayat yang dianggap oleh orang ramai sebagai munafik atau memberi malu orang lain. Ini bermakna kebebasan surat khabar bagi rakyat.
- (7) Rakyat berhak berkumpul sama ada untuk bermesyuarat, bersuka-ria atau bermuafakat kecuali jika berkumpul itu bertujuan hendak menjatuhkan kerajaan dengan cara bersenjata atau kekerasan atau bertujuan melakukan kesalahan jenayah yang lain.
- (8) Rakyat berhak mempercayai atau mengamalkan agama yang disukainya.
- (9) Rakyat berhak berkahwin, bersuami isteri dan mempunyai keluarga.
- (10) Rakyat berhak memiliki harta. Ini termasuklah hak mendapat untung daripada harta itu, menggunakan dan memberikannya kepada sesiapa yang ia suka. Jikalau negara mesti mengambil harta itu untuk kebajikan umum, harga yang berpatutan haruslah diberi.
- (11) Tiap-tiap rakyat berhak mendapat layanan dan segala kemudahan yang sama seperti yang diperolehi oleh rakyat-rakyat yang lain. Ini bermakna ia berhak menggunakan jalan raya, kebun bunga atau kutub-khanah orang ramai, umpamanya, jikalau rakyat lain dibenarkan menggunakan kemudahan-kemudahan itu. Ia juga berhak menggunakan kemudahan-kemudahan seperti pejabat pos, telegraf, keretapi dan sebagainya setelah membayar sewanya.

Kewajipan rakyat terhadap negara

Sambil mempunyai hak-hak yang tersebut di atas rakyat juga mempunyai kewajipan yang mesti ditunaikannya kepada negara yang menjamin hak-hak dan kebebasan asasi itu. Di antara kewajipan-kewajipan itu ialah:-

- (1) Taat setia kepada negara dan tidak jadi pembelot.
- (2) Taat kepada undang-undang negeri.
- (3) Membayar cukai yang diwajibkan mengikut undang-undang.
- (4) Tidak mengganggu hak-hak asasi rakyat lain.
- (5) Menghadiri Mahkamah apabila dipanggil untuk menjadi saksi atau ahli juri.
- (6) Berkhidmat dengan pasukan bersenjata apabila dikehendaki oleh negara.

Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara demokrasi adalah mengakui hak-hak asasi yang tersebut di atas dan kebanyakan hak-hak asasi ini ada tertulis di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

Jikalau sekiranya rakyat itu mempunyai hak-hak dan kebebasan asasi seperti yang tersebut, orang-orang dagang yang menumpang di dalam negeri itu tidakkah ada mempunyai hak yang tersebut itu dan bolehkah mereka itu dibuat sesuka hati oleh pemerintah? Jawabnya: mengikut adat resam dan undang-undang antarabangsa, tiap-tiap orang dagang itu haruslah diberi layanan seperti rakyat negeri itu juga kecuali berkenaan hak-hak politik. Mereka, misalnya, tidak boleh dibunuh atau dipenjarakan kecuali mengikut undang-undang, dan harta mereka tidak boleh dirampas. Jikalau sesebuah negeri berbuat demikian terhadap orang-orang dagangnya nescaya negeri yang mengakui orang dagang itu rakyatnya akan campur tangan untuk menjaga kepentingan rakyatnya.* Jikalau dikaji hak-hak dan kebebasan-kebebasan asasi yang

*Pertelagahan antara Negeri Indonesia dan Negeri China pada hujung tahun 1959 ialah contoh yang baik.

termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan itu nescaya akan didapati ada perbezaan di antara hak-hak asasi yang khas dipunyai oleh rakyat dan yang dipunyai oleh orang ramai sama ada rakyat atau orang dagang. Misalnya fasal 9, 10, 12 terkhas kepada rakyat Persekutuan sahaja dan fasal 5, 6, 7, 8, 11 dan 13 meliputi semua orang yang duduk di Persekutuan.

RAKYAT PERSEKUTUAN

Sebelum Perang Dunia Yang Kedua, Tanah Melayu tidak mempunyai takrif kerakyatan yang tertentu. Orang Melayu yang tinggal di negeri Melayu dianggap sebagai rakyat Raja negeri tempat orang itu diperanakkan dan tinggal; dan oleh sebab negeri-negeri Melayu itu dinaungi oleh Kerajaan Inggeris, orang Melayu ini adalah dianggap sebagai orang-orang yang diperlindungi oleh Kerajaan Inggeris (*British-protected persons*). Apabila mereka mengembara ke luar negeri bolehlah mereka menggunakan pasport Inggeris. Orang yang bukan Melayu yang tinggal di negeri-negeri itu, jikalau mereka bukan rakyat Inggeris, dianggap sebagai orang dagang; dan sekiranya mereka suka dan mempunyai syarat-syaratnya bolehlah mereka menukar rupa bangsa asli mereka untuk menjadi rakyat Raja Negeri mengikut Undang-undang Menukar Rupa Bangsa* tahun 1904 dan tahun 1910 yang ada di negeri-negeri Melayu pada masa itu. Di Negeri Selat pula orang-orang yang dilahirkan di situ menjadi rakyat takluk Inggeris dan yang lain-lain dianggap sebagai orang dagang tetapi bolehlah mereka minta tukar kerakyatan asli mereka kepada kerakyatan Inggeris jikalau mereka ada syarat-syaratnya.

Apabila pemerintahan Inggeris balik ke Tanah Melayu pada tahun 1945, suatu cadangan hendak menyusun kerakyatan *Malayan Union* telah diadakan, tetapi oleh sebab rancangan *Malayan Union* itu sendiri telah ditolak oleh orang Melayu maka kerakyatan *Malayan Union* itu tidaklah berjalan. Barang diingat bahawa di bawah rancangan kerakyatan ini semua orang walau apa keturunannya pun akan mendapat kerakyatan dengan senang. Ini ialah suatu daripada sebab-

**Naturalisation Enactments.*

sebab kenapa rancangan Malayan Union itu telah ditolak oleh orang Melayu.

Apabila perlembagaan Malayan Union telah diganti dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada awal tahun 1948, syarat-syarat menjadi rakyat telah diketatkan daripada syarat-syarat yang terkandung di dalam perlembagaan Malayan Union. Ini membolehkan hanya orang Melayu, orang-orang lain yang telah dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dua keturunan, dan rakyat Inggeris yang diperanakkan di Melaka dan Pulau Pinang sahaja menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Orang-orang yang lain dari itu terpaksa mempunyai beberapa syarat yang lain sebelum ia boleh diterima menjadi rakyat. Suatu perkara yang luar biasa berkenaan takrif kerakyatan ini ialah undang-undang kerakyatan itu tidak memaksa seseorang rakyat itu mempunyai taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Persekutuan seperti yang biasa dibuat di dalam undang-undang kerakyatan lain di dalam dunia ini. Seorang rakyat Persekutuan boleh mengundi di dalam pilihanraya, menjadi ahli Majlis Mesyuarat dan pada masa itu juga boleh menjadi rakyat luar negeri seperti negeri China atau India atau sebagainya.

Oleh sebab undang-undang kerakyatan tahun 1948 itu berupa ketat juga bagi orang yang bukan Melayu hendak menjadi rakyat, mereka telah mendesak beberapa kali supaya undang-undang itu dipinda supaya menjadi longgar sedikit. Pada tahun 1952, dengan jasa usaha Jawatankuasa Perhubungan Kaum* yang ditaja oleh Tuan Malcolm Macdonald (pada masa itu menjadi Pesuruhjaya Agung British di Tenggara Asia) undang-undang kerakyatan itu telah dipinda. Di antara lain-lain pindaan ini mengurangkan syarat-syarat lama duduk di Persekutuan bagi seseorang yang hendak minta menjadi rakyat. Pindaan itu juga membuat perubahan yang baharu iaitu Raja-raja negeri mempunyai rakyat masing-masing. Dengan ini seseorang yang belum menjadi rakyat Persekutuan boleh meminta menjadi rakyat Raja negeri, dan apabila telah menjadi rakyat Raja, ia dengan sendirinya menjadi rakyat Persekutuan. Pindaan ini juga telah mensya-

*Communities Liaison Committee.

ratkan taat setia kepada Persekutuan dengan tidak berbelah bahagi kepada negeri lain.

Soal kerakyatan telah menjadi bola sepak politik di antara parti politik Melayu dengan parti politik orang bukan Melayu – orang Melayu mengatakan undang-undang kerakyatan yang ada sudah terlampau longgar dan orang yang bukan Melayu pula berkata undang-undang itu terlampau ketat, dan ada pula orang yang mahu di samping menjadi rakyat Persekutuan juga menjadi rakyat negeri lain. Perikatan di antara parti-parti politik orang Melayu, orang Cina dan orang India (UMNO-MCA-MIC) telah dapat mengurangkan pertelingkahan ini dan apabila Suruhanjaya Reid datang ke Tanah Melayu untuk mengumpulkan fikiran orang ramai berkenaan Perlembagaan Persekutuan, Perikatan telah memajukan cadangan bersama berkenaan soal kerakyatan. Cadangan yang dimajukan oleh Perikatan itu kebanyakannya telah diterima oleh Suruhanjaya Reid itu dan setelah dipinda sedikit-sedikit oleh Jawatankuasa Kerja yang menyemak Perlembagaan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya itu, undang-undang kerakyatan itu telah diterima.

Perubahan-perubahan besar yang telah dibuat oleh undang-undang kerakyatan yang baharu itu adalah seperti berikut:-

- (1) Ia mengakui *jus soli* sebagai asas kerakyatan, yakni sesiapa yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dengan sendirinya menjadi rakyat, tetapi hari mulanya berjalan syarat ini ialah hari Merdeka dan tidak terdahulu daripada itu. Ini bermakna orang-orang yang dilahirkan pada atau lepas hari Merdeka terus menjadi rakyat Persekutuan.
- (2) Tiap-tiap Raja negeri boleh mempunyai rakyat sendiri tetapi mereka ini tidak mesti menjadi rakyat Persekutuan. Ini adalah memusingkan undang-undang yang dipinda pada tahun 1952. Dahulu semua rakyat negeri terus menjadi rakyat Persekutuan.
- (3) Seseorang rakyat Persekutuan yang menjadi rakyat negara lain atau menggunakan hak-hak yang hanya

boleh didapati oleh rakyat negara itu sahaja, boleh dimansuhkan oleh Kerajaan kerakyatan Persekutuannya. Misalnya seorang rakyat Persekutuan keturunan Cina boleh dimansuhkan kerakyatannya jikalau ia mengundi di dalam pilihanraya di negeri China jikalau hak-hak mengundi itu hanya boleh didapati oleh rakyat Cina semata-mata. Begitu jugalah rakyat keturunan Indonesia jika ia mengundi di Indonesia. Larangan ini adalah meliputi ke negara-negara Komanwel. Oleh sebab rakyat Komanwel dan rakyat British mempunyai hak-hak yang lebih kurang sama di United Kingdom, nyatalah larangan ini tidak menyentuh rakyat-rakyat Persekutuan yang duduk dan mengundi di United Kingdom.*

Syarat-syarat Menjadi Rakyat

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ada tiga jalan bagi seseorang itu boleh menjadi rakyat:-

- (1) Dengan kuat kuasa undang-undang;
- (2) Dengan meminta didaftarkan sebagai rakyat;
- (3) Dengan menukar rupa bangsa aslinya (naturalisation).

(1) Menjadi rakyat dengan kuat kuasa undang-undang.

Orang yang menjadi rakyat dengan jalan ini bermakna lah mereka dengan sendirinya menjadi rakyat dengan tidak payah meminta kerakyatan itu kepada sesiapa kerana undang-undang telah memberi mereka taraf itu. Orang yang menjadi rakyat dengan jalan ini mestilah mempunyai syarat-syarat yang tersebut di bawah ini:-

- (a) Ia telah menjadi rakyat Persekutuan sebelum hari Merdeka mengikut undang-undang kerakyatan yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1948 (dan pindaannya pada tahun 1952) sama ada dengan jalan kuat kuasa undang-

*Fasal 1, *British Nationality Act*, 1948.

undang, dengan meminta didaftarkan sebagai rakyat, atau dengan meminta menukar kerakyatan asli. (Fasal 14 (1)(a)).

- (b) Orang-orang yang dilahirkan pada Hari Merdeka atau selepasnya walau apa keturunannya, kecuali jika ibu bapa mereka pada masa ia dilahirkan menjadi wakil negeri luar di Persekutuan Tanah Melayu atau rakyat musuh. (Fasal 14 (1)(b)).
- (c) Orang-orang yang dilahirkan di luar Persekutuan pada hari Merdeka atau selepasnya dan bapanya seorang rakyat Persekutuan pada masa lahirnya sama ada bapanya juga dilahirkan di Persekutuan ataupun pada masa lahir anaknya ia dalam jawatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri-negeri.
- (d) Orang-orang yang dilahirkan di luar Persekutuan pada hari Merdeka atau selepasnya dan bapanya seorang rakyat Persekutuan masa ianya dilahirkan, jikalau kelahirannya itu didaftarkan di Pejabat-pejabat Wakil Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh setahun atau dalam masa yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

(2) Menjadi rakyat dengan meminta didaftarkan sebagai rakyat.

Orang yang tidak ada atau tidak cukup syarat-syarat seperti yang tersebut di dalam bahagian (1) bolehlah ia meminta menjadi rakyat dengan cara daftar jikalau ia mempunyai syarat-syarat ini:-

- (a) Jikalau ia orang perempuan, ia berkahwin dengan rakyat Persekutuan, tetapi perkahwinan mereka itu mestilah didaftarkan mengikut undang-undang yang dijalankan di Persekutuan. (Fasal 15 (1)).
- (b) Jikalau ia telah dilahirkan di Persekutuan sebelum hari Merdeka dan
 - (i) Ia berumur 18 tahun atau lebih;
 - (ii) Ia telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu

selama 5 tahun daripada 7 tahun yang lampau.

- (iii) Ia bercadang tinggal selama-lamanya di Persekutuan Tanah Melayu;
- (iv) Ia berperangai baik;
- (v) Ia faham bahasa Melayu yang senang-senang;
- (vi) Ia bersumpah taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu. (Fasal 16).

(c) Jikalau ia tidak dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu tetapi ada bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu pada hari Merdeka (31 Ogos 1957) dan

- (i) Ia berumur 18 tahun atau lebih;
- (ii) Ia telah tinggal di Persekutuan selama 8 tahun daripada tempoh 12 tahun yang lampau;
- (iii) Ia mempunyai syarat-syarat lain seperti yang tersebut di dalam bahagian (b) di atas. (Fasal (17)).

(3) Menjadi rakyat dengan minta tukar kerakyatan atau rupa bangsa asli.

Syarat-syarat ini ialah untuk orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan yang tersebut di dalam jalan (1) dan (2) yang telah diterangkan di atas. Umpamanya, dahulu orang itu rakyat Jepun dan sekarang ia mahu menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Untuk mendapat kerakyatan dengan jalan ini syarat-syaratnya adalah lebih kurang serupa dengan syarat-syarat untuk menjadi rakyat-rakyat dengan cara berdaftar seperti yang terkandung di dalam fasal 2(b) dan 2(c) di atas. Bezanya ialah orang-orang itu tidak payah dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu atau hadir di Persekutuan Tanah Melayu pada Hari Merdeka tetapi ia mestilah telah tinggal di Persekutuan selama 10 tahun daripada tempoh 12 tahun yang lampau. (Fasal (19)).

Selain daripada itu orang-orang yang telah berkhidmat beberapa tahun dengan pasukan bersenjata Persekutuan

bolehlah juga meminta kerakyatan Persekutuan mengikut jalan ini. (Fasal (2)).

Peringatan

Sungguhpun semua rakyat itu mempunyai taraf dan hak-hak yang serupa, tetapi ada setengah rakyat yang mempunyai kekurangan yang tertentu. Orang-orang yang dilahirkan di luar negeri yang menjadi rakyat dengan jalan-jalan yang tersebut di bawah ini tidak dibenarkan menjadi Perdana Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri dan juga menjadi Gabenor bagi Pulau Pinang dan Melaka:-

- (a) Ia menjadi rakyat dengan berdaftar mengikut Fasal 17 daripada Perlembagaan (lihat bahagian (2)(c) di atas).
- (b) Ia menjadi rakyat dengan menukar rupa bangsa asli (lihat bahagian (3)).

Pendeknya rakyat yang tidak dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu tidak boleh memegang jawatan-jawatan yang tersebut di atas. Rakyat ini juga boleh dimansuhkan kerakyatan mereka jika mereka tidak taat setia kepada Persekutuan, atau menjadi rakyat negara lain, atau duduk di negeri luar Komanwel lebih daripada tujuh tahun dengan tidak mempunyai perhubungan yang tertentu dengan Persekutuan Tanah Melayu. Syarat-syarat ini termasuklah juga mereka-mereka yang telah menjadi rakyat sebelum hari Merdeka dahulu.

Kerakyatan Komanwel

Kerakyatan Komanwel itu ialah suatu takrif kerakyatan yang baharu timbul semenjak jajahan-jajahan takluk British seperti Kanada, Australia dan kemudian India dan Pakistan menjadi bebas. Terdahulu daripada itu semua orang yang dilahirkan di negeri-negeri yang diperintah oleh Kerajaan Inggeris menjadi rakyat British (British subject). Tetapi apabila negeri-negeri itu telah merdeka nyatalah mereka tidak mahu mengaku rakyat British yang lain-lain yang duduk di dalam negeri itu, termasuk orang Inggeris sendiri, setaraf dengan rakyat negeri itu sendiri. Misalnya, undang-undang kerakyatan Kanada tahun 1946 berkata sungguhpun orang

Kanada menjadi rakyat British, tetapi rakyat British yang tinggal di Kanada tidak diakui setaraf dengan rakyat Kanada. Ini bermakna orang-orang Kanada boleh mengundi di dalam pilihanraya di Britain, tetapi orang-orang Inggeris dan rakyat British yang lain tidak boleh mengundi di Kanada.* Negara-negara Komanwel yang lain telah juga mengadakan undang-undang untuk menentukan takrif kerakyatan masing-masing. Tetapi biarpun demikian negara-negara Komanwel ini (termasuk Britain) telah bersetuju memberi taraf yang istimewa kepada rakyat-rakyat negara Komanwel yang lain yang duduk menumpang di negara itu. Mereka diberi taraf nombor dua iaitu tinggi daripada taraf orang dagang. Misalnya, rakyat Australia yang menumpang duduk di India adalah menjadi rakyat Komanwel dan mempunyai taraf yang lebih tinggi daripada orang Rusia yang menumpang di situ. Ini bermakna ia boleh dapat kemudahan-kemudahan yang lebih daripada apa yang didapati oleh orang Rusia seperti kebebasan mengembara dan pertolongan-pertolongan dari wakil-wakil Komanwel lain di negeri itu jikalau wakil negerinya tidak ada. Tetapi adalah kebiasaan semata-mata dan tidaklah ada undang-undang yang tertentu kerana ada negara-negara Komanwel yang tidak bersetuju di antara satu dengan lain seperti India dengan Afrika Selatan. India dengan Pakistan dan Ghana dengan Afrika Selatan. Dan lagi kebanyakan negara Komanwel itu mempunyai undang-undang orang keluar masuk yang bersendirian dan undang-undang ini selalunya tidak memberi keutamaan apa-apa kepada rakyat Komanwel.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ada juga menyentuh taraf rakyat Komanwel. Fasal 29 daripada Perlembagaan itu menyatakan bahawa rakyat Persekutuan adalah menjadi rakyat Komanwel setaraf dengan rakyat negara-negara Komanwel lain. Fasal 155 pula membolehkan Parlimen membuat undang-undang memberi kelebihan kepada rakyat negara Komanwel yang lain jika sekiranya negara Komanwel itu memberi kelebihan yang seperti itu juga kepada rakyat Persekutuan. Ini bermakna sekiranya Australia

*Ini kerana undang-undang kerakyatan British yang digelar *British Nationality Act, 1948* masih mengiktiraf rakyat negara-negara Komanwel yang berada di Britain setaraf dengan rakyat British.

membenarkan rakyat Persekutuan mengundi di dalam pilihanrayanya, Parlimen Persekutuan bolehlah membuat undang-undang untuk membenarkan rakyat Australia di Tanah Melayu mengundi di dalam pilihanraya di Persekutuan.

Kesan-kesan Perubahan Undang-undang Kerakyatan

Sebelum ditamatkan fasal ini eloklah dikaji sepintas lalu apakah kesan-kesan yang ditinggalkan kerana perubahan-perubahan undang-undang kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan itu. Yang pertama, perubahan itu membolehkan lebih kurang 85 peratus daripada semua penduduk Persekutuan Tanah Melayu menjadi rakyat. Orang Cina dan India yang duduk di Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini kebanyakannya mempunyai syarat-syarat kerakyatan yang dikehendaki oleh Perlembagaan itu oleh sebab semenjak lepas Perang Dunia Yang Kedua kebanyakan orang Cina sudah duduk tetap di Persekutuan disebabkan oleh huru-hara yang berlaku di negeri China semenjak dari tahun 1937 lagi; bagi orang India pula semenjak Kerajaan India menghadkan buruh-buruh India diambil menjadi pekerja di Tanah Melayu pada tahun 1939. Undang-undang orang keluar masuk Persekutuan yang berjalan kuat kuasanya mulai tahun 1953 adalah ketat dan walaupun ada orang-orang yang baharu masuk selepas itu bilangan mereka tentulah tidak ramai.

Yang kedua, syarat perangai seseorang yang hendak menjadi rakyat itu ringan kalau dibandingkan dengan syarat-syarat perangai hendak menjadi rakyat sebelum merdeka dahulu. Di dalam Perlembagaan sekarang seseorang itu hanya dianggap berperangai tidak baik kalau ia telah kena hukum penjara setahun atau lebih yang dijatuhkan oleh Mahkamah (Fasal 18 (4)). Kalau tidak, ia dikira berperangai baik. Di Malaya tidak ramai orang yang kena hukum penjara selama itu kerana kesalahan jenayah yang boleh dijatuhkan hukum penjara selama setahun atau lebih itu tidak banyak. Ini bermakna boleh dikatakan hampir kesemua orang yang meminta kerakyatan itu lulus di dalam syarat perangai walaupun ia telah kena penjara 11 bulan atau ia menjadi kepala kongsi gelap atau ia ahli penganas Komunis yang telah menyerah diri kalau ia telah menyerah diri pada masa pengampunan

kepada pengganas-pengganas yang dibuat pada hujung tahun 1957 hingga awal tahun 1958! Kesan ini boleh dilihat dengan sah tatkala Kerajaan mencuba membuang negeri ahli-ahli kongsi gelap yang ganas pada tahun 1958. Mengikut Fasal 9(1) daripada Perlembagaan, rakyat tidak boleh dibuang atau dihalau keluar negeri. Apabila penjahat-penjahat ini tahu akan syarat ini mereka beramai-ramai minta menjadi rakyat dan oleh sebab mereka tidak pernah dihukum penjara oleh Mahkamah, mereka terpaksa diterima menjadi rakyat dan dengan sebab itu tidaklah boleh dibuang negeri.*

Yang ketiga, rakyat-rakyat yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu tidak boleh dimansuhkan atau ditarik balik akan kerakyatannya walau apapun salahnya kecuali jika ia menjadi rakyat negeri lain.† Ini bererti mereka tidak boleh dibuang negeri seperti yang dilakukan oleh Kerajaan sebelum Merdeka dahulu terhadap mereka yang menjadi penjahat-penjahat dan pengganas Komunis. Peraturan yang baharu ini mungkin juga sesuai dengan adat resam antarabangsa, tetapi dengan adanya peraturan ini suatu daripada senjata Kerajaan membasmi keganasan dalam negeri telah tumpul dan dengan kerana itu ikhtiar yang lain terpaksa dicari, misalnya mengadakan kad pengenalan yang berwarna lain bagi penjahat-penjahat atau sebagainya.

Hak Istimewa Orang Melayu

Sungguhpun semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak-hak dan kewajipan yang sama, rakyat yang berketurunan Melayu mempunyai beberapa keutamaan sebagai rakyat yang asli di dalam negeri ini. Ini bukanlah suatu peraturan yang baharu diadakan bahkan telah ada tercatat di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 dan sebelum perang dahulu diamalkan di negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu.

Biarpun jawatan Yang Dipertuan Agung itu tidak tersebut sebagai hak istimewa orang Melayu, tetapi itulah sahaja jawatan di Persekutuan yang tentu dipegang oleh orang Melayu sampai bila-bila masa pun kecuali jika Perlembagaan

**Straits Times*, 17 September 1958.

†Fasal 24 dan Fasal 28(2).

itu diubah atau diketepikan. Ini ialah kerana Yang Dipertuan Agung itu mesti daripada salah seorang Raja yang memerintah di negeri Melayu yang sembilan buah itu, dan Raja-raja ini tentulah orang yang berketurunan Melayu walau bila-bila masa pun. Jawatan-jawatan lain seperti Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Gabenor-gabenor boleh dipegang oleh rakyat walau apa keturunan pun asalkan ia telah diperanakkan di Persekutuan. Selain dari itu Pasukan Askar Melayu Diraja juga dikhaskan untuk orang-orang Melayu sahaja.

Hak-hak istimewa orang Melayu yang tertulis di dalam Perlembagaan ialah seperti berikut:-

- (1) Undang-undang boleh dibuat oleh Kerajaan untuk mengadakan kawasan tanah yang hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu. Tetapi kuasa membuat undang-undang ini adalah terhad kerana jika Kerajaan* hendak mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan tanah khas bagi orang Melayu ia terpaksa juga membenarkan suatu kawasan lain seluas itu juga dibuka oleh semua orang. Juga luas kawasan yang diisytiharkan kawasan tanah khas orang Melayu itu tidak boleh lebih daripada luas tanah yang dibukakan kepada orang ramai. Dan lagi Kerajaan tidak boleh menjadikan tanah-tanah yang telah dimiliki oleh orang yang bukan Melayu sebagai tanah khas untuk orang-orang Melayu.
- (2) Sebahagian daripada jawatan-jawatan Kerajaan yang kanan di Persekutuan Tanah Melayu diuntukkan kepada orang Melayu dan orang yang bukan Melayu mengikut kadar yang tertentu. Pada masa ini jawatan-jawatan Perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service) dan Perkhidmatan Keadilan dan Undang-undang (Judicial and Legal Service) diuntukkan mengikut kadar empat orang Melayu: seorang bukan Melayu.

*Kerajaan di sini ialah Kerajaan Negeri kerana tanah di bawah adbiran Kerajaan Negeri.

- (3) Peraturan boleh dibuat supaya lebih banyak penuntut Melayu mendapat peruntukan biasiswa (scholarship) atau bantuan lain daripada yang didapati oleh penuntut-penuntut bukan Melayu.
- (4) Peraturan boleh dibuat supaya orang Melayu mendapat lesen-lesen atau kebenaran-kebenaran untuk membolehkan mereka menjalankan perusahaan yang tertentu seperti perusahaan pengangkutan, perniagaan dan sebagainya.

Yang Dipertuan Agung bertanggungjawab melindungi hak-hak istimewa orang Melayu ini dan untuk menjalankan kewajipan ini baginda hendaklah mendengar nasihat Perdana Menteri dan Jemaah Menterinya, dan segala perubahan baharu yang hendak dibuat berkenaan dasar hak istimewa orang Melayu ini mestilah dengan persetujuan Majlis Raja-raja. Selain daripada hak-hak istimewa yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan itu adalah juga hak-hak istimewa orang Melayu yang dijamin oleh Perlembagaan tiap-tiap negeri Melayu.

FASAL IX

EHWAL LUAR NEGERI DAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL

Hal Ehwai Luar Negeri

Pada zaman sekarang sesebuah negeri yang merdeka yang tidak mahu tinggal terpercil terpaksalah mengadakan perhubungan dengan negeri-negeri lain terutama dengan negeri-negeri yang menjadi jirannya atau negeri-negeri yang berniaga dengannya. Negeri itu juga harus mempunyai perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang menjalankan berbagai-bagai kerja untuk kebajikan semua bangsa di dalam dunia ini seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dan badan-badan khas yang menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan itu seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), UNESCO, ECAFE dan sebagainya. Untuk menjalankan perhubungan luar ini tiap-tiap negeri yang merdeka mengadakan perkhidmatan luar negeri masing-masing yang diisi oleh pegawai-pegawai yang terlatih dan mereka ini dihantar ke luar negeri untuk mewakili negeri mereka. Persekutuan Tanah Melayu sebagai negeri yang merdeka, adalah juga berbuat demikian.

Semenjak mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 Persekutuan Tanah Melayu telah diakui dengan rasmi oleh negeri-negeri serata dunia dan sebaliknya Persekutuan mengakui negeri-negeri itu kecuali Negeri China (Communist), Negeri China Kebangsaan (Formosa), Jerman Timur, Korea Utara, Mongolia Luar dan Vietnam Utara. Pada masa ini

negeri-negeri yang ada perhubungan diplomatik dengan Persekutuan ada 23 buah, tetapi negeri-negeri yang Persekutuan Tanah Melayu mempunyai wakil-wakil ialah United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Indonesia, India, Ceylon, Pakistan, Perancis, Jepun, Filipina, Siam, Republik Arab Bersatu dan Saudi Arabia. Setengah daripada wakil-wakil ini adalah juga menjaga negeri-negeri lain yang berhampiran dengan negeri yang dijaganya itu. Taraf perwakilan ini tergantunglah kepada besar kecilnya kepentingan Persekutuan Tanah Melayu di negeri-negeri itu dan kepentingan negeri-negeri itu di Persekutuan Tanah Melayu. Jikalau kepentingan ini besar, maka taraf perwakilan itu pun besarlah juga. Biasanya perwakilan ini sama setaraf di antara kedua pihak. Misalnya, jikalau Persekutuan Tanah Melayu menghantar seorang wakil yang bertaraf duta (ambassador) ke Indonesia, maka wakil Indonesia di Persekutuan Tanah Melayu pun bolehlah bertaraf duta juga; dan jikalau wakil Filipina di Persekutuan bertaraf menteri, maka wakil Persekutuan Tanah Melayu di negeri itu pun bolehlah bertaraf serupa itu juga.

Utusan sesebuah negeri ke negeri lain yang tinggi tarafnya digelar duta. Ia mestilah menyerahkan tauliah lantikannya kepada Ketua Negara negeri di mana ia ditempatkan itu, dan biasanya ia akan tinggal di ibu kota negeri itu. Jikalau perwakilan itu tidak berapa besar atau penting ia akan diketuai oleh seorang *minister* atau menteri, dan sekiranya duta atau menteri itu tidak ada, pegawai yang memangku jawatan itu digelar *Charge d'affaires* atau kuasa usaha. Utusan negara Komanwel ke negara Komanwel yang lain dipanggil Pesuruhjaya Tinggi (high commissioner). Jadi, wakil Persekutuan di United Kingdom, India, Pakistan, Australia dan New Zealand semuanya dipanggil Pesuruhjaya Tinggi, dan wakil negara-negara itu di Persekutuan Tanah Melayu pun dipanggil Pesuruhjaya Tinggi. Kewajipan dan taraf pesuruhjaya tinggi sama dengan duta-duta yang mewakili negeri yang bukan ahli Komanwel, tetapi oleh sebab mereka itu menjadi wakil-wakil negara Komanwel, mereka lebih rapat di antara satu dengan lain. Kenapakah mereka dipanggil Pesuruhjaya Tinggi dan bukannya duta tidaklah diketahui dengan sah, tetapi setengah orang mengagak gelaran itu berasal kerana

pada hakikatnya mereka mempunyai ketua Komanwel yang satu, iaitu *Queen*.

Di bawah duta atau menteri atau Pesuruhjaya Tinggi ini adalah beberapa orang pegawai lagi seperti *Counsellor* (penasihat), setiausaha pertama, setiausaha kedua dan sebagainya; dan di dalam kedutaan yang besar adalah juga pegawai-pegawai khas ditempatkan di situ untuk menasihatkan duta itu berkenaan hal-hal tentera, buruh, perniagaan, kebudayaan atau sebagainya. Kadang-kadang sekiranya kepentingan negeri yang diwakili oleh duta itu luas, Konsul akan ditempatkan di bandar-bandar lain di dalam negeri itu untuk menjaga kepentingannya di dalam kawasan itu seperti Konsul Persekutuan Tanah Melayu yang ada di Medan (Indonesia) dan di Songkhla (Siam).

Kerja-kerja Perwakilan

Adapun kerja-kerja yang dijalankan oleh wakil-wakil Persekutuan Tanah Melayu di luar negeri itu adalah bermacam-macam. Di antaranya ialah mengeluarkan visa (kebenaran) bagi orang-orang luar yang hendak melawat Persekutuan, memberi penerangan kepada orang ramai negeri itu berkenaan Persekutuan terutama berkenaan dengan perdagangan dan hal-hal yang bersangkutan dengan ekonomi Persekutuan. Mereka juga berikhtiar dengan sedaya-upaya mereka supaya perhubungan dan persahabatan di antara kedua buah negeri itu bertambah baik. Kerja yang seperti ini digelar diplomasi. Perwakilan itu juga berkewajipan menjaga kepentingan rakyat-rakyat Persekutuan di negeri itu termasuk penuntut-penuntut yang menumpang belajar di situ. Mereka bertanggungjawab memberitahu Kerajaan Persekutuan akan segala maklumat atau perkhabaran yang patut diketahui oleh Kerajaan berkenaan negeri itu. Selain dari itu seseorang duta atau Pesuruhjaya Tinggi berkewajipan mengadakan perundingan dengan pihak yang berkuasa negeri itu dan menasihatkan Kerajaan negerinya sekiranya ada perjanjian yang hendak dibuat di antara kedua buah negeri itu seperti perjanjian perdagangan, perjanjian kebudayaan ataupun perjanjian tentera. Di Amerika, Duta Persekutuan Tanah Melayu ke negeri itu adalah juga menjadi ketua perwakilan Persekutuan ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Kementerian Luar Negeri

Menteri yang bertanggungjawab berkenaan hal ehwal luar negeri ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Segala hal yang bersangkutan-paut dengan luar negeri mestilah melalui kementeriannya dan dengan dia atau dengan kebenarannya sahajalah perwakilan-perwakilan negeri lain yang ditempatkan di Persekutuan boleh berunding dengan kementerian-kementerian lain. Menteri itu bertanggungjawab dengan persetujuan Jamaah Menteri menentukan dasar luar negeri Persekutuan dan di dalam perkara ini, sebagaimana di dalam perkara lain, ia bertanggungjawab kepada Parlimen. Biasanya dialah yang menandatangani perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara Persekutuan dengan negeri lain. Menteri itu dibantu oleh Setiausaha Tetap Kementeriannya dan beberapa pegawai yang lain-lain. Mereka ini ialah pegawai-pegawai Perkhidmatan Luar Negeri yang baharu ditubuhkan selepas merdeka dan mereka mendapat latihan di luar negeri. Pada masa ini setengah daripada ahli Perkhidmatan Luar Negeri itu diambil dengan cara kontrak, tetapi apabila Perkhidmatan itu sudah ada pegawai-pegawai yang berpengalaman yang cukup, pegawai-pegawai kontrak ini tidaklah akan digunakan lagi.

Persekutuan Tanah Melayu adalah menjadi ahli beberapa pertubuhan antarabangsa di dalam dunia ini. Di antaranya ialah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan khas yang ditubuhkan di bawah riayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FA), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), Suruhanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timur Jauh (ECAFE), Bank Dunia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan lain-lain lagi. Untuk menjadi ahli pertubuhan-pertubuhan ini Persekutuan Tanah Melayu membayar yuran tiap-tiap tahun kepada pertubuhan itu. Di dalam persidangan agung pertubuhan-pertubuhan itu perwakilan Persekutuan biasanya diketuai oleh seorang menteri yang bertanggungjawab berkenaan perkara yang dibincangkan oleh pertubuhan itu.

Ahli-ahli perwakilan negeri luar yang disebut *diplomat* di dalam bahasa Inggerisnya mempunyai kelebihan dan kemudahan-kemudahan yang tertentu. Mereka itu terkeluar

daripada undang-undang negeri di mana mereka ditempatkan. Mereka tidak diwajibkan membayar cukai tempatan sama ada cukai pendapatan atau cukai atas barang-barang yang dibawanya masuk atau keluar dan juga lesen-lesen seperti lesen radio atau lesen motokar.* Mereka juga tidak boleh dibicarakan di dalam mahkamah negeri itu jikalau mereka telah melakukan kesalahan jenayah atau awam, kecuali jika mereka sendiri bersetuju. Bangunan kedutaan dan kawasan-nya tidak boleh diselongkar oleh polis kecuali dengan kebenaran ahli-ahli perwakilan itu sendiri. Begitu juga surat-surat yang dikirim dengan bungkusan diplomatik. Kelebihan-kelebihan ini tidaklah pula bermakna ahli-ahli kedutaan itu boleh berbuat sesuka hati mereka, kerana jika seseorang diplomat itu berbuat demikian nescaya Kerajaan negeri itu akan meminta kepada ketua perwakilan diplomat yang melakukan kesalahan itu supaya ia menarik keluar diplomat itu, atau kalau tidak ia akan dihalau ke luar negeri sebagai orang yang tidak diingini (*persona non grata*). Perkara yang begini jarang-jarang berlaku kerana ahli-ahli perwakilan itu biasanya mencuba dengan sedaya upaya mereka beradap sopan dan berkelakuan baik kerana mereka adalah menjadi contoh bagi peribadi negeri mereka sendiri.

Negara-negara Komanwel

Adapun Komanwel itu ialah perhubungan yang bebas di antara negeri-negeri yang merdeka lagi berdaulat yang terdiri daripada United Kingdom, Kanada, Australia, New Zealand, Afrika Selatan, India, Pakistan, Ceylon, Ghana dan Persekutuan Tanah Melayu. Setengah daripada negara-negara ini ada mempunyai tanah jajahan mereka masing-masing yang ditadbirkan oleh mereka sendiri, tetapi di dalam buku ini tanah-tanah jajahan ini tidaklah dianggap sebagai sebahagian daripada negara Komanwel. Kecuali United Kingdom, negara-negara Komanwel ini berasal daripada tanah jajahan British yang diperintah dari White Hall, London dan kemudian diberi taraf memerintah sendiri atau kemerdekaan dari satu masa ke suatu masa. Selain dari United Kingdom, empat daripada

*Di Persekutuan motokar mereka mengurakan huruf DC (*Diplomatic Corp*) di hujung nombornya.

negara-negara ini iaitu Kanada, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan didiami dan dikuasai oleh orang-orang keturunan Eropah yang kebanyakannya berasal dari United Kingdom dan orang-orang aslinya (kecuali orang Maori di New Zealand) tidak mempunyai suara dalam negeri-negeri itu. Penduduk negara Komanwel yang lain terdiri daripada orang-orang Asia dan Afrika. Enam daripada negara ini iaitu United Kingdom, Kanada, New Zealand, Australia, Afrika Selatan, dan Ceylon diperintah secara beraja iaitu mengaku taat setia kepada Queen sebagai ketua negara masing-masing; tiga iaitu India, Ghana dan Pakistan diperintah secara republik yang mempunyai presiden sebagai ketua negara tetapi mengaku Queen sebagai ketua Komanwel; dan satu lagi iaitu Persekutuan Tanah Melayu diperintah secara beraja juga tetapi Ketua Negaranya ialah Yang Dipertuan Agung dan bukannya Queen sungguhpun ia diakui sebagai ketua Komanwel.

Seperti yang tersebut di atas kecuali United Kingdom negara-negara ini asalnya tanah jajahan British yang telah dibebaskan dari satu masa ke suatu masa. Kanada telah mencapai taraf memerintah sendiri (dominion status) yang terhad semenjak tahun 1867, Australia semenjak tahun 1901, New Zealand semenjak tahun 1907, dan Afrika Selatan semenjak tahun 1909. Sungguhpun demikian kuasa-kuasa mereka pada masa itu adalah terhad dan Parlimen Inggeris yang di London masih ada kuasa untuk membuat undang-undang berkenaan hal ehwal yang mengenai negeri-negeri itu seperti pertahanan, perdagangan dan dasar luar negeri. Ini bermakna perjanjian-perjanjian (treaty) yang dibuat oleh Kerajaan Inggeris di London adalah juga meliputi negeri-negeri ini, dan apabila Britain berperang dengan Jerman pada tahun 1914-1918 negeri-negeri ini pun adalah terbabit bersama. Pada tahun 1926 dan 1930 persidangan-persidangan *Empire* telah diadakan di London di antara wakil-wakil negeri-negeri itu dengan wakil-wakil United Kingdom, dan sebagai hasil persidangan-persidangan itu suatu undang-undang yang disebut *Statute of Westminster* telah dibuat oleh Parlimen Inggeris pada tahun 1931 menghapuskan kuasa Parlimen Inggeris membuat undang-undang yang bersangkutan-paut dengan negara-negara *dominion* itu. Oleh yang demikian daripada masa itu ke

hadapan Parlimen-parlimen di negara-negara itu adalah berkuasa penuh untuk membuat undang-undang yang mengenai hal negeri masing-masing dan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen Inggeris selepas itu tidaklah lagi ada kuat kuasanya di negeri-negeri itu kecuali jikalau dikehendaki oleh negeri-negeri itu sendiri. Jadi, *Statute of Westminster* tahun 1931 itu ialah satu undang-undang yang menjadi asas bagi tertubuhnya negara-negara Komanwel yang mempunyai Parlimen yang bebas daripada kongkongan Parlimen di London, dan dasar ini adalah juga meliputi Parlimen-parlimen negara Komanwel yang lain apabila mereka mencapai kemerdekaan, iaitu India dan Pakistan pada tahun 1947, Ceylon pada tahun 1948, Ghana dan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957.

King atau *Queen* di England mempunyai kedudukan yang luar biasa di dalam Komanwel. Sambil menjadi ketua negara United Kingdom ia juga menjadi ketua negara Kanada, Australia, New Zealand, Afrika Selatan dan Ceylon. Ini bermakna Baginda menjadi sebahagian daripada pemerintahan negeri-negeri ini dan dalam menjalankan kewajipan Baginda terhadap negeri-negeri itu, menteri-menteri Inggeris di United Kingdom tidaklah boleh campur tangan dan Baginda adalah semata-mata mendengar nasihat yang diberi oleh menteri-menteri yang memerintah di negeri masing-masing. Untuk mewakili Baginda di negeri-negeri ini gabenor-general dilantik oleh Baginda dengan persetujuan Kerajaan negeri-negeri itu dan bukannya dengan persetujuan Kerajaan Inggeris. Kedudukan gabenor-general ini dalam pemerintahan adalah serupa seperti kedudukan *King* atau *Queen* apabila ia memerintah di United Kingdom yakni gabenor-general itu adalah mengikut nasihat yang diberi oleh menteri-menteri negeri itu dan bebas daripada campur tangan kerajaan Inggeris di United Kingdom. Sungguhpun pada mulanya *governor-general* itu berasal dari orang Inggeris yang datang dari United Kingdom tetapi pada masa sekarang Ceylon, Afrika Selatan dan Kanada mempunyai gabenor-general yang berasal dari negeri masing-masing. Di India, Pakistan dan Ghana yang diperintah mengikut kaedah republik, dan juga di Persekutuan Tanah Melayu, *King* atau *Queen* Inggeris tidaklah menjadi ketua negara-negara itu dan dengan hal

yang demikian negeri-negeri ini tidaklah ada mempunyai gabenor-general seperti di negeri-negeri Komanwel yang lain.

Jikalau dikaji perlembagaan-perlembagaan atau cara bagaimana pemerintahan negara-negara Komanwel itu dijalankan nescaya didapati beberapa perkara yang serupa iaitu kesan yang nyata yang ditinggalkan oleh pemerintahan Inggeris. Semua negara Komanwel itu diperintah dengan cara demokrasi berparlimen. Ini bermakna semua undang-undang dibuat oleh kerajaan setelah dibincangkan dengan bebas di dalam parlimen. Semua menteri mestilah daripada ahli-ahli parlimen dan mereka bertanggungjawab bersama-sama kepada parlimen atas segala perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh mereka dan kakitangan pemerintah. Kebanyakan rang undang-undang baharu dimajukan oleh pihak pemerintah terutama rang undang-undang yang bersangkutan-paut dengan wang. Negara-negara Komanwel kecuali Pakistan, New Zealand dan Ghana mempunyai Parlimen yang dua tingkat iaitu Dewan Tingkat Atas dan Dewan Tingkat Bawah. Semua ahli Dewan Tingkat Bawah dipilih oleh orang ramai di dalam pilihanraya tetapi cara mengisi Dewan-dewan Tingkat Atasnya pula adalah berbeza-beza di antara sebuah negara Komanwel dengan Komanwel yang lain, iaitu ada ahli-ahli yang dilantik dan ada yang dipilih. Oleh sebab semua Dewan Tingkat Bawah di dalam negara-negara Komanwel itu dipilih oleh rakyat maka ia lebih berkuasa daripada Dewan Tingkat Atas terutama berkenaan dengan wang; Dewan Tingkat Atasnya hanya berkuasa mengkaji apa-apa yang diluluskan oleh Dewan Tingkat Bawah atau melambat-lambatkan lulusnya undang-undang. Ini patut dibandingkan dengan kuasa Dewan Tingkat Atas Amerika (Senate) yang lebih berkuasa daripada Dewan Tingkat Bawahnya (House of Representatives). Semua Dewan Tingkat Bawah parlimen-parlimen Komanwel mempunyai seorang pengerusi dewan yang dipilih oleh ahli dewan dan digelar *Speaker*. Ia bukanlah semata-mata mempengerusikan mesyuarat sahaja bahkan ia bertanggungjawab melihat supaya semua ahli atau puak di dalam dewan itu diberi peluang untuk mengeluarkan buah fikiran mereka dengan bebas, dan supaya pembangkang tidak membangkang dengan membabi buta.

Semua parlimen Komanwel mempunyai umur yang berhad dan setelah sampai tempohnya ia mestilah dibubarkan dan pilihanraya diadakan semula. Lain-lain perkara yang sama ialah: ketua negara memerintah dengan mendengar nasihat menteri-menteri dan mahkamah-mahkamah keadilan bebas daripada politik. Dan yang penting sekali ialah negara-negara ini diperintah mengikut peraturan undang-undang.*

Perhubungan Komanwel

Sungguhpun negara-negara yang tersebut di atas mengaku diri mereka menjadi ahli Komanwel tetapi tali yang menghubungkan mereka itu di antara satu dengan lain tidaklah ada apa-apa kecuali tiap-tiap negeri itu mengaku Raja Inggeris itu sebagai ketua Komanwel, dan masing-masing pernah diperintah oleh kerajaan British dan dengan hal yang demikian mempunyai cara pemerintahan yang serupa dan kepentingan yang sama. Komanwel tidak ada mempunyai perlembagaan. Ia bukannya persatuan, persekutuan ataupun perikatan ataupun satu lembaga seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di mana ahli-ahlinya wajib patuh kepada keputusan pertubuhan. Tiap-tiap negara Komanwel bebas menjalankan dasar negara masing-masing sama ada berhubung dengan pemerintahan dalam negeri, dasar luar negeri, pertahanan atau perniagaan. Tiap-tiap negara Komanwel berhak membuat undang-undang kerakyatan masing-masing, undang-undang orang keluar masuk, membuat *treaty* atau perjanjian dan membuat perhubungan diplomatik dengan negeri lain atau menjadi ahli lembaga atau badan-badan antarabangsa. Misalnya United Kingdom dan Kanada menjadi ahli-ahli Pakatan Atlantic Utara (NATO), negara-negara Komanwel lain tidak. United Kingdom, Australia dan Pakistan menjadi ahli-ahli Pakatan Tenggara Asia (SEATO) bersama-sama dengan negeri-negeri yang bukan ahli-ahli Komanwel. Pakistan dan United Kingdom menjadi ahli Pakatan Timur Tengah, dan Australia dan New Zealand menjadi ahli pakatan pertahanan ANZUA bersama dengan Amerika Syarikat. Jadi dari sini nyatalah tiap-tiap negara Komanwel itu bebas menjalankan dasar luar negerinya; dan sesebuah negara

*Lihat Fasal I berkenaan pemerintahan mengikut undang-undang.

Komanwel tidak berhak menempatkan tenteranya di negara Komanwel yang lain kecuali dengan persetujuan negeri-negeri itu sendiri seperti yang dibuat di antara United Kingdom dengan Persekutuan Tanah Melayu. Apabila sesebuah negara Komanwel bertelingkah atau berperang dengan negeri lain seperti yang berlaku di antara United Kingdom dengan negeri Mesir pada tahun 1956 ia tidak akan membabitkan negara-negara Komanwel yang lain bahkan ada negara-negara Komanwel (India dan Ceylon) yang telah mencela perbuatan United Kingdom itu.

Tetapi walau bagaimanapun dalam masalah yang sama negara-negara Komanwel ini mencuba mempunyai pandangan yang sama dan berikhtiar menyelesaikannya dengan bertukar-tukar fikiran di antara satu dengan lain. Ini dijalankan dengan mengadakan Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel* daripada suatu masa ke suatu masa, persidangan menteri-menteri yang lain dan juga perjumpaan-perjumpaan yang selalu diadakan di antara pesuruhjaya tinggi negara-negara Komanwel itu. Dengan jalan ini perhubungan mereka dengan negara-negara lain.* Di London perhubungan negara-negara Komanwel ini diselenggarakan oleh suatu Kementerian yang khas yang digelar Jabatan Perhubungan Komanwel (Commonwealth Relations Office) dan bukannya oleh Kementerian Luar Negeri seperti perhubungan United Kingdom dengan negeri-negeri lain. Di negara Komanwel di mana Raja Inggeris diwakili oleh gabenor-general, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris adalah juga dilantik oleh Kerajaan Inggeris ke negeri-negeri itu untuk mewakili Kerajaan Inggeris kerana sungguhpun gabenor-general itu mewakili Raja Inggeris ia bukanlah mewakili Kerajaan Inggeris.

Kerakyatan

Di dalam bahagian Kerakyatan (lihat Fasal VIII) ada diterangkan berkenaan Kerakyatan Komanwel. Jadi memadailah disebutkan di sini bahawa semua negara Komanwel

*Persidangan ini yang terakhir sekali telah diadakan pada bulan Mei 1960.

*Tetapi hendaklah pula diingati ada di antara negara Komanwel itu yang tidak bersetuju di antara satu dengan lain seperti Ghana dengan Afrika Selatan, dan India dengan Afrika Selatan.

mengiktiraf rakyat negara Komanwel yang lain yang tinggal di negerinya sebagai rakyat Komanwel, dan sungguhpun ada negara Komanwel yang tidak mengaku mereka ini setaraf dengan rakyatnya sendiri, lamun rakyat Komanwel ini adalah diberi taraf yang lebih daripada orang dagang (aliens).

Kewangan dan Perniagaan

Semua tanah jajahan Inggeris dan negara-negara Komanwel (kecuali Kanada) termasuk Burma, Iceland, Republik Ireland, Jordan dan Libya menjadi ahli-ahli kawasan *Sterling*. Ini bermakna negeri-negeri ini menjalankan perniagaan luar negerinya dengan wang *sterling*, iaitu wang Inggeris. Ini dibuat sama ada dengan mengikatkan wang negeri itu dengan wang Inggeris seperti yang dibuat kepada wang Tanah Melayu, iaitu dengan menetapkan harga matawang negeri itu dengan wang Inggeris, atau dengan mengadakan simpanan wang *sterling* di luar daripada negeri itu sendiri terutama di United Kingdom. Segala wang *dollar* atau emas yang didapati oleh negeri-negeri ini dikumpulkan bersama di London dan mereka bolehlah menggunakannya apabila mustahak. Di dalam perniagaan pun negara-negara Komanwel ini mempunyai persetujuan supaya barang-barang yang dikeluarkan oleh ahli-ahli lain mendapat keutamaan daripada barang-barang yang datang dari negeri luar Komanwel. Ini dibuat dengan bermacam jalan seperti mengenakan cukai yang lebih murah bagi barang-barang yang datang dari negara Komanwel daripada barang-barang yang datang dari negara lain atau sebagainya.

PARLIMEN-PARLIMEN NEGARA KOMANWEL

NEGARA	KETUA NEGARA	DEWAN BAWAH			DEWAN ATAS			PERSEKUTUAN-PERSEKUTUAN
		Nama	Ramai ahli	Lama dipilih (kecuali jika-lau dibubarkan)	Nama	Ramai ahli	Peraturan menjadi ahli	Negeri-negeri yang menjadi bahagian
UNITED KINGDOM	Queen	House of Commons	630	5 tahun	House of Lords	Lebih 850	Peer-peer Keturunan atau seumur hidup dan bisyop-bisyop	Negara Persatuan
KANADA	Queen (diwakili oleh Gabenor-General)	House of Commons	265	5 tahun	Senate	102	Dilantik seumur hidup	10 kawasan: Quebec, Onterio, Nava Scotia, New Brunswick, Manitoba, British Columbia, Prince Edward Island, Alberta, Saskatchewan dan Newfoundland
AUSTRALIA	Queen (diwakili oleh Gabenor-General)	House of Representative	124	3 tahun	Senate	60	Dipilih; ½ berhenti tiap-tiap 3 tahun. 10 daripada tiap-tiap kawasan (Negeri)	6 kawasan (negeri): New South Wales, Victoria, Australia Selatan, Tasmania, Queensland dan Australia Barat
NEW ZEALAND	Queen (diwakili oleh Gabenor-General)	House of Representative	80	3 tahun	Tak ada			Negara Persatuan

AFRIKA SELATAN	Queen (diwakili oleh Gabenor-General)	House of Assembly	163	5 tahun	Senate	89	18 dilantik (termasuk 2 dari South West Africa) 67 dipilih tidak cara terus oleh kawasan-kawasan 4 (kulit putih oleh orang Afrika).	Afrika Selatan bukanlah negara persekutuan, tetapi kawasan yang 4 itu Cape of Good Hope, Natal, Orange Free State dan Transvaal mempunyai kuasa yang luas, Southwest Afrika (negeri mandate) diperintah sebagai sebahagian Afrika Selatan.
INDIA	Presiden	Lok Sabha	503	5 tahun	Rajya Sabha	252	12 dilantik, lain dipilih oleh majlis mesyuarat negeri-negeri: 1/3 berhenti tiap-tiap 2 tahun.	14 kawasan: Andhra Pradesh, Assam, Bihar, Bombay, (Jammu dan Kashmir*), Kerala, Madhya Pradesh, Madras, Mysore, Orissa, Punjab, Rajasthan, Uttar Pradesh dan Bengal Barat.
PAKISTAN+	Presiden	National Assembly	310	5 tahun	Tak ada		2 kawasan: Pakistan Barat dan Pakistan Timur.	

*Kawasan Jammu dan Kashmir masih menjadi perbalahan di antara India dan Pakistan.

+Sekarang sedang diubah.

CEYLON	Queen (diwakili oleh Gabenor- General)	House of Representative	157	5 tahun	Senate	30	15 dilantik; 15 dipilih oleh Dewan Bawah: 1/3 berhenti tiap-tiap 2 tahun.	Negara Persatuan.
GHANA	Presiden	National Assembly	104	5 tahun	Tak ada			Negara Persatuan.
PER- SEKUTUAN TANAH MELAYU	Yang Dipertuan Agung	Dewan Rakyat	100 (Seka- rang 104)	5 tahun	Dewan Negara	38	16 dilantik; 22 dipilih oleh majlis-majlis undangan negeri (2 x 11).	11 negeri: Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka, Pulau Pinang.

FASAL X

PERLEMBAGAAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL

Pada muka 143 (a, b dan c) ada disertakan suatu daftar menunjukkan bentuk-bentuk parlimen di negeri-negeri Komanwel tetapi untuk memahamkan bagaimana tiap-tiap negara itu diperintah, di bawah ini diterangkan dengan ringkas perlembagaan negara-negara itu:-

(1) UNITED KINGDOM. (luas 93,053 batu persegi: penduduk 51,208,000 orang; Ibu negeri = London).

Adapun kawasan yang digelar United Kingdom itu mengandungi England, Wales, Scotland dan Ireland Utara, dan nama penuhnya ialah United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland. Republic Ireland Selatan (Eire) adalah bebas daripada pemerintahan Kerajaan United Kingdom.

Badan yang mempunyai kuasa yang tertinggi sekali di United Kingdom ialah Parlimen yang terdiri daripada *Queen, House of Lords* dan *House of Commons*. *House of Lords* mengandungi *peer* atau orang bangsawan keturunan, *peer* yang dilantik seumur hidup dan *peer* yang dilantik kerana pengalaman mereka di dalam undang-undang. Ahli-ahli yang lain ialah ketua agama Kristian yang digelar *bishop*. Sungguhpun dewan itu ada mempunyai di antara 850-900 orang ahli tetapi biasanya tidak lebih daripada 100 orang hadir pada masa persidangan diadakan. *House of Commons* mengandungi ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat di dalam pilihanraya yang menggunakan cara seorang wakil bagi tiap-

tiap kawasan. Pada masa ini ada 630 ahli-ahli yang dipilih daripada 630 kawasan.

Parlimen United Kingdom mempunyai umur lima tahun kecuali jikalau ia dibubarkan terdahulu daripada cukup masanya. Kerja-kerja Parlimen ialah meluluskan undang-undang, membenarkan wang negara digunakan, menegur dan mengawal pemerintah. Pada hakikatnya rang undang-undang boleh diusulkan dari mana-mana dewan tetapi pada masa sekarang kebanyakan rang undang-undang dan semua undang-undang wang diusulkan menerusi *House of Commons*. Apabila sesuatu rang undang-undang telah menempuh segala peringkat perbincangan di sebuah dewan ia akan dikirimkan ke dewan yang satu lagi dan apabila diluluskan oleh dewan itu rang undang-undang itu disembahkan kepada *Queen* untuk persetujuannya. Sungguhpun *House of Lords* boleh mengubah atau meminda atau melambatkan rang undang-undang yang diluluskan oleh *House of Commons* ia tidak boleh meminda atau menangguhkan rang undang-undang kewangan. Parlimen mempunyai kuasa untuk mengawal pemerintah kerana sekiranya ahli-ahli Parlimen tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang besar yang diluluskan oleh pemerintah, mereka boleh mengundi tidak percaya kepada pemerintah dan jikalau terjadi demikian pemerintah terpaksa meletakkan jawatan; dan sekiranya tidak ada parti yang sanggup menubuhkan kerajaan pilihanraya akan diadakan.

Aturan pemerintahan secara berparti telah ada di United Kingdom semenjak kurun Masihi yang ke-17 dan pada masa ini pemerintah cara ini sudah menjadi tidak boleh tidak jikalau pemerintahan cara perlembagaan hendak dijalankan. Parti yang memenangi kerusi yang terbanyak di dalam *House of Commons* dalam pilihanraya akan menubuhkan kerajaan. *Queen* akan melantik ketua parti yang menang untuk menjadi Perdana Menteri dan ia pula akan menasihatkan Baginda siapa-siapa di antara sahabat-sahabatnya di *House of Commons* atau *House of Lords* yang patut menjadi menteri. Parti yang kurang ramai ahlinya di Parlimen akan menjadi puak pembangkang dan mereka akan menubuhkan 'Jemaah Menteri Bayangan' mereka sendiri.

Setelah Perdana Menteri memilih menteri-menterinya ia akan menubuhkan pula Jemaah Menterinya yang digelar

Kabinet. Bukannya semua menteri menjadi ahli Kabinet. Yang menjadi ahli ialah menteri-menteri yang terkanan sahaja dan bilangannya tidaklah ditetapkan oleh undang-undang, tetapi biasanya ialah di antara 15 dengan 25. Kabinet bertanggungjawab bersama kepada Parlimen atas segala tindakan atau perbuatan yang dilakukannya biarpun ada ahli Kabinet itu yang tidak bersetuju akan tindakan itu. Kabinet juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada *Queen* atas semua perkara yang bersangkutan dengan pemerintahan dan tiap-tiap menteri itu adalah bertanggungjawab kepada Parlimen atas apa-apa perkara yang berlaku di dalam pejabat-pejabat yang di bawah jagaannya.

(2) KANADA: (luas: 3,851,113 batu persegi; penduduknya (tahun 1958) 17,048,000 orang; Ibu negeri: Ottawa).

Kanada ialah sebuah negara yang diperintah secara persekutuan dan mengandungi 10 kawasan iaitu Quebec, Ontario, Nova Scotia, New Brunswick, Manitoba, British Kolumbia, Prince Edward Island, Saskatchewan dan New Foundland. Selain daripada itu ada pula kawasan-kawasan yang digelar North-West Territory dan Yukon Territory. Tiap-tiap kawasan ini mempunyai kerajaan dan majlis mesyuarat undangannya masing-masing dan oleh sebab negeri itu diperintah secara persekutuan maka kuasa-kuasa kerajaan pusat dan kuasa kerajaan-kerajaan kawasan itu adalah ditentukan di dalam perlembagaan.

Parlimen Kanada mengandungi *Queen* yang diwakili oleh *Governor-General*, *Senate* (Dewan Tingkat Atas) dan *House of Commons* (Dewan Tingkat Bawah). *Senate* mempunyai 102 ahli yang dilantik untuk seumur hidup oleh *Governor-General* dengan nasihat Jemaah Menteri daripada penduduk negeri-negeri yang menjadi persekutuan, iaitu tiap-tiap negeri berhak menghantar bilangan ahli-ahli yang tertentu. *House of Commons* pula mengandungi 265 ahli yang dipilih oleh orang ramai di dalam pilihanraya. Umur parlimen, seperti di United Kingdom dan di Persekutuan Tanah Melayu, ialah lima tahun kecuali jika ia dibubarkan sebelum habis tempohnya.

Governor-General yang mewakili *Queen* di Kanada dilantik oleh Baginda dengan persetujuan Jemaah Menteri

Kanada dan ia selalunya memegang jawatan itu selama lima tahun. Ia menjalankan kerjanya mengikut nasihat menteri-menterinya dan oleh sebab ia menjadi wakil *Queen* ia bolehlah membuka, menutup dan memansuhkan Parlimen. Perdana Menteri Kanada dilantik oleh *Governor-General* daripada ketua parti yang banyak ahlinya di dalam *House of Commons* dan seperti di United Kingdom, Perdana Menteri itu akan menasihatkan Gabenor-General siapa-siapa daripada sahabat-sahabatnya yang patut dilantik menjadi menteri. Pemerintahan Kanada dijalankan oleh Jemaah Menteri dan kewajipan-kewajipan dan peraturan mereka bekerja serupalah seperti di United Kingdom.

Seperti yang telah disebutkan, tiap-tiap negeri yang menjadi ahli persekutuan Kanada adalah mempunyai pemerintahan yang bersendirian. Mereka mempunyai majlis mesyuarat undang-undang masing-masing, dan ketua bagi tiap-tiap negeri ini pun ialah *Queen* yang diwakili oleh seorang pegawai yang digelar *Lieutenant-Governor*. *Lieutenant-Governor* ini dilantik oleh *Governor-General* Kanada dengan nasihat Jemaah Menteri Kanada dan ia memegang jawatan itu selama lima tahun. Kewajipan dan kerja-kerja *Lieutenant-Governor* itu adalah serupa seperti kewajipan dan kerja *Governor-General* di pusat pemerintahan Kanada. Tiap-tiap negeri ada mempunyai Perdana Menteri masing-masing dan Menteri-menteri yang lain. Pemerintahan tiap-tiap negeri adalah meliputi perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh perlembagaan Kanada tetapi kuasa negeri-negeri ini terhad dan tidak seperti kuasa negeri-negeri yang menjadi persekutuan Australia yang akan diterangkan.

Kanada pada awalnya ialah tanah jajahan Perancis tetapi pada tahun 1763 telah diserahkan kepada kerajaan Inggeris setelah berperang beberapa lama. Oleh yang demikian di Kanada pada masa ini ada ramai penduduk yang berketurunan Perancis terutama di negeri Quebec. Bahasa Inggeris dan Perancis adalah bersama-sama digunakan di Parlimen Kanada.

(3) AUSTRALIA: (Luas 2,974,581 batu persegi; Penduduk: (1958) 9,801,235; Ibu negeri: Kanberra).

Australia diperintah mengikut kaedah persekutuan

dan negeri-negeri yang menjadi ahli persekutuan ini ialah New South Wales, Victoria, South Australia, Tasmania, Queensland dan Western Australia – iaitu enam buah negeri. Dua kawasan lagi iaitu Northern Territory dan kawasan Ibu Kota Australia, Canberra, adalah ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan sendiri. Pemerintahan Australia adalah seakan-akan pemerintahan Kanada tetapi di Australia kuasa-kuasa yang dipegang oleh kerajaan negeri-negeri lebih luas daripada kuasa-kuasa yang dipegang oleh negeri-negeri yang menjadi ahli-ahli persekutuan Kanada dan dengan kerana itu mereka lebih menyerupai kuasa-kuasa yang dipunyai oleh negeri-negeri yang menjadi ahli-ahli Amerika Syarikat.

Seperti di Kanada Raja Inggeris di Australia adalah diwakili oleh seorang *Governor-General* yang ditantik oleh Baginda dengan persetujuan menteri-menteri Australia. Oleh sebab Baginda juga menjadi ketua negeri-negeri, Baginda diwakili pula di situ oleh seorang *Governor* pada tiap-tiap negeri. Seperti di Kanada juga, Parlimen Australia mempunyai dua dewan iaitu *Senate* dan *House of Representatives*. *Senate* mengandungi 60 orang ahli iaitu tiap-tiap negeri menghantar wakil yang sama banyak iaitu 10 orang bagi tiap-tiap negeri. Ahli *Senate* (Dewan Atas) itu biasanya dipilih menjadi ahli bagi enam tahun, dan separuh ($\frac{1}{2}$) daripada ahli-ahli *Senate* itu bertukar pada tiap-tiap tiga tahun, tetapi mereka yang sudah cukup tempohnya bolehlah pula dipilih semula. *House of Representatives* (Dewan Bawah) pula mestilah seboleh-bolehnya mempunyai ahli dua kali ganda ramainya daripada bilangan ahli-ahli *Senate*, dan tiap-tiap negeri mestilah menghantar sekurang-kurangnya lima orang wakil yang dipilih oleh rakyat di dalam negeri-negeri itu. Pada masa ini dewan itu ada mempunyai 122 ahli dan dua orang ahli yang mewakili kawasan Northern Territory dan kawasan Ibu Kota Canberra (tetapi mereka ini tidaklah boleh mengundi). Ahli-ahli dewan ini dipilih pada tiap-tiap tiga tahun kecuali jikalau parlimen dibubarkan sebelum cukup tempohnya. Mengundi di Australia adalah wajib. Kuasa yang dipegang oleh (*Senate*) adalah lebih kurang sama dengan kuasa *House of Representatives* dan tidaklah seperti kuasa *House of Lords* di United Kingdom atau *Senate* di Kanada yang mempunyai kuasa yang terhad; tetapi biarpun begitu hanya

House of Representatives sahaja mempunyai kuasa berkenaan dengan wang.

Pemerintahan dijalankan oleh satu Jemaah Menteri seperti di United Kingdom dan di Kanada. Tiap-tiap negeri yang menjadi ahli persekutuan Australia ada mempunyai kerajaan, majlis mesyuarat undang-undang dan menteri-menteri mereka sendiri. Seperti yang telah disebutkan di atas negeri-negeri ini mempunyai kuasa yang lebih luas daripada kuasa-kuasa yang dipegang oleh negeri-negeri di Kanada.

(4) NEW ZEALAND: (Luas: 103,939; Penduduk (tahun 1957) 2,243,867; Ibu negeri: Wellington).

New Zealand telah diberi taraf berkerajaan sendiri yang terhad semenjak tahun 1852 dan pada tahun 1907 ia telah diisytiharkan sebagai sebuah negara *dominion*. Negeri itu diperintah mengikut kaedah persatuan. Ini bermakna ia tidak ada bahagian-bahagian yang mempunyai kerajaan-kerajaan yang bersendirian seperti di Kanada atau di Australia atau di Persekutuan Tanah Melayu. Ia hanya ada mempunyai satu Parlimen iaitu Parlimen New Zealand. Sebelum tahun 1951 Parlimen New Zealand mempunyai dua dewan, tetapi pada tahun itu dewan atasnya telah dimansuhkan. Pada masa ini Parlimen New Zealand mengandungi *Governor-General* dan *House of Representatives* (Dewan Rakyat) yang mempunyai 80 ahli yang dipilih tiap-tiap tiga tahun. 76 daripada ahli-ahli ini dipilih daripada kawasan-kawasan yang terbuka dan 4 daripada kawasan yang dikhususkan untuk pengundi-pengundi Maori iaitu orang-orang asli New Zealand. Orang-orang kacukan boleh mengundi di mana mereka suka. Mendaftar menjadi pengundi adalah diwajibkan di New Zealand semenjak tahun 1924. Queen adalah diwakili oleh gabenor-general. Satu perkara yang menarik hati di New Zealand dan yang berbeza dengan Afrika Selatan ialah orang asli di situ yang disebut orang Maori mempunyai taraf yang sama dengan rakyat New Zealand yang lain dan wakil-wakil mereka adalah bersama-sama duduk di Parlimen.

(5) PERSATUAN AFRIKA SELATAN: (Luas 472,685; Penduduk) 14,167,000 (1957); Ibu negeri: Pretoria).

Persatuan Afrika Selatan (Union of South Africa)

mengandung negeri-negeri Cape of Good Hope, Natal, Orange Free State dan Transvaal. Persatuan Afrika Selatan telah juga diberi kuasa (mandate) oleh Perikatan Bangsa-bangsa (League of Nations) selepas Perang Dunia Yang Pertama untuk mentadbirkan kawasan yang disebut South-West Afrika tetapi ia tidaklah menjadi sebahagian dari Persatuan Afrika Selatan itu.

Negeri-negeri yang menjadi bahagian Persatuan Afrika Selatan itu asalnya dibuka dan didiami oleh orang Belanda yang digelar *Boers* tetapi setelah berperang daripada 1899-1902 dengan orang Inggeris mereka telah ditewaskan oleh orang Inggeris dan kawasan-kawasan itu tertakluk kepada Britain. Untuk memujuk hati orang *Boers* itu negeri-negeri itu telah diberi taraf memerintah sendiri pada tahun 1909. Jadi kebanyakan daripada penduduk di negeri itu sekarang ialah keturunan orang *Boers* seperti General Smut, Dr. Malan dan Dr. Verwoed. Orang-orang Eropah lain, sungguhpun ada ramai tetapi bilangan mereka tidaklah dapat menandingi bilangan orang keturunan *Boers* itu.

Kaedah pemerintahan Afrika Selatan itu adalah di antara pemerintahan cara persatuan dan pemerintahan cara persekutuan. Mengikut perlembagaannya ia diperintah secara persatuan kerana Parlimennya berkuasa membuat undang-undang yang meliputi semua perkara-perkara yang ditadbirkan oleh negeri-negeri. Biarpun begitu negeri-negeri yang menjadi bahagian biasanya bebas menjalankan pemerintahan mereka sendiri dengan tidak diganggu oleh pemerintah pusat. Kuasa tertinggi bagi pemerintahan pusat terserah kepada Queen yang diwakili oleh seorang *Governor-General* dan Parlimen. Parlimen mempunyai dua dewan iaitu *Senate* dan *House of Assembly*. *Senate* mengang'ungi 89 ahli yang dilantik atau dipilih selama lima tahun dan mereka itu dibahagi-bahagi mengikut ramai penduduk negeri masing-masing. *House of Assembly* mengandungi 163 ahli iaitu 150 terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih secara terus, enam wakil dari South-West Africa, empat wakil orang-orang asli dan empat wakil orang berwarna dari Cape of Good Hope. Semua ahli yang mengisi *Senate* dan *House of Assembly* itu mestilah berketurunan Eropah (berkulit putih) dan sungguhpun ada

sedikit-sedikit orang asli dan orang berwarna yang boleh mengundi, mereka hanya boleh mengundi orang yang berketurunan Eropah sahaja sebagai wakil mereka. Daripada sini nampaklah bagaimana kuatnya kuasa orang Eropah di Afrika Selatan jikalau dimenungkan bahawa orang asli negeri itu dan orang yang kulit berwarna ada empat kali ganda ramainya daripada orang Eropah (Orang-orang asli = (1957) 9,469,000, orang berwarna = 1,319,000, orang Asia = 431,000 dan orang-orang Eropah 2,957,000). Dasar kerajaan Afrika Selatan itu bertujuan hendak menyebelahkan atau mengasingkan orang Eropah dengan orang-orang yang berwarna dan dasar ini, yang digelar *apartheid*, dijalankan oleh kerajaan dengan cergasnya; dan oleh kerana dasar ini berlawanan benar dengan hak asasi dan peri kemanusiaan, kerajaan Afrika Selatan selalulah bertelagah dengan kerajaan-kerajaan Komanwel yang lain dan juga kerajaan-kerajaan di dunia seumumnya terutama di persidangan-persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.*

Di dalam tiap-tiap negeri yang menjadi ahli Persatuan Afrika Selatan itu adalah seorang pegawai pemerintah yang dilantik oleh *Governor-General* dengan persetujuan menteri-menteri dan ianya diberi nama Pentadbir Negeri (*Administrator of the Province*). Tiap-tiap negeri mempunyai majlis mesyuarat negeri masing-masing dan majlis mesyuarat ini memilih empat orang daripada ahlinya untuk menjadi majlis mesyuarat kerja yang menjalankan pemerintahan negeri yang diketuai oleh Pentadbir tadi. Negeri South-West Africa yang ditadbirkan oleh kerajaan Afrika Selatan dengan mandat Perikatan Bangsa-bangsa Bersatu ditadbirkan oleh seorang Pentadbir yang dilantik oleh kerajaan Afrika Selatan dan semenjak dari tahun 1949 negeri itu mempunyai wakil-

*Tuan Harold MacMillan, Perdana Menteri Britain sendiri telah menyelar dasar ini di dalam Parlimen Afrika Selatan pada 3.2.60 yang memperanjatkan orang Afrika Selatan. Pada 21.3.60 satu rusuhan telah berlaku di 'Sharpeville'; 67 orang berkulit hitam telah ditembak mati oleh polis dan beratus-ratus lagi mendapat cedera. Kejadian ini telah menggenapkan dunia dan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah membawa perkara itu ke Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel di London pada bulan Mei 1960.

wakil di Parlimen Afrika Selatan seperti yang telah diterangkan. Oleh sebab kerajaan Afrika Selatan pada masa ini menjalankan dasar *apartheid* dengan tidak berhingga, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sedang menimbangkan sama ada negeri South-West Africa itu patut atau tidak ditadbirkan oleh kerajaan Afrika Selatan itu lagi.

(6) INDIA: (Luas: 1,143,267 batu persegi; Penduduk (1951): = 356,892,000; Ibu negeri: New Delhi).

India mula diperintah oleh orang Inggeris semenjak dari kurun Masihi yang ketujuh belas dengan usaha syarikat Inggeris yang digelar *East India Company*. Kuasa Kompeni itu memerintah India telah dimansuhkan setelah tentera India memberontak pada tahun 1857 dan selepas itu India telah diperintah terus oleh Kerajaan Inggeris dan dikelolakan khas oleh seorang Setiausaha Negara di London. India telah di-merdekakan pada bulan Ogos 1947 setelah pihak kebangsaan India yang diketuai oleh Mahatma Gandhi beberapa lama menuntut kemerdekaan. Perselisihan di antara puak-puak Islam dan Hindu menyebabkan India dibahagi dua dan daripada sini timbullah negeri India yang ada sekarang dan Pakistan.

Sungguhpun India menjadi bebas pada tahun 1947, tetapi perlembagaan India yang ada sekarang hanya berjalan kuatkuasanya mulai dari 26 Januari 1950. Perlembagaan ini menentukan iaitu India ialah sebuah negara republik. Keadan itu telah menimbulkan masalah yang rumit di sisi negara Komanwel yang lain pada masa itu kerana sungguhpun negara-negara yang lain merdeka, mereka masih mengiktiraf Raja Inggeris sebagai ketua negara mereka. Pada bulan April 1949 suatu Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel telah diadakan di London untuk membincangkan masalah yang telah diterbitkan oleh cadangan India hendak menjadi sebuah negara republik sambil menjadi ahli Komanwel. Akhirnya suatu penyelesaian telah dicapai dan India, sungguhpun menjadi sebuah republik yang mempunyai ketua negara yang bersendirian, telah dipersetujui menjadi ahli Komanwel yang mengaku Raja Inggeris sebagai ketua Komanwel.

Mengikut perlembagaannya India diperintah mengikut

kaedah persekutuan sungguhpun ia dipanggil Persatuan India. Negeri-negeri yang menjadi persekutuan ini ada 15 buah iaitu, Andhra Pradesh, Assam, Bihar, Bombay, Jammu dan Kashmir, Kerala, Madhya Pradesh, Madras, Mysore, Orisa, Punjab, Rajasthan, Uttar Pradesh, Bengal Barat, dan enam buah kawasan yang diperintah terus oleh Kerajaan Republik.

Ketua negara bagi India ialah seorang Presiden yang dipilih oleh pengundi-pengundi yang khas (electoral college) terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih di dalam Dewan Atas dan Dewan Bawah Parlimen dan juga ahli-ahli yang dipilih di majlis mesyuarat undangan tiap-tiap negeri. Lamanya seseorang Presiden boleh memegang jawatannya ialah lima tahun tetapi ia bolehlah dipilih semula. India juga mempunyai seorang Naib Presiden yang menjadi pengerusi Rajya Sabha yang akan diterangkan.

Parlimen Republik India mengandungi dua dewan iaitu *Lok Sabha* (Dewan Orang Ramai) yang menjadi Dewan Bawah, dan *Rajya Sabha* (Majlis Negeri-negeri) yang menjadi Dewan Atas. *Lok Sabha* mempunyai 503 orang ahli, semuanya kecuali tiga dipilih dengan undian terus di dalam pilihanraya. Tiap-tiap ahli mewakili tidak kurang daripada 500,000 dan tidak lebih daripada 750,000 penduduk. Dalam tempoh sepuluh tahun perlembagaan itu mula dijalankan kerusi-kerusi adalah dikhaskan untuk wakil-wakil kaum-kaum yang tertentu mengandungi orang asli, orang hina dan mundur. Tiga orang wakil dilantik oleh Presiden untuk mewakili orang Anglo-Indian (iaitu orang-orang yang berketurunan daripada perkahwinan orang India dengan orang Eropah, seperti orang Serani di Tanah Melayu). Pilihanraya diadakan tiap-tiap lima tahun sekali kecuali jika Parlimen dibubarkan dahulu daripada itu.

Rajya Sabha pula mengandungi tidak lebih daripada 250 orang ahli, tetapi pada masa ini ramai ahlinya ialah 232 orang dan daripada ini 12 dilantik oleh Presiden daripada orang-orang yang bijak pandai dalam kesenian, kesusasteraan, sains dan sebagainya, dan 213 dipilih oleh majlis mesyuarat undangan tiap-tiap negeri. Bilangan ahli yang datang daripada majlis mesyuarat ini tergaatunglah kepada ramai penduduk negeri itu. Baki yang tujuh orang lagi itu dipilih daripada

negeri-negeri yang ditadbirkan oleh Kerajaan Republik secara terus. Lamanya seseorang itu boleh menjadi ahli dewan ini ialah enam tahun. Seperti Dewan Negara Persekutuan Tanah Melayu, *Rajya Sabha* India tidak boleh dibubarkan (ia berjalan terus walaupun Dewan Bawah telah dibubarkan untuk pilihanraya) dan $\frac{1}{3}$ daripada ahlinya bertukar pada tiap-tiap dua tahun.

Pemerintahan Republik dijalankan oleh Majlis Menteri-menteri atas nama Presiden dan oleh yang demikian Presiden itu adalah menyerupai kedudukan *Queen* di England dan Yang Dipertuan Agung di Persekutuan Tanah Melayu; dan sungguhpun ia bergelar Presiden, tetapi ia tidaklah menyerupai kedudukan Presiden Amerika Syarikat yang mempunyai kuasa yang luas untuk memerintah sendiri. Itulah sebabnya Presiden India tidak berapa dikenali oleh dunia tetapi nama Presiden Amerika selalu ada di dalam surat-khabar.

Tiap-tiap negeri yang menjadi bahagian-bahagian India mempunyai kerajaannya sendiri. Ketua negeri-negeri ini ialah gabenor yang dilantik oleh Presiden bagi lima tahun. Ia pula melantik menteri-menteri dengan nasihat ketua menteri negeri itu daripada ahli-ahli majlis mesyuarat negeri dan merekalah menjalankan pemerintahan. Negeri-negeri yang diperintah oleh Kerajaan Republik secara terus pula ditadbirkan oleh Presiden menerusi seorang pegawai yang digelar *Chief Commissioner* atau *Lieutenant Governor*.

(7) PAKISTAN: (Luas 364,737 batu persegi; Penduduk: 81,540,000; Ibu negeri: Kerachi).

Pakistan berasal dari British India yang telah dibelah bahagi apabila negeri itu dibebaskan oleh Kerajaan Inggeris pada bulan Ogos tahun 1947. Pakistan mengandungi dua bahagian iaitu Pakistan Barat dan Pakistan Timur dan bahagian-bahagian ini diceraikan oleh negeri India. Sungguhpun Pakistan telah merdeka semenjak tahun 1947, perlembagaannya yang baharu mula dijalankan pada 23 Mac 1956.*

*Perlembagaan Pakistan tidak berjalan pada masa ini semenjak pemberontakan ketua-ketua tentera yang diketuai oleh General Ayub Khan pada 7 Oktober 1958. Mungkin juga perlembagaan yang ada akan diubah.

Mengikuti perlembagaan ini Pakistan adalah sebuah negara Republik Islam yang diperintah secara persekutuan. Ia menjadi ahli Komanwel seperti India iaitu mempunyai ketua negaranya sendiri yang digelar Presiden dan mengaku *Queen* sebagai ketua Komanwel. Republik Islam Pakistan berasas kepada agama Islam: Presidennya mestilah orang Islam dan undang-undang tidak boleh dibuat jikalau ia berlawanan dengan agama Islam; tetapi ini tidaklah pula bermakna bahawa orang-orang yang bukan beragama Islam akan dibeza-bezakan.

Ketua negeri Pakistan ialah seorang Presiden yang dipilih bagi lima tahun oleh pengundi-pengundi yang terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih di Majlis Perhimpunan Kebangsaan (iaitu parlimen Pakistan) dan ahli-ahli yang dipilih di majlis mesyuarat undang-undang di Pakistan Timur dan Barat. Pakistan tidak ada Naib Presiden seperti di India dan pada masa Presiden berangkat keluar negeri atau uzur, kerjanya dipangku oleh Speaker Majlis Perhimpunan Kebangsaan. Parlimen Pakistan terdiri daripada Presiden dan Majlis Perhimpunan Kebangsaan, tetapi tidak ada dewan yang kedua seperti di United Kingdom, di India atau di Persekutuan Tanah Melayu. Majlis Perhimpunan Kebangsaan ini mempunyai 300 ahli yang dipilih dalam pilihanraya, iaitu Pakistan Timur 150 orang ahli. Di dalam tempoh sepuluh tahun (hingga tahun 1966) 10 orang ahli lagi ditambah untuk mewakili kaum perempuan iaitu lima ahli daripada tiap-tiap bahagian. Umur Parlimen ialah lima tahun kecuali jika dibubarkan sebelum habis tempohnya.

Pemerintahan dijalankan oleh Jamaah Menteri atas nama Presiden dan Perdana Menteri adalah dilantik oleh Presiden daripada ketua parti yang ramai pengikutnya di dalam Majlis Perhimpunan Kebangsaan. Di negeri bahagian-bahagian iaitu Pakistan Barat dan Pakistan Timur pula adalah pemerintahannya yang bersendirian diketuai oleh seorang Gabenor yang dilantik oleh Presiden: dan tiap-tiap bahagian itu adalah pula mempunyai majlis mesyuarat undangan masing-masing dengan jamaah menterinya. Kashmir yang telah menjadi perbalahan di antara India dengan Pakistan semenjak beberapa tahun, telah diisytiharkan menjadi kawasan negeri India pada bulan Januari 1957 sungguhpun Majlis Keselamatan

Bangsa-bangsa Bersatu telah menegah perbuatan India itu. Apakah akan terjadi kepada kawasan itu masih belum dapat ditentukan pada masa buku ini ditulis.

(8) CEYLON: (Luas 25,332 batu persegi; Penduduk: 8,929,000; Ibu negeri: Kolombo).

Ceylon telah menjadi tanah jajahan Inggeris beberapa lama dan telah mencapai taraf memerintah sendiri pada tahun 1948. Ia mempunyai parlimen yang mengandungi dua dewan iaitu *House of Representatives* (Dewan Bawah) dan *Senate* (Dewan Atas). *House of Representatives* mempunyai 157 orang ahli iaitu 151 dipilih oleh rakyat dan enam dilantik oleh *Governor-General* untuk mewakili kaum-kaum yang difikirkannya tidak ada wakil di dalam dewan itu. Umur *House of Representatives* ialah lima tahun. *Senate* mengandungi 30 ahli iaitu 15 dipilih oleh Dewan Bawah dan 15 dilantik oleh *Governor-General*. *Senate* tidak boleh dibubarkan; ahli-ahli *Senate* dilantik atau dipilih bagi enam tahun satu pertiga daripadanya bertukar pada tiap-tiap dua tahun.

Pemerintahan negeri itu dijalankan oleh Jemaah Menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen. Perdana Menteri dilantik oleh *Governor-General* yang mewakili *Queen* dan seperti di negara-negara Komanwel yang lain Perdana Menteri akan menasihatkan *Governor-General* siapa-siapa yang patut dilantik menjadi menteri. Sekurang-kurangnya dua menteri, satu daripadanya Menteri Keadilan, mestilah daripada ahli *Senate*. Ceylon diperintah secara persatuan dan oleh yang demikian bahagian-bahagiannya tidaklah ada mempunyai pemerintahan yang bersendirian dan semua perkara adalah ditadbirkan oleh kerajaan pusat.

Ceylon mempunyai penduduk yang berketurunan Singhalese, iaitu orang asli negeri itu, dan orang yang berketurunan Tamil yang berasal dari India. Bilangan orang Singhalese lebih kurang dua pertiga daripada semua penduduk dan kebanyakan mereka itu beragama Buddha. soal bahasa selalu menjadi perbalahan di antara orang Singhalese dan orang Tamil di negeri itu.

(9) GHANA: (Luas 81,843 batu persegi; Penduduk: (1955) 4,620,000; Ibu Negeri: Accra).

Ghana ialah nama baharu bagi persatuan yang mengan-

dungi tanah jajahan Inggeris yang bernama Gold Coast, Northern Territories (Kawasan Utara) dan Ashanti di Afrika Barat. Ghana telah diberi kemerdekaan pada 6 Mac 1957. Peraturan pemerintahannya serupa dengan peraturan pemerintahan negeri-negeri Komanwel yang lain-lain. Parlimennya mengandungi Queen yang diwakili oleh *Governor-General* dan Majlis Perhimpunan Kebangsaan tetapi ia tidak ada dewan yang kedua. Majlis Perhimpunan Kebangsaan mengandungi seorang Speaker dan 104 ahli dipilih oleh orang ramai bagi lima tahun. Mengikut perlembagaan, Ghana dibahagi kepada lima kawasan iaitu Kawasan Timur, Barat dan Utara, Ashanti dan Trans-Volta Togoland. Parlimen boleh membuat undang-undang untuk menubuhkan majlis-majlis mesyuarat kawasan untuk mentadbirkan perkara-perkara seperti pemerintahan tempatan, pertanian, pelajaran, kesihatan dan lain-lain lagi yang dibenarkan oleh Parlimen dari satu masa ke suatu masa. Perlembagaan Ghana membenarkan orang besar-besar (ketua-ketua puak) dikekalkan memerintah mengikut adat istiadat mereka dan tiap-tiap kawasan itu mempunyai suatu Dewan Orang Besar-besar yang boleh memberi nasihat kepada Menteri-menteri atau Majlis Perhimpunan Kebangsaan berkenaan hal ehwal yang bersangkutan dengan kawasan mereka. Dewan Orang Besar-besar ini juga berkewajipan memilih seorang ketua bagi kawasan itu kecuali di Ashanti di mana ketuanya ialah raja negeri itu yang bergelar *Asantehene*.

Ghana ialah tanah jajahan Inggeris di Afrika yang pertama diberi kemerdekaan kepada anak negerinya yang berkulit hitam. Pada masa ini negeri itu bercadang hendak menjadi sebuah republik seperti di India. Jikalau terjadi demikian Raja Inggeris tidak lagi akan menjadi ketua negara negeri itu.*

NEGARA SINGAPURA

Oleh sebab Singapura masih belum mencapai taraf kemerdekaan yang penuh, ia tidaklah boleh dianggap sebagai ahli Komanwel yang penuh. Tetapi biarpun begitu oleh sebab

*Ghana telah menjadi republik pada pertengahan tahun 1960. Jadi ketua negaranya sekarang ialah seorang Presiden.

negara itu menjadi jiran Persekutuan yang dekat, moleklah diketahui dengan cara ringkas bagaimana ia diperintah sekarang.

Singapura ialah sebuah pulau yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Melayu dan disambungkan dengan Semenanjung oleh Tambak Johor. Ia mempunyai kawasan yang luasnya lebih kurang 224 batu persegi termasuk pulau-pulau di sekelilingnya; Seperti yang telah diterangkan di dalam fasal VIII, 76 peratus daripada penduduk-penduduk Singapura yang berjumlah 1,445,930* itu terdiri daripada orang Cina, 14 peratus orang Melayu, 8 peratus orang India dan 2 peratus orang lain. Jikalau dibandingkan luas kawasannya dengan ramai penduduknya nyatalah bahawa Singapura mempunyai penduduk yang padat dan daripada kawasan yang kecil itu $\frac{1}{10}$ daripadanya dikuasai oleh tentera-tentera Inggeris.

Perusahaan yang besar bagi Singapura ialah berniaga. Ia mengumpulkan barang-barang yang dikeluarkan oleh negeri-negeri jirannya seperti Persekutuan Tanah Melayu, Indonesia, Pulau Berunai dan Siam dan menjual barang-barang itu ke negeri Eropah, Amerika, Jepun dan China dan lain-lain negeri lagi, dan dari negeri-negeri ini saudagar-saudagar Singapura membawa masuk barang-barang seperti jentera, kain-kain, alat perkakas dan lain-lain lagi untuk keperluan negeri-negeri jirannya. Pendeknya Singapura menjadi seperti orang tengah. Singapura dapat berbuat demikian kerana ia mempunyai pelabuhan yang baik, perkhidmatan yang cekap dan saudagar-saudagar yang pintar. Juga Singapura mempunyai pelabuhan yang bebas. Ini bermakna Kerajaan Singapura tidak mengenakan cukai pada barang yang dibawa masuk dan keluar Singapura kecuali pada minyak petrol, tembakau dan rokok dan minuman keras. Singapura ada juga mempunyai perusahaan-perusahaan yang kecil-kecil seperti membersihkan getah, membuat kasut getah, minuman-minuman, biskut dan sebagainya. Selain dari itu penduduk Singapura ada yang bekerja dengan Tentera Inggeris yang mempunyai pengkalan-pengkalan laut, darat dan udara yang besar di situ.

*Angka banci tahun 1957.

Singapura mencapai taraf memerintah sendiri mulai 3 Jun 1959 dengan Perlembagaan yang baharu iaitu hasil daripada perundingan-perundingan yang diadakan di antara wakil Singapura dengan wakil United Kingdom pada tahun 1956 dan 1957. Di dalam pilihanraya yang diadakan pada 30 Mei 1959 Parti Tindakan Rakyat telah mendapat kemenangan yang besar dan parti itu telah menubuhkan Kerajaan di bawah Perlembagaan baharu itu mulai 5 Jun 1959.

Di bawah Perlembagaan ini Singapura mempunyai kuasa yang penuh dalam semua hal kecuali berkenaan pertahanan dan perhubungan luar negeri yang masih dijaga oleh Kerajaan Inggeris, tetapi dengan persetujuan Kerajaan Inggeris bolehlah Singapura membuat perhubungan dengan negeri luar berkenaan dengan hal ehwal perniagaan dan kebudayaan. Kerajaan Singapura bertanggungjawab berkenaan keselamatan dalam negeri dan keamanan, tetapi oleh sebab perkara ini tidak dapat diceraikan dengan pertahanan luar yang dijagai oleh Kerajaan Inggeris maka suatu Majlis Keselamatan Dalam Negeri telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Inggeris. Bentuk dan kerja-kerja majlis ini akan diterangkan kemudian.

Yang Dipertuan Negara

Ketua Negara bagi Singapura ialah Yang Dipertuan Negara. Ia menjadi wakil Raja Inggeris di Singapura seperti gabenor-General mewakili Raja Inggeris di Kanada atau di Ceylon. Ia dilantik oleh Raja Inggeris dengan nasihat Kerajaan Inggeris setelah berunding dengan Kerajaan Singapura. Orang yang menjadi Yang Dipertuan Negara ini mestilah dilahirkan di Tanah Melayu. Ini bermaknalah orang yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu pun layak menjadi Yang Dipertuan Negara tidak kira apa bangsanya dan termasuklah orang Inggeris sendiri. Lamanya ia memegang jawatan itu ialah empat tahun. Yang Dipertuan Negara haruslah berbuat seperti yang dinasihatkan oleh Menteri-menterinya kecuali di dalam perkara seperti melantik dan memberhentikan Perdana Menteri, memanggil, menutup dan memansuhkan Perhimpunan Undangan. Dalam perkara-perkara ini ia boleh bertindak dengan sendirinya. Sebagai wakil Raja Inggeris ia berkuasa mengesahkan undang-undang yang di-

luluskan oleh Perhimpunan Undangan dan ia juga berkuasa dengan nasihat menteri-menteri mengampun orang-orang salah. Semua rayuan-rayuan yang hendak dimajukan kepada Raja Inggeris mestilah menerusi Yang Dipertuan Negara. Selain dari itu ia juga akan menjalankan perintah yang dibuat oleh Kerajaan Inggeris sekiranya Perlembagaan Singapura diketepikan. Seperti Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu, yang Dipertuan Negara juga menerima sara hidup yang tetap (Civil List) dan wang ini dibayar terus daripada Kumpulan Wang Negara Singapura. Sebagai Ketua Negara ia berhak mengetahui semua hal yang bersangkutan-paut dengan pemerintahan negerinya.

Orang yang pertama dilantik untuk memegang jawatan yang tinggi ini ialah Encik Yusof bin Ishak. Ia memegang jawatan itu mulai 3 Disember 1959, iaitu setelah enam bulan Perlembagaan Singapura mula berjalan. Sebelum daripada tarikh itu jawatan ini dipegang oleh Pesuruhjaya United Kingdom.

Pesuruhjaya United Kingdom

Oleh sebab Kerajaan Inggeris masih bertanggungjawab berkenaan dengan pertahanan luar Singapura dan perhubungan Singapura dengan luar negeri, Kerajaan Inggeris diwakili di Singapura oleh seorang pegawai Inggeris yang digelar Pesuruhjaya United Kingdom, dan ia bertanggungjawab kepada Kerajaan Inggeris berkenaan perkara-perkara yang di bawah makluman Kerajaan Inggeris. Seperti yang telah disebutkan dahulu, ia menjadi pengerusi Majlis Keselamatan Dalam Negeri. Untuk menjalankan kewajibannya ia berhak mendapat tahu daripada Kerajaan Singapura semua perkara yang hendak dilakukan oleh Kerajaan Singapura yang ada hubungannya dengan perkara yang di bawah jagaan Kerajaan Inggeris, dan ini termasuklah salinan acara (agenda) dan butir-butir Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersangkutan-paut dengan perkara-perkara ini.

Selain daripada kerja-kerjanya di Singapura, Pesuruhjaya British itu juga menjadi wakil diplomat British di Tenggara Asia menggantikan kerja yang dahulunya dipegang oleh Pesuruhjaya Agung British di Tenggara Asia. Dalam menjalankan kerjanya ia dibantu oleh dua orang timbalan,

seorang bertanggungjawab kepadanya berkenaan hal-hal Singapura dan seorang lagi berkenaan kewajibannya di Tenggara Asia.

Jawatan Pesuruhjaya ini telah disatukan dengan jawatan Yang Dipertuan Negara dalam tempoh enam bulan Perlembagaan itu mula berjalan kuat kuasanya pada awal bulan Jun 1959, dan kerja itu dijalankan oleh gabenor Inggeris yang penghabisan di Singapura; tetapi jawatan-jawatan ini telah diceraikan apabila Yang Dipertuan Negara yang pertama telah dilantik pada bulan Disember 1959 seperti yang telah diterangkan.

Perhimpunan Undangan

Majlis mesyuarat undangan atau parlimen Singapura disebut Perhimpunan Undangan (Legislative Assembly). Ia berbeza dengan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu kerana ia hanya mempunyai satu dewan sahaja, yakni tidak ada Dewan Tingkat Atas dan Dewan Tingkat Bawah. Perhimpunan mengandungi 51 orang ahli semuanya dipilih oleh orang ramai di dalam pilihanraya yang diwajibkan semua rakyat mengundi. Pengerusi atau Speakernya boleh dipilih dari ahli-ahli Perhimpunan atau dilantik daripada orang luar Perhimpunan. Pada masa sekarang Speaker Perhimpunan itu adalah dilantik daripada orang yang bukan ahli Perhimpunan. Perhimpunan itu boleh membincangkan semua perkara dan meluluskan undang-undang kecuali di dalam perkara-perkara yang di bawah jagaan Kerajaan Inggeris, iaitu pertahanan luar dan perhubungan luar negeri. Semua Menteri-menteri adalah dilantik daripada ahli-ahli Perhimpunan dan seperti demokrasi berparlimen yang lain, pemerintah adalah bertanggungjawab kepada Perhimpunan Undangan. Segala undang-undang yang diluluskan oleh Perhimpunan itu mestilah disahkan oleh Yang Dipertuan Negara, tetapi sekiranya difikirkan oleh Pesuruhjaya Inggeris undang-undang yang diluluskan oleh Perhimpunan itu menyentuh perkara pertahanan dan perhubungan luar negeri, maka undang-undang itu hendaklah disahkan oleh Raja Inggeris sendiri. Umur Perhimpunan Undangan ialah lima tahun. Empat bahasa boleh digunakan di dalam Perhimpunan itu iaitu bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin (Cina) dan Tamil.

Jemaah Menteri

Negara Singapura diperintah oleh suatu badan yang digelar Jemaah Menteri atau Kabinet. Ahli-ahli Jemaah Menteri ini mestilah menjadi ahli Perhimpunan Undangan. Perdana Menteri dilantik oleh Yang Dipertuan Negara daripada ketua parti yang difikirkannya boleh mendapat sokongan yang ramai daripada ahli-ahli Perhimpunan, dan Perdana Menteri itu pula akan mencadangkan kepada Yang Dipertuan Negara nama orang-orang yang akan menjadi Menteri-menterinya. Tiap-tiap Menteri itu mengetuai beberapa jabatan Kerajaan dan ia adalah bertanggungjawab kepada Perhimpunan Undangan atas semua perkara yang berlaku di dalam pejabat-pejabat yang di bawah jagaannya.

Majlis Keselamatan Dalam Negeri

Dahulu daripada ini ada disebutkan berkenaan Majlis Keselamatan Dalam Negeri bagi Singapura. Majlis ini mengandungi tujuh orang ahli iaitu Perdana Menteri Singapura dan dua orang lagi ahli Kerajaan Singapura, Pesuruhjaya Inggeris dan dua orang ahli lagi dari Kerajaan Inggeris, dan seorang wakil dari Kerajaan Persekutuan iaitu biasanya Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Pesuruhjaya Inggeris adalah menjadi pengerusi Majlis itu tetapi ia hanya mempunyai satu undi sahaja seperti ahli-ahli yang lain. Daripada sini nyatalah bahawa sekiranya undi di antara wakil-wakil Kerajaan Singapura dan wakil-wakil Kerajaan Inggeris menjadi seri (3 lawan 3) wakil Persekutuan Tanah Melayu mempunyai suara pemutus. Patut disebut di sini bahawa Kerajaan Persekutuan berhak menarik wakilnya daripada Majlis itu setelah memberi tahu kedua-dua belah pihak enam bulan terlebih dahulu. Sekiranya terjadi demikian Majlis itu akan menjadi tempat bertukar-tukar fikiran di antara dua pihak sahaja dan undi tidak akan diadakan.

Kewajipan-kewajipan Majlis ini ialah seperti berikut:-

- (a) Tempat bertukar fikiran bersama-sama berkenaan semua masalah yang bersangkutan-paut dengan keselamatan dan keamanan di dalam Singapura.
- (b) Ia menjaga supaya semua anggota Kerajaan Singapura yang menjaga keamanan dan keselamatan

dalam negeri, misalnya polis supaya berjalan dengan cekapnya.

- (c) Menentukan supaya kedua-dua pihak bersama-sama dapat menggunakan khidmat yang diadakan oleh anggota-anggota itu dan menggunakan maklumat yang ada kepada anggota-anggota itu.

Segala keputusan yang dibuat oleh Majlis ini akan dipanjangkan kepada Kerajaan Singapura dan adalah menjadi kewajipan Kerajaan itu untuk menjalankannya. Mesyuarat Majlis ini diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Dua orang Setiausaha bersama, seorang dilantik oleh Perdana Menteri bertanggungjawab menyampaikan keputusan Majlis itu kepada pihak yang berkenaan. Mereka juga bertanggungjawab menjaga butir-butir mesyuarat Majlis itu dan hal-hal lain yang bersangkutan-paut dengan Majlis itu.

Kerakyatan Singapura

Sebagai sebuah negeri yang memerintah sendiri Singapura mempunyai kerakyatan yang bersendirian dan rakyat ini adalah juga menjadi rakyat British atau rakyat Komanwel mengikut Fasal 1 daripada Undang-undang Kerakyatan British tahun 1948. Mengikut Undang-undang Kerakyatan Singapura ada empat jalan bagi seseorang itu boleh menjadi rakyat iaitu:-

- (a) dilahirkan di Singapura
- (b) kerana keturunan
- (c) mendaftar diri sebagai rakyat
- (d) menukar kerakyatan asli orang itu (naturalisation).

- (a) Dilahirkan di Singapura

Orang-orang yang telah dilahirkan di Singapura sebelum atau selepas hari berjalan kuat kuasa Undang-undang Kerakyatan Singapura, iaitu pada 1 November 1957 dengan sendirinya menjadi rakyat Singapura (dasar *jus soli*).

- (b) Kerana keturunan

Orang-orang yang dilahirkan di luar Singapura tetapi

bapanya dilahirkan di Singapura dan layak menjadi rakyat Singapura adalah menjadi rakyat Singapura, tetapi mereka ini mestilah memansuhkan kerakyatan mereka di luar negeri.

(c) Mendaftar diri sebagai rakyat.

(i) Orang-orang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dan telah duduk di Singapura sekurang-kurangnya lapan tahun dalam tempoh 12 tahun yang lepas meminta didaftarkan menjadi rakyat Singapura. Tetapi pada masa ia meminta itu mestilah sudah duduk di Singapura sekurang-kurangnya 12 bulan dengan tidak putus-putus.

(ii) Rakyat British dan rakyat Komanwel yang lain yang telah duduk di Singapura sekurang-kurangnya lapan tahun dalam tempoh 12 tahun yang lepas bolehlah meminta didaftarkan menjadi rakyat Singapura. Tetapi pada masa ia meminta itu ia mestilah sudah duduk di Singapura sekurang-kurangnya 12 bulan dengan tidak putus-putus. Orang ini hendaklah berikrar tinggal di Singapura selama-lamanya.

(iii) Orang-orang lain yang telah duduk di Singapura sekurang-kurangnya lapan tahun dengan tidak putus-putus bolehlah meminta didaftarkan menjadi rakyat Singapura. Permintaan menjadi rakyat mengikut syarat ini hendaklah dibuat dalam tempoh dua tahun semenjak berjalan Undang-undang Kerakyatan Singapura itu iaitu pada 1 November 1957.

(d) Menukar kerakyatan asli orang itu (naturalisation).

(i) Orang-orang yang telah tinggal 10 tahun di Singapura dalam tempoh 12 tahun yang lepas bolehlah meminta tukarkan kerakyatan aslinya untuk menjadi rakyat Singapura. Orang-orang ini mestilah telah duduk di Singapura sekurang-kurangnya 12 bulan dengan tidak putus-putus sebelum hari ia meminta itu. Orang ini juga mestilah faham bahasa

kebangsaan (Melayu) yang senang-senang kecuali jika ia berumur 45 tahun atau lebih.

- (ii) Orang-orang yang telah berkhidmat selama tiga tahun atau lebih di dalam tentera di Singapura pun bolehlah meminta menjadi rakyat Singapura dengan menukar kerakyatan aslinya.

Seseorang rakyat Singapura yang menjadi rakyat negeri luar selain dari rakyat Persekutuan boleh dimansuhkan oleh Kerajaan akan kerakyatannya.

Pengkalan Perang Inggeris

Singapura adalah menjadi pengkalan perang Inggeris yang terbesar sekali di Timur Asia. Sekiranya pengkalan ini lucut daripada tangan British, tentera-tentera Inggeris yang berkawal di Timur Jauh akan menjadi lumpuh jikalau peperangan berlaku di situ. Singapura adalah juga menjadi pengkalan untuk menghantar bekalan dan kelengkapan untuk tentera-tentera Inggeris dan Komanwel yang ditempatkan di Persekutuan Tanah Melayu mengikut Perjanjian Pertahanan Bersama yang dibuat di antara Britain dengan Persekutuan Tanah Melayu. Ia juga menjadi ibu pejabat dan pengkalan bagi pasukan yang disebut *Commonwealth Strategic Reserve* yang mengandungi pasukan Inggeris, Australia dan New Zealand. Singapura juga menjadi pengkalan untuk kapal-kapal perang Inggeris (Royal Navy) yang berjaga-jaga di Timur Jauh dan di Lautan India. Ia mempunyai limbung kapal (naval dock yard) yang terbesar di antara Sydney dan Negeri Jepun yang boleh membaik, melengkap dan membekali kapal-kapal perang yang besar-besar termasuk kapal-kapal pengangkut kapalterbang. Britain mempunyai dua padang terbang dan sebuah pelabuhan kapalterbang air untuk Pasukan Udara Dirajanya (R.A.F.) di Singapura. Dan yang penting sekali di Singapura sahajalah lagi di Timur Asia di mana Kerajaan Inggeris berhak menyimpan senjata *nuclear* yang boleh digunakan untuk membantu negara-negara ahli Pakatan Tenggara Asia (SEATO) pada masa peperangan.

Seperti yang disebutkan di tempat lain, hampir $\frac{1}{10}$ daripada tanah di Singapura itu dimiliki oleh Tentera Inggeris

sebagai kawasan-kawasan tentera darat, laut dan udara. Kawasan limbung kapalnya di Seletar sahaja memenuhi 4½ batu persegi. Pada masa ini ada di antara 25,000-30,000 orang awam Singapura yang bekerja dengan Tentera Inggeris itu, iaitu hampir 16 peratus daripada semua buruh yang bekerja di Singapura. Ini bermaknalah tiap-tiap sepuluh orang yang duduk di Singapura itu seorang daripadanya bergantung hidupnya dengan adanya pengkalan-pengkalan Tentera Inggeris itu. Pada tahun 1958, misalnya gaji-gaji yang dibayar kepada pekerja ini berjumlah hampir \$70 juta.* Daripada sini nyatalah sekiranya pengkalan-pengkalan perang Inggeris di Singapura itu ditutup atau dihapuskan, Singapura akan menghadapi masalah yang besar untuk mencarikan kerja baharu bagi orang-orang yang telah hilang pekerjaan mereka.

Perhubungan Singapura dengan Persekutuan

Pada masa ini perhubungan yang rasmi yang ada di antara Singapura dengan Persekutuan ialah menerusi Majlis Keselamatan Dalam Negeri Singapura di mana wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menjadi seorang daripada ahlinya. Tetapi perhubungan yang tidak rasmi di antara kedua kawasan itu masih banyak, terutama perhubungan perniagaan dan ekonomi. Kedua-dua kawasan menggunakan matawang yang serupa. Pada masa ini masih ada jabatan-jabatan di dalam kedua-dua kawasan itu yang dijaga oleh ketua pejabat yang satu, seperti Jabatan Pos dan Jabatan Telekom. Sungguhpun pada masa ini hanya rakyat Singapura sahaja yang berhak penuh masuk ke Singapura dan rakyat Persekutuan untuk masuk ke Persekutuan, tetapi rakyat Singapura pun boleh masuk ke Persekutuan, dan rakyat Persekutuan ke Singapura, kecuali jikalau ada larangan yang khas dikenakan ke atas mereka. Jadi sungguhpun pemerintahan kedua kawasan itu sekarang berasing-asingan, tetapi masih ada perhubungan yang rapat di antara keduanya. Sama ada kedua-dua kawasan itu akan bercantum dan menjadi sebuah negara yang satu pada masa yang akan datang masa sahalalah yang dapat menentukannya.

**The Observer*, London, 31 Mei 1959
The Times, London, 2 Jun 1959.

TAMBAHAN (i)

TARIKH-TARIKH TANAH MELAYU YANG PATUT DIINGATI

- 1511 – Melaka ditakluk oleh orang Portugis.
- 1641 – Melaka ditakluk oleh orang Belanda dari orang Portugis.
- 1786 – Pulau Pinang diambil oleh Captain Francis Light bagi pihak Kompeni Inggeris.
- 1819 – Raffles menduduki Singapura bagi pihak Kompeni Inggeris.
- 1824 – Singapura terserah kepada Kerajaan Inggeris.
- 1824 – Melaka diserahkan kepada Kerajaan Inggeris oleh Kerajaan Belanda.
- 1829 – Melaka diserahkan kepada Kerajaan Inggeris oleh Kerajaan Belanda.
- 1829 – Pulau Pinang, Singapura, Melaka menjadi *Straits Settlements*.
- 1867 – Pucuk Pemerintahan *Straits Settlements* pindah dari Culcutta ke London.
- 1874 – Perjanjian Pangkor dibuat.
- 1874 – Residen pertama di Perak; Residen pertama di Selangor.
- 1875 – Residen pertama di Sungai Ujung (Negeri Sembilan).
- 1875 – J.W.W. Birch, Residen pertama Perak terbunuh.

- 1880 – ± Getah mula ditanam di Tanah Melayu.
- 1887 – Residen pertama di Pahang.
- 1896 – Negeri-negeri Melayu Bersekutu ditubuhkan antara Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
- 1909 – Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis bernaung di bawah kuasa Inggeris.
- 1909 – Majlis Mesyuarat Persekutuan mula diadakan.
- 1914 – Johor menerima Penasihat Inggeris.
- 1941, 8 Disember – Jepun menyerang Tanah Melayu.
- 1942, 15 Februari – Singapura menyerah diri kepada Jepun.
- 1945, 2 September – Jepun menyerah kalah.
- 1945, September – Pertadbiran Tentera Inggeris di Tanah Melayu.
- 1946, 1 April – Malayan Union ditubuhkan.
- 1948, 1 Februari – Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan menggantikan Malayan Union.
- 1948, 18 Jun – Keadaan Darurat di Persekutuan diisytiharkan.
- 1951, Pemerintahan cara bermenteri diadakan.
- 1951, Oktober – Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris terbunuh.
- 1955, 27 Julai – Pilihanraya Persekutuan yang pertama diadakan.
- 1955, Disember – Rundingan Baling di antara Kerajaan dengan Ketua Komunis, Chin Peng diadakan.
- 1956, 18 Januari – 8 Februari – Rundingan kemerdekaan di London.
- 1957, 11 Julai – Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu disahkan oleh Majlis Mesyuarat Undangan.
- 1957, 3 Ogos – Pilihan Yang Dipertuan Agung yang pertama diadakan.
- 1957, 5 Ogos – Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu meng-

hapuskan kedaulatan Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu ditandatangani.

- 1957, 30 Mei — Pilihanraya di Singapura mengikut Perlembagaan baharu.
- 1959, Mei dan Jun — Pilihanraya Negeri-negeri yang pertama selepas Merdeka.
- 1959, 3 Jun — Perlembagaan baharu Singapura mula berjalan.
- 1959, 5 Jun — Parti Tindakan Rakyat mula memerintah di Singapura.
- 1959, 19 Ogos — Pilihanraya memilih ahli Dewan Rakyat.
- 1959, 12 September — Parlimen yang pertama dibuka oleh Yang Dipertuan Agung.
- 1959, 3 Disember — Yang Dipertuan Negara Singapura dilantik.
- 1960, 1 April — Yang Dipertuan Agung I mangkat.
- 1960, 14 April — Yang Dipertuan Agung II dipilih.
- 1960, 1 September — Yang Dipertuan Agung II mangkat.
- 1960, 21 September — Yang Dipertuan Agung III dipilih.

TAMBAHAN (ii)

(Terjemahan)

Contoh Undang-undang Perbekalan
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
Undang-undang Parlimen
Bilangan 14 Tahun 1959

UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (1960), 1959

Satu Undang-undang untuk menggunakan sejumlah wang daripada Wang Kumpulan Negara bagi perkhidmatan tahun 1960 dan menguntukkannya kerana tujuan-tujuan yang tertentu.

(1 Januari 1960)

ADALAH DIKANUNKAN oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang di Parlimen, dan dengan hak kuasa mereka, seperti berikut:-

1. Undang-undang ini bolehlah disebut Undang-undang Perbekalan (1960), 1959, dan akan berjalan kuat kuasanya pada 1 Januari, 1960.

2. (1) Pengeluaran wang yang berjumlah tidak lebih daripada enam ratus tujuh puluh lima juta tujuh ratus dua puluh tiga ribu lapan puluh satu ringgit (\$675,723,081) daripada Kumpulan Wang Negara untuk perkhidmatan bagi tahun 1960 adalah dibenarkan.

(2) Jumlah Wang yang tersebut diuntukkan bagi tujuan seperti yang disebut di dalam Jadual.

JADUAL

Bahagian	Nama	\$
1. Parlimen	1,493,915
2. Majlis Raja-raja	80,295
3. Juru Odit Negara	1,882,887
4. Suruhanjaya Pilihanraya	1,340,349
5. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	571,414
6. Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi	93,647
7. Perdana Menteri	2,662,131
8. Siaran Radio	4,137,605
9. Pejabat Perjawatan Persekutuan	13,437,507
10. Penerangan	6,603,665
11. Penyimpan Rekod Kerajaan	48,100
12. Muzium	127,648
13. Jabatan Perangkaan	627,814
14. Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama	5,819,416

Bahagian	Nama				\$
15.	Pertanian	3,588,271
16.	Kemajuan Kerjasama	2,522,011
17.	Parit dan Taliair	1,961,883
18.	Perikanan	943,385
19.	Perhutanan	1,322,379
20.	Jabatan Haiwan	1,110,749
21.	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan	2,896,157
22.	Kementerian Pertahanan	3,174,740
23.	Tentera Darat	66,386,495
24.	Tentera Laut Diraja dan lain-lain	6,719,095
25.	Tentera Udara Diraja dan lain-lain	4,672,719
26.	Tentera Tempatan	5,319,826
27.	Polis	94,082,620
28.	Kementerian Pelajaran	174,621,139
29.	Kementerian Luar Negeri	5,038,019
30.	Jabatan Orang Keluar Masuk (Imigresen)	1,096,434
31.	Jabatan Haji	116,270
32.	Perbendaharaan	11,805,495
33.	Pemberian Kepada Kumpulan Wang Yang Ditubuhkan Oleh Undang- undang	23,050,000
34.	Bayaran Hutang Negara	4,841,342
35.	Kastam Dan Bia	10,465,096
36.	Pengawal Besar Cukai Pendapatan	94,825
37.	Hasil Dalam Negeri	2,801,129
38.	Kementerian Kesihatan Dan Kebajikan Masyarakat	79,794,543
39.	Pencen Dan Saguhati	8,466,156

Bahagian	Nama			\$
40.	Kebajikan Masyarakat	4,030,813
41.	Menteri Dalam Negeri	1,337,997
42.	Hal Ehwal Orang Asli	1,952,677
43.	Jabatan Kimia	782,925
44.	Perkhidmatan Bomba	155,064
45.	Kerajaan Tempatan	53,278
46.	Jabatan Cetak	3,426,448
47.	Penjara	5,516,578
48.	Pendaftaran	3,915,547
49.	Jabatan Perancang Bandar dan Kampung	286,231
50.	Kementerian Keadilan	99,528
51.	Keadilan (Mahkamah)	4,035,549
52.	Peguam Negara	887,434
53.	Pendaftar-pendaftar Syarikat, Kesatuan Sekerja Persatuan dan lain-lain	737,182
54.	Penyimpan Amanah Dan Harta Musuh...	413,514
55.	Kementerian Buruh	370,958
56.	Buruh Dan Perhubungan Perusahaan	2,474,379
57.	Jabatan Kejenteraan	456,895
58.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5,369,999
59.	Pesuruhjaya Tanah	514,023
60.	Kemajuan Kampung	741,303
61.	Jabatan Kajibumi	1,018,496
62.	Lombong	1,275,430
63.	Ukur	10,239,036
64.	Kementerian Pengangkutan	210,543
65.	Penerbangan Awam	1,702,809
66.	Jabatan Cuaca	436,823

Bahagian	Nama			\$
67.	Jabatan Laut	2,147,191
68.	Pemeriksaan Kapal Laut	42,102
69.	Pengangkutan Jalan Raya	2,605,460
70.	Kementerian Kerja Raya Pos Dan Telekom	154,622
71.	Perkhidmatan Pos	13,834,098
72.	Kerja Raya	6,536,625
73.	Perbelanjaan Ulang Tahunan Kerja Raya	21,852,000
74.	Telekom	20,292,263
JUMLAH =				<u>675,723,081</u>

INGATAN:

Angka-angka yang diberi di atas menjadi anggaran kasar sahaja. Butir-butir yang halus terkandung di dalam Anggaran Perbelanjaan yang dimajukan kepada Parlimen bersama-sama dengan Rang Undang-undang ini.

TAMBAHAN (iii)

BUKU-BUKU YANG DIGUNAKAN

Isi buku ini berasas kepada beberapa buah buku, perlembagaan penyata, majalah, buku undang-undang dan suratkhobar. Setengah daripada nama buku-buku ini ada tertulis di kaki muka surat buku ini. Buku-buku yang lain yang telah digunakan ialah:-

1. *Penyata-penyata Tahunan Persekutuan Tanah Melayu* bagi tahun 1955, 1956 dan 1957; Government Printer, Kuala Lumpur.
2. *Penyata-penyata Tahunan Singapura* bagi tahun 1956, 1957, 1958; Government Printing Office, Singapura.
3. *Malayan Constitutional Documents*, disusun oleh R.H. Hickling, Government Printer, Kuala Lumpur, 1958.

4. *The Singapore (Constitution) Order-in-Council*, 1958; Government Printing Office, Singapura.
5. *The Courts Ordinance*, 1948, Government Printer, Kuala Lumpur.
6. Perlembagaan-perlembagaan Negeri.
7. *Constitutional Law*; Wade and Philips, London, 1957.
8. *The British Constitution*; Sir Ivor Jennings, Cambridge University Press.
9. *Constitutional Development in the Commonwealth*; Central Office of Information, H.M. Stationery Office, London, 1957.
10. *Local Government in Malaya*; W.C. Taylor, Kedah Government Press, Alor Star.
11. *History of Malaya*; R.O. Winstedt, Luzac, London, 1949.
12. *British Rule in Eastern Asia*; L.A. Mills. Oxford University Press, 1942.
13. *Malaya - A Political and Economic Appraisal*; L.A. Mills, Oxford University Press, 1958.
14. *The Substance of Politics*; A. Appadorai, Oxford University Press, 1954.
15. *The Book of English Law*; Edward Jenks, London, 5th Edition, 1956.